Koleksi Akbar Tun
Abdul Razak

Berita Harian 1975

18.7.75 Berita Harian

: *PROJEK MALAYSIA KETIGA...*

Negeri2 kurang maju di utama

PASIR PUTIH (Kelantan), Khamis.

TUN Abdul Razak hari ini berikrar, Rancangan Malaysia Ketiga akan memberi keutamaan terhadap negeri-negeri kurang maju seperti Kelantan, Trengganu, Kedah dan Perlis supaya mereka tidak ketinggalan.

Katanya, negeri-negeri ini hanya boleh dimajukan dengan perusahaan-perusahaan yang berasaskan pertanian kerana kalangan swasta tidak mahu datang untuk mendirikan kilang-kilang kerana negeri-negeri ini tidak mempunyai kemudahan saperti pelabuhan.



Oleh yang demikian, langkah-langkah mesti diambil untuk membuka tanah-tanah yang belum dibuka di negeri-negeri ini untuk tujuan-tujuan perusahaan berasaskan pertanian.

Contohhnya, Bank Dunia telah mengkaji keadaan tanah di Ulu Kelantan dan diharapkan satu rancangan tanah raksaksa seperti Pahang Tenggara dan Trengganu Tengah akan dapat diusahakan di daerah tersebut.

Puashati

Perdana Menteri menyebut hal-hal ini ketika berucap merasmikan bangunan tambahan Masjid Ibrahimi di sini pagi ini. .

Turut hadir dimajlis tersebut, Menteri Tanah Galian dan Tugas Khas, Datuk Haji Mohamed Asri Muda, Menteri Besar, Datuk Haji Mohamed Nasir, Timbalan Menteri Besar, Encik Wan Ismail bin Wan Ibrahim dan Pengerusi Petronas dan ahli parlimen Ulu Kelantan, Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah.

Kata Tun Razak, umumnya beliau puashati dengan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua yang berakhir tahun ini. Tetapi di samping itu kata beliau ada ramai lagi rakyat yang tinggal dalam keadaan daif.

Beliau kemudian me-

● MUKA 14 ruang 4

Pembangunan negeri2 akan diberi perhatian berat—Tun

★ DARI MUKA 1

nyebut kalau dibandingkan dengan kemajuan di Selangor atau Johor, Kelantan, Trengganu, Kedah, Perlis dan juga Pahang masih lagi ketinggalan.

Oleh itu Rancangan Malaysia Ketiga nanti akan memberi perhatian berat terhadap pembangunan negeri - negeri tersebut.

Sementara itu sewaktu berucap di akhir majlis taklimat di pejabat daerah Tun Razak mengulangi hasrat kerajaan untuk membuka rancangan-rancangan tanah yang besar supaya tanah-tanah diberikan kepada mereka yang tidak bertanah.

Beliau mengarahkan kerajaan-kerajaan negeri supaya merangka perusahaan - perusahaan berasaskan pertanian untuk menampung hasil berlebihan yang didapati oleh petani-petani berikutan dengan pelancaran Rancangan Buku Hijau.

Ketika berucap dipembukaan Masjid Ibrahimi Tun Razak juga menegur pihak - pihak berkenaan yang terlalu bergantung kepada kerajaan dalam projek-projek pembinaan masjid.

Kata Tun Razak: "Bila-bila sahaja saya merasmikan pembukaan sebuah masjid, permintaan peruntukan tambahan selalu sahaja saya dengar."

Menurut beliau, belanja menyelenggara sesuatu masjid hendaklah ditanggung oleh penduduk-penduduk sendiri secara berpakat dan bergotong royong. Amalan datuk nenek di zaman dulu hendaklah dihidupkan semula, kata Tun Razak.

Menurut Tun Razak tahun ini sahaja, kerajaan menguntukkan $6 juta untuk pembinaan masjid, surau dan sekolah sekolah ugama dan Kelantan sahaja mendapat $720,000.

Baru-baru ini $360,000 juga telah diuntukkan untuk membina lapan buah masjid di Kelantan.

Tun Razak bersetuju memberi keutamaan mengenai pembinaan sebuah pasar baru di Pasir Putih yang dianggarkan menelan belanja $1 juta.

Berita Harian 18 Julai 75.

Tun hurai peranan — badan2 dan ejensi2 kerajaan

KOTA BAHRU, Khamis — Tun Abdul Razak menegaskan badan-badan berkanun dan ejensi-ejensi Kerajaan ditubuhkan BUKAN untuk menyaingi peniaga dan pengusaha Bumiputera.

Badan-badan dan ejensi-ejensi Kerajaan ini sebaliknya bertanggungjawab menyediakan kaum Bumiputera menyertai lapangan perniagaan dan perindustrian secara lebih aktif lagi tegas beliau.

Berucap di majlis makan malam Dewan Perniagaan dan Perindustrian Melayu Kelantan di sini, Perdana Menteri berkata matlamat 30% penyertaan Bumiputera dalam kegiatan ekonomi di negara masih jauh lagi.

Untuk sementara waktu, badan-badan berkanun dan ejensi-ejensi Kerajaan akan mengambil bahagian dalam bidang-bidang tertentu di mana kaum Bumiputera belum sanggup mengambil bahagian sepenuhnya.

Mandat

"Mereka hanya memegang mandat sementara.

"Apabila sampai masanya diharap penyertaan secara langsung akan berjalan dan tidak lagi melalui ejensi-ejensi Kerajaan," katanya.

Di samping itu, sebuah buku khas mengenai panduan pelaburan untuk Bumiputera telah diusahakan oleh FIDA dan ini kata Tun Razak, akan memberi bantuan besar kepada pelabur-pelabur Bumiputera.

Kata Perdana Menteri, Kerajaan sedar untuk mencapai matlamat ini, tidaklah dapat mengharapkan sektor swasta semata-mata melainkan Kerajaan sendiri mengambil bahagian yang cergas.

Dalam hubungan ini, Kerajaan telah menubuhkan beberapa ejensi seperti UDA, Pernas, MARA, Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan lain-lain bertujuan menggiatkan penyertaan Bumiputera dalam kegiatan ekonomi negara.

Tetapi ejensi-ejensi ini tidak akan bersaing dengan masyarakat perniagaan dan perindastrian Bumiputera sebaliknya bertanggungjawab menyediakan mereka dengan aktif dalam bidang-bidang berkenaan, tegas beliau.

Terdahulu dari itu Tun Razak mengumumkan warganegara yang berumur antara 18 hingga 55 tahun akan dikehendaki menyertai rancangan "Rukun Tetangga"

● MUKA 14 ruang 3

18·7·75 (B.H)

Setiap rakyat diminta berjaga2

★ DARI MUKA 1

yang akan dilaksanakan tidak lama lagi.

Menurut beliau, inilah satu-satunya cara yang berkesan bagi rakyat mempertahankan keselamatan dari ancaman komunis ataupun harta benda dari ancaman perompak penyamun.

Tegas Tun Razak, di bawah rancangan "Rukun Tetangga" ini, setiap rakyat dalam lingkungan umur tersebut dikehendaki menjaga kawasan masing-masing secara bergilir-gilir.

Perdana Menteri menyebut demikian ketika berucap minum teh di hadiri oleh 2,000 orang jemputan di halaman rumah Pengerusi PETRONAS, Tengku Razaleigh Hamzah di sini.


Beliau kemudian menyeru ibu-ibu bapa supaya mengawasi anak-anak mereka agar tidak terjerumus ke dalam jurang dadah.

Beliau mengadakan rundingan dengan tokoh-tokoh politik Barisan Nasional Kelantan di pejabat Setiausaha Negeri mengenai rancangan-rancangan pembangunan Kelantan, lebih-lebih lagi dalam masa menyediakan Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Di akhir pertemuan itu, Perdana Menteri memberitahu para pemberita beliau bersetuju dengan cadangan pemimpin-pemimpin politik Kelantan bahawa rancangan pembangunan mestilah dinikmati oleh semua daerah.

Tun Razak pulang ke Kuala Lumpur esok.

BERITA HARIAN, SABTU, 19 JULAI, 1975



★Perdana Menteri melihat plan Pusat Pengajian Islam Kelantan dekat Semerak kelmarin. Bersama beliau Datuk Haji Asri, Menteri Besar Kelantan, Datuk Muhamad Nasir dan Tengku Razaleigh Hamzah.



★Tun Razak (bertongkat) berjabat tangan dengan ramai orang yang menghantarnya ke Lapangan Terbang Pangkalan Chepa untuk pulang ke Kuala Lumpur pagi semalam.



★Perdana Menteri gembira melihat hasil tanaman rakyat Kelantan seperti durian dan betik yang dipamerkan dalam Pesta Kebudayaan dan Perdagangan Kelantan.

Tun Razak pulang lepas rasmi Pesta

KOTA BARU, Jumaat — Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, berlepas pulang ke Kuala Lumpur pagi tadi dengan Pesawat F28 TUDM selepas tamat melawat selama tiga hari ke Kelantan.

Selama tiga hari di sini beliau telah melawat berbagai tempat dan menghadiri majlis-majlis taklimat dan merasmikan bangunan tambahan Masjid Ibrahimidi Pasir Putih dan Masjid Kampung Jelawat di Bachuk.

Kemuncak dan paling meriah acara Perdana Menteri di sini ialah merasmikan Pembukaan Pesta Kebudayaan dan Perdagangan Kelantan di Padang Datuk Perdana di sini.

Pesta itu diadakan sebagai menyambut ulangtahun 131 terbinanya Bandar Kota Baru.

Dalam pesta itu diadakan berbagai pertunjukan kesenian dan hasil perusahaan termasuk hasil pertanian dan kerajinan tangan rakyat Kelantan.

Menghantar Perdana Menteri ke Lapangan Terbang Pengkalan Chepa ramai pembesar negeri termasuk Menteri Besar, Datuk Haji Mohamad Nasir dan Setiausaha Kerajaan, Datuk Nik Sulaiman Haji Nik Daud.

BERITA HARIAN, JUMAAT, 25 JULAI, 1975

Tun: Rakyat antara 18-55 tahun perlu mendaftar

Langkah kawal kawasan

TUN Abdul Razak mengumumkan hari ini, setiap rakyat negara ini yang berumur 18 hingga 55 tahun akan dikehendaki mendaftar diri bagi menjalankan tugas mengawal kawasan masing - masing di bawah "Rukun Tetangga" yang akan dikuatkuasakan tidak lama lagi.

Tun Razak berkata tidak kira hartawan mahupun buruh setiap orang lelaki yang menjadi rakyat negara ini, mesti mempunyai tanggungjawab sepenuh menjaga keselamatan rakyat dan negara ini.

"Setiap orang diperlukan menjalankan tugas itu baik ianya seorang hartawan mahupun buruh dan yang berpendapatan rendah," katanya.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita selepas mempengerusikan sidang bersama Jawatankuasa Keselamatan Kedah-Perak di sini pagi ini.

IPOH, Khamis

"Tujuan utama rukun itu memberikan setiap orang rasa tanggungjawab mengawal keselamatannya dan keselamatan tetangganya dengan bergilir-gilir mengawal kawasan masing-masing," jelasnya.

Perdana Menteri mensifatkan rancangan itu sebagai "yang terbaik" bagi menentang kegiatan komunis dan janayah.

Menurut Perdana Menteri, beliau bercadang melaksanakan rancangan itu mulanya dalam kawasan bandar dan pekan besar yang penduduk-penduduk dalam kawasan-kawasan seperti itu biasanya tidak menghiraukan sangat keselamatan dan kebajikan rakan tetangga mereka.

"Kita sering mendapati ramai yang melihat sahaja tanpa memberi sebarang bantuan bila jenayah berlaku di hadapan mata mereka.

"Tujuan utama rancangan itu ialah untuk menyemai semangat 'rukun tetangga' di setiap sanubari rakyat supaya mengawal dan mengambil berat keselamatan dan mengurangkan jenayah dalam kawasan mereka," katanya.

Perdana Menteri mengingatkan rakyat tentang keselamatan sebagai tanggungjawab bagi semua rakyat Malaysia.

"Dengan demikian maka menjadi tanggungjawab dan tugas suci dan murni bagi setiap rakyat negara ini bekerjasama dengan kerajaan untuk memberikan segala maklumat kegiatan komunis.

"Kami percaya pengganas-pengganas komunis tidak akan berulang semula dalam kawasan-kawasan yang para penduduk tempat-tempat itu tidak membantu mereka sedangkan mereka memerlukan pertolongan untuk hidup," kata Tun Razak.

Menjamin

Beliau menekankan untuk tujuan itu maka kalangan yang hidup mewah dan mendapat nikmat dalam negara ini tidak boleh berlepas tangan dari tanggungjawab yang berat bagi menjamin keselamatan negara ini.

"Sesiapa yang berlepas tangan dan cuba membantu pengganas-pengganas komunis kita sifatkan sama seperti pengganas-pengganas itu yang menjadi musuh rakyat dan negara.

"Golongan seperti itu akan kita kenakan tindakan yang wajar.

"Kita mesti ingat bahawa orang-orang yang menyokong pengganas komunis tidak boleh disifatkan sebagai rakyat yang taat setia kepada negara ini lagi," tegasnya.

Perdana Menteri gembira kerana keadaan keselamatan sekarang sudah dapat terkawal.

"Saya sangat gembira kerana kerajasama yang baik antara rakyat dan dengan pasukan keselamatan menghasilkan keselamatan di sempadan dapat dikawal sekarang.

"Pengganas-pengganas komunis akan hancur kerana kita mendapat kerjasama yang amat baik dari orang ramai.

"Dengan kerjasama orangramai, pasukan keselamatan telah berjaya menjumpai bekalan makanan dan ubat sim-

★ MUKA 12 ruang 9

BERITA HARIAN, JUMAAT, 25 JULAI, 1975



● *Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, sedang menyatakan sesuatu kepada Menteri Besar Perak, Tan Sri Haji Ghazali Jawi, sambil diperhatikan ole h Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie (kiri), dan Menteri Besar Kedah, Dato Sri Syed Ahmad Shahabuddin (kanan) dalam sidang Jawatankuasa Keselamatan Perak dan Kedah pagi semalam.*

Pengganas2 gunakan sempadan Perak-Kedah

★ DARI MUKA 1

panan pengganas-pengganas komunis dalam rimba di Ulu Perak," kata Tun Razak.

Beliau menerangkan, dari maklumat yang diterima dapat diketahui p e n g ganas-pengganas komunis menggunakan sempadan Kedah dan Perak dengan Thailand bagi menjalankan kegiatan pengkhianatan mereka.

Perdana Menteri memberitahu mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Perak - Kedah telah mengkaji langkah-langkah mengatasi masaalah keselamatan yang dihadapai bersama oleh kedua negeri itu.

Dalam sidang akhbar itu juga, Tun Razak mengumumkan Pegawai-pegawai Kemajuan akan dilantik bagi kampung-kampung baru untuk membantu berbagai jawatankuasa kemajuan dan keselamatan bagi kampung - k a m p u n g tersebut dari segala segi.

Menurutnya, setiap pegawai tersebut akan diberi tanggungjawab terhadap beberapa kampung baru.

Luluskan

Kerajaan telahpun meluluskan perlantikan 50 orang pegawai seperti itu di bawah Kementerian Perumahan dan Kampung Baru.

Perdana Menteri menjelaskan pengambilan calun bagi pegawai-pegawai tersebut, yang bertaraf hampir penghulu, akan dilakukan tidak lama lagi.

Mengenai sidang Jawatankuasa Sempadan itu, beliau gembira melihat kemajuan yang dicapai.

"Pengganas - pengganas komunis di negeri Perak telah melarikan diri menyeberang sempadan.

"Sekarang terpulang kepada penduduk - penduduk kampung itu sendiri, baik yang muda mahupun tua, membantu Kerajaan bagi mengekalkan keadaan demi kepentingan mereka.

Perdana Menteri memuji anggota - anggota Polis dan Tentera dengan bantuan orang-ramai dapat mencapai kejayaan tersebut.

Beliau menjelaskan sidang seperti itu diadakan sekurang - kurangnya dua bulan sekali dengan tujuan mengkaji cara-cara mengatasi masaalah - masaalah yang dihadapi oleh Perak dan Kedah menentang komunis yang sering melompat-lompat sekejap di Perak dan sekejap di Kedah.

Hadir

Hadir sama dalam sidang Jawatankuasa Keselamatan Bersama Perak-Kedah itu Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie; Menteri Perumahan dan K a m p u n g - Kampung Baru, Encik Michael Chen; Menteri Besar Perak, Tan Sri Haji Ghazali Jawi; Menteri Besar Kedah, Dato' Sri Syed Ahmad Shahabuddin; Ketua Turus Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Ibrahim Ismail; Ketua Polis Negara, Dato' Sri Hanif Omar; Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Encik Ishak Tadin, Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, Dato' Shaari bin Haji Mohd. Daud dan Ketua Turus Tentera Darat, Majer-Jeneral Datuk Mahmud Sulaiman.

Terdahulu dari itu ketibaannya di Lapangan terbang di sini untuk lawatan dua hari disambut oleh ramai pemimpin politik dan masyarakat.

Tan Sri Haji Ghazali Jawi mengetuai rombongan menyambut Tun Razak.

Sebaik sahaja Perdana Menteri turun dari pintu kapalterbang jet executive-serombongan anggota Wanita UMNO Perak merenjis air mawar dan menabur bunga rampai.

BERITA HARIAN, JUMAAT, 25 JULAI, 1975

TUN RAZAK INGATKAN KETUA2 JABATAN BERJIMAT

IPOH, Khamis. — Ketua-ketua jabatan kerajaan negeri seluruh negara telah diingatkan, s u p a y a menjimatkan belanja, kerana negara kita sedang mengalami kemerosotan ekonomi.

Ingatan ini telah dibuat oleh Perdana Menteri, Tun Abdul Razak ketika berucap dalam majlis taklimat pembangunan negeri dibilik gerakan negeri, di sini petang ini.

Majlis taklimat itu dihadiri oleh anggota-anggota Dewan Rakyat dan Negeri, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan pengurus-pengurus besar badan-badan berkanun.

Kata Tun Razak: "Selain dari jangan banyak membelanjakan w a n g kerajaan semua jawatan kerajaan yang kosong dalam jabatan-jabatan jangan di isi buat sementara."

"Mana-mana jawatan kerajaan yang telah ditawarkan jangan dinenuhkan dulu kerana Kerajaan Pusat tidak dapat memberi bantuan wang kepada kerajaan-kerajaan negeri buat masa ini," kata Tun Razak.

Kemerosotan

"Hal ini disebabkan kita mengalami kemerosotan ekonomi dunia dan negara kita tidak dapat berbuat apa-apa," kata Tun Razak lagi.

"Walaupun harga getah telah naik sedikit, tetapi harga bijih timah dan kelapa sawit merosot pula dan ini menyentoh ekonomi kita," tambah Tun Razak.

Tun menyeru kerajaan negeri mengutamakan pembinaan rumah murah kepada rakyat dan cuba membantu rakyat dengan rumah-rumah yang benar-benar murah.

Berita Harian 25 Julai 75.

Sabah: Saya ikuti dengan teliti

—TUN

IPOH, Khamis. — Perdana Menteri Tun Abdul Razak berkata hari ini beliau memerhatikan keadaan politik di Sabah dengan teliti dan akan membuat kenyataan pada masa yang sesuai.

"Keadaan pada masa ini tenang, walaupun kempen selar-menyelar terus berjalan di sana," katanya.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita bersabit dengan perkara itu, selepas mempengerusi mesyuarat bersama Jawatankuasa Keselamatan Negeri Perak dan Kedah di di sini tengahari tadi.

Mengesahkan

Beliau juga mengesahkan bahawa permohonan USNO dan BERJAYA untuk menyertai Barisan Nasional akan dibincangkan dalam mesyuarat akan datang Dewan Tertinggi Barisan itu tidak lama lagi.

Tun Razak berkata: "Kita mengamalkan demokrasi berparlimen di negara ini dan dengan demikian sebarang kumpulan rakyat berhak menubuhkan parti politik yang sah bagi mengamalkan demokrasi itu.

"Ini adalah hak setiap warganegara dan kita pun ada pembangkang dalam Parlimen."

Beliau kemudian menjelaskan bahawa amalan itu perkara biasa.

Sambil berseloroh dan ketawa Perdana Menteri berkata: "Tetapi saya tidak mengerti mengapa orang terlalu heboh dengan apa yang berlaku di Sabah sekarang."

Sementara itu, di Kota Kinabalu Setiausaha Agung BERJAYA, Haji Mohd. Noor Mansoor, berkata hari ini bahawa partinya kini mempunyai 10 bahagian di seluruh Sabah.

Bahagian-bahagian itu Sandakan, Beluran, Bukit Garam, Labuan, Sipitang Elupora, Penampang, Moyog dan termasuk Tanjung Aru di Kota Kinabalu dan Keningau.

Sambutan

Beliau menerangkan, BERJAYA akan menubuhkan bahagian dan cawangan-cawangan di Papar, Tambunan dan Beaufort minggu ini.

Haji Mohd. Noor menjelaskan, sambutan orangramai terhadap partinya begitu menggalakkan dan beliau yakin lebih ramai akan tampil menyokongnya.

Mengulas usul Kerajaan Negeri yang akan dibentangkan di sidang Dewan Negeri akan datang bahawa soal pemisahan atau penarikan diri Sabah daripada Malaysia tidak boleh dibincangkan, beliau berkata:

"Usul seperti itu memang tidak perlu kerana kedudukan Sabah dalam Malaysia terjamin di sisi Perlembagaan.

"Sabah tidak dapat memutuskan untuk keluar daripada Malaysia kerana ia tidak mempunyai suara terbanyak dalam Parlimen.

Mengkaji

"Daripada 154 ahli dalam Dewan Rakyat, seramai 16 orang sahaja dari Sabah," katanya.

USNO pula menyatakan hari ini, Jawatankuasa Tatatertib dan pemecatannya akan bersidang tidak lama lagi.

"Jawatankuasa itu akan mengkaji kedudukan beberapa orang pemimpin peringkat tertinggi dan peringkat bahagian yang menyeleweng baru-baru ini dan kemudiannya menemui Yang Dipertua USNO, Tun Datu Mustapha, untuk rujuk kepada USNO semula," kata Setiausaha Agung parti itu, Datu Alauddin bin Datu Harun.

Beliau menegaskan bahawa perkara pemecatan atau penerimaan kembali seseorang yang telah dipecat atau yang telah keluar dari USNO ialah hak Majlis Tertinggi USNO.

Masaalah

"Segala keputusan Jawatankuasa Tatatertib dan Pemecatan yang akan bersidang itu akan dipertimbangkan oleh Majlis Tertinggi USNO," katanya.

Di KUALA LUMPUR, PAS berharap satu penyelesaian yang sebaik-baik dan sebijak-bijak dapat dilakukan bagi menyelesaikan masaalah perkembangan politik di Sabah sekarang.

"Penyelesaian tersebut hendaklah dilakukan segera demi kepentingan nasional dan keutuhan politik negara," kata

★ MUKA 12 ruang 9

Penyelesaian dapat dilakukan dengan baik

★ DARI MUKA 1

Setiausaha Agung PAS, Haji Hassan Shukri, hari ini.

Beliau khuatir jika penyelesaian tidak dapat dilakukan segera ia boleh menjejaskan politik negara dan juga Barisan Nasional yang memerintah negara ini.

"PAS sebagai rakan Barisan Nasional seperti juga yang lain memandang berat perkara yang berlaku di Sabah sekarang.

"Kerana itu kami berharap satu penyelesaian yang sebaik-baik dan sebijak-bijaknya dapat dilakukan supaya apa yang berlaku di Sabah itu tidak akan berterusan," kata beliau.

Beliau berkata, PAS berharap pemimpin Barisan Nasional memandang berat apa yang sedang berlaku di Sabah sekarang.

Bagaimanapun setiap keputusan yang diambil hendaklah tidak akan merugikan keutuhan nasional negara, katanya.

Haji Hassan berkata, PAS sependapat dengan Pemuda UMNO Malaysia mengenai kedudukan politik di Sabah itu.

Pemuda UMNO dalam sidangnya semalam mengambil dua ketetapan mengenai perkara tersebut.

- Berharap pemimpin-pemimpin Barisan Nasional di semua peringkat dapat menyelesaikan masaalah perkembangan politik di Sabah itu seberapa segera.

- Berharap semua akhbar-akhbar dalam negara ini membuat lapuran yang jelas sebagai panduan rakyat.

Pergerakan itu berpendapat,, masaalah ini dibuat memandangkan adanya anasir-anasir komunis yang sentiasa menghadapkan perpecahan untuk mencapai matlamat mereka.

BERITA HARIAN, SABTU, 26 JULAI, 1975

Tun: Bina rumah benar2 untuk rakyat

IPOH, Jumaat. — Perdana Menteri, Tun Abdul Razak telah menegur kerajaan Perak dan Perbadanan Kemajuannya, yang mengutamakan pembinaan rumah-rumah mahal untuk rakyat.

"Saya mahu kerajaan Negeri membina rumah-rumah murah yang betul murah untuk rakyat, tapi kalau rumah berharga $10,000 dan $12,000 bukanlah murah namanya.

"Rakyat yang terdiri daripada buruh-buruh dan orang-orang kampung yang berpendapatan seratus dua ratus ringgit sebulan, tidak mampu membeli rumah seperti itu.

"Kerajaan dan perbadanan hendaklah menumpukan usaha memberi tanah kepada rakyat untuk mereka membina rumah sendiri sekadar yang mereka upaya," seru Perdana Menteri.

Mendirikan

Tun Razak menegaskan usaha mendirikan rumah-rumah kayu hendaklah dijalankan.

Perdana Menteri telah menegur Kerajaan Negeri dan Perbadanan, setelah mendengar rancangan perumahan perbadanan yang diberikan oleh pengurus besarnya, Encik Ariffin Said, di Bilik Gerakan di sini hari ini.

Beliau berkata, tidak lama lagi beliau akan datang lagi ke Perak, untuk melihat adakah rancangan perumahan dan memberi tanah kepada rakyat dijalankan.

Mengenai rancangan Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri hendak menanam kelapa secara besar-besaran di Seberang Perak, Tun Razak menggesa perbadanan itu berfikir sedalam-dalamnya sebelum projek itu dijalankan.

"Slow sedikit, kerana kelapa kurang laku sekarang dan pekebun-pekebun kecil kelapa di Hilir Perak telah mengalami keadaan harga kelapa merosot," kata Tun Razak.

BERITA HARIAN, SABTU, 25 JULAI, 1975

Langkah tegas perlu untuk bantu B-putra dalam ekonomi

— TUN

IPOH, Jumaat

TUN Abdul Razak hari ini berkata, langkah tegas dan lebih menyeluruh perlu diambil segera untuk membantu Bumiputra dalam kegiatan-kegiatan ekonomi.

Kata Tun Razak: "Dahulu kita percaya iaitu penyertaan Bumiputra secara aktif dalam kegiatan ekonomi negara tidak dapat dilaksanakan kerana kekurangan modal.

"Berasaskan pendapat itu maka Kerajaan telah menubuhkan bebe-

rapa badan khas untuk memberikan pinjaman seperti Mara dan bank-bank syarikat kerjasama.

"Akan tetapi telah didapati, ini tidak dapat menggerakkan Bumiputra secara aktif malah keadaan tidak berubah dan masaalah-masaalah semakin bertambah."

Tun Razak membangkitkan hal-hal ini ketika berucap merasmikan Seminar Ekonomi Bumiputra di Dewan Santapan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, di sini.

Perdana Menteri berharap seminar seperti ini akan berjalan dalam suasana dan keadaan yang boleh memberi kebaikan dan menafaat kepada semua pihak.

"Janganlah dijadikan seminar ini sebagai satu foram untuk mengkritik satu sama lain, kecuali kritik membina," tegas beliau.

Menurut Tun Razak, setelah adanya tenaga mahir Bumiputra dan selepas Kongres Ekonomi Bumiputra pertama dulu, maka sikap dan cara pendekatan atau "approach" mestilah diubah.

Masaalah - masaalah ini tidak boleh lagi dihadapi secara sedikit-sedikit atau piecemeal, atau dengan memerhatikan kepada sesuatu sudut sahaja, kata beliau.

"Kita tidak dapat mencapai kejayaan selagi kita lakukan secara berasingan dan tidak serentak menghadapi masaalah ini.

Berasingan


"Pengalaman dari tindakan yang kurang tepat ini memerlukan kita menggubal pendekatan atau approach yang lebih menyeluruh iaitu tindakan yang dipersatukan atau integrated approach, bagi mengatasi masaalah-masaalah yang timbul," kata beliau.

Katanya lagi, Kerajaan telah menyediakan rancangan dan gerakan yang meliputi segala aspek supaya masaalah yang dihadapi dapat diatasi dengan jayanya.

Tun Razak juga menyentuh soal modal, kemahiran, pengalaman dan lain-lain hendaklah dikaji sebagai persoalan yang kait mengait.

Begitu juga proses untuk menyediakan semua ini tentu ada kelemahan - kelemahannya. Ini semua akan dapat diatasi asalkan semua pihak memahami latar-

MUKA 12 ruang 4



● *Tun Abdul Razak menyampaikan amanatnya di pembukaan Seminar Ekonomi Bumiputra, Perak, di pejabat Setiausaha Kerajaan di Ipoh, semalam. — Gambar Berita Harian.*

★ DARI MUKA 1

$250j saham untuk B-putra

belakang dan persoalan yang dihadapi.

"Sebaliknya, kalau semangat yang ada itu hanya hendak menghentam maka sudah tentu persoalan akan tinggi persoalan dan kelemahan akan tinggal sebagai kelemahan,'" katanya.

Tun Razak kemudian menyebut langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membantu Bumiputra dalam kegiatan ekonomi seperti kajian oleh Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan atau FIDA atas projek-projek Bumiputera dengan tujuan menentukan samada projek itu sesuai atau tidak.

"Saya harap pengusaha-pengusaha Bumiputra akan menggunakan kemudahan ini dengan sepenuhnya."

Tun Razak menyatakan juga, dalam tahun 1974, dari sejumlah $759.1 juta saham projek yang diluluskan $250.71 juta iaitu sebanyak 33 peratus adalah dikhaskan untuk Bumiputra.

Bagi empat bulan pertama tahun ini, dari sejumlah $188.71 juta saham projek yang diluluskan $60.9 juta atau 32.9 ratus adalah dikhaskan untuk Bumiputra.

Selain daripada itu, syarat-syarat tentang penggunaan tenaga kakitangan latihan dan lain-lain dikenakan terhadap syarikat-syarikat tersebut supaya memenuhi matlamat Kerajaan, katanya.

Kata Tun Razak, usaha membawa kilang-kilang perusahaan ke negeri-negeri kurang maju juga telah mula berjaya.

Umpamanya, dalam tahun 1971 hanya 51 projek atau 16.8 dari projek-projek yang diluluskan terdapat di negeri-negeri kurang maju iaitu Pahang, Melaka, Trengganu, Kelantan, Sarawak, Sabah, Perlis dan Negeri Sembilan.

Tahun 1972, terdapat 73 projek atau 20-5 peratus tahun 1973 118 projek atau 24.9 peratus dan tahun lepas, sebanyak 123 projek atau 25.14 peratus.

Bagi tahun ini, setakat bulan Mei lalu, sudah ada 154 projek yang diluluskan untuk negeri-negeri ini, tegas Tun Razak.

Begitu juga, dalam usaha menggalakkan bumiputera di bidang ekspot impot, Kerajaan telah mengeluarkan lesen-lesen impot bagi barang-barang yang dikawal yang dasarnya ialah memperuntukkan sekurang-kurangnya 30 peratus daripada had qota yang ada kepada bumiputera.

Kata Tun Razak, pengimpot Bumiputera bukan sahaja digalakkan mengimpot barang-barang terkawal, tetapi juga barang-barang bebas dari qota.

Perdana Menteri menjelaskan lagi, badan-badan berkanun bukan bertujuan menandingi usaha-usaha persendirian bumiputera.

28 Julai, 1975

BERITA HARIAN, SELASA, 29 JULAI, 1975



● *Tun Razak disambut meriah waktu beliau tiba untuk merasmikan Institiut Latihan Perindastrian di Prai, Pulau Pinang, semalam.*

Di belakang beliau ialah Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, Datuk Lee San Choon dan kanan sekali ialah Menteri Perhubungan Tan Sri V. Manickavasagam. — Gambar Berita Harian.

'Latihan vokesyenal diberi nafas baru'

PRAI, Isnin. — Latihan vokesyenal akan diberikan nafas baru dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan untuk maksud ini, pegawai-pegawai akan dihantar keluar negeri bagi mengkaji cara-cara latihan vokesyenal yang berjaya, demikian menurut Tun Abdul Razak, hari ini.

Katanya, rombongan ke luar negeri itu terdiri dari wakil-wakil Kerajaan, pihak majikan dan juga dari kalangan pekerja.

Tun Razak juga menyatakan, satu jawatankuasa pegawai-pegawai juga telah ditubuhkan di peringkat kebangsaan bagi menyelaraskan latihan vokesyenal.

Langkah ini ialah supaya latihan jenis ini sejajar dengan kehendak dan keperluan matlamat Dasar Ekonomi Baru negara.

Tun Razak menyebut hal-hal ini ketika berucap dipembukaan Institiut Latihan Perindastrian di sini. Kerajaan Persekutuan Jerman turut membantu dalam pembinaan institiut itu.

Kata Tun Razak, rombongan ke luar negeri itu akan mengkaji sistem dan corak latihan yang diselenggarakan bentuk pentadbiran dan kewangan dan peranan sektor swasta dalam latihan serupa ini.

"Bila kembali kelak rombongan ini diharapkan memberi nasihat kepada Kerajaan dalam semua aspek latihan vokesyenal," katanya lagi.

Gembira

Tun Razak gembira dengan penubuhan Lembaga Latihan Perindastrian dan Persijilan Ketukangan Kebangsaan (NITTCB) yang sekarang bertanggungjawab dalam semua peperiksaan vokesyenal.

Kerajaan telahpun menetapkan, semua ajensi latihan Kerajaan seperti institiut ini, Institiut Kemahiran Mara, sekolah-sekolah vokesyenal Kementerian Pelajaran dan pusat latihan belia di Dusun Tua mestilah menduduki ujian NITTCB ini.

"Dengan adanya sijil NITTCB ini maka pihak swasta tidaklah akan merasa was-was kerana semua mutu dan sukatan pelajaran adalah dirangka oleh pihak swasta sendiri dan para pemeriksa juga dari pihak swasta kerana penyertaan mereka di dalam NITTCB itu," katanya lagi.

Syukurlah sijil NITTCB ini telah mula diakui oleh semua pihak, terutama sektor swasta dan pada masa ini ramai pelatih yang memegang sijil NITTCB ini telah bekerja, tegas Tun Razak.

Tun Razak memuji Institiut tersebut kerana telah berjaya mengeluarkan siswazahnya sejak tahun 1973 dan kebanyakannya sudah berpekerjaan.

Beliau kemudian menyeru pihak swasta supaya mengambil lebih ramai lagi siswazah keluaran institiut itu, dan begitu juga kilang-kilang yang masih berusaha mensaimbangkan kedudukan pekerja mereka.

Selepas itu, Tun Razak melancarkan kapal ronda Tentera Laut Diraja, KD Jerong di Limbungan Hong Leong Lurssen, di Butterworth, dekat sini.

Dalam ucapannya, Tun Razak berkata, kejayaan limbungan itu adalah membuktikan negeri ini adalah berkebolehan dalam perusahaan dan penyelenggaraan dan pembinaan kapal.

Dengan adanya limbungan ini dan juga Limbungan Mara di Trengganu sebagai pelopor perusahaan ini, negeri ini dapat mengadakan pekerja-pekerja mahir di bidang itu.

Harian Nogos 75.



Semua jawatan baru dlm Kerajaan dibeku

Mesti dgn izin Kabinet

JABATAN-jabatan Kerajaan, badan-badan berkanun dan perbadanan-perbadanan awam hari ini diingatkan mereka tidak boleh memenuhkan sebarang kekosongan atau mewujudkan jawatan-jawatan baru tanpa mendapat kebenaran dari kabinet.

K. LUMPUR, Kha

Satu kenyataan dari Jabatan Perdana Menteri menyatakan bahawa badan-badan berkanun dan perbadanan-perbadanan awam juga telah diarah supaya tidak mengambil para pegawai kerajaan atau di kalangan mereka sendiri.

"Amalan ini adalah tidak adil dan tidak diingini di samping bertentangan dengan kepentingan negara, terutama memandangkan kedudukan kewangan dan ekonomi negara sekarang."

Di satu mesyuarat dengan para pengerusi badan-badan berkanun dan perbadanan-perbadanan awam di Bilik Gerakan Perdana Menteri hari ini, Tun Abdul Razak dan Timbalan Perdana Menteri, Dato Hussein Onn menegaskan kepada mereka tentang pandangan serius kerajaan terhadap keadaan kewangan negara.

Kerajaan, tambah kenyataan itu, memandang berat terutamanya tentang perbelanjaan jabatan-jabatan kerajaan yang semakin meningkat dan juga badan-badan kerajaan yang lain.

Bagaimanapun, menurut kenyataan itu langkah kerajaan itu adalah sementara, iaitu untuk menghadapi masaalah kewangan yang dihadapi sekarang.

Apabila keadaan bertambah baik, langkah-langkah tersebut akan disemak semula.

Pengumuman Kerajaan hari ini adalah kemuncak kenyataan - kenyataan mengenai hal itu yang dibuat oleh Tun Abdul Razak dalam lawatan beliau ke Kelantan dan Perak, baru-baru ini.

Berjimat

Antara lain, Tun Razak menyebut langkah berjimat ini perlu dijalankan di sebabkan harga eksport barang - barang utama seperti getah, bijih timah dan kelapa sawit masih tidak setinggi yang diharapkan.

Ketika berucap di Ipoh baru-baru ini, Tun Razak mengarahkan pegawai-pegawai Kerajaan supaya mengamalkan langkah berjimat cermat di jabatan masing-masing.

Pegawai - pegawai Kerajaan hendaklah mengkaji cara-cara bagi mengurangkan perbelanjaan selaras dengan kedudukan ekonomi sekarang.

Berita Harian 2 Ogos 75.

'Projek2 pembangunan kita tidak akan terjejas'

Pembekuan: Tun beri jaminan

KUALA LUMPUR, JUMAAT

LANGKAH membekukan jawatan-jawatan baru dalam perkhidmatan Kerajaan tidak akan melibatkan pelaksanaan projek-projek pembangunan, demikian menurut Tun Abdul Razak hari ini.

Beliau membuat penjelasan ini ketika berucap di mesyuarat pegawai-pegawai Negeri serta Ketua-Ketua Yunit Perancang Negeri di Bilik Gerakan, Jabatan Perdana Menteri, di sini.

Semalam Tun Razak mengarahkan jabatan-jabatan Kerajaan supaya jangan mewujudkan jawatan baru tanpa kebenaran Kabinet.

Langkah sementara ini ialah selaras dengan tindakan berjimat cermat sesuai dengan keadaan ekonomi negara sekarang.

Hari ini, Tun Razak menyatakan, pegawai-pegawai Kerajaan hendaklah bekerja lebih kuat supaya hasil kerja mereka lebih banyak tanpa mengeluarkan perbelanjaan yang banyak.

Di samping itu pula, usaha ini janganlah pula sampai menjejaskan kecekapan, kata Tun Razak.

Menurutnya lagi, usaha-usaha haruslah dipesatkan lagi untuk meninggikan taraf hidup rakyat di luar bandar.

Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri hendaklah juga menyelaraskan pelaksanaan semua rancangan pembangunan di tempat masing-masing.

Menyeru

"Rancangan - rancangan yang diluluskan mestilah dilaksanakan dengan segera supaya usaha merapatkan jurang ekonomi dapat dicapai dengan segera," kata Tun Razak.

Kepada pegawai-pegawai kanan Kerajaan Pusat di negeri-negeri, Tun Razak berkata mereka ini adalah bertanggungjawab mengawasi dan menyelaraskan semua jabatan Kerajaan dan badan-badan berkanun di peringkat negeri ataupun daerah.

Beliau juga menyeru pegawai-pegawai kemajuan Negeri supaya melawat ke daerah-daerah.

Segala masaalah haruslah diselesaikan dengan segera diperingkat daerah atau negeri supaya rancangan pembangunan tidak tergendala, tambah beliau lagi.

Pekeliling

Sementara itu, Bernama melaporkan Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengeluarkan surat pekeliling kepada semua jabatan Kerajaan, badan-badan berkanun dan Kerajaan - Kerajaan Negeri supaya membekukan semua pengambilan untuk memenuhi kekosongan atau mewujudkan jawatan baru.

Timbalan Ketua Pengarah jabatan tersebut, Encik Abdul Rahman Pilus memberitahu hari ini, surat pekeliling berkuatkuasa mulai hari ini.

Bagaimanapun, mereka yang ditawarkan jawatan kosong sebelum tarikh tersebut adalah tidak terlibat dengan surat pekeliling itu, jelasnya.

Menurutnya, surat pekeliling itu juga melarang sebarang iklan mengenai jawatan kosong dikeluarkan melainkan setelah mendapat kebenaran khas dari Perdana Menteri.

Berita Minggu, Ahad, 3 Ogos, 1975

BERITA HARIAN, ISNIN, 4 OGOS, 1975



Piala Perdana Menteri hadiah Tun Razak

PIALA Perdana Menteri dihadiahkan oleh YAB Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein, sebagai Piala Pusingan Peraduan Bahas Tahunan antara Sekolah-Sekolah Berasrama Penuh Semenanjung Malaysia.

Piala ini tingginya ialah 24 inci dengan perdu bulatan selebar 6½ inchi dan bertiang setinggi 16½ inci.

Bahagian atasnya ialah lapan bulan sabit (merupakan lapan buah sekolah pada awalnya) melambangkan lidah-lidah dan pecahan bulan-bulan sabit it uyang bercantum dihujungnya itu melambangkan mulut — anggota berpidato.

Rekabentuk bulan ini juga melambangkan bulatan dunia iaitu luasnya pengetahuan yang dikehendaki bagi seseorang yang hendak mengambil bahagian dalam peraduan bahas.

Rekabentuk Piala ini dilukis dan direka oleh Encik Baharuddin bin Kassim, seorang akitek dari Jurubina Bertiga, Petaling Jaya, Selangor.

Encik Baharuddin, seorang murid tua Kolej Melayu, Kuala Kangsar, terkenal dengan masterpiecenya — Rekabentuk Masjid Negara.

Harga Piala Perdana Menteri ini ialah $7,000.



● *Tun Razak sedang menyampaikan cek bernilai $300 kepada Zaihasra kerana sajaknya "Di Sini Waktu Yang Luka Sebuah Cinta Semakin Ungu" terpilih memenangi Hadiah Sastra 1974.*



● *Penulis skrip drama "Tok Perak", Syed Alwi, sedang menerima cek $3,000 daripada Tun Razak.*



Timbalan Menteri Halehwal Dalamnegeri, Datuk Samad Idris, Encik A. Samad Ismail (kanan), Pengarang Urusan The New Straits Times yang juga ahli Penal Hadiah Sastra 1974, Encik Mazlan Nordin, Ketua Pengarang Kumpulan Akhbar Utusan Melayu, A. Shukur Harun (membelakang kamera) sedang memperkatakan sesuatu.



Perdana Menteri, Tun Razak ketika menghadiri majlis penyampaian Hadiah Sastra di Holiday Inn, Kuala Lumpur malam kelmarin.

Bersama-sama Tun Razak, dari kiri: Tengku Ahmad Rithauddeen, Menteri Penerangan dan Tugas-Tugas Khas mengenai Halehwal Luarnegeri, Haji Sujak Rahiman, Ketua Pengarah DBP dan Datuk Abdullah Ahmad, Timbalan Menteri, Jabatan Perdana Menteri.

Berita Harian 4 Ogos 75.

200 sastrawan di upacara Hadiah Sastra

KUALA LUMPUR, Ahad. — Tun Abdul Razak menyampaikan hadiah-hadiah kepada 18 pemenang Hadiah Sastra 1974 yang berlangsung malam tadi di Holiday Inn.

Hampir 200 sastrawan, peminat seni dan para Menteri Kabinet, hadir menyaksikan upacara tahunan yang bersejarah itu.

Peluang

Talivisyen Malaysia telah membuat liputan secara langsung; memberi peluang kepada sastrawan-sastrawan dan para peminat sastra di serata negara menyaksikannya.

Perdana Menteri, dalam ucapannya, menyeru para penulis lebih gigih dalam bidang penulisan meskipun hadiah perseorangan tahun ini tidak ada yang menerimanya.

Surut

Mengenai kemerosotan mutu karya sastra menurut nilaian Penal Hadiah Sastra 1974 beliau menyebut, ilham para penulis memang ada pasang surutnya.

Beliau juga menegaskan, politik Malaysia semasekali tidak menyekat kebebasan para penulis, meskipun politik sesebuah negara menekan perkembangan kesusastraan.

Gembira

Perdana Menteri menyatakan rasa gembiranya kerana terdapat beberapa seniman sentiasa memberi sumbangan terhadap perkembangan sastra tanahair.

Berdasarkan ucapan beliau yang sentiasa bersimpati terhadap perkembangan sastra nasional, jelas bahawa pemberita-pemberita yang kebanyakannya tidak punya masa menghasilkan karya sastra kreatif, masih berpeluang memenangi hadiah nasional.

Hadiah Karyawarta seperti yang disebut oleh Tun Razak, diharapkan memberi perangsang kepada para penulis berita berbahasa Malaysia.



Tun Razak sedang menyampaikan cek bernilai $750 kepada wartawan-novelis A. Shukar Harun kerana cerpennya "Debu-Debu Kuala Lumpur" memenangi Hadiah Sastra 1974.

A. Shukur Harun yang pernah menghasilkan beberapa buah novel, skrip drama dan cerpen, kini bekerja di Berita Harian. — Gambar-gambar Berita Harian.

BERITA HARIAN, RABU, 6 OGOS, 1975

Pelawat2 asing: Kerajaan ketatkan kawalan

KUALA LUMPUR, Selasa. — Kawalan yang lebih ketat akan dikenakan ke atas orang-orang asing yang masuk ke negeri ini terutama sekali orang-orang Jepun, demikian dinyatakan oleh Tun Abdul Razak, hari ini.

Kenyataan Tun Razak ialah berikutan dengan kejadian anggota Tentera Merah Jepun (JRA) menyerang dan menawan pejabat konsular Kedutaan Amerika Syarikat di Bangunan AIA di sini, serta menahan kira-kira 50 orang sebagai tebusan.

Dalam sidang akhbar khas itu, Tun Razak memberi jaminan, keselamatan orang-orang yang menjadi tebusan itu adalah paling diutamakan, apabila langkah-langkah diambil untuk mengatasi masaalah tersebut.

Tindakan

Selain dari itu, Tun Razak juga menyebut:

Kejadian tersebut serta langkah - langkah yang diambil oleh Malaysia mau tidak mau tentu akan melibatkan hubungan Malaysia dan Jepun.

"Bagaimanapun, saya percaya Kerajaan Jepun akan memahami tindakan kita itu, sebab ini adalah satu perkara sirius," kata Tun Razak.

Dalam rundingan-rundingan yang dibuat dengan anggota JRA itu, mereka menyatakan bahawa mereka bukanlah menentang Malaysia atau rakyatnya.

Kerajaan mengucapkan setinggi-tinggi terimakasih kepada Duta Besar Jepun Encik Michiaki Suma serta pegawai-pegawai yang bekerjasama rapat dengan pegawai-pegawai Malaysia dalam hal ini.

Berkejar

Kerajaan akan mula berunding dengan anggota JRA itu sesudah sahaja tiba kapalterbang yang akan membawa mereka keluar dari negeri ini.

Kerajaan menganggap sirius kejadian tersebut kerana inilah kali pertama ia berlaku di negeri ini.

Kerajaan berharap masaalah ini akan dapat diselesaikan dengan aman secepat mungkin.

Sidang itu juga dihadiri oleh berpuluh-puluh wartawan luarnegeri yang berkejar ke sini semalam, sesudah sahaja kejadian itu berlaku.

Tun Razak menyatakan Kerajaan ada juga memikirkan soal menggempur tingkat sembilan bangunan AIA itu dalam usaha membebaskan orang-orang tebusan.

"Malangnya, tingkat sembilan itu hanya ada satu pintu yang sudahpun dikunci dari dalam," katanya.

"Di samping itu keselamatan 50 orang tebusan adalah dibimbangkan, kalau tindakan itu dijalankan," tegas beliau lagi.

Di awal sidang akhbar itu, Tun Razak telah memberikan laporan perincian mengenai kejadian tersebut yang bermula kira-kira jam 10.45 pagi semalam.

Sejurus lepas diberitahu tentang kejadian itu, Tun Razak berkata, beliau memanggil Duta Besar Jepun Encik Michiaki Suma serta Kuasausaha Kedutaan Amerika Encik Robert Dhillion bagi membincangkan langkah-langkah yang perlu diambil.

Tak lama kemudian, Tun Razak juga memanggil sidang tergempar Kabinet untuk merundingkan soal itu dan

★ MUKA 12 ruang 3

Tuntutan: Kerajaan Jepun dihubungi

★ DARI MUKA 1

tindakan yang perlu diambil.

Kabinet kemudian melantik Menteri Perhubungan Tan Sri V. Manickavasagam sebagai wakil Kerajaan untuk berunding dengan anggota-anggota JRA itu.

Beliau menggantikan Menteri Hal Enwal Dalam Negeri Tan Sri Ghazali Shafie yang waktu itu bercuti di Jakarta. Tan Sri Ghazali berkejar pulang dan mengambilalih tugas itu dari Tan Sri Manickavasagam.

Katanya lagi, Kerajaan Jepun kemudian dihubungi bagi menyampaikan tuntutan anggota JRA iaitu pembebasan tujuh orang rakan mereka yang dipenjarakan di Jepun.

"Saya gembira kerana Kerajaan memahami betapa siriusnya soal ini dan pihaknya sendiri memutuskan untuk membebaskan ketujuh-tujuh rakan mereka itu," kata Tun Razak.

Turut serta dalam sidang akhbar itu ialah Menteri Penerangan dan Tugas-Tugas Khas mengenai Hal Ehwal Luar, Tengku Ahmad Rithauddeen.

Ketika menjawab pertanyaan para pemberita, Tun Razak berkata, Kerajaan tidak tahu bilangan sebenar anggota JRA tersebut.

Kerajaan juga tidak dapat mempastikan bagaimana mereka masuk ke negeri ini.

Beliau kemudian menyebut akhir-akhir ini banyak sekali rombongan dari Jepun yang datang ke negeri ini seperti pasukan bolasepak Jepun dan pasukan Jepun untuk pertandingan menembak Asia.

Kata Tun Razak, Kerajaan juga tidak pasti bagaimana anggota JRA ini mendapat senjata "bagaimanapun sekarang ini bukan susah hendak mendapatkan senjata."

Tambahnya, setakat yang diketahui anggota JRA bertindak demikian hanya untuk membebaskan rakan-rakan yang dipenjarakan di Jepun itu.

Kata Tun Razak, anggota JRA itu tidak menyatakan lagi ke manakah mereka hendak pergi dengan kapalterbang DC-8 khas itu.

Kerajaan akan menerbangkan mereka ke mana sahaja mereka hendak pergi, kata Tun Razak.

Tun Razak berkata, beliau tidak tahu kenapa anggota JRA itu memilih Kuala Lumpur untuk menjalankan tindakan mereka itu.

BERITA HARIAN, KHAMIS, 7 OGOS, 1975

Tun arah ubahsuai sistem kredit pertanian

KUALA LUMPUR, Rabu.

TUN Abdul Razak hari ini mengarahkan sistem kredit pertanian diubahsuaikan segera supaya lebih ramai kaum peladang mendapat faedah darinya.

Kata Tun Razak, beliau belum puashati dengan sistem kredit pertanian yang berjalan sekarang.

Beliau kemudian mencadangkan supaya ditubuhkan jawatankuasa tetap di peringkat Kementerian bagi menyelaraskan pemberian kredit kepada peladang-peladang kecil yang menjalankan projek-projek kurang menguntungkan, tetapi mempunyai masadepan yang cerah.

Projek-projek itu hendaklah yang diusahakan oleh koperasi - koperasi peladang melalui usaha kumpulan atau pertanian secara berkelompok.

Berucap merasmikan Hari Peladang di Dewan Jamuan Bangunan Parlimen petang ini Tun Razak menyatakan, beliau tidak puashatinya dengan jumlah kredit yang disalurkan oleh institusi kredit Kerajaan dan institusi lain kepada peladang-peladang.



TUN RAZAK

Koperasi

Beliau mahu kredit pertanian dilanjutkan kepada lebih ramai peladang terutama di kawasan yang mempunyai ramai peladang menganggotai gerakan koperasi peladang.

Penyusunan semula sistem kredit pertanian itu adalah antara empat langkah yang digariskan oleh beliau dalam usaha membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat tani.

Tiga langkah lain ialah:

● Koperasi - koperasi peladang hendaklah menyediakan rancangan memulihkan sawah dan dusun serta mengusahakan ladang koperasi melalui percantuman tanah-tanah milik peladang.

Tun Razak berkata masih banyak tanah pertanian yang hasilnya kurang memuaskan dan beribu - ribu ekar tanah milik belum diusahakan.

Beliau menyeru ahli-ahli koperasi membenarkan tanah-tanah mereka yang belum diusahakan itu disatukan sebagai satu unit pengeluaran untuk diusahakan oleh koperasi peladang sebagai ladang koperasi.

Langkah tersebut sebagai satu streteji baru memesatkan pengeluaran pertanian.

● Mengadakan sebuah koperasi khas peladang-peladang khusus untuk mengedarkan peralatan jentera ladang bagi mengatasi masaalah kekurangan tenaga kerja ladang.

● Lembaga Pertubuhan Peladang hendaklah menyusun langkah membolehkan koperasi peladang sendiri mengendalikan pemasaran hasil - hasil pertanian.

Dalam hubungan ini Tun Razak berharap Kerajaan - kerajaan negeri, menerusi pihak berkuasa tempatan, membantu koperasi - koperasi peladang dengan menyediakan kemudahan pemasaran seperti gerai dan sebagainya.

Membantu

Beliau juga menyeru supermarket - supermarket membantu memasarkan hasil pertanian keluaran ahli-ahli koperasi peladang untuk mendapat pasaran yang baik.

Tun Razak menegaskan pemasaran masih menjadi masaalah rumit dan beberapa langkah melindungi harga perlu disediakan bagi mengelakkan para peladang meminjam atau memajakkan hasil mahsul mereka kepada orangtengah.

Beliau mencadangkan Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar mengkaji amalan "contract farming" yang dianggapnya dapat mengatasi masaalah pemasaran.

Pada masa ini, katanya, Malaysia masih banyak mengimpot bahan-bahan untuk dijadikan makanan binatang seperti sekoi, jagung.

Jika pengusaha-pengusaha tempatan dapat memberi jaminan bahawa hasil-hasil tersebut

★ MUKA 12 ruang 6

Tun puashati dgn perjalanan LPP

★ DARI MUKA 1

akan dibeli dari petani-petani kita, negara dapat mengurangkan impot bahan-bahan itu.

Tun Razak juga memberi jaminan bawah Rancangan Malaysia Ketiga, Kerajaan akan terus memberi peruntukan sewajarnya kepada ajensi-ajensi Kerajaan untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat tani.

Beliau berkata usaha itu hanya dapat dimajukan menerusi dasar dan cara pendekatan yang baru disertai pelaksanaan yang sempurna.

Tun Razak berpuashati dengan usaha-usaha yang dijalankan Lembaga Pertubuhan Peladang untuk menyusun semula institusi luarbandar menerusi percantuman persatuan peladang dan syarikat kerjasama berasaskan pertanian ke dalam koperasi peladang.

Setakat ini percantuman penuh dilakukan dalam 13 kawasan kemajuan peladang dan penyelarasan yang baik tercapai antara persatuan peladang dan syarikat kerjasama berasaskan pertanian dalam 79 kawasan lain.

LPP berjaya menubuhkan 165 kawasan kemajuan peladang di tiap kawasan yang mempunyai pertubuhan/koperasi peladang.


Angka itu melebihi matlamat untuk mewujudkan 150 kawasan hingga akhir Rancangan Malaysia Kedua.

Tun Razak berkata meninggikan taraf petani-petani menjadi tugas berat LPP kerana masih banyak kawasan mundur dengan ramai keluarga peladang dalam keadaan dhaif.

Menurut perangkaan 535,000 keluarga dari 1,167,000 keluarga peladang di Semenanjung Malaysia memperolehi pendapatan kurang $140 sebulan.

Tun Razak kemudian menyampaikan hadiah-hadiah kepada pemenang-pemenang peraduan Koperasi peladang progresif dan peladang jaya peringkat kebangsaan dan negeri.

BERITA HARIAN, KHAMIS, 21 OGOS, 1975



HADIAH UNTUK SERI PADUKA

● Yang Dipertuan Agung dan Raja Permaisuri Agung sedang meneliti cenderamata model "machine gun" yang disembahkan kepada Seri Paduka Baginda dalam satu jamuan malam di Mess Pegawai Kementerian Pertahanan di Kuala Lumpur.

Majlis jamuan itu diadakan khas untuk menyembahkan ucapan selamat berpisah ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda.

Memerhatikan sama dari kanan Ketua Turus Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Ibrahim Ismail dan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak.

Tun Razak, yang juga Menteri Pertahanan, menyembahkan cendera mata itu kepada Yang Dipertuan Agung dalam majlis tersebut.

Berita Minggu, Ahad, 21 September, 1975

Membalas tabik sebelum tinggalkan KL



● Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung membalas tabik kehormat di pentas diraja sebelum meninggalkan Kuala Lumpur ke Kedah pagi semalam. Kelihatan juga di pentas tersebut Raja Permaisuri Agung, Tun Razak dan Toh Puan Rahah. — Gambar Berita Minggu.

Seri Paduka pulang ke Kedah...

KUALA LUMPUR, Sabtu. — Yang Dipertuan Agung dan Raja Permaisuri Agung berangkat pulang ke Kedah pagi ini setelah menamatkan tempoh perkhidmatan lima tahun sebagai Kepala Negara Malaysia.

Satu istiadat mengucapkan selamat berangkat pulang kepada Seri Paduka Baginda berdua telah diadakan di Pengkalan TUDM di sini.

Istiadat meriah bercampur hiba itu diketuai oleh Perdana Menteri, Tun Abdul Razak.

Turut mengucapkan selamat berangkat pulang ialah Toh Puan Hajjah Rahah, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn dan Datin Suhaila, Menteri-menteri Kabinet, Ketua-ketua Perwakilan Asing serta isteri masing-masing.

Seri Paduka Baginda yang diiringi oleh Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, Tan Sri Abdul Kadir Yusuf, isterinya, Tan Sri Fatimah Hashim serta ahli-ahli rombongan daripada Kuala Lumpur dan Kedah berlepas dari pangkalan itu pukul 9.30 pagi dengan kapalterbang Fokker Fellowship TUDM.

Sebelum itu, ketibaan Seri Paduka Baginda berdua diiringi oleh Tan Sri Kadir dan Tan Sri Fatimah serta rombongan dari Kuala Lumpur dan Kedah disambut oleh Tun Abdul Razak dan Toh Puan Hajjah Rahah.

Tun Razak dan Toh Puan Hajjah Rahah kemudian mengiringi Seri Paduka Baginda berdua ke barisan orang-orang kenamaan untuk mengucapkan selamat jalan.

Walaupun Seri Paduka Baginda berdua kelihatan tersenyum ketika berjabat tangan dengan mereka, tetapi suasana sedih dapat dirasakan di saat tersebut.

Di akhir upacara tersebut Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agung telah dihadiahkan sejambangan bunga oleh Adik Idora Mohamed, 10 tahun, anak Menteri Tenaga, Teknoloji dan Penyelidikan, Haji Mohamed Yaacob.

Tun Razak kemudian mengiringi Seri Paduka Baginda berdua ke pentas diraja untuk menerima tabik kehormat dari 110 orang anggota dan pegawai Batalion Ke 9, Askar Melayu Diraja di bawah perintah Capt. Hamzah Lela Raja Abdullah.

Seri Paduka Baginda kemudian memeriksa barisan kehormatan tersebut dan kembali ke pentas untuk menerima tabek kehormatan kali terakhir diikuti dengan lagu Negara Ku.

■ **MUKA 14 ruang 4**

SERI PADUKA TERIMA TABIK HORMAT AKHIR

★ DARI MUKA 1

Mufti Wilayah Persekutuan, Sheikh Mohsein bin Haji Mohamed Salleh kemudian membaca doa selamat.

Sebaik doa selamat berakhir Tan Sri Kadir, Tan Sri Fatimah menaiki kapalterbang khas itu dan Tun Razak dan Toh Puan Rahah mengiringi Seri Paduka berdua menuju ke tangga kapalterbang.

Di sini Seri Paduka berdua mengucapkan selamat jalan kapada Tun Razak dan Toh Puan Hajjah Rahah.

Tembakan meriam 21 das telah dilepaskan sebaik Seri Paduka Baginda berdua menaiki kapalterbang tersebut.

Seri Paduka Baginda berdua telah melambaikan tangan sebelum memasuki kapalterbang tersebut dibalas oleh para hadiran.

Para hadiran juga melambai-lambaikan tangan ketika kapalterbang Diraja itu bergerak perlahan-lahan meninggalkan pangkalan tersebut.

Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah, berumur 47 tahun, ialah Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung yang kelima.

Seri Paduka Baginda dilantik menaiki takhta Kerajaan Kedah 14 Julai, 1958 setelah ayahanda Seri Paduka Baginda mangkat.

Sebelum menjadi Yang Dipertuan Agung pada 23 Julai, 1970, Seri Paduka Baginda ialah Timbalan Yang Dipertuan Agung.

Seri Paduka Baginda mengangkat sumpah sebagai Yang Dipertuan Agung pada 20 September, 1970.

Semasa pemerintahan Seri Paduka Baginda telah melakukan lawatan ke beberapah buah negeri, termasuk Sabah dan Sarawak.

Seri Paduka Baginda merupakan Ketua Negara Malaysia yang pertama melawat Britain, dan pernah melawat Teheran bulan Oktober 1971, melawat Negeri Thai bulan Februari 1973.

Sementara di ALOR SETAR, lebih 5,000 orang rakyat negeri Kedah telah berkumpul di sekitar Lapanganterbang Kepala Batas untuk menyambut keberangkatan pulang Yang Dipertuan Agung dan Raja Permaisuri Agung.

Keberangkatan pulang Baginda berdua tepat 10.20 pagi seperti yang dijadualkan, telah disambut oleh Pemangku Sultan Kedah, Tengku Abdul Malik, Tengku Puan Bendahara, Menteri Besar Dato Sri Syed Ahmad Shahabuddin, Toh Puan Sharifah Hanifah dan lain-lain orang kenamaan.

Sebaik saja Baginda berdua tiba, tembakan 21 das ke udara serta diiringi dengan paluan nobat di raja.

Baginda berdua telah disambut dengan permaidani merah dari tangga kapalterbang hingga ke pentas diraja.

Berita Minggu, Ahad, 21 September, 1975





Selamat tinggal penuh mesra

KANAN: Yang Dipertuan Agung memeluk Tun Razak untuk mengucapkan "selamat tinggal" kepada Perdana Menteri di pengkalan TUDM semalam sebelum berangkat pulang ke Kedah setelah menamatkan tempuh perkhidmatan lima tahun sebagai Kepala Negara Malaysia. — Gambar Berita Minggau.

KIRI: Raja Permaisuri Agung bersalam dengan Adik Idora Mohamed selepas menerima sekarangan bunga dari anak Menteri Tenaga, Teknoloji dan Penyelidikan, Haji Mohamed Yaacob sebelum meninggalkan Kuala Lumpur ke Alor Setar di pengkalan TUDM pagi semalam. — Gambar Berita Minggu.

Pemerintah baru angkat sumpah

SERI PADUKA KE-6 MULA BERTUGAS

Oleh ZAINUDDIN BENDAHARA
K. LUMPUR, Ahad

SULTAN Kelantan, Tuanku Yahya Petra ibni Al-marhum Sultan Ibrahim, 57 tahun, telah diisytiharkan dengan rasmi menjadi Yang Dipertuan Agung ke-6 bagi tempoh limatahun dalam satu Istiadat Khas Diraja di Istana Negara di sini hari ini.

Pengisytiharan tersebut dibuat oleh Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, dalam acara penuh istiadat sejurus selepas Seri Paduka Baginda mengangkat sumpah berikrar melaksanakan tugas-tugas sebagai Ketua Negara dengan "penuh adil dan jujur."

Turut diisytiharkan mengangkat sumpah di istiadat itu ialah Sultan Pahang, Tuanku Ahmad Shah Alhaj ibni Al-marhum Sultan Abu Bakar, 45 tahun, sebagai Timbalan Yang Dipertuan Agung.

Upacara bersejarah itu dijalankan dalam satu persidangan khas Raja-raja Melayu ke 102 yang dipengerusikan oleh Sultan Perak.

Istiadat melafaz sumpah jawatan itu dimulakan pukul 11.30 pagi, kira-kira dua jam sesudah Seri Paduka Baginda dan Raja Permaisuri Agung berangkat tiba dari Kota Baharu.

Upacara tersebut yang berlangsung di Majlis Singgahsana, di saksikan oleh Raja-raja, Gabenor-gabenor Sarawak, Ketua Menteri Pulau Pinang dan Melaka, Yang Dipertua Negara Sabah, Perdana Menteri, Menteri-Menteri Kabinet dan pembesar-pembesar negara yang lain.

Sultan Trengganu, Sultan Johor dan Sultan Kedah tidak hadir dan menghantar wakil ke upacara itu.

Istiadat tersebut dikendalikan oleh Datuk Paduka Maharaja Lela.



● *Tuanku Yahya Petra Ibni Almarhum Sultan Ibrahim menandatangani surat perisytiharan memegang jawatan yang Dipertuan Agung di satu persidangan khas Majlis Raja-raja di Istana Negara, Kulau Lumpur semalam.*

Dari kanan ialah Raja Perlis, Sultan Perak, Sultan Selangor dan Sultan Pahang, juga Timbalan Yang Dipertuan Agung, serta Gabenor Sarawak, Tun Tuanku Haji Bujang.

Seri Paduka dan Raja-raja rela potongan saraan

KUALA LUMPUR, Ahad. — Yang Dipertuan Agung dan Raja-raja Melayu hari ini bersetuju lima peratus dari saraan Diraja Seri Paduka dan Baginda - baginda semua dipotong untuk mengatasi masaalah kewangan negara sekarang.

Tun Abdul Razak, dalam satu kenyataannya petang ini berkata, potongan tersebut diperkenankan mulai bulan Oktober depan.

Dalam kenyataan itu Tun Razak menjelaskan persetujuan itu dibuat "memandang kepada keadaan kesulitan kewangan negara dan mengambil sempena istiadat melafaz dan menandatangani sumpah jawatan Seri Paduka dan Timbalan Yang Dipertuan Agung." — Bernama.

Mengadap

Setelah istiadat melafaz sumpah jawatan oleh Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung dan Timbalannya, disusuli pula dengan upacara menandatangani perisytiharan memegang jawatan.

Datuk Paduka Maharaja Lela kemudian mempersilakan Perdana Menteri mengadap dan menyembahkan surat perisytiharan itu untuk ditandatangani oleh Seri Paduka Baginda dan Timbalannya.

Tun Razak kemudian membaca surat perisytiharan itu, diikuti dengan bacaan doa selamat oleh Mufti Wilayah Persekutuan, Sheikh Mohsein bin Haji Mohamed Salleh.

Ke Dewan

Kemudian, Seri Paduka Baginda dan Timbalannya berangkat bersama Raja-raja Melayu dan wakil-wakil raja, Gabenor - gebenor dan Yang Dipertua Negara Sabah, Perdana Menteri, dan Menteri - menteri Besar dan Ketua Menteri dan Penyimpan Mohor Besar Raja-raja ke Dewan Penghadapan untuk bergambar.

Satu istiadat mengadap kemudian dilangsungkan di bilik anjung Istana Negara.

Mula-mula mengadap ialah Tun Abdul Razak diikuti oleh Datuk Hussein Onn, Pemangku Ketua Hakim Negara, Tan Sri S. S. Gill, Yang Dipertua Dewan Negara Tan Sri Omar Yoke Lin Ong, Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Nik Ahmad Kamil.

Turut mengadap ialah Menteri-menteri Kabinet, Hakim Besar Borneo, Tan Sri Lee Hun Hoe dan Ketu[illegible] Negara

BERITA HARIAN, ISNIN, 22 SEPTEMBER, 1975

Yang Dipertuan Agung baru disambut penuh istiadat di K. Lumpur

K. LUMPUR, Ahad

SULTAN dan Raja Perempuan Kelantan diberi sambutan meriah dan penuh istiadat setibanya di sini hari ini untuk memegang jawatan sebagai Yang Dipertuan Agung dan Raja Permaisuri Agung Malaysia yang ke-6.

Baginda berdua diiringi oleh Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, Datuk Lee San Choon dan Datin Lee disambut oleh Perdana Menteri, Tun Abdul Razak dan Toh Puan Hajjah Rahah.

Turut menyambut Timbalan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn dan Datin Suhaila, Menteri-menteri Kabinet, para Timbalan Menteri, Ketua Perwakilan Asing dan pembesar negara.

Kapalterbang khas Diraja yang membawa Baginda berdua tiba di Pengkalan TUDM tepat 9.30 pagi seperti yang dijadualkan.

Sebaik kapalterbang F-28 mendarat, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Kadir Shamsuddin, dan Puan Sri Zainab menaiki kapalterbang tersebut mempersilakan Baginda berdua berangkat turun.

Tembakan meriam 21 das dilepaskan.

Baginda berdua kemudian disambut oleh Tun Razak dan Toh Puan Hajjah Rahah di tangga kapalterbang.

Serentak dengan itu adik Hamdia Munirah binti Dato Abdullah, empat tahun, menyembahkan sekarangan bunga kepada Raja Perempuan.

Baginda berdua diiringi oleh Tun Razak dan Toh Puan Hajjah Rahah ke pentas diraja untuk menerima tabik kehormat dari 110 orang pegawai dan angguta Batalion Ke-9, Askar Melayu Diraja di bawah perintah Capt. Zahidin Zainuddin.

Lagu Negara Ku kemudian dimainkan oleh Pancaragam Pusat Askar Melayu Diraja di bawah pimpinan Lt. Hamzah Lela Raja Abdullah.

Serentak dengan itu bendera peribadi Di raja dikibarkan dan Baginda berkenan memeriksa barisan kehormatan diiringi dengan lagu "Berjasa".

Upacara

Di akhir upacara, doa selamat dibacakan oleh Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Sheikh Mohsein bin Haji Mohamed Salleh.

Baginda berdua kemudian diiringi ke barisan orang-orang kenamaan untuk menemui mereka dan isteri masing-masing, sebelum berangkat ke Istana Negara.

Terdahulu itu di Kota Baharu, Tuanku Yahya Petra Sultan dan Raja Perempuan telah diberi ucapselamat berangkat yang meriah dan penuh istiadat di Lapangan Terbang Pengkalan Cepa.

Tembakan meriam 21 das dilepaskan sebaik sahaja Baginda berdua berangkat menaiki kapalterbang khas diraja.

Hadir di upacara itu Pemangku Raja dan Tengku Ampuan Mahkota serta kerabat-kerabat diraja; Menteri Besar, Datuk Haji Mohamed Nasir; Timbalannya, Haji Wan Ismail Wan Ibrahim dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Nik Sulaiman Haji Nik Daud.

Berbaris

Turut mengucapkan selamat berangkat kepada Baginda berdua ialah beribu-ribu rakyat Kelantan yang telah membanjiri Lapangan Terbang dan berdiri sepanjang jalan yang dilalui oleh kereta diraja sejak pagi-pagi lagi untuk melihat wajah Baginda.

Kira-kira 3,000 kanak-kanak sekolah berbaris sepanjang jalan mengibarkan bendera mengucapkan selamat jalan kepada Baginda berdua.

Keberangkatan tiba Baginda berdua di Lapangan Terbang disambut oleh Datuk Haji Mohamed Nasir, Haji Wan Ismail, Datuk Nik Sulaiman dan Ketua Istiadat, Tengku Nasrun bin Tengku Yusuf serta isteri masing-masing.

Raja Perempuan yang memakai kebaya labuh berwarna muda, dipersembahkan sekalung bunga oleh Tengku Anafira binti Tengku Muzannee, 6 tahun.

Berangkat

Baginda berangkat menemui orang-orang kenamaan untuk mengucapkan selamat tinggal.

Kemudian Baginda Sultan Kelantan memeriksa barisan kehormatan 101 orang pegawai dan anggota dari Rejmen Meriam di bawah perintah Major Jamaluddin.

Sebelum berangkat menaiki kapalterbang Baginda mengucapkan selamat tinggal kepada Pemangku Raja dan Tengku Ampuan Mahkota.

Sementara itu tengah-malam tadi, satu upacara menukar pengawal Istana diadakan di Istana Kota Lama.

Dalam upacara tersebut juga, bendera peribadi Yang Dipertuan Agung dinaikkan bagi menggantikan bendera Sultan.



SULTAN Kelantan disambut oleh Tun Razak sebaik Baginda tiba untuk memulakan tugas sebagai Yang Dipertuan Agung Malaysia yang ke 6 pagi semalam.
Di belakang Baginda ialah Raja Perempuan dan di Sebelah Kanan Tun Razak ialah Toh Puan Hajjah Rahah. — Gambar Berita Harian.



SULTAN dan Raja Perempuan Kelantan diiringi ke pentas diraja sebaik Baginda berdua berangkat tiba di Pengkalan TUDM semalam. — Gambar Berita Harian.



ADIK Hamdia Munirah Dato Abdullah menyembahkan sekarangan bunga kepada Raja Perempuan diperhatikan oleh Baginda Sultan, Tun Razak dan Toh Puan Hajjah Rahah sebaik Baginda berdua turun dari kapalterbang khas diraja di Pengkalan TUDM semalam. — Gambar Berita Harian.



☆ PESURUHJAYA Tinggi British Ke Malaysia, Sir Eric Norris, dengan pakaian istiadat dan hormat berjabat tangan dengan Ba ginda di Pengkalan TUDM Kuala Lumpur semalam, sambil diperhatikan oleh para diplomat lain. — Gambar Berita Harian.

BERITA HARIAN, SELASA, 23 SEPTEMBER, 1975

WASPADA AKTIVITI KHIANAT

TUN Abdul Razak membongkar satu kegiatan baru golongan antinasional, yang menyebarkan berita-berita palsu mengatakan pemimpin-pemimpin Malaysia akan meninggalkan negara ini apa bila sahaja berlakunya kekacauan.

"Golongan antinasional ini cuba menghasut rakyat dengan menyebarkan berita-berita palsu, kononnya pemimpin-pemimpin Malaysia juga akan menerima nasib yang sama seperti pemimpin di Vietnam Selatan dan Republik Khmer," kata beliau.

Perdana Menteri berkata demikian ketika merasmi-

K. LUMPUR, Isnin

kan pertandingan membaca Al Quran peringkat kebangsaan yang ke-17, di Stadium Merdeka, di sini malam ini.

"Saya suka menyatakan iaitu pertamanya pemimpin-pemimpin Malaysia adalah dipilih oleh rakyat sendiri.

"Mereka bukanlah dilantik atau diletakkan oleh mana-mana pihak.

Demokrasi

"Yang keduanya, negara kita mengamalkan prinsip-prinsip demokrasi dalam mana rakyat mempunyai kata putus.

"Sudah beberapa kali rakyat telah menunjukkan bahawa mereka yakin dan memberi sepenuh kepercayaan kepada Kerajaan dan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional.

"Kita telah memegang teraju Kerajaan semenjak negara ini merdeka dahulu dan rekod kejayaan kita telah membuktikan pemimpin-pemimpin Malaysia sentiasa berdamping rapat dengan rakyat dan sentiasa memenuhi aspirasi dan kehendak rakyat.

"Dengan sebab itu, apa yang kita lakukan itu dapat dirasai nikmatnya oleh semua golongan rakyat," tegasnya.

Tun Razak lagi menekankan Kerajaan akan meneruskan usaha-usaha pembangunan untuk memberikan rakyat yang miskin mata pencarian yang lebih sempurna dan kemudahan-kemudahan hidup yang wajar.

Menurut beliau, yang mendukacitakan lagi ialah sebahagian dari mereka yang terlibat itu telah menerima kemudahan dari kerajaan seperti rumah dan pekerjaan dengan pendapatan yang cukup.

★ MUKA 12 ruang 6

Tun: Negara kita amalkan demokrasi

★ DARI MUKA 1

"Mereka ini tidak bersyukur dan berterimakasih atas nikmat yang didapati yang tidak boleh didapati di negara-negara lain.

"Mereka ini tidak mempunyai perasaan kemaknusiaan, tidak bertanggungjawab sama sekali, dan tidak berguna kepada masyarakat," katanya.

Kerajaan, [illegible] Perdana Menteri lagi, terpaksa mengambil tindakan sekeras-kerasnya terhadap mereka itu.

Beliau kemudian menyeru rakyat supaya jangan mudah terpengaruh dengan dakyah dan hasutan anasir-anasir antinasional itu.

Dakyah jahat yang disebarkan itu semata-mata bertujuan hendak memecahbelahkan perpaduan rakyat dan merosakkan negara, tegasnya.

Tun Razak juga menyebut tentang "gejala-gejala tidak sihat" yang timbul akhir-akhir ini.

Hendak

Gejala-gejala tersebut —penagihan dan penyeludupan dadah — di samping anasir-anasir komunis yang hendak mengganggu ketenteraman negara dan menghilangkan kepercayaan rakyat kepada kerajaan, akan merosakkan segala yang telah dicapai oleh negara selama ini.

Beliau sedeh melihat penyalahgunaan dan penagihan dadah berleluasa di kalangan para belia, khasnya para belia Islam.

Perdana Menteri berkata, penyeludupan dadah antarabangsa yang berpangkalan di negara ini juga menyebabkan setengah - setengah negara di Eropah mencurigai warganegara Malaysia yang melancong ke negara-negara berkenaan.

Beliau mengajak rakyat menjalani kehidupan mereka mengikut lunas-lunas keislaman kerana dengan demikian saja akan dapat menjamin kemakmuran serta masyarakat adil dan saksama.

Sikap ini perlu, katanya, lebih-lebih lagi kerana Malaysia sebuah negara sedang membangun yang mengamalkan sistem demokrasi.

Beliau juga yakin belum terlambat masanya bagi negara ini menghalusi semula falsafah perancangannya di semua bidang sambil menganjurkan supaya mulai dari sekarang mana-mana yang tidak sejalan dengan lunas-lunas ajaran Islam di ketepikan.

"Mana-mana bahagian yang tersilap dibetulkan sesuai dengan ajaran Quran.

"Usaha-usaha pembangunan yang dijalankan selama ini bukanlah semata-mata ditumpukan kepada aspek material saja. Ia juga menitikberatkan kerohanian dan moral," katanya.

Tun Razak menegaskan lagi bahawa kedua-dua aspek usaha pembangunan itu penting dicantumkan supaya sebati.

"Kerajaan yakin sebarang pembangunan yang ditumpukan kepada aspek material akan hanya melahirkan masyarakat yang memandang hidup dari segi dunia semata-mata.

"Keadaan ini hanya akan membawa kepada lahirnya masyarakat yang tidak mengenal batas - batas akhlak dan nilai - nilai kerohanian," tegasnya.

23. September 75.

Peraduan Quran 'mendorong kita mengatur hidup sempurna'

KUALA LUMPUR, Isnin. — Tun Abdul Razak berkata, pertandingan membaca Quran yang diadakan tiap tahun dalam bulan Ramadan mendorong rakyat mengukuhkan azam mengatur kehidupan yang sempurna membina masyarakat dan negara.

Allah mengajar manusia berusaha untuk kemakmuran dankebahagiaan hidup di dunia mahupun di akhirat.

Ini adalah sejajar dengan thema yang dipilih dalam pertandingan tahun ini — kemakmuran menerusi lunas-lunas Islam.

Perdana Menteri berkata demikian dalam perutusannya di buku cenderamata pertandingan tersebut yang dikeluarkan sempena upacara perasmiannya malam ini.

Sesuai

Beliau berkata, di samping menjadi tradisi nasional, pertandingan membaca Quran turut mendorong kita mengukuhkan azam untuk mengatur kehidupan yang sempurna membina masyarakat dan negara yang diberkati serta diredai Allah.

Tun Razak menyatakan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada negara-negara sahabat kerana sumbangan besar mereka menjayakan pertandingan tersebut, samada sebagai peserta atau lain-lain.

Pengerusi Jawatankuasa Pusat Pertandingan, Tan Sri Syed Nasir Ismail dalam perutusannya berkata, thema yang dipilih tahun ini sesuai dengan keadaan hari ini.

Quran menggesa supaya setiap umat Islam beroleh kemakmuran. Cuma yang kurang memuaskan ialah terdapat sebilangan kecil yang mendapatnya tidak menerusi lunas-lunas Islam.

Kemakmuran yang dikejar tidak melalui lunas-linas Islam, katanya tidak banyak memberi kebahagiaan.

Beliau kemudian menyeru Muslimin dan Muslimat supaya mengejar kemakmuran melalui lunas-lunas Islam. — Bernama.

BERITA HARIAN, RABU, 24 SEPTEMBER, 1975

Peraduan Quran: Penonton2 dirayu jangan menjerit2



● *Kumpulan Nasyid Maktab Perguruan Ilmu Khas, alan Cheras, Kuala Lumpur, sedang memperdengarkan lagu "Jalan Ke Syurga".*




● *Toh Puan Rahah. isteri Perdana Menteri sedang menerima sejambak bunga dari Sharifah Nawal Tan Sri Syed Nasir Ismail. sejurus setelah ketibaan beliau dan Tun Razak ke upacara perasmian Pertandingan Membaca Quran Peringkat Kebangsaan di Stadium Merdeka malam kelmarin.*



● *Tun Razak sedang berucap merasmikan Pertandingan Membaca Quran Peringkat Kebangsaan di Stadium Merdeka malam kelmarin.*

BERITA HARIAN, KHAMIS, 25 SEPTEMBER, 1975



Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung berangkat tiba di Stadium Merdeka untuk merasmikan pertandingan membaca Al-Quran peringkat antarabangsa, malam tadi. Di kiri Baginda ialah pengerusi jawatankuasa pusat pertandingan, Tan Sri Syed Nasir Ismail manakala di belakang ialah Tun Abdul Razak. — Gambar Berita Harian.

TAFSIRAN TUNGGAL AL-QURAN

Berita Harian 25 Sep 75.

Tun Razak kemukakan syor agar ulama cari rumusan...



TUN RAZAK

KUALA LUMPUR, Rabu – Tun Abdul Razak mengesyorkan supaya diwujudkan satu saja tafsiran bagi kitab suci Al-Quran untuk digunakan oleh umat Islam di seluruh dunia.

Katanya, tafsiran yang rasmi itu penting dalam usaha mengelak dari timbulnya salah faham dan salah pengertian mengenai kandungan ayat-ayat suci Al-Quran itu.

Beliau berharap ulama-ulama dan pakar-pakar Islam se dunia dapat berkumpul dan membincangkan perkara tersebut.

Perdana Menteri membuat syor tersebut ketika berucap di upacara perasmian pertandingan membaca Al-Quran peringkat antarabangsa di Stadium Merdeka di sini malam ini.

Katanya, langkah baru ini ialah lanjutan dari usaha yang telah dijalankan dalam memupuk persaudaraan Islam di peringkat antarabangsa.

Beliau kurang senang kitab suci Al-Quran yang menjadi jiwa dan nadi perpaduan umat Islam, mempunyai banyak tafsiran mengenai kandungannya.

Tafsiran-tafsiran itu, tambah beliau, antaranya berbeda-beda antara satu sama lain.

"Saya fikir ada baiknya jika ulama-ulama dan pakar-pakar Islam seluruh dunia berkumpul dan membincangkan perkara ini.

Dikaji

"Semoga dari perbincangan itu satu tafsiran yang sama yang dapat digunakan oleh seluruh umat Islam di dunia dapat diwujudkan," kata beliau.

"Dengan demikian dapatlah kita mengelakkan timbulnya salah faham dan salah pengertian mengenai kandungan ayat-ayat suci Al-Quran itu," tambah beliau.

Tun Razak juga berharap dikaji dengan mendalam peraturan-peratu-

★ MUKA 16 ruang 1

Islam punya peraturan lengkap

★ DARI MUKA 1

ran dan amalan Islam, baik dari segi ibadat maupun mengenai soal-soal ekonomi dan sosial yang menjadi panduan umat Islam di seluruh dunia.

Ketika ini, kata beliau, amalan-amalan dan peraturan tersebut berlainan antara satu negara dengan negara lain.

"Saya berpendapat perkara ini harus dikaji dengan mendalam supaya ia dapat disesuaikan dengan keadaan dunia moden dan saintifik hari ini.

"Langkah penyesuaian ini perlu supaya umat Islam tidak ketinggalan dan ugama Islam yang memang sesuai untuk setiap zaman itu sentiasa dipandang tinggi dan mendapat penghormatan sewajar dari umatnya serta penganut-penganut ugama yang lain di dunia," katanya.

Perdana Menteri memberitahu, Malaysia sebagai sebuah negara Islam akan cuba seberapa boleh memainkan peranannya serta memberi sumbangan ke arah mencapai matalamat perpaduan Islam.

Ikatan

Pertandingan membaca Al-Quran yang diadakan ini antara lain bertujuan mengeratkan lagi ikatan silaturahim dan persaudaraan di kalangan umat Islam se dunia.

Ini adalah sesuai dengan ajaran Islam sebagai ugama universal yang memangnya menggalakkan umatnya sentiasa memupuk dan memperteguhkan ikatan persaudaraan antara mereka, kata Tun Razak.

Beliau menegaskan dalam hubungan luar pula, Malaysia bersama dengan lain-lain negara Islam menyokong perjuangan umat Arab merebut kembali kawasan negara Arab yang masih diduduki oleh Israel.

Begitu juga kita bersimpati dengan perjuangan umat Palestin untuk kembali ke tanahair mereka, kata beliau lagi.

Mengenai tema yang dipilih untuk pertandingan tahun ini "Kemakmuran Menerusi Lunas-lunas Islam," Tun Razak berpendapat ia sesuai dengan masanya "lebih-lebih lagi bagi Malaysia yang sedang menempuh proses pembangunan pesat untuk mencapai kemakmuran yang dapat menjamin penghidupan yang lebih sempurna kepada rakyat."

Islam sebagai ugama yang sempurna, kata beliau, mempunyai lunas-lunas dan peraturan-peraturan yang lengkap bagi panduan umatnya untuk mencapai kemakmuran di dunia dan kebahagiaan hidup di akhirat.

Kata Tun Razak, dalam negara yang mengamalkan sistem demokrasi seperti Malaysia, apa yang penting ialah umat Islam sendiri hendaklah mengatur hidup sesuai dengan lunas-lunas Islam itu.

Disamping itu, mereka hendaklah jangan lupa dengan hakikat kedudukan masyarakat berbilang kaum yang juga mempunyai masa-alah-masaalahnya yang tersendiri.

Beliau kemudian menyatakan rasa yakin bahawa umat Islam di Malaysia akan terus maju dan makmur selagi mereka sanggup dan sedia berusaha dengan penuh semangat berdikari serta mengamalkan ajaran-ajaran Islam yang sebenar.

Berita Harian 25 September 75



$10,000 untuk Tugu

● Tun Razak menerima cek $10,000 dari Tengku Arif Bendahara sebagai derma dari United Asian Bank kepada tabung Pemulihan Tugu Kebangsaan, di Kuala Lumpur, semalam.

Derma itu adalah satu usaha bank itu yang selaras dengan cita-cita negara, kata Tengku Arif Bendahara.

BERITA HARIAN, JUMAAT, 26 SEPTEMBER, 1975

Untuk mencegah pengganas mendapatkan bekalan

5 DAERAH PAHANG DIKAWAL

LIMA daerah di Pahang telah diletakkan di bawah kawalan keselamatan, Tun Abdul Razak, memberitahu hari ini.

Daerah-daerah tersebut yang kebanyakannya di Kampung-kampung Baharu dan kawasan sekitarnya ialah Raub, Bentong, Temerloh, Jerantut dan Lipis.

Perdana Menteri berkata, langkah itu diambil bagi mempastikan Kampung - kampung Baharu dan kawasan sekitarnya tidak digunakan sebagai tempat pengganas-pengganas komunis mendapat bekalan makanan.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita selepas diberi taklimat mengenai keadaan keselamatan di Pahang ketika melawat Ibupejabat Briged Taktikal di sini.

Menurut Tun Razak laporan yang dibuat oleh pasukan perisik menunjukkan terdapat penduduk-penduduk di beberapa buah perkampungan baru memberi bekalan makanan kepada pengganas komunis.

Laporan itu juga menyebut beberapa buah kawasan telah dibuka secara haram oleh mereka untuk tujuan tersebut.

Kawasan ini, kata Perdana Menteri ditanam dengan berbagai jenis hasil pertanian bertujuan memberi kemudahan makanan kepada pengganas-pengganas.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan, tindakan yang dilakukan oleh pasukan keselamatan di bawah Gerakan Indera Lima mendatangkan hasil.

"Kebanyakan kawasan - kawasan tersebut sudahpun ditinggalkan oleh penyokong - penyokong pengganas - pengganas tersebut," kata beliau.

Tun Razak menerangkan Kerajaan akan bertindak lebih tegas lagi dalam usaha menyekat perbuatan memberi bantuan bekalan kepada pengganas.

"Kita akan mengawal setiap saluran yang mungkin mereka gunakan untuk mengirim bekalan tersebut," tambah beliau.

Perdana Menteri mendapatahu penyokong-penyokong pengganas itu berasal dari luar Pahang.

"Tujuan mereka membuka secara haram kawasan tanaman itu semata-mata bagi memberi bantuan makanan kepada pengganas-pengganas komunis.

"Kita tahu saki baki mereka masih ada dan tindakan mengesan mereka akan diperhebatkan," tambah beliau.

★ Muka 12 ruang 1

Oleh Zainuddin Bendahara, Bentong, Khamis

Kampung2 baru ada j-kuasa kemajuan

★ DARI MUKA 1

Tun Razak menyebut Raub sebagai daerah mempunyai ramai penyokong komunis.

Laporan perisik menunjukkan bahawa penduduk di Kampung Baharu Sungai Ruan, 10 batu dari Raub, telah membantu sakibaki pengganas komunis supaya dapat bertapak di situ.

Perdana Menteri kemudian menyebut cadangan Kerajaan hendak menjadikan kawasan yang dibuka secara haram oleh penyokong pengganas itu sebagai kawasan pertanian untuk rakyat.

Menurutnya seorang pegawai pembangunan luar bandar akan dilantik di setiap perkampungan baru.

Pegawai ini, kata Tun Razak, akan bertindak sebagai pegawai penyelaras antara penduduk perkampungan itu dengan Kerajaan.

Di samping itu, tambah beliau, sebuah jawatankuasa kemajuan juga akan ditubuhkan di setiap perkampungan baru tersebut.

Tujuan jawatankuasa ini, kata beliau, membolehkan mereka memainkan peranan dalam kemajuan pembangunan dan keselamatan di perkampungan masing-masing.

Tun Razak menerangkan, Gerakan Indera Lima yang dilancarkan di kawasan Sungai Ruan beroleh kejayaan, terutama dalam membongkar kegiatan setengah kumpulan yang membantu pengganas.

Taklimat dua jam itu dihadiri sama oleh Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie, Menteri Besar, Datuk Mohamed bin Jusoh; Panglima Briged Keempat Infantry Malaysia, Brig.-Gen. Mustafa bin Abdullah; Ketua Pegawai Polis Pahang, Encik Mansur Mohamed Nor dan Setiausaha Kerajaan Pahang, Datuk Wan Sidek bin Haji Wan Abdul Rahman.

Turut hadir Ahli Parlimen Bentong, Encik Chan Siang Sun yang juga Timbalan Menteri Pelajaran dan Ahli Parlimen Raub, Encik Abdullah Majid, yang juga Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri.

Tun Razak berkata, pasukan keselamatan telah diarahkan melipatgandakan kawalan ke atas tempat-tempat penting di seluruh negara.

Perdana Menteri kemudian berkata, keadaan keselamatan pada keseluruhannya adalah tenang.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan, keadaan itu tidak bermakna pengganas - pengganas tidak akan melakukan sebarang usaha untuk membuat kacau.

"Mereka sentiasa bergerak dan menunggu saat bila kita lalai.

"Kerana itu pasukan keselamatan hendaklah sentiasa bersedia," tambah beliau.

BERITA HARIAN, SABTU, 27 SEPTEMBER, 1975


Quran tulisan Braille hadiah dari RI

● TUN ABDUL Razak mengamati naskah Quran dalam huruf Braille hadiah dari Menteri Ugama Indonesia Prof. H. A. Mokti waktu pemimpin Indonesia itu mengunjungi beliau di pejabatnya, di Kuala Lumpur, semalam.

Tun Razak menghadiahkan pula sebuah kotak rokok diperbuat daripada perak kepada Prof. Mokti.

Tun Razak dan Prof, Mokti kemudian mengadakan rundingan ringkas atas perkara-perkara kepentingan bersama.

Prof. Mokti tiba di sini tiga hari lalu untuk lawatan empat hari atas jemputan Kerajaan Malaysia, antara lain untuk menyaksikan pertandingan membaca Quran. — Gambar Berita Harian.



Berita Minggu, Ahad, 28 September, 1975

Razak dan menteri2 sambut Raya di Parlimen

MACANG, Jumaat. — Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, Menteri-menteri Kabinet dan Timbalan Menteri yang berugama Islam akan berkongsi mengadakan Majlis Hari Raya tahun ini di Bangunan Parlimen sebagai langkah berjimat cermat.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Ahmad berkata, seseorang menteri diminta memberi sumbangan sebanyak $200 dan Timbalan Menteri $100.

Datuk Abdullah berkata, Perdana Menteri berharap "resipi gotong-royong" saperti ini yang dianjurkannya akan dicontohi oleh rakyat dalam merayakan Hari Raya.

Datuk Abdullah berucap dalam satu perjumpaan dengan orang ramai di Mesjid Pauh Lima, Pangkal Gong, dekat sini.

Projek2

Dimasa lalu, para Menteri Kabinet yang berugama Islam masing-masing mengadakan rumah terbuka semasa Hari Raya.

Datuk Abdullah memberitahu bahawa projek-projek penting yang menguntungkan negara dan rakyat akan terus dijalankan mengikut kemampuan walaupun Kerajaan sekarang menghadapi masaalah kewangan.

Projek - projek yang tidak ekonomi dan tidak penting akan ditunda kalau tidak pun diberhentikan sama sekali.

Mengenai keselamatan, beliau berkata, bahaya dan ancaman yang dihadapi oleh negara dari pengganas-pengganas komunis dan anasir-anasir anti-nasional bukan lagi merupakan satu impian.

Ia merupakan hakikat dan kenyataan yang mesti dihadapi segera. Beliau yakin rakyat akan bekerjasama membendung keadaan itu.

Ini merupakan satu ujian kepada ketahanan dan kesanggupan rakyat untuk menghapuskan musuh negara. — Bernama.

Peraturan2 baru bagi bicara kes keselamatan diluluskan

TUN Abdul Razak mengumumkan, Kabinet telah meluluskan peraturan-peraturan baru bagi membicarakan orang-orang yang terlibat dalam kes keselamatan.

IPOH, Sabtu

Keputusan ini diambil, tegas Tun Razak, untuk mempastikan mereka yang bertanggungjawab dan bersalah akan dihadapkan ke mahkamah dengan segera dan berkesan.

Di samping itu, kata Perdana Menteri, Kerajaan juga telah menguatkuasakan peruntukan-peruntukan perlu dari Akta Keselamatan Dalam Negeri bagi seluruh negara supaya mereka yang melakukan keganasan dihukum setimpal dengan kesalahan mereka.



TUN RAZAK

Kawalan

Tun Razak percaya dengan sokongan undang-undang yang lengkap, pasukan polis dan mereka yang bertanggungjawab untuk menjaga pelaksanaan undang-undang serta ketenteraman sekarang akan dapat menjalankan kewajipan tanpa takut dan berat sebelah.

"Dengan ini, kita boleh menghadapi anasir-anasir jahat dan anti-nasional ini dengan lebih berkesan," kata beliau.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap merasmikan persidangan agung luarbiasa Parti Gerakan di sini pagi ini.

Tun Razak memberi jaminan kepada rakyat bahawa Kerajaan akan mengambil segala tindakan yang boleh dan perlu untuk menghapuskan pengganas-pengganas dan anasir-anasir anti-nasional.

Beritahu

"Saya telah mengarahkan pasukan polis dan tentera berjaga-jaga dan mengambil tindakan kawalan keselamatan yang cukup di seluruh negara.

"Saya juga telah memberitahu Kerajaan-kerajaan negeri mengenai keadaan keselamatan yang sirius," katanya.

Di samping langkah-langkah Kerajaan ini, Tun Razak berkata, rakyat juga mestilah menunjukkan secara terus terang bahawa mereka menentang anasir-anasir tersebut dan mereka tidak mudah terancam dan ditekan.

"Mereka hendaklah menunjukkan mereka sedia berkorban bukan saja untuk negara ini, juga untuk keamanan, keselamatan dan kebahagiaan rakyat dan jenerasi kita akan datang.

Perdana Menteri dukacita kerana masih terdapat rakyat di kampung-kampung baru dan di bandar-bandar yang membantu anasir-anasir anti-nasional.

"Rakyat yang tidak mempunyai keyakinan tentang masadepan negara ini dan tidak berkeupayaan untuk menentang musuh negara, mereka tidak berhak mendapat tempat dalam masyarakat negara ini," tegas beliau.

Tun Razak berkata, tidak ada sebab bagi seseorang itu bertindak melakukan kekejaman dalam sebuah negara demokrasi seperti Malaysia di mana Kerajaannya dipilih oleh rakyat sendiri.

Menyeru

Sesiapa yang tidak senang dengan sebarang dasar Kerajaan atau pelaksanaannya bolehlah memberitahu segala ketidakpuasan hatinya kepada Menteri - menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri atau kepada Biro Pengaduan Awam.

Tun Razak juga menyebut tiga peristiwa di mana keselamatan negara terancam tetapi negara berjaya menghadapi saat-saat genting itu tanpa apa-apa kejadian buruk berlaku.

Beliau menyentuh tentang keganasan pengganas komunis dalam tahun 1957, konfrantasi dengan Rejim Soekarno dalam tahun 1963 dan trajidi 13 Mei dalam tahun 1969.

Malaysia, katanya, sekarang telah sampai ke satu persimpangan jalan dan rakyatnya mestilah memilih samada mahu mengikut jalan ke arah perpaduan, keamanan dan kemajuan atau jalan ke arah keganasan, permusuhan antara kaum, kacau-bilau dan huru-hara.

Dalam keadaan seperti ini, tidak ada tempat bagi mereka yang duduk di atas pagar dan tidak ada tempat bagi mereka yang melindungi dan menolong anasir-anasir pengganas dan anti-nasional.

Perpaduan

Oleh yang demikian, Tun Razak menyeru rakyat supaya berdiri teguh di belakang kerajaan bagi mencapai perpaduan negara dan kemajuan serta menyediakan tempat hidup yang sempurna dalam masyarakat Malaysia yang adil.

Mengenai Rancangan Malaysia Ketiga yang bermula tahun depan, Tun Razak mengulangi bahawa Kerajaan akan menumpukan perhatian kepada usaha memberi pendapatan yang adil dan berpatutan serta kemudahan seperti rumah kepada golongan yang kurang bernasib baik.

Beliau juga menyatakan bahawa pelaksanaan dasar ekonomi baru kerajaan disemak dari masa ke masa dan beliau sendiri mengawasi

★ Muka 14 ruang 3

Pendirian pihak oposisi dikesali

★ DARI MUKA 1

pelaksanaannya menerusi Majlis Tindakan Negara.

Tun Razak mengakui bahawa dalam beberapa hal yang tertentu, kerajaan belum dapat memuaskan kehendak dan harapan rakyat.

Bagaimanapun, rancangan-rancangan Kerajaan diteruskan dan kerajaan akan sentiasa menyemak usaha-usahanya dari masa ke semasa.

Beliau kesal pihak pembangkang berdiam diri walaupun tindakan mengganas oleh anasir-anasir anti-nasional bertambah.

Katanya, dari segi kepentingan negara adalah penting bagi pihak pembangkang menjelaskan pendirian mereka berhubung dengan keselamatan dan perpaduan negara.

Tergugat

Dalam sebuah negara demokrasi, Kerajaan kena menghormati pembangkang walaupun mereka mungkin tidak setuju dengan beberapa dasar kerajaan dan mereka pula perlu bangun dan menyokong kerajaan jika kepentingan negara tergugat.

Bendahari gerakan, Encik Paul Leong Khee Seong, menyampaikan $5,000 kepada Tun Razak sebagai derma kepada Tabung Membaiki Tugu Negara di upacara pembukaan persidangan itu.

Berita Harian 28 Sep 75.



Tun Razak sampaikan cenderamata


Tun Abdul Razak menyampaikan cenderamata kepada qariah kanak-kanak, Aishah binti Abdullah dari Kelantan, dalam majlis berbuka puasa di Maktab Perguruan Bahasa, Lembah Pantai, Kuala Lumpur malam semalam.

Aishah, 11 tahun, johan qariah kebangsaan antara sekolah-sekolah tahun ini, memperdengarkan bacaannya pada malam pertama pertandingan di peringkat antarabangsa sebagai qariah jemputan.

Dalam ucapan beliau di majlis tersebut, Tun Razak berkata mutu pembacaan di peringkat kebangsaan adalah bertambah baik dari setahun kesetahun.

Katanya, qari dan qariah Malaysia janganlah berpuashati di atas mutu bacaan Quran sekarang, kerana tiap tahun mutu bacaan wakil-wakil luar terus meningkat.

BERITA HARIAN, RABU, 1 OKTOBER, 1975



TUGU: NST DERMA $10,000

TUN Abdul Razak mengamati cek $10,000 derma dari Kumpulan Akhbar The New Straits Times untuk Tabung Pemulihan Tugu Negara, semalam.

Cek tersebut disampaikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah, Tan Sri Sheikh Abdullah bin Abu Bakar di pejabat Perdana Menteri di Kuala Lumpur.

Turut hadir Pengarah Perkhidmatan dan Setiausaha Syarikat, Encik Hussein Haji Noor dan seorang pengarah syarikat, Dr. K. C. Cheah (kiri).

Dengan sumbangan ini, jumlah derma Tugu Negara sekarang $111,189.82. — Gambar Berita Harian.

BERITA HARIAN, SABTU, 4 OKTOBER, 1975

Macapagal jumpa Tun

KUALA LUMPUR, Jumaat. — Bekas Presiden Filipina, Dr. Diosdado Macapagal hari ini mengujungi Tun Abdul Razak di pejabatnya.

Dr. Macapagal, diiringi oleh Duta Filipina ke-Malaysia Encik R. Abubakar, menemui Perdana Menteri selama setengah jam.

Beliau tiba di sini kelmarin untuk lawatan empat hari. — Bernama.

Lagi $11,000 untuk Tugu

KUALA LUMPUR, Jumaat.—Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, hari ini menerima $11,000 untuk Tabung Pemulihan Tugu Peringatan Negara, menjadikan jumlah derma yang dikutip meningkat kepada $132,482,47.

Berita Minggu, Ahad, 12 Oktober, 1975

Tun berihat di bandar peranginan NZ

ROTORUA, New Zealand, Sabtu.

PERDANA Menteri Malaysia, Tun Abdul Razak berihat di bandar peranginan ini petang ini selama sehari setengah sebelum berunding secara rasmi dengan pemimpin New Zealand di Wellington hari Isnin.

Tun Razak tiba di Auckland awal petang ini bagi memulakan lawatan rasminya yang pertama ke New Zealand dan serta merta terbang ke Rotorua.

Rotorua mempunyai ramai penduduk kaum Maori dan malam ini Tun menyaksikan sambutan tradisi Maori sebelum melihat kisah kedatangan mereka ke New Zealand yang diabadikan dalam tarian dan nyanyian.

Tun akan makan malam bersama masyarakat Maori dan sahabat karibnya, bekas Pesuruhjaya Tinggi New Zealand, ke Malaya, Sir Charles Bennett.

Diplomat

Sir Charles, kaum Maori yang pertama menjadi diplomat bertugas di Kuala Lumpur di akhir tahun lima puluhan dan bersahabat baik dengan Tun Razak.

Tidak ada jadual rasmi bagi Tun Razak esok dan beliau diduga akan melawat kawasan-kawasan yang menarik di bandar peranginan ini.

Rotorua terkenal mempunyai pancutan air panas asli, tasik dan sungai air panas.

Pagi Isnin Tun terbang ke Wellington kerana berunding dengan Perdana Menteri Wallace Rowling dan ahli-ahli Kabinet New Zealand.—Reuter.

BERITA HARIAN, ISNIN, 13 OKTOBER, 1975

Hubungan Malaysia dan NZ saling berguna —Tun

ROTORUA (New Zealand), Ahad. — Perhubungan rapat antara New Zealand dan Malaysia menguntungkan kedua negara, demikian kata Perdana Menteri Malaysia Tun Abdul Razak.

Inilah ucapan rasmi Tun Razak yang pertama dalam lawatannya empat hari ke New Zealand.

Tun Razak malam tadi menghadiri satu majlis sambutan masyarakat Maori dan diminta berucap secara rengkas sebagai menjawab satu cabaran tradisi kaum Maori.

Anggota rombongan Malaysia berkata Tun Razak sangat terharu dengan sambutan dan cenderamata satu beg tenunan dari kaum Maori.

Tun Razak bercakap mengenai persahabatan antara New Zealand dan Malaysia, dan perhubungan rapat antara kerajaan kedua negara.

Rundingan

Cuaca sejuk hari ini dan Tun Razak diduga bermain golf di padang golf Arikikapakapa yang bersejarah.

Toh Puan Rahah hari ini melawat tempat-tempat yang menarik di candar peranginan ini.

Tun Razak terbang ke Wellington pagi esok dan akan berunding dengan Perdana Menteri Wallace (Bill) Rowling dan menteri-menteri kabinet New Zealand.

Keadaan Timor dipercayai akan dibincangkan oleh Tun dan Encik Rowling. Rancangan pertukaran kebudayaan juga mungkin dibincangkan.

Hari Selasa Tun Razak akan berunding dengan ketua pembangkang, Encik Robert Muldoon dari Parti Kebangsaan. — Reuter.

Cadangan Asean: Sokongan New Zealand jadi galakan

WELLINGTON, Isnin. — Sokongan New Zealand kepada cadangan Asean untuk mewujudkan rantau berkecuali di Asia Tenggara adalah satu galakan yang memperkuat usaha untuk mencapai keamanan abadi serantau, kata Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdui Razak di sini malam ini.

Perdana Menteri berkata, sokongan kebendaan dari New Zealand kepada Asean juga menolong memperteguh kemajuan serantau.

Tun Razak berkata demikian dalam satu jamuan makan yang diadakan oleh Perdana Menteri New Zealand, Encik Wallace Rowling, di Plimer House, Wellington, untuk meraikan Tun Razak dalam lawatan rasmi empat hari ke negeri itu.

Dalam ucapannya, Tun Razak juga menerangkan mengenai perhubungan rapat antara rakyat Malaysia dan New Zealand dan perhubungan baik antara Kerajaan dengan Kerajaan kedua negara.

Berjauhan

Tun Razak berkata, perhubungan rapat antara kedua negara sebagai anggota Komenwel dan nilai-nilai serta cita-cita yang sama-sama dijunjung dalam persaudaraan ini menjadi satu sumber memperkuat persahabatan antara rakyat kedua negara.

Walaupun, kedua negara berjauhan, tetapi perhubungan rapat dan karib yang dijalan dalam konteks diplomat, ekonomi dan pertahanan telah mendekatkan kedua negara.

Beliau berkata, New Zealand memandang berat kebajikan negara-negara yang sedang membangun dan kemudahannya memberi latihan dan pelajaran tinggi adalah sangat dihargai.

Tun Razak berkata, beribu orang pemuda Malaysia telah lulus dan ada yang masih belajar di universiti dan pusat pengajian tinggi New Zealand dan mereka memberi sumbangan besar kepada Malaysia.

Dalam lapangan pertahanan, New Zealand juga memberi bantuan yang berharga sejak beberapa tahun lalu.

Tun Razak berkata, Kampung New Zealand, dalam satu rancangan Felda adalah satu tanda yang nyata persahabatan antara rakyat dan kedua negara.

Ketibaan Tun Razak di ibukota New Zealand ini dari Rotorua tergendala dua jam kerana cuaca buruk.

Pertemuan Tun Razak dengan Datuk Bandar Wellington, Encik

★ MUKA 12 ruang 3

Rundingan tergendala orang2 Maori menunjuk perasaan

★ DARI MUKA 1

Michael Flower dibatalkan, tetapi Tun dijadual berunding dengan Encik Rowling lewat hari ini.

Tun Razak disambut dilapanganterbang Wellington oleh Menteri Perdagangan dan Perusahaan, Encik Warren Freet.

Selepas bersalam dengan lebih 20 orang kakitangan Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia, beliau dibawa ke hotelnya sebelum berunding dengan Encik Rowling.

Mengenai tunjukperasaan kecil pelajar yang membantah apa dikatakan "penindasan politik" di Malaysia, Tun Razak berkata: "Saya tidak tahu apa yang mereka bantah dan adakah yang menunjukprasaan itu benar - benar pelajar atau tidak."

Tun Razak berkata: "Mereka harus sedar bahawa hanya tahun lalu kerajaan Malaysia dipilih memegang tampuk kerajaan dengan suara terbanyak — mendapat 85 peratus suara rakyat.

Akhbar Wellington "The Dominion" hari ini menyiarkan iklan lapan ruangan yang ditempah oleh segolongan anasir antinasional yang menamakan diri mereka sebagai "pelajar Malaysia yang bimbang" untuk menjatuhkan imej Malaysia di luar negeri.

Rundingan Tun Razak dengan Encik Rowling di bangunan Parlimen tergendala kerana lebih 5,000 orang Maori berhimpun kerana membantah terhadap kehilangan tanah pusaka mereka di bawah kuasa Eropah.

Orang-orang Maori menuntut hak mereka dipulihkan. Encik Rowling terpaksa menyelesaikan perkara tersebut terlebih dahulu sebelum berunding dengan Tun Razak.

Semasa berunding dengan Perdana Menteri Australia Encik Gough Whitlam di Canberra minggu ini, Tun Razak diduga akan membincangkan masa depan Brunai.

Britain diduga akan berundur dari Brunai pada akhir tahun depan, demikian menurut sumber yang mengetahui.

Australia yang tidak ada kepentingan di Brunai, berpendapat kemajuan politik Brunai terlalu lambut. — Reuter dan Bernama.

BERITA HARIAN, SELASA, 14 OKTOBER, 1975



Tun menuju Bangunan Parlimen NZ untuk berunding

Tun Abdul Razak meninggalkan hotel tempat beliau menginap di Wellington, ibunegeri New Zealand untuk berunding dengan Perdana Menteri New Zealand Encik Bill Rowling di Bangunan Parlimen, di bandaraya tersebut semalam.

Sebelum ini, Tun Razak, Toh Puan Hajjah Rahah dan rombongannya melawat dan berihat di Roturua, sebuah bandar pelancung yang menarik.

Selepas lawatan empat hari ke New Zealand, Tun Razak akan terbang ke Sydney untuk memulakan lawatan seminggu ke Australia. — Gambar AP.

BERITA HARIAN, KHAMIS, 16 OKTOBER, 1975



Tun berbual dengan Datuk Bandar Auckland

Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdul Razak kelihatan sedang berbual dengan Datuk Bandar Auckland, Sir DoveMyer Robinson, dan bishop Auckland, Padri E.A. Gowing malam Selasa lalu.

Sebelum bertolak melawat Australia, Tun Razak memberi amaran bahawa perhubungan antara Malaysia dan New Zealand akan terjejas sekiranya segelintir pemimpin profesionel pelajar terus menunjuk perasaan terhadap Malaysia.

Perdana Menteri New Zealand, Wallace Rowling membayangkan bahawa kerajaannya mungkin mengurangkan jumlah pelajar Malaysia yang menuntut di negeri itu. — Gambar AP.

BERITA HARIAN, RABU, 15 OKTOBER, 1975

Tun bimbang kegiatan anti nasional pelajar2 kita

WELLINGTON, Selasa. — Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdul Razak hari ini menerangkan kebimbangan kerajaannya terhadap kegiatan komunis untuk melahirkan satu golongan anti-nasional di kalangan pelajar-pelajar Malaysia di New Zealand, demikian menurut sumber-sumber yang mengetahui.

Sumber tersebut berkata dalam pertemuan dengan ketua pembangkang Encik Rob Muldoon, Tun Razak berkata kerajaannya percaya bahawa anasir kiri New Zealand sedang berusaha mempengaruhi pelajar-pelajar Malaysia menjadi penghasut politik apabila mereka kembali ke ke tanahair.

Pengaruh

Tun Razak dipercayai menegaskan perkara tersebut dalam rundingannya dengan pemimpin kerajaan New Zealand, termasuk Perdana Menteri Encik Wallace Rowling.

Sumber tersebut berkata Tun Razak membayangkan bahawa bukan pelajar Malaysia saja yang dipengaruhi oleh golongan kiri New Zealand untuk menjadi agitator subersiv politik selepas mereka pulang kenegeri masing-masing.

Malam tadi tiga orang ditangkap dalam satu tunjuk perasaan terhadap lawatan Tun Razak di Wellington.

Encik Muldoon selepas berunding dengan Tun Razak berkata sekiranya kerajaan New Zealand bertukar tangan dalam pilihanraya 29 November depan, dasar New Zealand terhadap Malaysia tidak akan berubah.

Encik Muldoon berkata ia mendapati Tun Razak sukacita dengan perhubungan baik antara Malaysia dan New Zealand.

"Beliau juga menyatakan kebimbangannya kepada saya bahawa kira-kira 43 peratus pelajar Malaysia yang belajar di sini tidak pulang ke Malaysia. Saya juga bimbang mengenai perkara ini," katanya.

Tun Razak diduga menekankan bahawa kerajaannya memberi perhatian berat kepada kemajuan ekonomi sebagai satu langkah menentang keganasan komunis dalam ucapannya kepada Institiut Hal Ehwal Antarabangsa petang ini.

Pemimpin Malaysia itu nampaknya sukacita pagi ini dengan jamuan yang diadakan oleh Encik Rowling yang berkata New Zealand menyokong usaha Malaysia untuk memperteguh kerjasama serantan di Asia Tenggara.

Reuter.

BERITA HARIAN, RABU, 15 OKTOBER, 1975

Kemiskinan, pengangguran tumpuan utama projek ketiga: Tun



● Tun Perdana Menteri sedang dikelilingi oleh 100 orang pelajar Malaysia yang mewakili 2,000 orang pelajar kita di New Zealand sewaktu Tun mengadakan rundingan tidak rasmi dengan wakil-wakil pelajar itu di hotelnya semalam.

Tun sedang mengakhiri lawatan 4 hari di New Zealand. — Gambar AP.

PEMBANGUNA

LEBIH RANCA

TUN Abdul Razak hari ini meramalkan kejayaan-kejayaan yang lebih besar yang akan dicapai oleh Rancangan Malaysia Ketiga berdasarkan kejayaan yang ditempa oleh Rancangan Malaysia Kedua yang berakhir tahun ini.

Menurut Tun Razak, Rancangan Malaysia Ketiga mulai tahun depan ini akan meneruskan usaha-usaha di bawah Dasar Ekonomi Baru dengan lebih giat lagi.

Malah, rancangan pembangunan baru ini akan memberi perhatian berat terhadap masaalah kemiskinan, pengangguran dan setengah menganggur di kalangan rakyat, kata beliau lagi.

Tun Razak yang hampir selesai melawat New Zealand menyebut demikian ketika berucap di Institiut Hal Ehwal Antarabangsa di sini.

WELLINGTON, Selasa

Dalam ucapannya itu, Tun Razak menjelaskan dengan panjang lebar masaalah-masaalah yang Malaysia hadapi sekarang dan usaha-usaha Kerajaan untuk memberikan penghidupan yang lebih baik kepada rakyat berbilang bangsa.

Tegas beliau, Rancangan Malaysia Ketiga akan menumpukan usaha-usahanya ke arah memperbaiki keadaan hidup rakyat berpendapatan rendah.

"Di samping rancangan-rancangan pembangunan di luar bandar, cara pelaksanaan usaha ini juga akan disesuaikan supaya lebih ramai rakyat menikmati faedahnya," kata Tun Razak.

Tun Razak memberi jaminan bahawa Malaysia akan berjaya dalam usaha-usahanya itu kerana ia dikurniakan dengan pelbagai kekayaan asli.

Menurut beliau lagi, masaalah pembangunan ekonomi yang dihadapi oleh Malaysia bukan setakat jurang perbedaan antara golongan yang kaya dengan yang miskin, tetapi adalah lebih dari itu.

"Malaysia juga menghadapi masaalah perbedaan ekonomi di antara berbagai kaum dan masaalah ini bertambah sulit lagi kerana selama ini tiap kaum hanya menjalankan usaha-usaha ekonomi tertentu.

Bahaya

"Kalau keadaan ini dibiarkan berlanjutan, ia bukan sahaja akan menghalang usaha-usaha mewujudkan perpaduan kaum yang tulin, sebaliknya akan membahayakan keamanan dan kestabilan negara," kata Tun Razak lagi.

Oleh yang demikian, rancangan ekonomi Malaysia mestilah mempunyai cara - caranya yang tersendiri, tidak seperti cara yang selalu dibuat iaitu semata mengikuti lunas-lunas pembangunan ekonomi, katanya lagi.

Tun Razak menegaskan juga, dalam usaha

★ MUKA 12 ruang 6

Rancangan tanah berjaya

★ DARI MUKA 1

ini Kerajaan tidaklah berniat hendak merampas kekayaan dari sesuatu kaum dan memberikannya kepada satu kaum yang lain.

Sebaliknya, usaha-usaha akan dibuat supaya kalangan yang tidak bernasib baik itu akan menikmati peluang - peluang yang akan wujud di dalam bidang ekonomi yang sentiasa berkembang itu.

Kata beliau lagi, antara kekayaan-kekayaan asli Malaysia yang masih banyak ialah tanah. Melalui rancangan-rancangan tanah yang sudah dilaksanakan beribu-ribu keluarga telah diberi penghidupan baru.

Malah satu daripada rancangan - rancangan tanah itu dinamakan Kampung New Zealand kerana New Zealand telah memberikan bantuan untuk kebajikan kampung itu.

BERITA HARIAN, RABU, 15 OKTOBER, 1975

Damai kian kukuh sejak krisis Indochina selesai

WELLINGTON, Selasa.

MALAYSIA berpendapat tamatnya sengketa di Indochina satu peristiwa yang akan menelurkan kesempatan baru mewujudkan keamanan dalam artikata sebenarnya di rantau ini, demikian kata Tun Abdul Razak, hari ini.

"Oleh itu, negara-nega di rantau ini hendaklah bertindak dengan lebih positif terhadap cabaran baru ini untuk mencapai matlamat itu.

"Inilah kali pertama keamanan kembali semula ke rantau ini, dan peluang-peluang untuk mengekalkannya adalah menjadi tanggungjawab negara-negara di rantau ini," katanya.

Tun Razak menyebut demikian dalam ucapannya di Institut Hal Ehwal Luar New Zealand, di sini.

Menurut Tun Razak, tamatnya perang Vietnam itu menjadikan konsep pengecualian Tenggara Asia lebih sesuai lagi, malah usaha untuk mencapai matlamat perlu digiatkan sebelum keadaan aman sekarang diancam oleh anasir-anasir dari luar.

"Malaysia berpendapat lagi cepat konsep ini dilaksanakan maka akan lebih terjaminlah usaha mengekalkan keamanan rantau ini dari campurtangan kuasa-kuasa luar.

Cabaran

"Semua kebimbangan yang disuarakan berikutan dengan tamatnya sengkita di Indochina itu adalah datang dari negara-negara di luar rantau ini.

"Memang benar, negara-negara di rantau ini juga ada perasaan bimbang, tetapi negara-negara ini mestilah bersedia menghadapi segala cabaran dan bersikap bahawa segala-galanya mestilah berjalan seperti biasa," kata Tun Razak.

"Inilah sebabnya dasar luar negeri Malaysia diarahkan bagi memupuk keamanan serantu menerusi kerjasama dan harmoni wilayah. Negara-negara di kawasan ini bukan saja perlu berada dalam keadaan aman tetapi juga berkerjasama

★ MUKA 12 ruang 10

Peraturan lima negara disetujui

★ DARI MUKA 1

antara satu sama lain," ujarnya.

Beliau menjelaskan dasar pembangunan Malaysia bertujuan mengujudkan kemakmuran dan kestabilan dalam negeri di samping memberi sumbangan kepada kemakmuran dan kestabilan serantau.

Sementara itu, menurut satu kenyataan yang dikeluarkan di sini keadaan yang berubah di Asia sekarang tentu sekali akan mempercepatkan proses menjadikan Tenggara Asia rantau aman, bebas dan berkecuali.

Kenyataan itu dikeluarkan berikutan dengan rundingan di Wellington antara Tun Razak dengan Perdana Menteri New Zealand, Encik Bill Rowling.

Menurut kenyataan itu, kedua pemimpin itu bersetuju tamatnya perang Vietnam telah membuka satu lembaran baru yang akan membolehkan kestabilan dan keamanan kembali ke rantau ini.

Kedua negara juga berhasrat akan meneruskan hubungan masing-masing dengan semua negara di Indochina.

Malaysia dan New Zealand menegaskan lagi tanggungjawab mereka terhadap peraturan lima negara.

Kedua-dua Perdana Menteri itu bersetuju bahawa peraturan itu sangat berguna sebagai alat untuk berunding dan bekerjasama di kalangan negara-negara anggota.

Tun Razak dan Encik Rowling juga mengambil ketetapan untuk meningkatkan lagi kerjasama antara kedua-dua negara dan kemajuan lebih luas di Asia dan rantau Pasifik.

Mereka juga berpuas hati perbahabatan yang telah lama ujud antara kedua negara terus berkembang dengan baik.

Mengenai kerjasama serantau, kenyataan itu berkata, Tun Razak dan Encik Rowling berpuas hati dengan ASEAN sebagai satu pertubuhan yang berkesan.

Lawatan ke Australia

BERITA HARIAN, KHAMIS, 16 OKTOBER, 1975

Tun Razak berunding dgn Whitlam

CANBERRA, Rabu

PERDANA Menteri Malaysia, Tun Abdul Razak pagi ini diberi sambutan istiadat oleh Perdana Menteri Gough Whitlam dan kakitangan pejabat Pesuruhjaya Tinggi.

Meriam ditembak 19 kali menghormati kedatangan Tun Razak apabila saja ia turun dari jet VIP Australia di pangkalan udara Fairburn.

Tidak ada tunjukan perasaan di pangkalan itu.

Tun Razak memeriksa satu barisan kehormatan dan beramah mesra dengan kakitangan pejabat Pesuruhjaya Tinggi dan pelajar-pelajar Malaysia dari Universiti Nasional di Canberra yang membawa sepanduk bertulis "selamat datang," dan mengibarkan bendera Malaysia.

Perdana Menteri kemudian bertolak ke hotelnya, tetapi pegawai-pegawai keselamatan membawa ke pejabat Pesuruhjaya Tinggi kerana beberapa orang penunjukperasaan bertopeng menunggu di hotel itu.

Tun Razak dan Perdana Menteri Whitlam akan berunding membincangkan berbagai masaalah lewat petang ini.

Perdana Menteri akan dibawa ke hotelnya selepas polis mengusir penunjukperasaan yang membantah apa yang dikatakan "penindasaan politik di Malaysia."

Krisis

Krisis perlembagaan yang dihadapi oleh Encik Whitlam diduga tidak akan mengganggu lawatan Tun Razak.

Dalam rundingan tiga hari kedua pemimpin diduga akan membincangkan masa depan Brunai dari Portugis Timor.

Selepas Canberra, Tun Razak dan rombongan akan melawat Adelaide empat hari sebelum kembali ke tanahair 22 Oktober.

Kawalan keselamatan yang keras diadakan berikutan rancangan setengah golongan yang dihasut oleh anasir-anasir anti Malaysia.

Sebelum meninggalkan New Zealand, Tun Razak memberitahu pelajar-pelajar Malaysia yang menemuinya di Inter-continental Hotel, Auckland bahawa tunjukperasaan yang mereka lakukan boleh menjejaskan perhubungan antara Malaysia dan New Zealand.

Dalam ucapannya kepada kira-kira 170 orang pelajar, Tun Razak berkata segelintir pemimpin profesyenel pelajar New Zealand menghasut tunjukperasaan itu.

Sebahagian besar rakyat New Zealand bersahabat dengan Malaysia, tetapi sekiranya ada di antara mereka melafazkan perkataan-perkataan yang tidak sopan, maka ini tentulah tidak baik bagi rakyat Malaysia.

Tun Razak berkata ia dukacita mengenai tunjukperasaan beberapa hari lalu orang-orang bukan Malaysia. Mereka tidak berhak campurtangan dalam urusan rumahtangga Malaysia.

Berhak

"Hanya orang-orang Malaysia, termasuk pelajar Malaysia di New Zealand saja yang berhak mencampuri hal-hal dalam Malaysia.

"Tetapi pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri harus membincangkan hal ehwal negara mereka dikalangan mereka sendiri.

"Jika mereka hendak mempengaruhi keadaan, mereka harus pulang ke Malaysia dan menyertai perjuangan politik," kata Tun Razak.

Tun Razak dengan panjang lebar menerangkan betapa mustahaknya diadakan langkah-langkah keselamatan di Malaysia untuk menghadapi ancaman komunis yang akan melenyapkan demokrasi.

Perdana Menteri berkata ia tidak fikir tunjukperasaan terhadap kerajaan Malaysia oleh orang-orang Malaysia di New Zealand akan dianggap sebagai saversiv,

★ MUKA 12 ruang 2



Perdana Menteri Australia, Encik Gough Whitlam (kiri) sedang menyambut Tun Razak setibanya di pangkalan udara Fairburn, Canberra semalam.

Dalam rundingan tiga hari, kedua pemimpin antara lain akan membincangkan masa depan Brunei dan Portugis Timor. Tun Razak diberi sambutan istiadat di lapanganterbang. — Gambar UPI.

Perdana Menteri Australia Gough Whitlam sedang menyambut Tun Abdul Razak sebentar sebelum di pangkalan udara Fairburn, Canberra dalam lawatan beliau ke Australia pd 15 Oktober 1975.

Tun nafi pelajar2 akan ditahan

★ DARI MUKA 1

tetapi kegiatan seperti itu tidak wajar dilakukan dalam sebuah negara asing.

Ho Kin Chai, Presiden Persatuan Pelajar Malaysia di Auckland yang menemui Tun Razak, berkata ahli-ahli persatuannya tidak bimbang terhadap apa yang dikatakan "penindasan politik" semasa menyatakan kegelisahan mereka kepada Tun.

Ho berkata Tun Razak menafikan bahawa pelajar-pelajar akan ditahan sekembalinya ke Malaysia akan ditahan kerana melakukan kegiatan membantah dasar kerajaan.

"Hanya pelajar yang terlibat dalam kegiatan menderhaka saja yang akan ditahan," kata Tun Razak.

Sementara itu Perdana Menteri New Zealand, Encik Wallace Rowling dalam rundingannya dengan Tun Razak berkata bahawa New Zealand mungkin akan mengurangkan bilangan pelajar Malaysia di negeri itu.

Seramai 2,000 orang Malaysia sedang menuntut di New Zealand. — Reuter dan AP.

BERITA HARIAN, SABTU, 18 OKTOBER, 1975

Timor: Pendapat Tun terhadap Portugis

CANBERRA, Jumaat.

PORTUGIS bertanggungjawab memulihkan keamanan dan ketenteraman di Portugis Timor, tetapi tidak memberi perhatian berat kepada masaalah itu, demikian menurut Perdana Menteri Tun Abdul Razak.

Tun Razak berkata demikian semasa menjawab pertanyaan-pertanyaan selepas berucap kepada Kelab Wartawan di sini.

Perdana Menteri berkata perkembangan di Timor dengan mudah akan menyentuh Indonesi.

Bagaimanapun, apabila ditanya adakah ia akan menyokong langkah Indonesia merampas tanah jajajah itu dengan kekerasan, Tun Razak berkata: "Saya tidak fikir Indonesia akan berbuat begitu. Soal ini tidak timbul samasekali."

Tetapi beliau menambah: "Saya berharap perkara ini akan dapat diselesaikan dengan memuaskan hati semua pihak."

Meminta

Perdana Menteri memberi jaminan bahawa Malaysia tidak bercadang meminta pasukan tentera udara Australia diundurkan dari pangkalan udara Butterworth.

Beliau berkata Malaysia sedang memperbesar tentera udaranya, tetapi kehadiran jet Mirage Australia "memberi pertolongan besar" kepada Malaysia.

"Terpulanglah kepada Australia menentukan bilakah akan mengundurkan pasukan tentera udara itu," katanya. "Australia boleh menempatkan pasukan itu seberapa lama yang ia suka di Malaysia."

Dalam ucapannya Tun Razak menerangkan bahawa negara-negara Asia

★ MUKA 12 ruang 6



● Tun Abdul Razak (kiri) disambut oleh pelajar-pelajar Malaysia dalam satu jamuan yang diadakan oleh duta Malaysia di Canberra, Australia baru-baru ini. — Gambar AP.

Tun lawat Australia Selatan selama 4 hari

★ DARI MUKA 1

Tenggara sekarang mempunyai satu peluang keemasan untuk mewujudkan rantau aman yang abadi bagi jenerasi yang akan datang.

"Dengan tamatnya perang Indochina memberi satu kesempatan baik kepada semua negara untuk membuat satu zaman baru dalam perhubungan dengan negara lain.

"Satu dari tujuan utama dasar luar Malaysia ialah mencapai keamanan dengan mengadakan kerjasama dan harmoni serantau," katanya lagi.

Tun Razak hari ini tiba di Adelaide dan diberi kawalan keselamatan keras dalam lawatan empat hari ke Australia Selatan.

Tun Razak berihat di tempat peranginan pelancong di Kangaroo Island sebelum berunding secara rasmi dengan Perdana Menteri Australia Selatan, Encik Don Dunstan dan menteri-menterinya hari Isnin.

Polis Australia semalam memecahkan dua tunjukperasaan anti Malaysia yang dilakukan oleh beberapa orang pelajar Malaysia yang dikelirukan oleh pemimpin pelajar profesyenal Australia.

Tun Razak sebelum terbang ke Adelaide mengulangi amarannya bahawa tunjukperasaan seperti itu yang menjejaskan perhubungan antara Australia dan Malaysia.

Sejumlah besar dari enam ribu orang pelajar Australia tidak terlibat dalam tunjukperasaan, kata Tun Razak kepada para wartawan.

"Pemimpin pelajar profesyenal Australia yang melakukan kekacauan ini. Rakyat Malaysia bertanya apakah hak orang-orang ini untuk campurtangan dalam urusan rumahtangga Malaysia. — Reuter, UPI

Berita Minggu, Ahad, 19 Oktober, 1975

Tun kesal, jadual lawatannya dipinda

ADELIADE, Sabtu. — Jadual lawatan Tun Razak ke sini tiba-tiba diubah selepas Perdana Menteri Malaysia itu berkata di Canberra bahawa ia tidak senang hati dengan tunjukperasaan oleh sekumpulan pelajar Australia dan beberapa orang penuntut Malaysia yang terkeliru.

Perubahan jadual lawatan itu ialah satu cubaan untuk mematahkan tunjukperasaan yang dikatakan membantah apa yang dikatakan "penindasan politik di Malaysia."

Tun Razak nampaknya tidak senang hati kerana sekumpulan pelajar Australia dan beberapa orang penuntut Malaysia yang dikelirukan oleh golongan anti-Malaysia menunjukperasaan.

Menjawab satu pertanyaan selepas menghadiri jamuan makan tengahari Kelab Wartawan di Canberra semalam, Tun Razak berkata beliau tidak berasa terhina dengan tunjukperasaan itu.

Tetapi Tun Razak menerangkan ia tidak berapa senang hati mengenai kejadian itu.

Tetamu

"Saya datang ke sini sebagai tetamu kerajaan Australia. Saya menduga diberi sambutan mesra dan persahabatan.

"Tetapi setengah-setengah penunjukperasaan ialah warganegara Australia. Mengapakah mereka berbuat begini?

"Sebagai seorang manusia, saya tentulah berasa tidak senang hati," katanya.

Apabila ditanya adakah pelajar Malaysia yang membuat bantahan di Australia sedang diawasi dan apakah yang berlaku ke atas mereka apabila mereka pulang ke ke Malaysia Tun Razak berkata:

"Mereka tidak diawasi. Saya telah beritahu merak bahawa jika mereka hendak mencampuri politik, mereka hendaklah pulang mengambil bahagian dalam lapangan politik."



TUN RAZAK

Perdana Menteri berkata hanya pelajar-pelajar yang mungkin menghadapi tindakan undang-undang ialah mereka yang menyokong atau membantu komunis.

Beliau menegaskan bahawa kerajaan Malaysia tidak mahu pelajar-pelajar Malaysia terlibat dalam kegiatan politik di Australia.

"Mereka dihantar ke sini kerana jasa baik dan kemurahan hati kerajaan Australia dan mereka hendaklah berkelakuan baik dan menumpukan perhatian kepada pelajaran mereka," katanya.

Tun Razak tiba di Adeliade, ibukota Australia Selatan semalam selepas berunding di Canberra dengan Perdana Menteri Encik Gough Whitlam, menurut jadual akan berihat di Pulau Kangarro, satu tempat peranginan.

Tetapi jadual lawatannya tiba-tiba diubah dan hari ini Tun Razak melawat Lembah Barossa, satu kawasan tanaman anggur dan tempat tumpuan pelancung di Australia Selatan.

3 ditahan


Pegawai - pegawai kerajaan tidak menerangkan sebab - sebab perubahan jadual atau mengumumkan terlebih dahulu lawatan Tun petang ini atau esok.

Polis Adelaide malam tadi memberkas tiga orang penunjukperasaan di lapanganterbang dan di luar hotel tempat kediaman Tun Razak.

Tetapi pagi ini apabila Tun Razak meninggalkan hotel dan di kawal oleh kira-kira 30 orang matagelap, tidak ada penunjukperasaan kelihatan.

Tun Razak dijadual berunding dengan menteri - menteri dan ahli-ahli perniagaan Australia Selatan di Adelaide hari Isnin. — Reuter.

BERITA HARIAN, SELASA, 21 OKTOBER, 1975



Pesta untuk raikan Tun Razak diganggu

ADELAIDE, Isnin.— Perdana Menteri Australia Selatan, Encik Don Dunstan hari ini menyelar beberapa orang penunjukperasaan yang mengganggu satu pesta parti untuk meraikan Perdana Menteri Tun Razak di sini.

Katanya beberapa orang yang terlibat telah mengganggu ketenteraman di pesta parti meraikan Tun.

Mereka bukan sebenarnya menunjuk perasaan, katanya.

"Dengan diberikan kebebasan kepada mereka melakukan tunjukperasaan, itu tidak bererti mereka boleh melakukan sewenang-wenang terhadap orang lain," kata Perdana Menteri itu memberitahu pemberita-pemberita.

"Saudara-saudara tahu satu pesta parti meraikan Perdana Menteri Tun Razak telah diganggu oleh penunjukperasaan."

Encik Dunstan berkata lagi dia bersedia menemui Timbalan Chancellor Universiti Adelaide, Professor G. Badger, membincangkan kelakuan beberapa orang anggota polis dalam satu tunjukperasaan yang berlaku di Hotel Australia pada hari Sabtu lalu.

Beberapa orang penunjukperasaan mengadu mereka dipukul dan ditendang oleh polis.

"Saya suka katakan di sini mengikut pandangan saya, anggota-anggota polis yang bertugas di Hotel itu kelakuan mereka baik.

"Mereka bertugas dengan penuh kesabaran dalam keadaan yang merumitkan," katanya.

Kereta Tun Razak telah disapu cat hari Sabtu lalu sewaktu beliau mengunjungi Gabenor, Sir Mark Oliphant di sini.

Kira-kira 50 orang penunjukperasaan telah berkempen di pintu besar Rumah Gabenor dalam hujan lebat tetapi Tun dibawa masuk melalui pintu tepi.—Reuter.

BERITA HARIAN, KHAMIS, 23 OKTOBER, 1975

Whitlam minta maaf—Tun

SYDNEY, Rabu. — Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdul Razak, berkata hari ini bahawa Perdana Menteri Australia Encik Gough Whitlam telah meminta maaf kepadanya terhadap kebiadapan penunjukperasaan yang mengganggu lawatannya ke negeri itu.

Tunjukperasaan yang dilakukan oleh sekumpulan kecil golongan antiMalaysia di Australia termasuk segelintir pelajar Malaysia membantah undang-undang keselamatan malam negeri.

Tun Razak berkata undang-undang keselamatan dalam negeri disokong oleh rakyat Malaysia.

"Undang-undang keselamatan dalam negeri ialah satu langkah yang perlu untuk menghadapi pengganas-pengganas komunis yang mengancam keselamatan negara kami," kata Tun Razak dalam sidang akhbar di Lapangan-anterbang Sydney sebelum pulang ke Kuala Lumpur.

Apabila ditanya adakah ia kesal dengan tunjukperasaan itu, Tun Razak berkata, "Kadang-kadang ia dan kadang-kadang tidak.

"Mereka hanya segelintir manusia yang hendak mengganggu saya."

Bagaimanapun Tun Razak berkata lawatannya ke Australia berjaya.

"Australia dan Malaysia telah lama menjalin perhubungan persahabatan.

"Tujuan utama lawatan saya ialah untuk mempererat perhubungan persaudaraan ini," katanya.

Beliau berkata ia berunding berterus terang dan dalam suasana persahabatan dengan Encik Whitlam dan ketua pembangkang, Encik Malcolm Fraser di Canberra minggu lalu.

Perdana Menteri berkata tidak ada perselisihan pendapat yang besar dengan Kerajaan Australia mengenai masaalah yang menyentuh Asia Tenggara.

Tun Razak menegaskan bahawa Malaysia menganggap perang saudara di Portugis Timor ialah tanggungjawab kerajaan Portugis.


"Portugis mestilah bekerjasama dengan Indonesia untuk menamatkan penjajahan secara aman.

"Saya tidak fikir Indonesia akan campurtangan sekiranya keselamatannya terjamin," katanya lagi. — Reuter dan UPI.

BERITA HARIAN, JUMAAT, 24 OKTOBER, 1975

Tun: Ibubapa mungkin diminta beri jaminan

PELAJAR: ATURAN LEBIH KETAT



● TUN RAZAK dalam sidang akhbar di Seri Taman, semalam. — Gambar Berita Harian.

Oleh SAAD HASHIM

KUALA LUMPUR, Khamis. — Peraturan yang lebih ketat, seperti jaminan oleh ibubapa, perlu dikenakan ke atas pelajar-pelajar Malaysia yang hendak pergi menuntut di luar negeri," supaya mereka tidak melakukan perbuatan yang boleh merusakkan nama baik negeri ini," demikian kata Tun Abdul Razak, hari ini.

Perdana Menteri membayangkan, di masa-masa depan, para ibubapa mungkin diminta bahawa anak mereka yang akan ke seberang laut itu, akan berkelakuan baik dan selepas tamat pengajian mereka akan pulang berkhidmat kepada negaranya.

Tun Razak menyebut demikian dalam satu sidang akhbar di Seri Taman di sini mengenai lawatannya selama 12 hari ke New Zealand dan Australia.

Tun Razak dan Toh Puan Raha pulang ke tanahair kira-kira jam 11 malam tadi.

Perdana Menteri membangkitkan soal tersebut ketika mengulas tunjuk-tunjuk perasaan oleh sebilangan kecil penuntut Malaysia dalam masa lawatannya ke negara-negara tersebut.

"Saya akan berunding dengan Menteri Pelajaran mengenai syarat-syarat yang lebih ketat terhadap para pelajar yang hendak pergi menuntut ke luar negeri," tegas Tun Razak.

Menurut Tun Razak, keseluruhan lawatan beliau itu yang bertujuan mengeratkan hubungan dengan negara-negara rakan lama, adalah berjaya.

Hanya tunjuk-tunjuk perasaan penuntut-penuntut itu yang dikesalkan sedikit, kata beliau.

Tak risau

Tun Razak yang suaranya serak sedikit, berkata tunjuk-tunjuk perasaan tidaklah membimbangkan beliau langsung "sebab saya ke sana adalah sebagai pemimpin Kerajaan yang dilantik secara demokratik oleh sebilangan besar rakyat.

"Oleh itu, sesiapa yang tunjuk perasaan terhadap saya bermaknalah mereka tunjuk perasaan terhadap rakyat Malaysia."

Dalam sidang akhbar itu, Tun Razak menyebut beberapa perkara berkaitan dengan tunjuk

★ MUKA 16 ruang 6

NZ akan kurangkan kemasukan pelajar

★ DARI MUKA 1

perasaan penuntut-penuntut itu:

Pertama, bilangan penunjuk perasaan itu adalah antara 20 dan 30 orang di Australia, dan bilangan jauh lebih kurang di New Zealand.

Bilangan penuntut Malaysia di Australia ialah kira-kira 7,000 orang, manakala di New Zealand 2,000 orang.

Kedua, ramai juga penuntut-penuntut Australia dan New Zealand yang turut serta, dan mereka ini, kata Tun Razak, adalah memang kaki kacau atau professional agitators.

"Mereka ini, memang tidak mahu tahu keadaan sebenar di Malaysia, sebab kalau mereka tahu, mereka tak ada modal lagi hendak tunjuk perasaan.

"Jadi tak ada gunanya kita berbincang dengan mereka. Mereka memang tidak mahu terima," tegas Tun Razak.

Ketiga, ada benarnya kenyataan Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamed, bahawa ada penuntut - penuntut Malaysia yang mengadakan tunjuk perasaan sebagai satu alasan untuk tinggal terus di negara-negara itu.

Keempat, Kerajaan memang mengenali penuntut - penuntut Malaysia yang mengadakan tunjuk perasaan itu.

Katanya, buat masa ini Kerajaan tidak mahu bertindak apa-apa. "Kita tunggulah dulu."

katanya.

Menurut Tun Razak, beliau berpendapat penuntut - penuntut Malaysia yang mengadakan tunjuk perasaan itu adalah penuntut persendirian

Kelima, Kerajaan New Zealand telah memutuskan, ia akan mengurangkan kemasukan pelajar-pelajar asing ke negeri itu, dan Malaysia akan terlibat sama kerana semua negara asing ditimbang mengikut keadaan.

"Tetapi kalau pelajar-pelajar kita terus berkelakuan tak senonoh, maka Kerajaan New Zealand mungkin mengurangkan lagi.

"Setakat ini, Australia belum berniat demikian tetapi mereka juga mungkin bertindak demikian kalau pelajar-pelajar kita membuat kacau selalu," kata Tun Razak.

Pandangan

Keenam, walaupun terdapat kehebohan tentang tunjuk-tunjuk perasaan penuntut itu, kebanyakan rakyat Australia dan New Zealand mempunyai pandangan yang tinggi terhadap Malaysia.

"Kedua-dua Kerajaan itu berbuat apa sahaja bagi mempastikan lawatan itu memberi hasil yang baik. Mereka sendiri merasa malu dengan kejadian-kejadian itu, malah Perdana Menteri Australia Encik Gough Whitlam meminta maaf kepada saya dua tiga kali."

Tun Razak menjelaskan, adalah tidak patut penuntut-penuntut Australia dan New Zealand turut mengadakan tunjuk perasaan terhadapnya.

"Mereka tak berhak berbuat demikian, sekiranya mereka tidak setuju dengan dasar-dasar negeri ini.

"Malaysia sendiri mempunyai hubungan dengan semua negara, walaupun kita tak setuju dengan dasar setengah-setengah negara itu. Itu adalah soal, dalam negeri mereka," katanya.

Tun Razak menjelaskan, Kerajaan mahu penuntut-penuntut Malaysia pergi ke luar negeri mencari pengetahuan bersungguh-sungguh, dan kemudian kembali berkhidmat kepada negara..

"Kalau mereka tak setuju dengan dasar-dasar Kerajaan, mereka patutlah pulang dan menyertai politik. Dengan bertindak di luar negeri mereka tidak boleh mempengaruhi perkembangan di dalam negeri," tegas beliau.

Pelajaran

Tun Razak menerangkan dalam pertemuannya dengan penuntut-penuntut Malaysia di negeri-negeri itu, beliau meminta mereka menumpukan masa kepada pelajaran.

"Kita tak mahu melihat penuntut-penuntut negeri berkelakuan tak senonoh di negeri orang," jelasnya.

Menurut Tun Razak, beliau juga memberitahu pihak akhbar di kedua negara itu, mereka hendaklah mendapatkan latarbelakang yang sebenarnya sebelum menulis mengenai negeri ini.

BERITA HARIAN, JUMAAT, 24 OKTOBER, 1975



Tun dan isteri disambut sekembalinya dari Australia

● Tun Abdul Razak menemui sekumpulam kaum wanita yang turut menyambut beliau sekembalinya dari lawatan ke New Zealand dan Australia, malam semalam.

Tun Razak dan Toh Puan Hajjah Rahah tiba balik kira-kira jam 11 malam di lapanganterbang antarabangsa Subang dengan Boeing 747 Qantas, syarikat penerbangan Australia.

Datuk Hussein Onn mengetuai Menteri - Menteri Kabinet, serta orang-orang kenamaan dan isteri mereka berada di lapanganterbang untuk menyambut Tun Razak dan isterinya selepas lawatan 12 hari ke negara-negara tersebut.

Kira-kira 100 orang ahli MCA berbaris di anjung lapanganterbang itu mengalu-ngalukan Tun Razak.

Turut pulang dengan Tun Razak ialah Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr. Lim Chong Eu yang melawat Australia Selatan untuk menghadiri Minggu Pulau Pinang di Adelaide, ibu negeri Australia Selatan.

Inilah lawatan Tun Razak yang pertama ke Australia dan New Zealand sejak beliau menjadi Perdana Menteri. — Gambar Berita Harian.

BERITA HARIAN, SABTU, 25 OKTOBER, 1975



● Tun Abdul Razak beramah tamah dengan tiga orang penuntut Malaysia di Canberra, dalam lawatan beliau ke Australia baru-baru ini. Penuntut-penuntut tersebut, dari kiri Cik Nuara Asma Khir dari Alor Setar, Kedah; Encik Wong Thye Giap dari Kota Baru, Kelantan, dan Encik Quek Ah Tong dari Muar, Johor sedang menuntut di Universiti Kebangsaan Australia di Canberra Tun Razak dan Toh Puan Hajjah Rahah melawat Canberra dari 15 hingga 17 Oktober lalu. Penuntut - penuntut tersebut menemui Tun Razak ketika beliau melawat Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Australia. Perdana Menteri Australia Encik Gough Whitlam berkata, lawatan Tun Razak telah mempereratkan lagi huhungan baik antara kedua negara.— Gambar Jabatan Penerangan Australia.

UNTUK MELUASKAN KEGIATAN MEREKA

Pemaju2 rumah Aussie ke sini

K. LUMPUR, Jum.

BEBERAPA pemaju perumahan Australia Selatan mungkin ke sini untuk menjalankan projek-projek perumahan, demikian diberitahu oleh Tun Abdul Razak, hari ini.

Kata Tun Razak, soal ini timbul dalam perbincangan beliau dengan Perdana Menteri Australia Selatan, Encik Donald Dunstan dalam lawatan beliau ke sana, beberapa hari lalu.

Menurut Tun Razak, banyak syarikat perumahan dari negeri itu ingin meluaskan kegiatan mereka ke Malaysia.

Perdana Menteri memberitahu demikian dalam sidang akhbar di Seri Taman di sini, sekembalinya dari lawatan 12 hari ke New Zealand dan Australia.

Kata Tun Razak, selama di kedua negara itu, beliau mengadakan rundingan-rundingan berguna dengan Perdana Menteri New Zealand, Encik Wallace Rowling dan Perdana Menteri Australia, Encik Gough Whitlam.

"Seperti yang saya katakan, lawatan saya ini ialah untuk mengeratkan lagi hubungan baik yang sudah wujud antara kita dengan kedua negara itu.

"Kedua-duanya adalah rakan baik yang kejujurannya sudah teruji. Mereka sentiasa datang membantu kita bila diperlukan," kata Tun Razak.

Antara lain Tun Razak menyebut, soal Brunei dibangkitkan juga dalam rundingan beliau dengan Encik Whitlam.

Ini ialah sebab Australia juga satu daripada ahli-ahli dalam Jawatankuasa 24 Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu jawatankuasa mengenai kemerdekaan tanah-tanah jajahan.

Dijemput

Tun Razak tidak menyatakan butir-butir lanjut tentang rundingan beliau dengan Encik Whitlam dalam hal ini.

Dalam rundingan itu, juga menjelaskan kepada kedua-dua Kerajaan bahawa tahun depan Malaysia akan melancarkan Rancangan Malaysia Ketiganya dan Australia dan New Zealand adalah dijemput menyertai projek-projek yang akan dilaksanakan nanti.

Kata Tun Razak: Australia dan New Zealand adalah memandang berat kepada keamanan dan kestabilan di rantau ini kerana mereka adalah dekat dengan kita.

"Saya ke sana adalah untuk menegaskan, kita ingin terus bekerjasama, sambil berharap mereka akan terus membantu kita."

BERITA HARIAN, SABTU, 25 OKTOBER, 1975

Hadiah beg buatan orang Maori

● Tun Razak dan Toh Puan Hajjah Rahah menerima hadiah beg buatan orang Maori dari bekas Pesuruhjaya Tinggi New Zealand ke Malaysia, Sir Charles Bennet, dalam lawatan mereka ke New Zealand, baru-baru ini.

Sir Charles iaitu rakan baik Tun Razak menyampaikan hadiah kenang-kenangan itu semasa Tun Razak dan isterinya melawat ke bandar pelancongan New Zealand, Roturua.

Dalam lawatannya ke New Zealand dari 11 hingga 15 Oktober lalu, Tun Razak berunding dengan Perdana Menteri New Zealand, Encik Wallace Rowling dan Menteri-Menteri lain serta pemimpin pihak Pembangkang, Encik Robert Muldoon, di Wellington.

Sebelum terbang ke Australia, Tun Razak juga berucap di Institiut Hal Ehwal Luar New Zealand serta menemui penuntut-penuntut Malaysia yang menuntut di Universiti Victoria di ibunegeri New Zealand itu. — Gambar Jabatan Penerangan New Zealand.



BERITA HARIAN, ISNIN, 27 OKTOBER, 1975

TUN AKAN KE MEDAN RUNDING DENGAN SUHARTO

KUALA LUMPUR, Ahad. — Tun Abdul Razak mungkin melawat Medan bulan depan untuk berunding tidak rasmi dengan Presiden Suharto, demikian menurut sumber rasmi di sini hari ini.

Rundingan kedua pemimpin itu difahamkan sebahagian dari mesyuarat tidak rasmi antara pemimpin - pemimpin negara ASEAN untuk membincangkan kepentingan bersama.

Sumber itu berkata Tun Razak dan Presiden Suharto juga akan membincangkan cadangan mengadakan sidang kemuncak pemimpin - pemimpin ASEAN.

Presiden Suharto berkata di Jakarta Isnin lalu beliau berharap sidang kemuncak itu diadakan di Indonesia pada hujung tahun ini.

Tun Razak pernah berunding tidak resmi dengan Presiden Suharto semasa beliau melakukan lawatan peribadi ke Bali pada bulan September tahun lepas.

BERITA HARIAN, SELASA, 28 OKTOBER, 1975

Pelabur2 asing diberi jaminan di segi ekonomi

KUALA LUMPUR, Isnin. —Kerajaan Malaysia akan menjamin menerusi undang - undang yang digubal dan dasar-dasar yang dilaksanakan bahawa negara ini kekal dari segi ekonomi dan politik sebagai tempat melabur modal yang baik.

Perdana Menteri, Tun Abdul Razak berkata demikian hari ini ketika berucap di Seminar Pelaburan Malaysia di sini.

Katanya, Malaysia mestilah pragmatis dan saksama. Dasar-dasarnya akan terus ditentukan demi kepentingan sendiri yang menasabah dan bukan oleh pertimbangan yang melulu.

Beliau memberi jaminan kepada pelabur-pelabur asing bahawa Malaysia mengiktiraf sumbangan mereka kepada pembangunan perindasterian negara ini dan tidak akan berbuat sesuatu yang menjejasnya.

Katanya, dalam beberapa bulan yang lalu terdapat setengah ulasan - ulasan yang tidak menyenangkan dalam sebaran am antarabangsa mengenai iklim pelaburan Malaysia amnya dan sikap Malaysia terhadap pelaburan modal asing khasnya.

Perkara yang menimbulkan hilang kepercayaan dan keraguan ini akan dibincangkan secara mendalam dalam persidangan ini.

Mengenai keselamatan, Tun Razak berkata, ancaman terhadap Asia Tenggara nyata bukannya datang dari luar atau menerusi ancaman yang meresap masuk, tetapi dari kegiatan sabersif antinasional.

Kerajaan akan menambah jumlah anggota pasukan keselamatan bagi mengekalkan tekanan ke atas pengganas-pengganas komunis di luar bandar.

Kerajaan juga menyusun semula pasukan polis supaya dapat dengan lebih berkesan lagi mengatasi keganasan di luar dan dalam bandar.

Keamanan

Kerajaan juga telah memulakan beberapa langkah bagi melibatkan rakyat dalam usaha mengekalkan keamanan menerusi skim Rukun Tetangga.

Untuk membolehkan mahkamah - mahkamah mengendalikan dengan lebih berkesan lagi terhadap kes-kes keganasan, kerajaan juga telah menggubal satu undang-undang baru.

Tun Razak berkata, Malaysia akan terus menggunakan pengalamannya selama 25 tahun yang lalu bagi mengatasi ancaman pengganas-pengganas.

Kerajaan juga telah melancarkan rancangan-rancangan pembangunan yang besar bagi menawan hati dan fikiran rakyat dan mencegah mereka daripada terpengaruh oleh fahaman komunis.

Tun Razak juga menyatakan bahawa di Sarawak sebahagian besar daripada pengganas-pengganas telah kembali ke pangkuan masyarakat.

Katanya, setelah merasai "kepanasan" api komunis yang militan, Malaysia telah menjadi bertambah kukuh seperti besi waja bermutu tinggi.

Mengenai hal ehwal antarabangsa, Tun Razak berkata, "hidup bukanlah seperti bermain domino," tetapi lebih merupakan seperti bermain catur tetapi inipun memerlukan perjuangan yang terus menerus antara pihak-pihak yang bertentangan.

Beliau berpendapat, lebih tepat lagi kalau hidup ini diibaratkan seperti "teka teki."

Katanya, samaada masa depan Asia Tenggara ini merupakan permainan catur ataupun berusaha bersama menyusun satu gambaran baru bagi rantau ini, terpulang kepada sikap dan pendapat bersama setiap negara berkenaan.

Bagaimanapun, tambahnya, sudah terdapat tanda-tanda yang positif dalam bidang kerjasama bagi mengukuhkan keamanan, keharmonian

★ MUKA 18 ruang 8

Projek rumah diutamakan

★ DARI MUKA 1

dan kestabilan rantau ini.

Mengenai rancangan Malaysia ketiga, Tun Razak berkata, ia akan menumpukan kepada pendekatan dari berbagai segi bagi menghapuskan kemiskinan tanpa mengira kaum di kalangan petani, peladang pekerja ladang, buruh pertanian, penduduk kampung baru dan orang-orang miskin di bandar.

Perhatian yang utama akan diberikan kepada rancangan perumahan bagi mereka yang berpendapatan rendah di bandar-bandar.

Mengenai dasar ekonomi baru, beliau berkata, pelaksanaannya adalah berdasarkan kepada konteks ekonomi yang berkembang dan bukannya dengan merampas hak dan keistimewaan orang-orang berada sekarang untuk diberikan kepada mereka yang tidak berada.

Tun Razak berkata, ekonomi Malaysia telah menjadi makmur kerana ia berbentuk "terbuka" dan kerana inisiatif sektor swastanya.

Kerajaan menyedari bahawa ia mempunyai tanggungjawab yang besar bagi menolong sektor swasta memainkan peranannya yang tertentu.

Berdasar

Sektor ekspot diramalkan terus memainkan peranan dalam pertumbuhan yang memberansang berdasarkan ramalan-ramalan bebas harga-harga barang dan bertambahnya jumlah ekspot.

Memandangkan prospek-prospek ini dan peringkat pertumbuhan yang paling tinggi dalam tahun 1973 dan setengah tahun pertama tahun lalu, kemelesetan ekonomi yang ada sekarang ini tidaklah menjadi ukuran menunjukkan terdapat sebarang kelemahan.

Kesulitan yang terdapat sekarang ini adalah datang dari luar dan jika dibandingkan dengan lain-lain negara, kesulitan itu tidaklah menjadi halangan yang besar kepada kemajuan pembangunan.

Dengan ekonominya yang berkembang dan dinamis, Malaysia telah berjaya mengekaikan pertumbuhan ekonomi yang tinggi peringkatnya dalam rangka kestabilan kewangan.

Matawangnya adalah kukuh dan stabil dengan adanya sokonggan simpanan tukaran asing sebanyak lebih daripada 150 peratus. Simpanan tukaran asing adalah kira-kira empat ribu juta ringgit, mampu bagi membiayai jumlah impot selama enam bulan di peringkat sekarang.

Keluaran negara kasar (KNK) dalam tahun ini dari segi sebenarnya dijangka antara dua hingga empat peratus.

Bimbang

Mengenai perusahaan minyak, Tun Razak berkata, terdapat kebimbangan dan spekulasi yang tidak berasas tentang arah dan masa depan perusahaan itu dan peranan sektor swasta dalam kemajuannya.

Beliau menekankan, "Kita adalah berazam sepenuhnya melaksanakan rancangan yang melibatkan sektor swasta dalam pemajuan perusahaan minyak Malaysia.

Mengenai "kebimbangan" terhadap perundangan petroliam baru-baru ini, beliau berkata, sebagai sebuah negara yang bebas, Malaysia mestilah mempertahankan haknya bagi memperlindungi kepentingan negara dan mengusahakan sumber-sumber alam sebaik-baiknya.

Di samping itu, Malaysia menyedari perlunya penyertaan pelaburaan modal asing dalam perusahaan ini dan akan sentiasa menjamin bahawa kepentingan sektor swasta itu terjaga.

Razak: Langkah segera perlu diambil

ANCAMAN KOMUNIS SUDAH SAMPAI KE PERINGKAT SERIUS

KUALA LUMPUR, Isnin.

TUN Abdul Razak menegaskan kerajaan terpaksa mengambil beberapa langkah keselamatan tanpa perbincangan Parlimen dulu kerana ancaman dari pihak komunis sudah mencapai ke peringkat yang serius dan langkah-langkah segera mesti diambil.

Lagi pun, beliau memberitahu Sidang Dewan Rakyat petang ini, kerajaan mempunyai kuasa bawah undang-undang darurat dan kerajaan terpaksa menggunakan kuasa-kuasa itu demi kepentingan negara.

Katanya, kerajaan bertanggungjawab untuk menjaga keselamatan negara ini dan terpaksa mengambil tindakan-tindakan perlu yang mustahak untuk mengatasi masaalah keselamatan dalam negeri.

Beliau menjawab soalan tambahan Encik Lim Kit Siang (DAP-Kota Melaka) yang menegur kerajaan kerana mengambil tindakan-tindakan keselamatan seperti Peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan), hendak menyekat kebebasan para pelajar melanjutkan pelajaran ke luar negeri tanpa perbincangan dengan ahli-ahli parlimen dan orang-ramai.

Tun Razak berkata tidak benar juga perkara - perkara tersebut tidak dibawa ke Parlimen kerana Akta Keselamatan Dalam Negeri sudah dibincangkan dalam Parlimen sebelum diluluskan dahulu.

Masaalah

Beliau memberi jaminan Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) akan dibincangkan dalam sidang parlimen kali ini.

Menjawab soalan asal dari Haji Abdul Wahab Yunus (Per - Dungun), Perdana Menteri berkata masaalah keselamatan yang dihadapi sekarang semata-mata dari ancaman komunis dan anasir subversif yang sentiasa cuba menimbulkan huruhara di negara kita.

Beliau menyangkal masaalah keselamatan itu kerana tekanan dari kesatuan - kesatuan sekerja dengan tuntutan-tuntutan mereka dan masaalah tersebut juga

tidak ada kaitan dengan gara-gara demokrasi barat.

"Masaalah yang ada kaitan dengan keselamatan negara sekarang adalah disebabkan mereka yang ingin merampaskuasa secara paksaan dan hendak menimbulkan keadaan huruhara di negara kita," katanya.

Nelayan

Menjawab soalan lain, Tun Razak menjelaskan Rancangan Malaysia Ketiga akan mengutamakan masaalah penduduk-penduduk miskin tidak kira bangsa terutama golongan pekebun kecil getah, penanam padi, nelayan, pekebun kelapa, pekerja ladang, penduduk kampung baru, buruh pertanian dan golongan miskin di bandar-bandar.

Rancangan itu, katanya akan terus menjalankan kedua matlamat bawah Dasar Ekonomi Baru — menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Beliau menjawab soalan mulut Encik Lee Lam Thye (DAP-Kuala Lumpur Bandar) yang juga ingin tahu samada setiap lapisan masyarakat akan diberi peluang membincangkan rancangan lima tahun ketiga itu sebelum dilaksanakan.

Rancangan

Tun Razak berkata perbincangan, kritik-kritik dan cadangan-cadangan mengenai dasar dan pelaksanaan sesuatu rancangan pembangunan memang sentiasa dilakukan samada di dalam atau di luar Dewan Rakyat oleh semua peringkat badan-badan pertubuhan.

Ahli-ahli parti pembangkang, katanya, mempunyai peluang seluasnya untuk mengkaji progrem-progrem kerajaan bawah Rancangan Malaysia Ketiga itu apabila di bawa ke sidang parlimen kelak.

Pelaksanaan sesuatu rancangan itu juga sentiasa tertakluk kepada

★ MUKA 18 ruang 6

TUN SEBUT KEJAYAAN PROJEK BUKU HIJAU

★ DARI MUKA 1

semakan tahunan terutama semasa dewan membincangkan belanjawan negara, peruntukan perbelanjaan dan kemajuan - kemajuan yang dicapai oleh sesuatu kementerian dan jabatan.

Jadi, katanya, memang ada peluang yang cukup menurut perlembagaan dan prinsip demokrasi yang diamalkan di negara ini bagi semua pihak memberi pandangan dan teguran terhadap Rancangan Malaysia Ketiga.

Dalam soalan tambahannya Encik Lee Lam Thye ingin tahu samada kerajaan akan menjemput wakil-wakil parti politik untuk memberi pandangan Rancangan Malaysia Ketiga melalui RTM.

Tun Razak berkata perkara itu tidak biasa dibuat kerana semua perbincangan dibuat dalam Dewan Parlimen dan pihak pembangkang mempunyai banyak peluang untuk membincangkan masaalah tersebut di situ.

Mengenai kejayaan Rancangan Buku Hijau yang dibangkitkan oleh Encik Abdul Jalal Haji Abu Bakar (BN-Batu Pahat), Tun Razak memberitahu sehingga akhir jun 1974, seluas 48,226 ekar diusahakan bawah rancangan itu.

Katanya rancangan itu berhasil menambah pendapatan rakyat luar bandar bagi mereka yang menyahut seruan rancangan itu dan ini juga dapat dilihat dari turunnya kadar inflasi bagi setengah barang-barang keperluan utama.

PM jelaskan masaalah had tinggal


KUALA LUMPUR, Isnin. — Kerajaan Arab Saudi mengenakan had tinggal bagi jemaah haji di Mekah bukan saja dari Malaysia tetapi juga dari seluruh dunia, Tun Abdul Razak memberitahu Dewan Rakyat hari ini.

Perdana Menteri menjawab pertanyaan Tengku Zaid Ahmad (BN-Pasir Mas) yang mahu tahu sama ada benar ketiadaan hadir Perdana Menteri sebagai wakil Malaysia di upacara perkebumian jenazah Almarhum Al-malik Faisal menyebabkan sekatan itu di-adakan. — Bernama.

BERITA HARIAN, KHAMIS, 30 OKTOBER, 1975

ZAINUDDIN BENDAHARA, dan ROHANI PA' WAN CIK

S-jaya khidmat pelajaran badan bebas—PM



TUN RAZAK

KUALA LUMPUR, Rabu. — Tun Razak memberitahu Dewan Rakyat petang ini Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran adalah sebuah badan yang bebas dan ia menjalankan tugas-tugas-nya tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak.

Suruhanjaya itu, kata beliau, telah dilantik oleh Yang Dipertuan Agung dan mempunyai kuasa-kuasa seperti yang diperuntukan dalam Perlembagaan.

Perdana Menteri berkata ini ketika menjawab soalan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (BN-Bachok) yang ingin tahu:

● Sejak tugas pengambilan calun-calun mengikuti kursus-kursus di maktab perguruan diletakkan di dalam bidangkuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran apakah kebaikan yang telah diperolehi dari perubahan itu;

● Masaalah-masaalah yang dihadapi dalam menjalankan temuduga oleh suruhanjaya itu bagi memilih calun-calun yang berpuluh-puluh ribu diseluruh negara; dan

● Bilangan dan pangkat jawatan pegawai-pegawai yang bertugas dalam pasukan temuduga.

Kata Tun Razak, semua ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran adalah dari pegawai-pegawai yang berpengalaman dalam Kerajaan dan mereka dapat menumpukan sepenuh masa dan tenaga terhadap tugas-tugas Suruhanjaya itu.

Tun Razak berkata: "Tidak ada masaalah yang dialami oleh Suruhanjaya dalam menjalankan temuduga-temudaga untuk calun-calun guru pelatih yang diadakan disemua negeri.

"Memandangkan bilangan calun yang dipanggil temuduga dalam tahun 1975 sangat ramai suruhanjaya telah melantik lembaga-lembaga temuduga terdiri daripada pegawai-pegawai kanan Kementerian Pelajaran untuk membantu pegawai - pegawai di urusetia suruhanjaya itu," katanya.

Dalam tahun 1975 bilangan pegawai yang bertugas dalam pasukan temuduga adalah seramai 83 orang.

"Mereka terdiri daripada pegawai - pegawai kanan seperti pengetua-pengetua Maktab Perguruan, nazir - nazir sekolah dan guru-guru besar sekolah menengah dari Kementerian Pelajaran dan ketua - ketua penolong setiausaha dari perkhidmatan tadbir dan diplomatik," tambah beliau.

Perumahan: K'terian khas tak perlu, kata Tun Razak

KUALA LUMPUR, Rabu. — Kerajaan berpendapat tidak perlu diadakan sebuah kementerian khas bagi perumahan untuk mentadbir hal ehwal perumahan di bandar dan luar bandar ketika ini.

Tun Abdul Razak ketika memberitahu demikian di Dewan Rakyat petang ini berkata, perkara itu disebabkan susunan kementerian-kementerian yang ada sekarang, memadai mengatasi masaalah tersebut.

Kesesakan

Kementerian - kementerian itu, tambah beliau, termasuk Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru dan susunan yang ada di negeri-negeri termasuk Suruhanjaya-suruhanjaya Perumahan Negeri dan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri.

Perdana Menteri menjawab soalan Datuk Haji Shafie bin Haji Abdullah (BN-Baling) yang berpendapat cadangan itu berdasarkan kepada kesesakan cara hidup yang semakin meningkat dan menentukan supaya kesihatan rakyat terjamin dengan adanya cara perumahan yang teratur dan murah.

Berita Harian 30 Oktober 75

Dewan tolak syor siasat sikap diktator

KUALA LUMPUR, Rabu.

TUN Abdul Razak menolak cadangan supaya dibentuk sebuah Suruhanjaya Diraja untuk menyiasat tuduhan pemerintahan bersikap diktator, salah pemerintahan dan rasuah di Sabah.

"Suruhanjaya Diraja seperti ini tidak perlu," kata beliau dalam jawapan bertulis kepada soalan Dr. Tan Chee Khoon (Pekemas).

Dr. Tan juga bertanya samada Perdana Menteri sedar suruhanjaya seperti itu perlu dan dikehendaki oleh rakyat Sabah.

Perdana Menteri dalam jawapannya berkata, Kerajaan baru akan dibentuk di Sabah sebaik sahaja Ketua Menteri Sabah sekarang, Tun Datu Haji Mustapha bersara mulai 31 Oktober ini.

Bersara

Ketua Menteri itu, kata beliau, telahpun mengistiharkan akan bersara daripada memegang jawatan tersebut.

"Jika ada salah pemerintahan dan rasuah dijalankan oleh manamana jabatan kerajaan, tindakan biasa akan dijalankan menurut undang-undang negara," tambah beliau.

Dalam jawapan bertulis yang lain kepada Mohd. Idris Haji Ibrahim (BN-Setapak), Tun Razak berkata, tujuan Kementerian Pertahanan menyewa rumah-rumah pangsa ialah sebagai langkah sementara bagi mengatasi masaalah rumah-rumah kelamin bagi anggota tentera.

Dengan yang demikian rumah-rumah pangsa itu bolehlah disifatkan sama seperti rumah-rumah kerajaan, katanya.

Encik Mohd. Idris dalam pertanyaannya berkata, askar-askar yang tinggal di rumah pangsa tidak diberi peluang membeli rumah itu.

BERITA HARIAN, JUMAAT, 31 OKTOBER, 1975



● TUN Abdul Razak memerhatikan jentera-jentera yang akan digunakan untuk membaiki jalan-jalan luarbandar di Kampung Teliar, dekat Pasir Mas, Kelantan, semalam. — Gambar Berita Harian.

Ancaman terhadap negara serius: Tun

KOTA BHARU, Khamis. — Tun Abdul Razak berkata hari ini keadaan keselamatan negara adalah serius dan tidak boleh dipandang ringan.

Kerajaan akan terus mengambil tindakan tegas termasuk membesarkan pasukan polis dan tentera serta melengkapkan mereka dengan senjata moden bagi menjalankan gerakan.

Bagaimana pun, rakyat perlulah memberikan kerjasama kerana pengganas yang dihalau akan dapat masuk semula sekiranya rakyat memberi sokongan kepada mereka.

Perdana Menteri telah berucap melancarkan projek kemajuan kampung yang diadakan serentak dengan pembukaan sebuah masjid di Kampung Teliar, dalam Jajahan Pasir Mas, dekat sini.

Tun Razak berkata pengganas - pengganas telah menunjukkan keazaman mereka untuk merampas kuasa di negara ini secara kekerasan sejak tahun 1948 lagi.

Oleh itu, rakyat haruslah mempunyai keazaman yang sama kuatnya untuk menghapuskan mereka.

Penduduk2 berikrar sokong Tun

Sukarela

Tun Razak juga menyeru penduduk kampung menubuhkan pasukan Rukun Tetangga secara sukarela tanpa menunggu pelancarannya oleh pihak kerajaan.

Katanya pada masa ini kerajaan menumpukan perhatian menubuhkan sekim Rukun Tetangga di kawasan bandar, tetapi penduduk kampung boleh menubuhkan secara sukarela dan kemudian disahkan oleh Kerajaan.

Pasukan tersebut bukan saja dapat menjaga keselamatan kampung dari ancaman penggganas komunis tetapi juga dari pencuri, perompak dan lain-lain anasir jahat.

Mengenai Rancangan Malaysia Ketiga, Tun Razak berkata kerajaan akan menumpukan usaha yang lebih terhadap golongan miskin seperti petani, nelayan, pekebun kecil dan pekerja - pekerja berpendapatan rendah.

Pada masa ini kira-

★ MUKA 12 ruang 3

★ DARI MUKA 1

kira 40 peratus dari rakyat adalah termasuk dalam golongan miskin yang mendapat hanya 11 peratus sahaja dari pendapatan negara.

Katanya Rancangan Malaysia Ketiga juga akan merapatkan jurang perbezaan antara negeri-negeri dan daerah-daerah dengan memberi lebih banyak keutamaan kepada negeri-negeri kurang maju seperti Kelantan, Trengganu, Pahang, Kedah dan Perlis.

Tun Razak berkata di bawah Rancangan Malaysia Kedua, kerajaan telah berjaya mengadakan rancangan-rancangan asas, pembukaan tanah secara besar-besaran dan bandar-bandar baharu.

Perdana Menteri mengulangi ikrarnya bahawa Kerajaan Pusat akan memberi apa saja bantuan untuk memajukan negeri Kelantan agar rakyatnya dapat mengubah curak hidup.

Beliau yakin negeri itu akan mencapai kemajuan yang pesat pada tahun-tahun akan datang.

Beliau menyeru rakyat Kelantan yang mempunyai kebolehan dan kecenderungan dalam perniagaan supaya berpindah ke bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur untuk merebut peluang yang lebih besar.

Katanya, di Kuala Lumpur, misalnya, UDA menyediakan tempat-tempat berniaga bagi Bumiputra tetapi penyertaan dari mereka masih lagi kurang.

Tun Razak mensifatkan upacara hari ini sebagai istimewa kerana ia melambangkan dasar kerajaan hendak memberi pembangunan jasmani dan rohani.

Di bawah projek itu, jentera-jentera bernilai kira-kira $4 juta dari pemberian Kerajaan Pusat telah dilancarkan untuk membaiki jalan-jalan luarbandar yang panjangnya berjumlah 1,500 batu di seluruh Kelantan.

Sebelum itu, Tun Razak telah diberi sambutan meriah setibanya di Lapanganterbang Pengkalan Chepa.

Beliau dialu-alukan oleh Menteri Besar, Datuk Haji Mohamed Nasir, Timbalannya, Haji Wan Ismail Wan Ibrahim, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Nik Sulaiman Haji Nik Daud dan ketua-ketua jabatan dan pemimpin-pemimpin politik.

Dialu2kan

Tun Razak diiringi oleh Menteri Luar, Tengku Ahmad Rithauddeen dan Pengerusi Petronas Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah.

Dari lapanganterbang, Tun Razak berkereta ke Kampung Teliar. Beliau dialu-alukan oleh beribu-ribu orang kanak-kanak sekolah dan penduduk kampung tersebut.

Tun Razak juga menerima ikrar dari penduduk-penduduk untuk menyokong kerajaan di bawah pimpinan beliau.

Sebelum berlepas ke Kuala Lumpur, Tun Razak telah mengadakan perjumpaan dengan ahli-ahli Majlis Kerja Negeri di Bilik Gerakan di Bangunan Kerajaan Negeri.

Antara perkara yang dibincangkan dalam perjumpaan itu ialah soal keselamatan terutamanya di kawasan sempadan Kelantan-Thai. — Bernama.

Berita Minggu, Ahad, 2 November, 1975

Tun Razak berpantun seru pegawai berdedikasi

TUN Abdul Razak malam ini mengingatkan pegawai-pegawai Kerajaan terutama sekali mereka yang diberikan latihan pengkhususan supaya jangan memasuki bidang swasta semata-mata kerana mengejar gaji besar dan kemudahan-kemudahan lain.

Katanya, Kerajaan tidak dapat menghalang pegawai-pegawai berhenti untuk memasuki bidang swasta.

"Tetapi apa yang kita harapkan ialah mereka tidak semata-mata memikirkan soal gaji dan kemudahan lain yang lumayan jika memasuki bidang swasta.

Tun Razak menyebut demikian dalam majlis makan malam anjuran Persatuan Tadbir dan Diplomatik di Hotel Hilton di sini.

KUALA LUMPUR, Sabtu

Jadi junjungan

Buat pertama kalinya, ucapan Tun Razak kali ini diiringi pula dengan pantun-pantun menarik. Dua rangkap pantun yang berkaitan dengan seruan beliau itu ialah:

Kepada pegawai - pegawai muda saya berpesan,
Berkhidmat dengan jujur dan taat kepada watan,
Jangan semata-mata memandang kepada wang dan pendapatan,
Kepentingan negara perlu menjadi junjungan.
Kalau bertugas dengan jujur dan dedikasi,
Sungguhpun tak banyak wang didapati,
Perasaan berkhidmat dengan puas hati,
Menjadi balasan yang tak dapat dihargai.

"Mereka hendaklah juga memikir sumbangan yang dapat mereka beri kepada negara, lebih-lebih lagi mereka yang telah mendapat kemudahan latihan pengkhususan," kata beliau.

Kata Tun Razak, beliau tidak menafikan bahawa mereka yang bekerja dalam perkhidmatan awam mendapat gaji kecil.

"Tetapi jika saudara-saudara bekerja dengan penuh semangat, saudara-saudara akan mendapat kepuasan yang lebih," tambah beliau.

Untuk menguatkan pandangan tersebut beliau telah mengemukakan beberapa rangkap pantun.

Soal bonos

Tun Razak berkata, Kerajaan akan melakukan seberapa yang boleh untuk memberi jaminan bekerja yang baik dan lebih selesa kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan.

Bagaimanapun mereka hendaklah menunjukkan pandangan yang sempurna dan saksama terhadap masaalah yang dihadapi oleh Kerajaan, kata beliau.

Mengenai pembayaran bonos kepada pegawai dan kakitangan Kerajaan, Perdana Menteri berkata, langkah tersebut adalah sementara.

"Kita akan menimbangkan ia dibayar semula apabila keadaan negara bertambah baik," kata beliau.

Begitu juga dengan peluang-peluang kenaikan pangkat, kata Tun Razak lagi.

Peluang ini, katanya, sentiasa ada dan terbuka kepada mereka yang layak dan berkebolehan.

Beliau juga memberitahu bahawa Kerajaan akan sentiasa memberi peluang kepada semua pegawai Kerajaan mengikut latihan samada di dalam maupun luar negeri.

Berikut ialah pantun Tun yang disampaikannya di majlis tersebut:

Tuan-tuan dan Puan-puan bijak bistari,
Beramai-ramai berkumpul di jamuan indah berseri;
Saya bersyukur ke hadrat Illahi,
Dapat hadir bersama isteri.
Jamuan diadakan setahun sekali,
Oleh Pegawai-pegawai Pentadbir Negeri;
Untuk beramah mesra sama sendiri,
Makan minum serta tari menari.
Kepada Yang Dipertua dan Ahli-ahli Jawatankuasa,
Yang pintar dan bertimbang rasa;
Saya bersyukur ke hadrat Tuhan Yang Esa,
Di atas kejujuran dan ikrar taat setia.

Pegawai-pegawai Pentadbir menjalankan tugas sentiasa,
Siang dan malam tidak kira masa;
Untuk kepentingan rakyat dan negara,
Sedia berkorban segala usaha dan tenaga.
Negara Malaysia yang masih muda,
Hanya sembilan belas tahun sejak merdeka,
Banyak masaalah terpaksa dirasa,
Rakyat perlu tabahkan hati dan jiwa.
Keadaan darurat masih menyala,
Pengganas bergerak di bandar dan desa;
Cita-cita khianat diteruskan juga,
Hendak merampas kuasa negara.
Pegawai-pegawai Pentadbir perlu waspada,
Kepentingan rakyat mesti dijaga;
Jangan dibenar penjahat bermaharajalela,
Negara hancur rakyat sengsara.
Perpaduan rakyat mesti diusaha,
Menyokong Polis dan Angkatan Tentera,
Menentang puak-puak yang berniat celaka;
Supaya dielak timbulnya hura hara.
Jentera pentadbiran hendaklah diawasi,
Kehendak rakyat sentiasa dilayani;
Segala sungutan perlulah diketepi,
Rakyat tidak dipengaruhi lain ideoloji.
Kalau semua lapisan dalam Negara,
Ketua-ketua Politik, Pegawai-pegawai Pentadbir dan rakyat jelata;
Bersatu hati dan membulatkan tenaga,
Insya Allah musuh negara tetap dibinasa.

Kepada pegawai-pegawai muda saya berpesan,
Berkhidmat dengan jujur dan taat kepada watan;
Jangan semata-mata memandang kepada wang dan pendapatan,
Kepentingan negara perlu menjadi junjungan.

Kalau bertugas dengan jujur dan dedikasi,
Sungguhpun tak banyak wang didapati,
Perasaan berkhidmat dengan puas hati,
Menjadi balasan yang tak dapat dihargai.
Saya tak hendak berpanjang kata,
Malam ini malam bersuka ria,
Kepada ahli-ahli PTD diucapkan sejahtera,
Terus bertugas dengan dedikasi dan daya usaha.
Dengan ucapan terimakasih saya sudahi,
Kepada ahli-ahli PTD suami isteri,
Saya berpantun untuk bersuka hati,
Silap dan salah harap diampuni.



Seorang ahli Kelab Belia 4B Kampung Sasapan Batu Minangkabau, Ulu Langat, Selangor mengkagumkan para penonton dengan tarian atas gelas di majlis pembukaan Pesta Perdana Ulu Langat, di Stadium Kajang, pagi semalam.

Tun Abdul Razak telah melepaskan satu ikatan belon ketika merasmikan pesta selama 12 hari itu. — Gambar Berita Minggu.

PM RASMI PESTA PERDANA DI U. LANGAT

KAJANG, Sabtu. — Tun Abdul Razak telah diberi sambutan meriah setibanya untuk melakukan perasmian Pesta Perdana Ulu Langat di Stadium Kajang di sini hari ini.

Beliau diarak dengan kompang dan bunga manggar oleh penganjur pesta tersebut diketuai oleh pengerusinya, Encik Azmi bin Dato' Mohamed Nazir.

Pesta dua minggu itu yang diisi dengan berbagai pameran kemajuan rakyat, ajensi-ajensi Kerajaan dan swasta dianjurkan oleh tiga buah badan daerah tersebut.

Badan-badan itu UMNO Bahagian Ulu Langat, Gerakan Belia 4B Ulu Langat dan Persatuan Kebajikan dan Kesenian Kajang.

Selain pameran kemajuan juga diadakan pertunjukan kebudayaan semua kaum seperti wayang kulit, opera China, boria, silat.

Juga terdapat pentas hiburan yang disertai oleh penyanyi dan kugiran terkenal dan joget.

Inilah kali pertama pesta seumpama itu diadakan oleh daerah ini.

Encik Azmir dalam kata aluan menyebut bahawa pesta tersebut mempunyai tiga tujuan utama:

- Mengumpul wang bagi mengisi tabung kebajikan daerah;
- Mempamerkan kepada masyarakat tempatan segala bentuk pembangunan dan kemajuan yang telah dicapai oleh daerah tersebut, dan
- Mewujudkan kerjasama dan perpaduan di kalangan kakitangan Kerajaan, ahli politik, pertubuhan sukarela, swasta dan seluruh masyarakat.

Beragam

Juga diadakan sepanjang pesta itu pemilihan ratu, pakaian beragam, jalan kaki, go-kart dan peraduan menyanyi.


Menurut Encik Azmir, pihaknya berharap dapat mengumpulkan $30,000 dari pesta ini.

Wang ini, kata beliau, akan disalurkan kepada badan-badan dan pertubuhan kebajikan yang memerlukan bantuan dalam daerah tersebut.

Tun Razak dalam ucapan perasmiannya memuji usaha pihak penganjur pesta tersebut.

Beliau juga memuji tema pesta "Masyarakat Bersatu Negara Maju".

Beliau berharap pesta tersebut dapat memberi peluang kepada penduduk daerah itu menyaksi dan mengetahui sedikit sebanyak pembangunan yang sedang berlaku dan yang dicapai.



Tun Abdul Razak memakai topi dihadiahkan oleh jawatankuasa penganjur Pesta Perdana Ulu Langat di Kajang, Selangor sebelum beliau melawat ke gerai-gerai pesta itu, pagi semalam.

Sebelum itu, Tun Razak merasmikan pesta tersebut. — Gambar Berita Minggu.

BERITA HARIAN, ISNIN, 3 NOVEMBER, 1975.

Deepavali: Rakyat diseru terus berikan k-sama

TUN Abdul Razak telah mengucapkan selamat menyambut Deepavali kepada rakyat Malaysia berugama Hindu sempena perayaan "Pesta Cahaya" hari ini.

Menteri Perhubungan, Tan Sri V. Manickavasagam juga menyampaikan ucapan yang sama dan dalam perutusannya menyeru rakyat terus memberikan kerjasama kepada Kerajaan menghalang anasir anti-nasional dari menimbulkan huru-hara dalam negara.

Beliau juga menyeru mereka meningkatkan usaha menentukan "setiap hasil dari kerja keras dan rancangan yang diatur" tidak dimusnahkan oleh niat jahat sekumpulan kecil rakyat yang durhaka.

KUALA LUMPUR, Ahad

Presiden MIC itu menambah, kejayaan dan kemajuan yang dicapai oleh rakyat Malaysia sejak beberapa tahun lalu "telah memberi ancaman serious terhadap masadepan dan pengaruh golongan anti-nasional ini."

Katanya, Kerajaan memerlukan kerjasama rakyat dalam menjayakan Rancangan Malaysia Ketiga.

Timbalan Menteri Undang-undang, Dato Athi Nahappan dalam perutusannya menggesa masyarakat Hindu membaharui ikrar "untuk hidup dalam keadaan persefahaman, bertolak ansur dan harmoni dengan masyarakat keturunan lain."

Beliau yang juga Timbalan Presiden MIC kemudian mengingatkan rakyat keturunan Hindu jangan semata-mata menganggap Hari Deepavali sebagai hari untuk bersukaria.

BERITA HARIAN, RABU, 5 NOVEMBER, 1975

Tun-Suharto akan tumpu soal k-sama pertahanan

KUALA LUMPUR, Selasa.

RUNDINGAN Tun Abdul Razak dengan Presiden Suharto di Medan minggu depan akan menumpukan perhatian terhadap peningkatan kerjasama pertahanan Malaysia-Indonesia bagi menghadapi ancaman pengganas komunis yang kian meningkat di negara masing-masing.

Menurut sumber yang mengetahui, juga dibincangkan ialah kemungkinan meluaskan kerjasama keselamatan sempadan sekarang untuk memperkemaskan sistem pertahanan dan keselamatan kedua-dua buah negara.

Kedua-dua pemimpin itu juga dijangka menentukan bidang kerjasama yang baru.

Ini dijangka termasuk memperhebatkan lagi kerjasama tentera di kawasan sempadan bagi membendungi kegiatan pengganas yang kian bertambah.

Latihan

Lain - lain perkara yang mungkin dibincangkan ialah meluaskan kemudahan latihan tentera yang ditawarkan oleh kedua-dua negara satu sama lain, mengadakan lebih banyak latihan bersama dan memperkemaskan sistem persenjataan.

Sumber itu menegaskan bahawa peningkatan kerjasama pertahanan itu bukanlah bertujuan untuk menentang sesebuah negara lain. Ia hanya bertujuan menentang ancaman kepada keselamatan dalam negeri kedua-dua buah negara.

Adalah difahamkan bahawa kedua-dua pemimpin itu akan juga menimbangkan sama ada jalinan hubungan pertahanan dua pihak yang erat seperti itu boleh diluaskan meliputi negara-negara Asean yang lain.

Pertimbangan juga akan diberikan terhadap kerjasama keselamatan dalam bidang-bidang lain yang mungkin, terutama kerjasama polis dengan negara-negara Indonchina, umpamanya, menghadapi penyeludupan.

Taklimat

Setiausaha Rendah Kementerian Luar bagi Hal Ehwal Asia Tenggara, Encik Yusof Hitam memberitahu BERNAMA, Tun Razak dijangka memberi taklimat kepada Presiden Suharto mengenai lawatannya ke New Zealand dan Australia baru-baru ini.

Beliau akan memberitahu pemimpin Indonesia itu mengenai pendapat Perdana Menteri Australia, Encik Gough Whitlam mengenai soal Portugis Timor.

Presiden Suharto pula akan memberi taklimat kepada Tun Razak mengenai rundingan baru-baru ini di Rome antara Menteri Luar Indonesia, Adam Malik dan Menteri Luar Portugis

★ MUKA 12 ruang 4

2 tokoh berbincang

★ DARI MUKA 1

mengenai soal Timor itu.

Encik Yusof berkata, rundingan di Medan itu juga memberi peluang kepada kedua-dua pemimpin itu membincangkan perkembangan di Indonchina dan hubungan masa depan dengan negara-negara Asia Tenggara yang lain.

Kedua-dua pemimpin akan membincangkan secara am cadangan mengadakan sidang kemuncak Asean terutama berhubung dengan matlamat sidang itu.

Pegawai-pegawai Asean dijangka berbincang di sini minggu depan untuk memutuskan tarikh persidangan menteri-menteri luar.

Persidangan peringkat menteri akan menetapkan tarikh sidang kemuncak dan menimbangkan syor-syor pegawai-pegawai untuk agenda mesyuarat.

Encik Yusof berkata, rundingan di Medan itu akan menitik beratkan tentang peningkatan kerjasama dalam ekonomi dan am antara kedua buah negara.

Tun Razak akan diiringi oleh Menteri Luar, Tengku Ahmad Rithauddeen dan pegawai-pegawai kanan Wisma Putra di sidang tiga hari itu.

Adam Malik dan beberapa orang penasihat kepada Presiden Suharto juga akan hadhir.—Bernama.

ISNIN, 10 NOVEMBER, 1975

Tindakan ke atas penduduk yang menyokong pengganas

DUA BUAH KAMPUNG DIPINDAH

Oleh WAN ABDUL RAHMAN

KUANTAN, Ahad.

TUN Abdul Razak hari ini mengumumkan Kerajaan akan menempatkan semula penduduk di kampung-kampung baru yang menyokong pengganas-pengganas komunis ke kawasan baru yang akan diletakkan di bawah kawalan keselamatan.

Sekurang - kurangnya dua buah kampung baru di daerah Jerantut yang terlibat dalam perbuatan itu akan dipindahkan ke kawasan baru dalam usaha Kerajaan membendung ancaman komunis di negara ini, tegas beliau.

Tun Razak bagaimanapun tidak menjelaskan nama kampung-kampung baru yang terlibat dalam tindakan Kerajaan itu.

Bercakap kepada para pemberita selepas mengadakan majlis dialog tertutup dengan ahli-ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri Barisan Nasional di sini hari ini, Perdana Menteri juga mengumumkan:

Penduduk di kampung-kampung baru di negeri ini yang tidak mempunyai tanah, akan diberikan masing-masing sebidang tanah Kerajaan untuk diusahakan secara TOL.

Langkah ini, tambah beliau, akan dapat mengelakkan mereka daripada masuk ke hutan dan menyertai pergerakan komunis.

Tun Razak berkata, pengganas komunis memang berniat bertapak semula di Pahang oleh kerana kedudukan negeri ini terletak di tengah-tengah Semenanjung Malaysia.

"Dari negeri ini kelak, mereka mengjangka boleh mengembangkan keganasan mereka keseluruh Semenanjung," katanya.

Kerajaan tegas beliau, tidak akan teragak-agak mengadakan kawalan keselamatan yang lebih ketat jika ancaman komunis di sini berterusan.

Perdana Menteri juga mengumumkan tujuh orang pegawai perhubungan luar yang bertugas sebagai pegawai perantaraan khas antara Kerajaan dengan penduduk-penduduk kampung baru akan dilantik tidak lama lagi.

Pegawai - pegawai ini akan bertugas di daerah-daerah Lipis, Jerantut, Raub, Bentong dan Temerloh.

Tun: Akta Tabung Haji dipinda

KERATONG, Sabtu

TUN Abdul Razak mengumumkan bahawa undang-undang tubuh Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) sedang dipinda bagi membolehkan badan-badan dan pertubuhan Islam seperti Majlis-Majlis Ugama Islam Negeri menyimpan wang dalam Tabung Haji.

Perdana Menteri berharap, apabila pindaan undang-undang itu diluluskan oleh Parlimen, semua badan-badan Islam akan menyimpan wang didalam Tabung Haji.

Katanya, dengan cara ini, pihak LUTH dapat menolong badan-badan dan pertubuhan-pertubuhan Islam itu melaburkan wang mereka didalam berbagai-bagai bidang.

"Ini boleh dilakukan oleh pihak LUTH dengan menggunakan khidmat percuma Jawatankuasa Penasihat Kewangannya yang terdiri daripada pakar-pakar dalam bidang Ekonomi dan Pelaburan," kata Tun.

Menolong

Tun Razak yakin melalui perkhidmatan itu, dapat memberi banyak pertolongan kepada Jabatan-Jabatan Ugama Islam Negeri yang kini tidak mempunyai satu badan khas bagi menasihatkan mereka dalam cara-cara mengguna dan melaburkan wang mengikut lunas dan dasar Ugama Islam.

Perdana Menteri mengumumkan ini, ketika merasmikan Kilang Kelapa Sawit Perbadanan Ladang-Ladang Tabung Haji berharga $12 juta, di sini, hari ini.

"LUTH hendaklah melalui khidmat Jawatankuasa Penasihat Kewangannya, menolong melaburkan wang Jabatan-Jabatan Ugama Islam Negeri dan lain-lain pertubuhan Islam yang disimpan dalam Tabung Haji," ujarnya.

Tun Razak telah mengalu-alukan cadangan supaya orang-orang haji dapat mengeluarkan wang simpanan mereka di Mekah mulai tahun depan, 'Ini cadang yang sangat elok," katanya.

Dengan peraturan ini, tambah beliau, masaalah bakal haji kita mengalami kekurangan atau kehilangan wang dan sebagainya akan dapat diatasi.

Tanah

Pegawai-pegawai yang sama juga akan dilantik di Perak, tambah beliau.

Perdana Menteri berkata, Kerajaan sedar sebahagian besar belia di kampung - kampung baru didorong mencampuri kegiatan pengganas komunis kerana tidak ada pekerjaan dan tanah.

"Bagi mengatasi masaalah ini, Kerajaan akan memberi tanah kepada mereka dengan mengeluarkan lesen tinggal sementara (TOL).

"Tanah-tanah ini akan dirampas balik jika didapati mereka menyokong pergerakan komunis.

"Tetapi mereka akan diberi hak milik ke atas bidang tanah itu jika berkelakuan baik" tambah beliau.

Pegawai


Tun Razak berharap dengan perlantikan pegawai-pegawai perhubungan itu nanti, jurang perhubungan antara Kerajaan dengan penduduk-penduduk kampung baru khasnya dan rakyat jelata amnya akan dapat dihapuskan.

Dalam majlis dialog itu, Perdana Menteri juga berkata seorang Timbalan Menteri Besar akan dilantik di Pahang bagi meringankan tugas Menteri Besar sekarang.

"Satu mesyuarat akan diadakan pada 15 November ini bagi memutuskan perkara ini," katanya.

Beliau menyeru semua parti dalam Barisan Nasional bekerjasama antara satu sama lain dan memberi perkhidmatan yang jujur dan ikhlas kepada rakyat jelata.

BERITA HARIAN, ISNIN, 10 NOVEMBER, 1975



BERITA HARIAN, SELESA, 11 NOVEMBER, 1975

DISKRIMINASI TERHADAP WANITA DINAFI

KUALA LUMPUR, Isnin.

TUN Abdul Razak berkata, tidak benar kerajaan mengamalkan dasar diskriminasi terhadap pekerja-pekerja wanita dalam perkhidmatan awam dan badan-badan berkanun.

Malah, kata beliau, pekerja-perkerja wanita menerima gaji dengan kadar yang sama seperti pekerja lelaki.

Selain itu, syarat-syarat perkhidmatan pekerja dalam kedua sektor tersebut juga sama, kata Perdana Menteri ketika menjawab soalan Haji Abdul Wahab Yunus (BN-Dungun).

"Malah pekerja wanita diberi kemudahan yang lebih seperti cuti sakit dan cuti tanpa gaji selama sehingga dua tahun untuk mengikuti suami mereka yang bertugas dalam perkhidmatan kerajaan di luar negeri," kata beliau.

Menjawab soalan lain, dari Encik Lee Lam Thye (DAP-Kuala Lumpur Bandar), Tun Razak berkata, keputusan kerajaan membekukan jawatan-jawatan kosong tidak seharusnya menjejaskan kecekapan kerja di jabatan kerajaan.

Ia juga tidak seharusnya membantutkan pelaksanaan projek-projek pembangunan.

Menurut beliau, arahan telah dibuat kepada semua jabatan supaya bertindak segera mengkaji tenaga kerja yang ada untuk digunakan sebaik-baiknya bagi melaksanakan tugas yang penting dan utama.

Tun Razak menepung tawar batu tanda...

● Tun Abdul Razak menepung tawar batu tanda perasmian Kilang Kelapa Sawit Syarikat Perbadanan Ladang-ladang Tabung Haji di Keratong, Pahang (kira-kira 45 batu dari Segamat, Johor) kelmarin.

Kilang berharga $4.5 juta itu terletak dalam kawasan Ladang Sungai Mengah seluas hampir 10,500 ekar kepunyaan perbadanan tersebut dan memulakan pengeluaran bulan lepas.

Ia mempunyai keupayaan pengeluaran sebanyak 500 tan sehari jika berjalan 24 jam atau memproses 20 tan buah kelapa sawit mentah sejam.

Di kanan ialah Pengerusi Perbadanan Ladang-ladang Tabung Haji, Encik Jaffar Hussein. — Gambar Berita Harian.

Usul hapuskan Dewan Negara dianggap tak munasabah

KUALA LUMPUR, Isnin. — Tun Razak hari ini mensifatkan cadangan menghapuskan Dewan Negara sebagai "amat tidak masuk akal dan di luar perlembagaan" kerana Dewan Negara merupakan sifat penting dalam perlembagaan negara ini.

Cadangan tersebut disyorkan oleh Encik Lim Cho Hock (DAP — Ipoh) dalam soalan berkenaan langkah - langkah jimat cermat kerajaan di Dewan Rakyat petang ini.

Meskipun kerajaan sedang mengambil beberapa langkah untuk menjimatkan perbelanjaan negara, tetapi cadangan itu sangatlah tidak munasabah, kata Tun Razak.

Encik Lim dalam pertanyaannya mencadangkan kerajaan menghapuskan Dewan Negara sesuai dengan usaha kerajaan menjimatkan perbelanjaan.

Beliau juga mencadangkan supaya kerajaan menghentikan semua projek yang tidak berhasil dan sia-sia oleh semua badan berkanun.

Perayaan

Encik Lim juga mencadangkan kerajaan mengurangkan perayaan umum, kakitangan di kedutaan luar dan melancarkan dengan bersungguh-sungguh kempen pengeluaran barang-barang makanan supaya semua rakyat kita dapat mengambil bahagian.

Berkenaan cadangan-cadangan itu, Perdana Menteri dalam jawapan bertulisnya berkata, kegiatan badan-badan berkanun sentiasa diawasi oleh kementerian yang berkenaan dan setiap projek yang dijalankan itu mencapai matlamatnya yang sebenar.

Tun Razak berkata. Ahli Parlimen yang mengesyorkan cadangan itu haruslah faham bahawa badan-badan berkanun adalah juga bertanggungjawab melaksanakan projek-projek pembangunan dan perindastrian di bawah dasar ekonomi baru kerajaan.

Kerajaan, kata beliau, sentiasa meneliti dan menjimatkan perbelanjaan untuk perayaan umum.



ENCIK LIM

Perayaan - perayaan seperti Hari Keputeraan Yang Dipertuan Agung dan Hari Kebangsaan adalah penting dan mustahak dalam usaha kita membentuk keperibadian atau identiti nasional serta mewujudkan bangsa yang bersatupadu.

Berkenaan dengan kakitangan di kedutaan-kedutaan Malaysia di luar negeri, Tun Razak berkata bilangan mereka adalah kecil dan berpatutan dan sekiranya bilangan ini dikurangkan, nescaya akan menjejaskan kecekapan kedutaan negara ini di luar negeri.

Kempen Buku Hijau yang sedang berjalan hingga hari ini telah menunjukkan hasil yang memuaskan dan langkah ini akan di gandakan pada tahun hadapan, kata beliau.

BERITA HARIAN, SELASA, 11 NOVEMBER, 1975

Kerajaan yakin terhadap kemampuan pasukan keselamatan

KUALA LUMPUR, Isnin. — Tun Razak memberitahu Dewan Rakyat kerajaan percaya penuh terhadap kemampuan pasukan keselamatan untuk memeiihara keselamatan dan mempertahanan negara.

"Kerajaan akan terus melengkapkan angkatan tentera dengan alat-alat moden," kata Perdana Menteri ketika menjawab soalan Encik Mohamad Bakri bin Abdul Rais (BN-Parit).

Berhenti

Beliau bertanya samada Kementerian Pertahanan bercadang membuat perubahan-perubahan besar dalam angkatan tentera dengan tujuan untuk mendapatkan kepercayaan rakyat kepada keselamatan dan pertahanan negara.

Encik Mohamad Bakri juga bertanya bilangan pegawai angkatan tentera yang telah berhenti dari berkhidmat semenjak tahun 1971 dan sebab-sebab mereka berhenti.

Menurut Perdana Menteri yang juga Menteri Pertahanan, seramai 352 orang pegawai angkatan tentera telah berhenti berkhidmat sejak tahun tersebut hingga akhir bulan Oktober lalu.

Perhatian

Sebab-sebab mereka berhenti, katanya, ialah bersara, tamat tempoh tauliah jangka pendek, berhenti secara sukarela, berhenti atas sebab kesihatan.

Ada juga yang berhenti kerana tiada lagi jawatan sesuai, berhenti kerana gagal dalam latihan, atau kelakuan buruk atau kecuaian kerja ataupun menyalahgunakan wang kerajaan.

Kedudukan pegawai-pegawai dan keadaan perkhidmatan mereka, kata Tun Razak, senantiasa dalam perhatian kerajaan.

BERITA HARIAN, SELESA, 11 NOVEMBER, 1975

Tun: Mesti bersama menghadapi ancaman

KUALA LUMPUR, Isnin.

TUN Abdul Razak hari ini menegaskan bahawa ancaman terhadap keselamatan negara dari pengganas komunis dan anasir anti-nasional adalah masaalah yang mesti dihadapi bersama oleh kerajaan dan rakyat jelata.

Rakyat, kata beliau hendaklah memberi sokongan dan kerjasama kepada kerajaan.

Perdana Menteri menegaskan ini ketika menjawab soalan Dr. Tan Chee Khoon (Pekemas-Kepong) yang mahu tahu apakah langkah yang telah diambil dalam usaha menghapuskan ancaman komunis dan anasir anti-nasional.

Tun Razak berkata, salah satu langkah yang diambil ialah memberi peluang kepada rakyat menunjukkan taat setia sambil berbakti kepada negara melalui RELA dan rancangan Rukun Tetangga.

Ujian setia

Sementara, itu rancangan-rancangan pembangunan terus dijalankan untuk kemajuan rakyat supaya mereka dapat menikmati kehidupan yang lebih sempurna, tambah beliau.

Di samping itu, menurut Tun Razak, semua rakyat yang taat setia kepada negara ini sewajarnya memberi kerjasama sepenuhnya kepada kerajaan untuk mengatasi masaalah komunis dan tidak semata - mata menunggu usaha kerajaan sahaja.

Kepada soalan lain dari Haji Ahmad bin Haji Ithnin (BN-Jasin), Tun Razak berkata Rukun Tetangga yang telah dilancarkan oleh kerajaan akan memberi sumbangan yang besar terhadap usaha kerajaan menentang ancaman komunis jika rakyat memberikan kerjasama penuh dalam rancangan itu.

Bekas askar dib[illegible] peluang menyertai latihan peralihan

KUALA LUMPUR, Rabu. — Tun Razak memberitahu Dewan Rakyat hari ini sebahagian daripada 10,692 orang anggota tentera yang telah tamat atau bersara dari perkhidmatan sejak 1960 telah menyertai berbagai rancangan latihan yang disediakan oleh Kementerian Pertahanan.

Menjawab soalan Encik Mohd. Idris Haji Ibratim (BN-Setapak) Perdana Menteri berkata selain daripada rancangan latihan peralihan lain-lain latihan yang diadakan ialah latihan teknikal dan vokesyenal latihan pertanian dan ternakan, rancangan-rancangan tanah, latihan perniagaan dan latihan penyesuaian sambil bekerja.

Kejayaan

Tun Razak berkata, sebahagian daripada bekas-bekas anggota tentera itu telah mencapai kejayaan tertentu dengan latihan yang diperolehi dari perkhidmatan itu.

Tegas Tun Razak, kejayaan rancangan latihan ini sebenarnya bergantung kepada keazaman mereka yang berkenaan mengambil peluang dan menggunakan peluang itu sebaik-baiknya.

Encilk Mohd Idris Ibrahim bertanya samada kerajaan sedar kursus dalam tiga bulan dan enam bulan yang dihadiri oleh anggota tentera tidak menjamin masadepan mereka.

Beliau ingin tahu apakah langkah-langkah yang akan kerajaan ambil untuk menjamin masadepan mereka apabila mereka bersara.

Tun Razak menjelaskan, tempoh latihan adalah mengikut kesesuaian seseorang dan jenis latihan yang difikirkan.

Tempoh itu, tambah beliau, boleh dilanjutkan sehingga 18 bulan.

Tujuan utama latihan itu ialah supaya mereka menambah kemahiran untuk mendapat pekerjaan samada dengan kerajaan atau swasta atau bekerja sendiri.

Menjawab soalan lain dari Encik Farn Seong Than (DAP-Sungai Besi) Perdana Menteri berkata, Biro Siasatan Negara bersama-sama Jabatan Peguam Negara masih menjalankan siasatan lanjut mengenai penipuan $10 juta wang bantuan kerajaan dalam rancangan tanaman semula getah.



MENTERI2 UCAPKAN SELAMAT JALAN

Tun Abdul Razak berjalan menuju kapalterbang F 23 di lapangan terbang Tentera Udara Diraja Malaysia di Kuala Lumpur untuk berlepas ke Medan, Sumatra, semalam.

Kelihatan dalam gambar Datuk Hussein Onn, Menteri Dalam Negeri Tan Sri Ghazali Shafie, dan Menteri Luar Negeri Tengku Ahmad Rithauddeen. — Gambar Berita Minggu.

BERITA HARIAN, KHAMIS, 13 NOVEMBER, 1975

PEMBERITA: CHENG SONG HUAT, ZAINUDDIN BENDAHARA DAN ROHANI PA'WAN CHIK

HARGA MINYAK: JAMINAN TUN

KUALA LUMPUR, Rabu. — Tun Razak hari ini memberi jaminan kerajaan akan berusaha sedaya upaya mengurangkan kesan-kesan buruk akibat dari kenaikan harga minyak mentah.


Kerajaan, kata beliau, telahpun menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk mengkajinya dan, pengakuan-pengakuan itu akan ditimbangkan oleh kerajaan bagi tujuan tersebut.

Perdana Menteri memberi jaminan ini ketika menjawab soalan Dr. Tan Chee Khoon (Pekemas-Kepong) di Dewan Rakyat petang ini.

Jadi serius

Dr. Tan bertanya samada Perdana Menteri sedar jika harga minyak di tanahair kita dinaikkan, berikutan kenaikan harga minyak mentah oleh OPEC, akibatnya akan menjadi sirius.

Tun Razak berkata, kerajaan sedang memerhatikan perkembangan dalam pasaran minyak petrolium berikutan dari keputusan



TUN RAZAK

persatuan negara - negara pengekspot minyak menaikkan harga minyak mentah sebanyak 10% baru - baru ini.

"Pada masa sekarang persamaan dalam kenaikkan harga minyak di kalangan ahli-ahli OPEC dan harga-harga pasaran yang sebenarnya belum dapat dipastikan lagi.

"Ini kerana harga rasmi minyak Minas Indonesia misalnya hanya dinaikkan sebanyak 1.6%, Arab Heavy 9.5% dan Kuwait sebanyak 10%", katanya.

Tun Razak juga berkata, kerajaan sedang memerhatikan harga-harga minyak petrolium dan hasil-hasil yang diimpot untuk ditapis dan digunakan di negara ini.

Sehingga ini, tegas beliau, syarikat-syarikat minyak belum lagi dapat memberi kenaikkan harga-harga minyak petrolium dan hasil-hasil petrolium yang mereka impot dengan secara pasti.

"Dengan demikian akibat ke atas ekonomi Malaysia, samada kepada pengguna ataupun perusahaan dan perdagangan, belum dapat dipastikan lagi," tambah beliau.

Perdana Menteri memberi jaminan kerajaan akan berusaha sedaya upaya untuk mengurangkan kesan-kesan buruk ke atas ekonomi Malaysia berikutan kenaikkan harga minyak mentah OPEC baru-baru ini.

Menjawab satu soalan lain dari Encik Oh Keng Seng (DAP-Petaling) Tun Razak berkata semua negeri melainkan Sabah telah menandatangani perjanjian dengan Petronas seperti yang di kehendaki oleh Akta Kemajuan Petrolium 1974.

Bersetuju

"Saya diberitahu kerajaan Selangor telah pun bersetuju menandatangani perjanjian itu," kata Tun Razak.

Mengikut perjanjian itu, tiap-tiap negeri akan menerima 5% daripada nilai petrolium yang dijumpai dan diperolehi di negeri masing-masing.

Hasil ini dikira, kata Tun Razak, samada yang diperolehi dalam kawasan perairan atau di luar perairan negeri tersebut yang dijual oleh Petronas ataupun agen-agennya ataupun kontrektor-kontrektornya.

Berita Minggu, Ahad, 16 November, 1975

Tun dan Suharto diberikan tongkat kebesaran

PERDANA Menteri Malaysia, Tun Abdul Razak dan Presiden Suharto hari ini menaiki sebuah helikopter ke desa Aek Natolu, Medan, Sumatra Utara untuk menghadiri upacara merasmikan projek penghijauan di situ.

Tun Razak tiba di Medan dari Kuala Lumpur setengah jam kemudian selepas Presiden Suharto tiba dengan kapalterbang dari Jakarta untuk mengadakan rundingan tidak rasmi di Prapat, dekat Tasik Toba.

Rundingan kedua pemimpin Indonesia-Malaysia itu dijangka berkisar mengenai masaalah kedua negara dan sidang puncak Asean yang akan diadakan di Indonesia awal tahun depan.

Ketibaan Tun Razak dan rombongannya di Lapangan Terbang Polonia disambut mesra oleh Presiden Suharto, Menteri Luar Indonesia, Tun Adam Malik, dan Gabenor Sumatra Utara.

Selepas jamuan rengan, Tun Razak dan Presiden Suharto berlepas dengan helikopter untuk melawat projek penghijauan, kira-kira 128 kilometer dari Medan.

JAKARTA, Sabtu

Di sana Kedua pemimpin itu telah di beri sambutan meriah dengan penuh istiadat menurut kaum Tapanuli oleh kira-kira 5,000 orang penduduk.

Penghijau

Tun Razak dan Presiden Suharto juga di berikan kain selindang ulos iaitu kehormatan tertinggi kaum Tapanuli dan tongkat kebesaran sebagai tanda penghormatan dan selamat datang.

Sempena lawatan itu juga Presiden Suharto telah merasmikan projek penghijauan itu yang merupakan rancangan penghijauan meliputi kawasan 28 hektar yang di tanam dengan berbagai pokok pine.

Tun Razak dan Presiden Suharto juga telah menanam pohon pine sebagai kenangan kunjungannya.

Berucap di perasmian itu, Presiden Suharto menekankan pentingnya negara-negara Asean memperkukuhkan ketahanan negara masing-masing untuk mengujudkan kestabilan rantau ini.

Dengan adanya kemajuan pembangunan dan ketahanan, negara-negara Asean dapat bekerjasama satu sama lain untuk menjaga keamanan dan kestabilan rantau ini.

Ujudnya kerjasama itu, negara-negara Asean tidak payah lagi bergantung kepada kuasa asing untuk menjaga keamanan rantau ini.

Presiden Suharto menegaskan, atas kesedaran ini, kerajaan Indonesia dan Malaysia telah mengadakan beberapa perbincangan untuk memperkukuhkan kerjasama yang telah sedia ada antara kedua-dua negara itu.

Selepas itu, Tun Razak dan Presiden Suharto berlepas ke Wisma Pertamina dekat Danau Toba di mana mereka mengadakan perbincangan.

Perbincangan itu, antara lain, akan tertumpu kepada usaha-usaha meningkatkan lagi kerjasama antara kedua negara. — Bernama.

BERITA HARIAN, SELASA, 18 NOVEMBER, 1975



● *TUN RAZAK, Datuk Hussein Onn dan Toh Puan Rahah kanan sekali, sedang memberi penghormatan terakh ir kepada mendiang Ketua Polis Perak, Tan Sri Koo Chong Kong di pengkalan Terbang TUDM, Kuala Lumpur, tengahari semalam. — Gambar Berita Harian.*

BERITA HARIAN, SELASA, 18 NOVEMBER, 1975



Tun dan Suharto bertemu di Medan

● Tun Razak disambut oleh Presiden Suharto ketika Perdana Menteri tiba di Medan untuk lawatan tidak rasmi di sana.

Tun Razak dan Presiden Suharto telah mengadakan rundingan tidak rasmi di Prapat selama dua hari.

Walaupun lawatan itu tidak rasmi, Perdana Menteri telah diberi sambutan meriah oleh para penduduk di Medan dan Prapat dengan kalungan bunga dan rendjisan air mawar.

Tun Razak tiba balik ke Kuala Lumpur pagi semalam dan Persidangan Jawatankuasa Gerakan Sempadan Bersama Malaysia-Indonesia dijadual berlangsung di Kuala Lumpur esok.

Panel (40)

BERITA HARIAN, SELASA, 18 NOVEMBER, 1975

Tun umumkan langkah2 baru

'KOMUNIS AKAN DITENTANG HABISAN'

KUALA LUMPUR, Isnin. – Tun Abdul Razak hari ini mengumumkan langkah-langkah tegas yang baru akan diambil untuk menentang pengganas - pengganas komunis kerana "hidup atau mati telah menjadi perjuangan negara ini."

"Kerajaan tidak boleh jelaskan butir-butir langkah itu tetapi kita akan menentang habis-habisan dengan apa saja yang boleh untuk menghapuskan musuh negara.

"Gerakan menentang musuh ini tidak ada hadnya," kata Perdana Menteri kepada para pemberita sekembali dari lawatan dan rundingannya dengan Presiden Suharto di Lapangan Terbang TUDM di sini tengahari ini.

Tak boleh biar

Tun Razak menegaskan, Kerajaan tidak boleh membiarkan golongan bermuka dua, terutama penduduk-penduduk di kampung-kampung baru terus menyokong dan memberi bantuan makanan kepada musuh negara.

"Kerajaan akan menempatkan semula penduduk dan kampung-kampung baru yang terlibat dalam kegiatan itu demi menjaga keselamatan negara ini.

"Masaalah keselamatan dalam negeri semakin sirius dan apa yang kita hadapi sekarang ialah perjuangan hidup atau mati.

"Kita tidak boleh membiarkan mereka mengaku diri sebagai warganegara Malaysia dengan menikmati segala faedah dan kemudahan yang disediakan, tetapi mahu pula menghancurkan negara ini.

"Kita akan ambil segala langkah tegas yang baru, bukan saja untuk memberhentikan golongan orang itu memberi sokongan dan bantuan tetapi, akan menghapuskan mereka sama sekali," tegas Tun Razak.

Perdana Menteri berkata mustahil pengganas-pengganas komunis boleh hidup di dalam kawasan hutan, malah di kawasan bandar kalau tiada sokongan dan bantuan dari rakyat.

Malaysia, kata beliau, sebuah negara demokrasi dan tidak ada sebab musabah warga negara akan menyokong dan membantu musuh untuk menghancurkan negara ini.

Tun Razak berkata, rakyat negara ini haruslah sedar tentang peranan mereka dalam mewujudkan sebuah negara yang tenteram, aman makmur.

Ancaman komunis masaalah bersama, kata Tun

★ DARI MUKA 1

akan masaalah keselamatan yang dihadapi oleh negara ini dan berjanji akan memberi kerjasama yang lebih rapat untuk menghapuskan pengganas - pengganas komunis.

"Langkah - langkah lengkap mengenai kerjasama rapat dan perundingan yang lebih kerap itu akan dirundingkan oleh Jawatankuasa Keselamatan Sempadan kedua negara yang akan di mulakan di sini esok" kata Tun Razak.

Perdana Menteri berkata, Presiden Suharto mengaku ancaman pengganas-pengganas komunis adalah masaalah bersama kedua negara.

Tun Razak juga memberitahu rundingan beliau dengan pemimpin Indonesia itu diadakan dengan penuh persefahaman dan suasana mesra meliputi masaalah-masaalah keselamatan serantau, masaalah Timor, Brunei sidang kemuncak Asean dan Indochina terhadap rantau ini.

Mesera

Perdana Menteri berkata Malaysia menyokong penuh langkah-langkah yang Kerajaan Indonesia jalankan demi keselamatan negerinya.

Malaysia, kata Tun Razak, setuju bahawa setiap kejadian di Timor itu akan mengancam keselamatan Indonesia.

Perdana Menteri berkata Presiden Suharto bersetuju satu sidang kemuncak Asean perlu diadakan, mungkin pada awal tahun depan.

Mesyuarat menteri-menteri luar negeri Asean akan diadakan di sini bulan depan untuk membincangkan butir-butir lengkap mengenai sidang kemuncak itu.

Menurut beliau, satu blueprint perlu diadakan untuk satu rantau yang berkecuali, bebas dan aman bagi Asia Tenggara.

Tun Razak mengaku beliau mungkin ke Bangkok sedikit masa lagi untuk menemui Perdana Menteri Thailand bagi rundingan-rundingan untuk kepentingan bersama.

"Sebenarnya lawatan yang akan saya lakukan itu adalah lawatan membalas kunjungan Perdana Menteri Thailand ke sini beberapa masa lalu," katanya.

Bagaimanapun, tarikh lawatan itu belum ditetapkan lagi, tambah beliau.

Tun Razak berkata beliau dan Presiden Suharto setuju ASEAN perlu diperkukuh, diperkuat dan diperkemaskan lagi.

Soal-soal ini akan ditimbulkan dalam sidang kemuncak Asean nanti.

Indochina

Mengenai negara-negara Indochina, Tun Razak berkata kedua negara setuju "kita mesti hulurkan persahabatan kita kepada negara-negara itu supaya sama-sama memainkan peranan demi mewujudkan satu rantau yang berkecuali, aman dan bebas di kawasan ini."

Menyentuh soal Brunei, Tun Razak dan Presiden Suharto setuju satu penyelesaian, mengikut resolusi Bangsa-bangsa Bersatu, mesti diadakan.

Usaha-usaha untuk mengatasi masaalah itu mesti diambil berdasarkan sistem demokrasi, tambah beliau.

Lawatan Perdana Menteri ke Indonesia selama tiga hari diiringi oleh Menteri Luar, Tengku Ahmad Rithauddeen, Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Tan Sri Zaiton Ibrahim dan beberapa orang pegawai tinggi Kerajaan.

Sedar

"Kerajaan sendiri sedar akan peranan rakyat kerana pengganas-pengganas komunis hanya boleh dihapuskan dengan adanya kerjasama penuh rakyat jelata.

"Mereka harus sedar dan berta'at setia untuk mempertahankan keselamatan negeri.

"Jika negara ini dalam keadaan huru hara, rakyat sendiri juga akan menderita," tegas Tun Razak.

Ketibaan Perdana Menteri telah di sambut oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn, Toh Puan Rahah, Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie, Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, Datuk Lee San Choon dan menteri-menteri kabinet serta pegawai-pegawai tinggi Kerajaan.

Mengenai lawatan dan rundingannya dengan Presiden Suharto, Tun Razak mengumumkan kedua-dua negara telah bersetuju untuk mengadakan perundingan dan kerjasama yang lebih erat mengenai masaalah keselamatan dalam negeri.

("Indonesia faham

★ MUKA 12 ruang 3

BERITA HARIAN, RABU, 19 NOVEMBER, 1975



Tun Razak disambut mesera di Tapanuli

● TUN Razak dan Presiden Suharto, tiba di desa Aek Natolu, 123 kilomiter (80 batu) dari Medan, Sumatra Utara, Sabtu lalu, untuk menghadiri upacara perasmian Projek Penghijauan.

Ketibaan kedua pemimpin Malaysia dan Indonesia ini, disambut meriah menurut istiadat kaum Tapanuli.

Perdana Menteri dan Presiden Suharto, berpakaian suku kaum Tapanuli, masing-masing dihadiahkan kain selendang ulos.

Selepas upacara perasmian yang dilakukan oleh Presiden Suharto, pemimpin kedua negara ini menanam pohon pine sebagai kenangan kunjungan.

Mereka kemudian bertolak ke Wisma Pertamina di tebing Danau Toba untuk membincangkan kerjasama dua negara.

Malaysia—RI akan giatkan gerakan di Sarawak

KUALA LUMPUR, Khamis. — Indonesia dan Malaysia telah bersetuju memesatkan lagi gerakan-gerakan keselamatan menghapuskan ancaman saki baki pengganas komunis di Sarawak.

Menurut satu kenyataan akhbar yang dikeluarkan selepas mesyuarat tiga hari Jawatankuasa Am Sempadan Indonesia-Malaysia yang keenam adalah dipersetujui bahawa ancaman saki baki pengganas komunis itu tidak boleh diperkecilkan.

Jawatankuasa itu puasnati bahawa pasukan keselamatan dari kedua-dua buah negara telah menjalankan tugas masing-masing terhadap pengganas-pengganas komunis dengan mendapat "Hasil yang menggaiakkan."

Kenyataan itu menjelaskan, gerakan tentera laut bersama telah berjaya mencegah penyeludupan termasuk anasir-anasir yang tidak diingini dan lain-lain kegiatan haram di kawasan perairan bersama.

Jawatankuasa itu bersetuju tindakan bersama hendaklah dimajukan bagi mencegah pencemaran laut akibat tumpahan minyak di Selat Melaka.

Jawatankuasa itu juga bersetuju diadakan aturan bersama bagi menjalankan gerakan mencari dan menyelamat sekiranya berlaku kemalangan di udara di laut di kawasan sempadan.

Jawatankuasa itu telah memberi perhatian yang berat terhadap soal rancangan pembangunan di kawasan-kawasan sempadan.

Jawatankuasa itu menghargai peranan yang dimainkan oleh pasukan keselamatan memberi pertolongan kepada pasukan-pasukan yang menjalankan kerja-kerja ukur dan menanda sempadan sekarang ini.

Mesyuarat itu telah memutuskan untuk mengadakan mesyuarat jawatankuasa tersebut akan datang di Indonesia tahun depan.

Perwakilan Malaysia di mesyuarat itu diketuai oleh Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie dan perwakilan Indonesia pula diketuai oleh Menteri Pertahanan, Jenderal Maraden Panggabean.

Thai, KL rancang k-sama tentera yg lebih erat



TUN RAZAK

BANGKOK, Khamis. — Thailand dan Malaysia akan merangka satu pakatan tentera yang baru yang dapat memberi "kekuatan yang lebih" dalam gerakan bersama menentang pengganas komunis di sepanjang sempadan bersama, sumber-sumber tentera memberitahu hari ini.

Perdana Menteri Thai, Encik Kukrit Pramoj dan Tun Abdul Razak dijangka membincangkan cadangan-cadangan baru bagi memperhebatkan gerakan semasa Perdana Menteri Malaysia melawat negeri ini lewat tahun ini.

Menurut sumber-sumber itu, pakatan tersebut dijangka meliputi perkara-perkara berikut:

Dua langkah

- **MENGGERAKAN** tentera dan kereta perisai lebih dekat ke sempadan masing-masing.
- **MENUBUHKAN** jawatankuasa perhubungan bersama di kawasan-kawasan sensitif.

Mereka berpendapat kedua negara perlu memperkuat lagi strateji masing-masing memandangkan bertambahnya kejadian membunuh, menculik dan keganasan di kedua-dua belah sempadan.

Tujuan utama menubuhkan jawatankuasa perhubungan di kawasan-kawasan sensitif ialah untuk merapatkan lagi hubungan antara penduduk di kawasan tersebut dengan pasukan keselamatan menerusi dialog dan mencadangkan cara-cara untuk memberi perlindungan yang lebih kepada penduduk di situ.

Jaminan

Sumber-sumber itu berkata perbincangan sedang diadakan antara pegawai - pegawai kedua negara mengenai cara memperhebatkan gerakan udara, laut dan darat menentang pengganas.

Pegawai-pegawai tentera Thai keluar menemui rakyat dan memberi jaminan bahawa mereka akan dapat perlindungan dari pasukan keselamatan tetapi mereka jangan membantu pengganas.

Menurut Lt. Jen. Sant Chitpatima, komander divisen keempat tentera, apa yang dikehendaki oleh penduduk di Selatan Thailand ialah jaminan keselamatan.

Jenderal itu telah dilantik oleh kerajaan Thailand bagi menolong mendapatkan semula keyakinan rakyat dan cuba memecahkan kakitangan pengganas di wilayah-wilayah sempadan. — Bernama.

Tun: Dua tugas penting badan pekerja

KUALA LUMPUR, Jumaat.

TUN Abdul Razak hari ini menyebut dua tugas penting kesatuan sekerja yang katanya, boleh membantu Kerajaan dalam usaha membantu rakyat miskin dan juga memelihara keamanan negara.

Pertama, kesatuan sekerja perlu berusaha mewujudkan hubungan baik dengan Kerajaan supaya segala rancangan untuk memperbaiki penghidupan rakyat miskin akan berjalan licin.

Kedua, kesatuan sekerja juga perlu memelihara hubungan baik dengan kalangan majikan kerana hubungan ini tidak dipelihara, pihak anasir jahat pula akan mencelah dan mencetuskan berbagai kekacauan.

Tun Razak menyebut demikian ketika berucap merasmikan persidangan perwakilan dua tahunan ke-13 Kesatuan Perkhidmatan Teknik Malaysia (MTSU), di sini.

Tun Razak mengulangi: "Kedudukan negara sekarang, seperti yang seringkali saya sebutkan adalah berat. Maka sudah sewajarnya setiap rakyat memainkan peranan masing-masing supaya pengaruh jahat itu tidak meresap masuk dan menghancurkan negara."

Hubungan

Katanya lagi, kesatuan sekerja boleh membantu Kerajaan dalam hal ini iaitu turut berusaha mewujudkan suasana tenteram dalam perhubungan dengan Kerajaan.

Beliau juga menyeru kesatuan sekerja supaya jangan bersikap militan, tetapi hendaklah bertindak secara waras dan bertolak ansur dalam menyelesaikan sesuatu masaalah atau tuntutan.

Kesatuan Perkhidmatan Teknik Malaysia kata Tun Razak adalah satu badan yang boleh memberi sumbangan serta galakan yang berkesan terhadap dasar Kerajaan hendak mewujudkan masyarakat yang berasaskan sains dan teknoloji bagi menghasilkan pembangunan pesat.

Kerajaan sedar, katanya, betapa perlunya ditambah keluaran tenaga rakyat yang berkelulusan teknikal untuk keperluan negara.

Bagi memenuhi keperluan tersebut, Kerajaan akan menitikberatkan rancangan - rancangan latihan untuk mengeluarkan lebih ramai tenaga pekerja yang terlatih dari segi sains dan teknik.

Tun Razak menyeru pihak swasta ber-

★ MUKA 12 ruang 5

MOGOK TAHUN INI KURANG, 55 SAJA

★ DARI MUKA 1

sama-b e rsama menyumbangkan kemudahan bagi mencapai hasrat tersebut dan ahli-ahli kesatuan itu juga dapat menyumbang tenaga melatih pekerja-pekerja teknik yang lain.

Beliau gembira gerakan kesatuan sekerja di negara ini bertambah matang dan tidak memandang kepentingan diri sendiri saja sebaliknya memandang sesuatu itu dari segi nasional.

Hasilnya pemogokan-pemogokan berkurangan seperti yang boleh dilihat dari angka pemogokan dalam tahun ini sebanyak 55 saja berbanding dengan 73 tahun lalu.

Katanya bilangan pekerja yang terlibat dalam pemogokan tahun ini ialah 10,851 orang berbanding dengan 19,-489 tahun lalu.

Kalau dikaji dari bertambahnya industri baru, kata beliau, angka-angka tersebut jauh lebih rendah dari tahun-tahun terdahulu.

Beliau berharap keadaan demikian akan terus bertambah baik kerana suasana demikian dapat menarik banyak industri masuk ke negara ini.

Tun Razak kemudian dilantik menjadi ahli kehormat kesatuan tersebut dan dikurniakan satu sijil keahlian oleh Yang Dipertuanya Encik P. Vamathevan.

Tun Razak juga menerima sumbangan $1,000 dari persatuan itu untuk Tabung Pemulihan Tugu Negara.

Tun Razak menjelaskan, sidang MKT itu ialah mesyuarat bulanan, dan ia sepatutnya diadakan minggu lalu, dan kerana beliau sendiri tidak ada kelapangan, maka ia ditunda hingga minggu depan.

"Bagaimanapun, ia diubah semula kepada hari ini," kata Tun Razak.

Menurut Tun Razak, dalam sidang itu beliau telah menjelaskan secara rasmi kepada ahli-ahli MKT tentang kedudukan Dato Harun.

"Sebelum inipun saya sudah menerangkan hal ini kepada beberapa orang ahli, tetapi hari ini saya dapat menerangkan secara rasmi.

Hasrat

"Dato Harun sendiri berucap mengenai kedudukan tentang dirinya itu, dan ahli-ahli MKT mengambil ingatan terhadap hal ini.

"Oleh kerana soal ini sudah sampai ke mahkamah, maka Kerajaan ataupun parti tidak boleh masuk campur."

Mengenai apa yang dikatakan krisis di dalam Umno, Tun Razak mengulangi kenyataan bahawa sebenarnya tidak ada krisis dalam parti.

"Hanya orang luar kata ada krisis," kata beliau. Tun Razak menerangkan bahawa Dato Harun sendiri sudah menyatakan hasratnya hendak membersihkan namanya, dan inilah cara yang dibuat di bawah

★ MUKA 12 ruang 6

Keselamatan: Keadaan dapat dikawal

★ DARI MUKA 1

proses demokrasi dan keadilan.

Secara berseloroh Tun Razak berkata: "Tengok, semuanya ada di sini makan tengahari. Setengah daripada awak semua (pihak akhbar dan sibaran am) yang bertanggungjawab dalam hal ini.

"Awak semua hidup maju bila ada krisis. Kami hidup di dalam ketenangan," kata Tun Razak disambut dengan ketawa besar oleh lebih dari 30 orang pemberita yang hadir.

Tun Razak juga memberitahu sidang akhbar itu bahawa beliau telah menerangkan kepada ahli-ahli MKT tentang keadaan keselamatan sekarang dan butir-butir lawatan beliau ke New Zealand dan Australia, baru-baru ini.

Sidang itu juga, kata beliau, membincangkan soal-soal kepartian yang lain.

Mengenai tawaran jawatan wakil tetap Malaysia ke Bangsa-Bangsa Bersatu kepada Dato Harun itu, Tun Razak berkata: "Soal itu tidak timbul sekarang."

Bila ditanya lagi samada bagi Kerajaan tawaran itu masih berjalan Tun Razak berkata: "Itu akan ditimbangkan kemudian. Ini adalah soal lain sekarang, kita akan lihat kemudian."

Mengenai keselamatan dalam negeri, Tun Razak mengulangi bahawa keadaan adalah berat tetapi masih dapat dikawal.

Kerajaan memandang berat tentang setengah kalangan rakyat terutama sekali di kampung-kampung baru membantu pengganas komunis.

"Pengganas-pengganas komunis ini tidak akan hidup kalau orangramai tidak membantu mereka," katanya.

Menurut Tun Razak, kampung-kampung baru yang penduduknya diketahui membantu pengganas komunis akan ditempatkan semula di tempat lain, ataupun pagar-pagar akan dipasang mengelilingi kawasan mereka itu.

Gaji kakitangan Kerajaan tidak dipotong — Tun

KUALA LUMPUR, Isnin.—Tun Abdul Razak memberitahu Dewan Rakyat hari ini kerajaan tidak bercadang memotong gaji pegawai-pegawai dalam perkhidmatan kerajaan, badan-badan berkanun dan kuasa-kuasa tempatan seperti yang dilakukan ke atas menteri-menteri.

Keputusan kerajaan ini, kata beliau, kerana kerajaan telahpun menggantungkan pembayaran bonos buat sementara waktu bagi Pegawai-pegawai yang bergaji $1,001 ke atas.

"Oleh sebab itu kerajaan tidak hendak memberatkan lagi pengorbanan mereka," kata Perdana Menteri ketika menjawab soalan Encik Mohamad Zahari bin Awang (BN-Kuala Kerai).

Tekanan

Encik Zahari ingin tahu apakah cara-cara lain bagi mengurangkan tekanan inflasi dan apakah kerajaan bercadang memotongi gaji 5 peratus ke atas pegawai-pegawai kerajaan dan badan-badan berkanun.

Kata Tun Razak, kerajaan sentiasa mengambil langkah menjimatkan perbelanjaan, terutama sekali perbelanjaan harian.

Langkah ini, antara lain mengawal pengisian jawatan-jawatan kosong, mengurangkan perbelanjaan perayaan serta keraian dan juga menangguhkan pelaksanaan projek yang tidak difikirkan mustahak.

Kepada soalan tambahan Encik Lim Kit Siang (DAP-Kota Melaka) yang ingin tahu apakah tindakan Kerajaan Persekutuan supaya Kerajaan-kerajaan Negeri menjimatkan perbelanjaannya, Tun Razak berkata.

"Kerajaan Pusat telah memberitahu Kerajaan-kerajaan Negeri supaya berjimat dan "Kita akan menghantar pegawai-pegawai menyiasat supaya badan-badan berkanun mematuhi arahan kerajaan berjimat cermat"

Mengenai pembinaan kediaman di Melaka, Tun Razak berkata itu adalah dalam kuasa Kerajaan Negeri sendiri.


Encik Lim berkata Kerajaan Negeri Melaka telah mengambil keputusan membelanjakan wang $1 juta untuk membina sebuah kediaman rasmi bagi Ketua Menteri negeri itu.

Menjawab soalan lain dari Haji Mohamad Taufeck O. K. K. Haji Asneh (BN-Hilir Padas), Tun Razak berkata beliau tidak ada cadangan menambahkan bilangan anggota kabinet.

Kepada soalan lain dari Encik Oh Keng Seng (DAP-Petaling), Perdana Menteri berkata beliau sedar Dewan Undangan Negeri Sabah telah meluluskan undang-undang yang memberikan beberapa kemudahan kepada Tun Datu Mustapha.

Perkara itu, kata beliau, dalam bidang kuasa negeri dan terpulanglah kepada kebijaksanaan Dewan Perundangan Negeri Sabah menentukannya.

BERITA HARIAN, KHAMIS, 4 DISEMBER, 1975



TUN RAZAK

Zaman gemilang akan muncul

Tun seru pengilang rebut peluang

TUN Abdul Razak malam ini menyeru kalangan pengimpot dan pengilang supaya bersiap untuk merebut peluang - peluang yang katanya, akan muncul tak lama lagi berikutan dengan keadaan ekonomi yang bertambah baik di negara-negara perusahaan.

Kata Tun Razak, Kerajaan yakin ekonomi negeri juga akan turut beransur pulih, dan sektor swasta perlulah memainkan peranan masing-masing.

Dengan pemulihan ekonomi itu, katanya, negara patut bersedia menggunakan sepenuhnya kelebihan-kelebihan yang ada dan menerima faedah dari perkembangan ekspot.

Tun Razak berucap di majlis jamuan malam anjuran persekutuan pekilang - pekilang Malaysia (FMM) di sini malam ini.

KUALA LUMPUR, Rabu

Beliau berkata sekarang sudah ada tanda-tanda yang menunjukkan di Malaysia keadaan paling buruk sudah berlalu dengan adanya pengendalian ekonomi yang sempurna untuk mengatasi kemerosotan ekonomi dunia.

Bagaimanapun seperti yang pernah dinyatakan, masih belum ada kepastian bila dan berapa lama bagi negara-negara perusahaan dan Malaysia sendiri untuk pulih sepenuhnya dari rosotan itu.

Sementara itu, Kerajaan akan terus melaksanakan langkah - langkah bagi memulihkan gerakan ekonomi dan keyakinan perdagangan yang terjejas akibat pasaran yang merosot di seberang laut.

Tun Razak berkata, semasa keadaan rosotan ekonomi kebanyakan negara mengamalkan dasar melindungi ekonomi masing-masing.

Dan untuk mengatasi masaalah tarif yang tinggi yang dikenakan oleh beberapa negara membangun, yang menjejas ekspot sebahagian dari keluaran utama Malaysia, Kerajaan cuba merundingkan supaya tarif itu ditarik balik atau dikurangkan.

Memandangkan peranan perdagangan luar kepada ekonomi negara, Kerajaan mengambil berbagai langkah untuk menarik lebih banyak pasaran luar dengan mencari pasaran baru dan memperkukuhkan pasaran yang ada.

Langkah - langkah termasuk menghantar lebih banyak rombongan perdagangan melawat ke negara-negara Asia Barat, Timur dan Negara-negara EEC serta menyertai berbagai pameran perdagangan di luarnegeri.

Tun Razak menegaskan kerjasama dari sektor pengilangan amat mustahak untuk menentukan langkah-langah kerajaan untuk menolong memperingkatkan pengeluaran sektor itu.

BERITA HARIAN, JUMAAT, 5 DISEMBER, 1975



TUN ABDUL RAZAK dan Datuk Hussein Onn di da lam mesyuarat Jawatankuasa Antara Kerajaan di Bilik Gerakan, Jabatan Perdana Menteri, di Kuala Lumpur, semalam.

Integrasi Sarawak Sabah dikaji

PENYATUAN PENUH POLIS MUNGKIN DIBINCANG

K. LUMPUR, Khamis

TUN Abdul Razak hari ini mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Antara Kerajaan Peringkat Menteri Mengenai Integrasi Penuh Sabah dan Sarawak dalam Malaysia.

Adalah difahamkan, mesyuarat tersebut telah membincangkan penyatuan penuh pasukan polis Sabah dan Sarawak dengan pasukan polis Persekutuan untuk mengujudkan satu pasukan yang kuat dan berkesan.

Penyatuan perkhidmatan awam di kedua-dua negeri itu dengan Semenanjung untuk mengadakan satu perkhidmatan awam Malaysia telah juga dibincangkan.

Penyatuan pasukan polis dan perkhidmatan awam ini akan melibatkan pergerakan yang lebih besar di kalangan pegawai dan kakitangan antara kedua-dua negeri itu dan juga Semenanjung bagi mengujudkan gambaran tulin di kalangan mereka.

Langkah seumpama itu bertujuan menggalakkan kecekapan dan perpaduan di antara perkhidmatan dan di samping itu cuba menghapuskan "semangat kedaerahan" di kalangan pegawai-pegawai.

Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Abdullah Salleh, Ketua Polis Negara, Dato' Sri Haniff Omar dan Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Encik Osman Cassim.

Pegawai-pegawai Sarawak pula ialah Pemangku Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Abang Yusof Puteh, Setiausaha Kewangan Negeri, Encik Bujang Mohamed Nor dan Peguam Negeri, Encik Jemuri Serjan.

Tan Sri Mohamed Said Keruak telah disertai oleh setiausaha tetapnya, Datuk Hamid Egoh.

Selepas mesyuarat tersebut, para menteri dan pegawai - pegawai yang hadir telah diraikan di majlis makan tengahari di Sri Taman. — Bernama.

Dibentuk

Jawatankuasa peringkat menteri itu telah ditubuhkan dalam tahun 1973 untuk mengkaji hak-hak istimewa yang diberi kepada Sabah dan Sarawak bila Malaysia dibentuk 10 tahun sebelumnya.

Di bawah Perjanjian Persekutuan Malaysia, peruntukan berhubung dengan hubungan antara kedua-dua negeri itu dengan kerajaan pusat akan dikaji selepas tempoh 10 tahun.

Mesyuarat hari ini yang diadakan di jabatan Perdana Menteri dihadiri oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn, Ketua Menteri Sarawak, Datuk Haji Abdul Rahman Yakub dan Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Mohamed Said Keruak.

Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie dan Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, Tan Sri Abdul Kadir Yusof, turut hadir.

Turut hadir di pihak Persekutuan ialah Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Kadir Shamsuddin, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Abdullah Ayub, Ketua

Berita Harian 9 Dec 75.

Pemberita2: Cheng Song Huat dan Zainuddin Bendahara

PENGELUARAN MINYAK DI LAUT TRENGGANU

Tun: Petronas sedang rangka perjanjian

KUALA LUMPUR, Isnin

TUN Abdul Razak memberitahu Dewan Rakyat hari ini pengeluaran minyak di dasar laut Trengganu bergantung kepada bilakah persetujuan dapat dicapai di antara Exxon dengan Petronas.

Pada masa ini, kata beliau, Petronas sedang merangka satu perjanjian perkongsian untuk dirundingkan oleh kedua pihak dan dipersetujui bagi pengeluaran minyak itu.

Menjawab soalan Encik Zakaria bin Haji Abdul Rahman (BN-Besut) yang ingin tahu perkara-perkara tersebut, Perdana Menteri berkata:

"Minyak di dasar laut Trengganu hanya dijumpai tahun 1974 dan pada lazimnya akan mengambil masa lebih kurang empat tahun sebelum pengeluaran secara besar-besaran dapat dimulakan dari kawasan itu."

Tun Razak menerangkan bahawa Syarikat Exxon sebenarnya tidak keluar daripada Trengganu di mana usaha mencarigali minyak telah dijalankan.

Sebenarnya, syarikat itu hanya memberhentikan usaha mencarigali buat sementara waktu sambil menunggu perjanjian perkongsian.

Tentukan

Petronas, tambah Perdana Menteri, akan menyediakan satu pelan induk mengandungi beberapa projek yang berasaskan petroleum, termasuk kilang penapis minyak.

"Keputusan muktamad mengenai penubuhan kilang-kilang itu hanya boleh ditentukan apabila pelan induk itu siap kelak," tambah beliau.

Menjawab soalan lain dari Haji Mohamad Taufeck O.K.K. Haji Asneh (BN-Hilir Pedas) yang menyentuh tentang masaalah ahli-ahli parlimen tidak diberi kelas pertama untuk menaiki kapalterbang, Perdana Menteri berkata:

"Memanglah benar ahli-ahli Dewan Rakyat dikehendaki menggunakan kelas ekonomi apabila membuat perjalanan di dalam negeri.

Katanya, "Parlimen mengeluarkan perbelanjaan yang besar untuk perjalanan para Wakil Rakyat.

"Sebagai satu langkah menjimatkan perbelanjaan, saya percaya peraturan ini tidak seharusnya menimbulkan pandangan ganjil di kalangan orang-orang luar terhadap negara kita," katanya.

Walau bagaimanapun, ahli-ahli Parlimen yang menyertai rombongan rasmi Kerajaan dibenarkan menaiki kelas satu apabila pergi keluar negeri kerana memandangkan perjalanan itu jauh dan mengambil masa yang lama.

"Tambahan pula, upacara sambutan rasmi biasanya diadakan di lapanganterbang negara-negara yang di dilawati itu," katanya.

Kepada soalan Encik Ih Keng Seng (DAP-Petaling) mengenai rancangan Buku Hijau untuk menggunakan dua juta ekar tanah pertanian di negara ini, Perdana Menteri berkata.

Tanah seluas 2 juta ekar itu adalah tanah yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan kepada rakyat tetapi tidak dijayakan dengan sepenuhnya.

Tanah yang berkenaan itu adalah hakmilik rakyat dan di bawah rancangan Buku Hijau kita menggalakkan mereka menggunakan tanah itu dengan sepenuhnya.


Tak perlu

Ini boleh diusahakan secara tanaman jangkapendek, projek ternakan dan lain-lain yang dapat membantu pengeluaran bahan-bahan makanan untuk kegunaan sendiri ataupun untuk dipasarkan," kata beliau.

Tun Razak berkata kerajaan berpendapat tidaklah perlu diadakan rancangan - rancangan khas yang lain kerana Rancangan Buku Hijau itu sudah memadai bagi mengatasi masaalah kekurangan makanan, sekiranya rakyat menyambut rancangan ini dengan sepenuhnya.

BERITA HARIAN, KHAMIS, 11 DISEMBER, 1975

Tun hadir jamuan ahli2 Parlimen



TUN Abdul Razak diiringi oleh ahli Parlimen kawasan Kuala Selangor Raja Nasron bin Raja Ishak, tiba di Dewan Jamuan Bangunan Parlimen untuk menghadiri majlis makan malam Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional.

Anggota-anggota pembangkang juga turut hadir.

Di kiri Tun Razak ialah ahli Parlimen DAP kawasan Kuala Lumpur Bandar, Encik Lee Lam Thye.

Dalam ucapannya, Tun Razak menyeru supaya semua ahli Parlimen berkawan mesra di luar dewan, walaupun mereka bertikam lidah di dalam dewan.

Sebelum itu, Raja Nasron berkata, adalah diharapkan majlis seperti itu akan merapatkan hubungan antara semua ahli Parlimen.

Beberapa tarian dan nyanyian oleh artis-artis tempatan telah menyerikan majlis tersebut. — Gambar Berita Harian.



DUNSTAN DI SRI TAMAN SEBAGAI TAMU TUN

● TUN Razak dan Encik Don Dunstan di Sri Taman ketika Ketua Menteri Australia Selatan itu mengunjungi Perdana Menteri semalam.

Encik Dunstan tiba di sini Isnin lalu untuk merasmi dan menghadiri "Minggu Adelaide" di Pulau Pinang.

Beliau mtngunjungi Tun Razak sebagai membalas lawatan Perdana Menteri ke negerinya baru-baru ini.

Kedua pemimpin dalam pertemuan itu telah membincangkan masaalah kepentingan bersama antaranya mungkin mengenai tawaran Malaysia ke Australia Selatan melabur modal di negeri ini.

Encik Dustan kelmarin memberitahu bahawa negerinya ingin menubuhkan perusahaan bersama dengan Malaysia terutama dalam perusahaan perikanan, perkayuan dan kejuruteraan ringan. — Gambar Berita Minggu.

Tun Razak dirayu bebas atau adili tokoh2 Abim

KUALA LUMPUR, Isnin. — Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) hari ini menghantar sepucuk telegram kepada Perdana Menteri merayu supaya pemimpin - pemimpin ABIM yang ditahan dibawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dibicarakan di mahkamah terbuka atau dibebaskan tanpa syarat.

"Keputusan tersebut telah diambil sebulat suara oleh 1,000 orang perwakilan ABIM yang menghadiri Muktamar Ke 4 hari kedua di Kolej Islam di Kelang pagi tadi," ujar jurucakap Pejabat Sekretariat ABIM kepada Berita Harian petang tadi.

Beliau menjelaskan semua perwakilan seluruh negeri bersetuju menghantar telegram kepada Tun Abdul Razak merayu supaya pemimpin ABIM seperti Encik Anwar Ibrahim, Ibrahim Ali dan lain lagi yang ditahan dibawah Akta itu berikutan demonstrasi 3 Disember, 1974 dibicarakan di mahkamah terbuka atau dibebaskan tanpa syarat.

Telegram

"Kami telahpun menghantar telegram tersebut kepada Perdana Menteri tengahari tadi dan salinannya juga dihantar kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie," tegasnya.


Jurucakap itu seterusnya memberitahu seluruh ahli ABIM di negara ini merasai sudah sampai masa dan ketika pemimpin - pemimpin ABIM yang ditahan diadili dengan secara saksama.

Beliau menerangkan seluruh perwakilan ABIM yang menghadiri Muktamar ABIM di Kelang juga telah menghantar sepucuk telegram kepada Encik Anwar Ibrahim dan rakan-rakanya yang kini ditahan di Kem Tahanan Perlindungan Kemunting di Taiping.

Telegram tersebut berbunyi Muktamar Ke 4 ABIM berjalan lancar dan mengucapkan tahniah di atas pimpinan Encik Anwar Ibrahim.

Sementara itu, Muktamar itu yang akan berakhir esok akan memilih anggota-anggota Exco baru dan rancangan-rancangan induk ABIM untuk tahun depan.

BERITA HARIAN, SABTU, 13 DISEMBER, 1975



YANG Dipertuan Agung (ketiga dari kiri) diapit oleh Tun Abdul Razak dan Datuk Hussein Onn sedang mengikuti bacaan takbir sebelum menunaikan sembahyang Aidiladha di Masjid Negara, Kuala Lumpur pagi semalam.

★ ★

Di kiri sekali Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Kadir Shamsuddin dan kelima dari kiri ialah Imam Besar, Haji Ahmad Shahir Haji Daud manakala sebelahnya Imam Sotu, Haji Said Ibrahim. — Gambar Berita Harian.

BERITA HARIAN, ISNIN, 15 DISEMBER, 1975

Fuad sedia hadapi tindakan undang2 Mustapha

Oleh: NORDIN MOHAMAD

KUALA LUMPUR, Ahad. — Presiden Berjaya, Tun Haji Mohamad Fuad, berkata beliau sedia menghadapi tindakan undang-undang dari Presiden USNO, Tun Haji Mustapha, atas tuduhannya bahawa bekas Ketua Menteri Sabah itu dan partinya cuba memecahbelahkan UMNO.


"Saya tidak gentar menghadapi tindakan itu, malah saya bersedia menerimanya pada bila-bila masa," katanya dalam satu pertemuan di sini hari ini.

Tun Haji Fuad menegaskan beliau yakin bekas Ketua Menteri itu dan USNO mencampuri UMNO untuk memecahbelahkan perpaduan dalam parti itu.

Beliau juga membayangkan bahawa USNO mempunyai satu yunit khas di sini menjalankan kegiatan untuk menimbulkan keretakan dalam UMNO.

Tun Haji Fuad membuat dakwaan itu dalam ucapannya di rapat umum pilihanraya kecil, di Labuan baru-baru ini.

Berikutan dengan itu, Tun Datu Haji Mustapha bercadang hendak mengambil tindakan undang-undang ke atas Presiden Berjaya itu dan mensifatkannya sebagai tuduhan yang paling berat pernah ditujukan kepadanya.



TUN FUAD

Jika pecah

Tun Haji Fuad mensifatkan UMNO sebagai batu asas kepada kestabilan dalam semua bidang di Malaysia, "dan jika Parti UMNO ini pecah habislah kita semua," katanya serious.

Katanya lagi Berjaya telah dapat menyekat atau menghalang usaha untuk memisahkan Sabah dari Malaysia.

Malam tadi, Tun Haji Mohamad Fuad menemui Perdana Menteri, Tun Abdul Razak selama 1½ jam di Sri Taman, menerangkan keadaan yang berlaku di dalam pilihanraya kecil di Labuan dan Kuala Kinabatangan baru-baru ini.

Katanya, kekalahan partinya di dalam pilihanraya kecil itu tidak memperlemah asas pendiriannya dan tidak juga menjadi kemunduran bagi parti, pemim-

★ MUKA 14 ruang 7

BERITA HARIAN, SELASA, 16 DISEMBER, 1975

Minuman arak diharam di majlis2 Islam—Tun

KUALA LUMPUR, Isnin. — Dewan Rakyat diberitahu hari ini bahawa minuman arak diharamkan di semua majlis-majlis Islam yang rasmi.

Perdana Menteri, Tun Abdul Razak berkata bahawa Jabatan Ugama Islam tiap-tiap negeri telahpun mengadakan undang-undang menguatkuasakan larangan minuman keras di kalangan orang-orang Islam.

Oleh itu, tidaklah perlu diadakan undang-undang berasingan bagi mengharamkan penjualan dan minuman arak di negara ini, tambah beliau ketika menjawab soalan Encik Mohamad Zahari Awang (BN-Kuala Krai) yang mencadangkan undang-undang baru itu.

Tun Razak dalam jawapannya menjelaskan bahawa tujuan kerajaan mengedarkan risalah "Al-Yakin" sebagai satu langkah memperingatkan orang-orang Islam kewajipan mereka sebagai umat Islam yang sempurna.

Menjawab soalan lain dari Encik Zahari yang ingin tahu samada Majlis Hal-ehwal Ugama Islam Malaysia akan membuat satu fatwa atau mengeluarkan hukum mengenai pertandingan ratu cantik di kalangan pemudi-pemudi Islam, Tun Razak berkata:

Buat masa ini belum ada sesuatu fatwa atau hukum dikeluarkan mengenai perkara itu.

Walau bagaimanapun, Institut Dakwah akan menggiatkan lagi usaha menerangkan kepada orangramai acara-acara seperti itu tidak digalakkan.

Lawatan Tun kena masanya—PM Thai

★ DARI MUKA 1

membincangkan secara lanjut masaalah tersebut."

Dalam keadaan sekarang, lawatan Tun Razak ke negeri Thai itu sangat kena pada masanya tambah beliau.

"Adalah sangat baik untuk bertukar-tukar pandangan dengan pemimpin-pemimpin Malaysia," kata Perdana Menteri Thai itu.

Beliau menjelaskan bahawa negeri Thai bersedia bekerjasama dengan semua negara ASEAN terutama sekali Malaysia "Kerana kami mempunyai sempadan bersama yang hangat."

Kedudukan antarabangsa di rantau ini sangat pesat berubah.

"Kelima-lima negara ASEAN perlu bantu-bantu. Tidak ada jalan lain untuk meneguhkan kedudukan kita selain dari bekerjasama membangunkan sebuah ASEAN yang kukuh menerusi kerjasama eko-ekonomi," katanya.

Encik Kukrit menyatakan pendirian teguhnya bahawa ASEAN adalah satu-satunya pertubuhan yang boleh membawa ke arah perpaduan dan penyataan yang lebih kukuh di kalangan negara-negara Asia Tenggara.

Tun Razak dan Encik Kukrit dijangka mengadakan rundingan tidak rasmi meliputi berbagai-bagai topik semasa Tun Razak melawat Thai yang dijadualkan antara 23 dan 24 Disember ini.

Sumber-sumber yang mengetahui berkata Encik Kukrit memberi perhatian utama terhadap lawatan Tun Razak itu kerana ia membuka peluang kepada kedua-dua pemimpin bertukar maklumat dan membincangkan masaalah bersama-bersama bagi kedua-dua buah negara.—Bernama.

BERITA HARIAN, SELASA, 16 DISEMBER, 1975

Tun ke S'pura sambung rundingan dgn Lee bulan depan

KUALA LUMPUR, Isnin. — Perdana Menteri, Tun Abdul Razak akan melawat Singapura bulan depan untuk mengakhiri siri rundingannya dengan pemimpin-pemimpin negara jiran itu mengenai keadaan keselamatan.

Sumber-sumber rasmi Malaysia dan Singapura berkata belum ada tarikh ditetapkan bagi lawatan Tun Razak ke Republik itu untuk berbincang dengan Perdana Menteri Lee Kuan Yew.

Lawatan itu adalah juga sebagai membalas lawatan tidak rasmi Encik Lee ke Malaysia bulan Januari tahun ini.

Selepas berpisah dari Malaysia, Encik Lee telah melawat Malaysia dalam tahun 1972 dan Tun Razak membuat lawatan balas tahun 1973.

Menurut sumber-sumber itu, perkara penting yang akan dibincangkan di Singapura kelak ialah usaha memperbaiki kerjasama dua pihak di bidang keselamatan memandangkan semakin bertambahnya kegiatan pengganas komunis.

Tun Razak telahpun mengadakan perbincangan dengan Presiden Suharto dalam lawatan tidak rasminya ke Medan, Sumatra, bulan lalu.

Beliau akan berlepas pula ke Bangkok pada 24 Disember ini untuk berunding dengan Perdana Menteri Thailand, Encik Kukrit Pramoj mengenai perjanjian baru kerjasama keselamatan di sempadan.

Kesan

Sumber-sumber itu berkata Singapura memandang berat terhadap keadaan keselamatan di Malaysia kerana apa yang berlaku di sini akan memberi kesan kepada Singapura.

Bidang utama bagi kerjasama dua hala mengenai keselamatan antara Malaysia dan Singapura ialah terhadap hubungan antara kader-kader komunis di Selatan Semenanjung dengan ejen-ejen komunis di Singapura.

Satu lagi perkara penting yang mungkin dibincangkan oleh pemimpin Malaysia dan Singapura itu ialah sidang kemuncak pertama ASEAN di Bali dalam bulan Februari depan.

Indonesia mahu diadakan suatu bentuk kerjasama keselamatan di kalangan negara-negara anggota ASEAN.

Tun Razak dan Encik Lee mungkin akan membincangkan kedudukan Malaysia dan Singapura terhadap cadangan ini dari segi Peraturan Pertahanan Lima Negara.

Lain-lain perkara kepentingan bersama yang dijangka dibincangkan ialah skim keselamata pelayaran di Selat Melaka, matawang dan ekonomi. — Bernama.

Seminar-Asean di Jakarta puji Tun

JAKARTA, Rabu. — Seminar Asean di sini hari ini memberi sanjungan kepada Tun Abdul Razak kerana mewujudkan satu majlis kebangsaan bagi penyatuan wanita dalam pembangunan.

Majlis itu yang akan dirasmikan penubuhannya bulan depan bertanggungjawab terus kepada Perdana Menteri dan terletak di bawah Yunit Pelaksanaan, Penyelarasan dan Kemajuan Pentadbiran di Jabatan Perdana Menteri.

Perwakilan di seminar mengenai penyatuan wanita dalam pembangunan itu menyatakan pendapat mereka bahawa Malaysia mungkin merupakan negara yang awal di dunia ini dan yang pertama sekali di kalangan anggota Asean melaksanakan salah satu daripada strateji-strateji rancangan tindakan dunia.

Bertindak

Mereka berkata, kejayaan Malaysia itu adalah hasil dari rancangan pembangunan kerajaan kabinet bertindak dan penglibatannya terhadap penyatuan wanita dalam pembangunan.

Perwakilan Filipina telah menyebut ucapan Tun Razak di persidangan peringkat menteri Asean di Kuala Lumpur tahun lalu yang mencerminkan penglibatan dan minat yang ditunjukkan oleh beliau terhadap kemajuan wanita.

Malaysia juga diberi pujian kerana mengadakan Rancangan Tanah Beliawanis di Johor dan bahagian wanita dalam Felda.

Rancangan tanah itu disebut dalam kertas kerja yang dikemukakan oleh Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Rakyat, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, Puan Sharifah Abdullah pagi ini.

Meningkat

Puan Sharifah yang mengetuai lima orang perwakilan Malaysia, berkata rancangan tanah beliawanis seluas 5,000 ekar untuk 60 orang telah mencapai kejayaan besar.

Rancangan seperti itu adalah digalakkan di lain-lain tempat.

Beliau juga berkata, penyertaan wanita dalam perusahaan ekonomi negara telah meningkat dalamasa beberapa tahun yang lalu.

Tambahnya, "Sebenarnya, sebahagian besar daripada peluang pekerjaan yang diadakan dalam sektor perusahaan telah diambil oleh kaum wanita."

Beliau juga berkata, penyertaan kaum wanita dalam semua peringkat bidang pelajaran di Malaysia juga meningkat, sebagaimana yang dapat dilihat dalam

● MUKA 14 ruang 7

BERITA HARIAN, KHAMIS, 18 DISEMBER, 1975



Tun Razak jamu wakil2 rakyat

Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, mengadakan jamuan khas untuk wakil-wakil rakyat di kediamannya, Seri Taman malam kelmarin.

Kira-kira 150 orang termasuk menteri, timbalan menteri, penyokong kerajaan dan pembangkang serta isteri masing-masing menghadiri majlis itu.

BERITA HARIAN, JUMAAT, 19 DISEMBER, 1975


Tun cuti ke Eropah

KUALA LUMPUR, Khamis.—Perdana Menteri Tun Abdul Razak berlepas ke Eropah malam tadi untuk bercuti pendek.

Satu kenyataan Jabatan Perdana Menteri menerangkan hari ini, Perdana Menteri berlepas bersama-sama dua orang pembantu peribadinya "untuk bercuti dan berihat."

Tun Razak dijangka pulang ke tanahair pertengahan bulan depan. —Bernama.

BERITA HARIAN, SABTU, 27 DISEMBER, 1975



TAN SRI KADIR

PM arah BSN ke JPN, kata Kadir

KUALA LUMPUR, Jumaat.

PERDANA Menteri telah mengarahkan supaya Biro Siasatan Negara yang sekarang ini di bawah jabatannya diletakkan di bawah Jabatan Peguam Negara, mulai 1 Januari.

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, Tan Sri Abdul Kadir Yusof yang mengumumkan demikian hari ini berkata, perubahan ini tidak menjejaskan kebebasan pegawai-pegawai BSN menjalankan tugas-tugas mereka dalam menyiasat jenayah, terutama sekali rasuah.

"Perubahan ini bererti Peguam Negara akan bertanggungjawab kepada Parlimen bagi tugas-tugas dan kegiatan BSN dan bagi perbelanjaan menyelenggarakan biro itu," katanya dalam satu kenyataan.

Tan Sri Abdul Kadir menambah, oleh kerana Peguam Negara juga Pendakwa Raya yang bertanggungjawab terhadap segala pendakwaan jenayah, terutama sekali jenayah-jenayah yang serious, Ketua Pengarah BSN mungkin mendapat nasihat khas mengenai undang-undang, sekiranya perlu atau merujukkan kes-kes yang sulit dan penting kepada Peguam Negara.

Berusaha

Sejak BSN ditubuhkan, Pengarahnya serta pegawai-pegawai lainnya kesemuanya mempunyai kuasa-kuasa perlu bagi menuduh dan mendakwa sesiapa yang melakukan rasuah dan lain-lain jenayah yang serious tanpa merujukkannya kepada Peguam Negara oleh kerana beliau telah memberikan kuasanya sebagai Pendakwa Raya kepada mereka.

Tan Sri Kadir menyatakan, BSN telah menjalankan kerja-kerja yang cemerlang di masa-masa yang lampau tanpa menggembar - gemburkannya.

Beliau menegaskan, inilah caranya BSN menjalankan tugas-tugasnya.

Katanya, "Saya penuh yakin bahawa pegawai-pegawai BSN akan menjalankan tugas-tugasnya yang berat itu tanpa pilih kasih atau bimbang

★ MUKA 12 ruang 8

Bekerjasama dgn BSN, seru Kadir

★ DARI MUKA 1

dan ragu samada terhadap orang-orang besar atau kecil tanpa mengira kedudukan politik atau sosial mereka.

"Kerajaan dan rakyat Malaysia telah memberikan kepercayaan yang penuh kepada mereka untuk menjalankan tugas yang penting menghapuskan sama sekali rasuah yang merupakan satu kenser dalam masyarakat, setidak-tidaknya mencegah perbuatan rasuah yang berleluasa."

Tan Sri Abdul Kadir menambah, "Rasuah menjejaskan pembangunan negara, nama baik kerajaan dan negara dan seterusnya menjejaskan keselamatan negara."

Beliau mempunyai kepercayaan penuh terhadap pegawai-pegawai BSN dan berharap rakyat akan tampil ke hadapan memberikan kerjasama mereka sepenuhnya kepada mereka.

Tan Sri Kadir menyeru semua rakyat Malaysia yang cintakan negara ini supaya berazam memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pegawai-pegawai penguatkuasa tersebut bersempena dengan Tahun Baru ini supaya rasuah dapat dihapuskan sama sekali. — Bernama.

BERITA HARIAN, KHAMIS, 1 JANUARI, 1976

Tun: Jiwa dan harta benda rakyat akan dilindungi

AMAN DAMAI AZAM KITA

TUN Abdul Razak berkata, Kerajaan bercadang menyemak semua jentera pelaksanaan awal tahun depan supaya lebih ramai rakyat di kampung dan juga bandar mendapat layanan sewajarnya dari para pegawai dan kakitangan Kerajaan.

Kata Perdana Menteri, "Masih ada ajensi-ajensi Kerajaan dan juga jabatan-jabatan yang diberi tugas melaksanakan rancangan pembangunan tidak menjalankan tanggungjawab dengan memuaskan dan dedikasi.

"Ini menyebabkan beberapa rancangan tidak dilaksanakan dengan sepenuh kejayaan untuk memberi munafaat kepada mereka yang benar-benar menghendakinya."

Beliau berharap perkara ini dapat dibetulkan kerana "masaalah ini telah lama kita hadapi dan tidak ada sebab keadaan itu tidak dapat diperbaiki dengan memuaskan."

Berucap keseluruh negara menerusi TV dan Radio Malaysia malam ini kerana menyambut Tahun Baru 1976. Tun Razak

KUALA LUMPUR, Rabu

menyeru rakyat membaharui azam dan tekad, walaupun terpaksa menghadapi berbagai cabaran, untuk membawa negara ke tingkatan kemajuan yang lebih tinggi dan luas. (Ucapan penuh Tun Razak di Muka Empat).

"Kalau duabelas juta Rakyat Malaysia benar-benar bersatupadu dan berazam hendak hidup dalam keadaan aman, bebas dan merdeka, tidak ada kuasa dari mana-manapun yang boleh menentang kehendak dan hasrat kita," katanya.

Berikrar

Sambil menyeru rakyat supaya terus menguatkan azam, tekad dan ketabahan hati, Perdana Menteri mengulangi ikrar bahawa kerajaan akan mengekalkan keamanan dan keselamatan negara serta melindungi dan menjaga jiwa, harta benda dan hak rakyat.

Katanya Malaysia merasa bangga kerana mempunyai anggota-anggota tentera dan polis yang berani dan tabah menghadapi ancaman itu.

Tetapi perjuangan menentang pengganas - penganas komunis dan anasir-anasir anti-nasional tidak boleh dibebankan kepada mereka saja.

BERITA HARIAN, KHAMIS, 1 JANUARI, 1976

Perjuangan tentukan cara hidup bebas—Tun



TUN ABDUL RAZAK

Perutusan Tahun Baru 1976 oleh Perdana Menteri, Tun Haji Abdul Razak, melalui Radio/TV Malaysia malam tadi.

SAMBUNGAN

KERAJAAN AKAN TERUS LAKSANA JANJI

SAYA sukacita mengambil peluang mengucapkan Selamat Tahun Baru dan marilah kita berdoa ke hadrat Tuhan mudah-mudahan kita semua dijauhi dari mara bahaya dan diberkatiNya hidup kita dalam keadaan aman dan bahagia.

Pada ketika menyambut tahun baru yang lalu, saya telah berkata bahawa Kerajaan Barisan Nasional yang saya pimpin pada hari ini, yang pada masa itu baru saja mendapat mandat yang besar dari rakyat, akan berusaha bersungguh - sungguh memenuhi kehendak dan hasrat rakyat dan menunaikan janji - janji yang dibuat dalam Pilihanraya itu dengan penuh azam dan tekad bagi menjadikan negara Malaysia yang kita kasihi ini negara yang aman, maju dan bersatu padu.

Setahun setengah telah berlalu semenjak Pilihanraya Umum yang lalu Kerajaan Barisan Nasional telah berkhidmat kepada rakyat. Saya suka mengulangi di sini iaitu Kerajaan sentiasa berpegang teguh kepada janji-janji dan prinsip-prinsip yang dinyatakan dalam Manifesto Pilihanraya yang lalu iaitu:

Mengekalkan keamanan dan keselamatan negara serta melindungi dan menjaga jiwa, harta benda dan hak rakyat;

Memperkukuhkan lagi kesetabilan sosial dan politik negara sambil menentukan kedudukan negara kita berada di tempat yang mulia dan dihormati di kalangan dunia antarabangsa dengan mengamalkan dasar luar yang bebas, berkecuali dan aktif; dan

Saksama

Melaksanakan Dasar Ekonomi Baru dengan sepenuhnya dan melahirkan satu masyarakat yang adil yang bersatu padu dan makmur di mana kekayaan negara dapat dibahagi dengan lebih adil dan saksama.

Saya dan Kerajaan yang saya pimpin tidak akan berganjak dari prinsip-prinsip dan janji-janji ini dan akan terus melaksanakan dengan penuh azam dan dengan seberapa daya yang boleh. Akan tetapi, sebagai negara yang merdeka yang berada dalam kawasan dunia yang sentiasa bergolak, kita terpaksa menghadapi berbagai masaalah dan cabaran. Cabaran yang besar yang kita hadapi ialah keselamatan negara.

Dalam tahun ini pengganas-pengganas Komunis dan anasir-anasir anti nasional telah memperhebatkan kegiatan mereka dan telah melancarkan tektik-tektik yang baru iaitu mereka telah menjalankan gerakan-gerakan bukan sahaja di hutan rimba bahkan di bandar-bandar besar.

Oleh itu, bagi menghadapi ancaman yang serious ini, perlulah Kerajaan membelanja wang yang lebih banyak bagi membesarkan Angkatan Bersenjata kita dengan membekalkan mereka dengan alat-alat kelengkapan yang terbaharu dan moden.

Kita sentiasa bangga dengan keberanian dan ketabahan hati anggota-anggota Pasukan Keselamatan kita iaitu Tentera dan Polis dalam menghadapi musuh negara. Kita yakin dan percaya dengan mereka mempunyai kekuatan yang cukup, mereka akan dapat mengatasi ancaman-ancaman dari pihak musuh itu.

Akan tetapi, perjuangan menentang pengganas Komunis dan anasir-anasir anti-nasional tidaklah dapat dijalankan oleh pihak Tentera dan Polis semata-mata.

Perlulah rakyat memberi kerjasama yang sepenuhnya kepada Kerajaan. Perjuangan ini ialah perjuangan yang menentukan "survival" atau hidup matinya negara kita dan cara hidup bebas yang kita junjung tinggi.

Sambutan

Oleh itu, tidak seorang pun patut berdiam diri atau duduk di atas pagar tetapi mestilah sedia berkorban dan bekerjasama dengan Kerajaan untuk menentang musuh.

Saya dukacita masih ada lagi sebilangan kecil rakyat Malaysia yang memberi pertolongan dan bantuan kepada musuh negara. Mereka ini mestilah disifatkan sebagai musuh kita semua dan tindakan sewajarnya perlu diambil ke atas mereka.

Seseorang itu tidak patut mengaku dirinya rakyat Malaysia yang menerima nikmat dan kemudahan daripada negara ini kalau dia tidak berani mempertahankan kedaulatan negaranya, bahkan sebaliknya menolong musuh negara.

Kerajaan akan mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk hendak membolehkan rakyat memberi kerjasama kepada Kerajaan.

Rancangan Rukun Tetangga yang baru dilancarkan itu telah mendapat sambutan yang baik dan saya sangat bangga iaitu sebahagian besar rakyat di negara kita adalah bersedia untuk menceburkan diri dan mengambil bahagian bagi mengawal keselamatan dan ketenteraman tempat kediaman dan kampung halaman masing-masing.

Begitu juga kita mestilah mengawasi supaya tidak ada sesiapa pun dapat memberi pertolongan kepada musuh negara kita.

Saya seringkali sebutkan iaitu pengganas-pengganas Komunis tidak akan datang mendekati kampung atau bandar kalau mereka itu tidak dapat bantuan daripada rakyat.

Oleh itu adalah menjadi kewajipan tiap-tiap seorang mempasti dan menjamin yang pertolongan tidak diberi kepada pengganas-pengganas Komunis.

Sungguhpun kita sedang menghadapi keadaan darurat yang serious, Kerajaan akan meneruskan rancangan-rancangan pembangunannya Kerajaan berkehendakkan tiap-tiap orang rakyat di negara kita mempunyai tempat yang sewajarnya dan taraf hidup yang sempurna.

Pada hujung tahun ini berakhirlah Rancangan Malaysia Kedua dan pada tahun hadapan kita akan mula melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga.

Dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini, kita akan mengutamakan bantuan dan pertolongan kepada rakyat yang tidak berada, yang miskin dan daif supaya mereka itu mendapat kemudahan hidup yang sempurna dan pendapatan yang agak lumayan.

Keutamaan akan diberi untuk mendirikan rumah-rumah murah di bandar-bandar besar dan kecil supaya sekurang-kurangnya tiap-tiap orang mempunyai tempat kediaman yang sewajarnya.

Begitu juga kita akan mengutamakan rancangan-rancangan bagi memberi pertolongan kepada petani-petani, nelayan-nelayan dan juga penduduk-penduduk luar bandar yang sebahagian besarnya masih berada dalam keadaan miskin dan daif.

Sungguhpun Rancangan Malaysia Kedua selamat dilaksanakan dan boleh dikatakan dengan jayanya tetapi saya sendiri belumlah puas hati dengan jentera pelaksanaan.

Masih didapati ajensi-ajensi Kerajaan yang diberi tugas melaksanakan rancangan pembangunan dan juga Jabatan-jabatan Kerajaan yang tidak menjalankan tanggungjawab mereka dengan memuaskan atau dengan dedikasi.

Kejayaan

Masih ada beberapa rancangan yang tidak dilaksanakan dengan sepenuh kejayaan atau memberi munafaat yang sebenarnya kepada mereka yang dikehendaki mendapat munafaat itu.

Saya berseru kepada pegawai-pegawai yang bertugas di Jabatan-jabatan Kerajaan dan juga di ajensi-ajensi Kerajaan supaya menjalankan tugas dengan jujur dan dedikasi.

Kejayaan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan bergantung kepada pegawai-pegawai dan kakitangan yang melaksanakannya. Kalau mereka tidak melaksanakan tugas mereka dengan jujur dan penuh dedikasi, saya khuatir matlamat yang kita hendak capai harus tidak akan berhasil.

Kerajaan bercadang pada awal tahun hadapan untuk menyemak semua jentera pelaksanaan supaya dapat diatur dengan lebih licin dan sempurna.

Masih ramai lagi rakyat di kampun-kampung dan juga di bandar-bandar bersungut iaitu mereka tidak mendapat layanan yang sewajarnya daripada pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan.

Perkara ini saya harap dapat dibetul dan dibaiki kerana masaalah ini telah lama kita hadapi dan tidak ada sebabnya keadaan ini tidak dapat diperbaiki dengan memuaskan.

Ancaman

Sungguhpun kita sedang menghadapi ancaman-ancaman dari penganas-pengganas Komunis yang agak serious, akan tetapi rakyat di negara kita daripada semua bangsa adalah mempunyai keazaman yang kuat untuk mempertahankan kedaulatan dan keutuhan negara dan cara hidup yang bebas dan demokrasi yang kita amalkan.

Begitu juga kita sentiasa mengeratkan kerjasama dengan negara-negara jiran. Baru-baru ini saya telah melawat Sumatra Utara untuk berjumpa dan berunding dengan Presiden Soeharto mengenai perkara-perkara kepentingan bersama.

Tidak lama lagi saya akan melawat Thailand dan Burma dan juga Singapura untuk bertukar-tukar fikiran dengan Ketua - ketua Kerajaan Negara itu berkenaan masaalah-masaalah Wilayah Tenggara Asia dan juga masaalah bilateral.

Saya yakin dan percaya dengan kerjasama serantau yang erat yang menjadi tiang sri dasar luar kita, kita akan dapat memperkuatkan kedudukan kita bersama di Tenggara Asia ini.

Begitu juga dalam bulan Februari yang akan datang akan diadakan perjumpaan kemuncak Ketua-ketua Negara dan Kerajaan Negara-negara ASEAN di Indonesia. Perjumpaan ini tak dapat tiada akan memberi nafas dan kekuatan baru kepada ASEAN.

Saya berseru agar kita bersama-sama menghadapi Tahun Baru 1976 dengan penuh azam dan tekad,walaupun terpaksa menghadapi cabaran-cabaran, untuk membawa negara kita Malaysia ke tingkatan kemajuan yang lebih tinggi dan luas lagi.

Saya yakin dan percaya, dengan izin Tuhan, kalau dua belas juta rakyat Malaysia sebenar-benar bersatupadu dan berazam hendak hidup dalam keadaan aman, bebas dan merdeka tidak ada kuasa dari mana-mana pun yang boleh menentang kehendak-kehendak dan hasrat-hasrat kita.

Oleh itu, marilah kita bersatupadu, menguatkan azam dan tekad dan ketabahan hati kita untuk menjamin keselamatan dan ketenteraman serta kemajuan negara kita pada masa akan datang.

Selamat Tahun Baru dan Selamat Maju Jaya.

BERITA HARIAN, KHAMIS, 1 JANUARI, 1976

Doktor nasihat Tun berihat lepas diperiksa

KUALA LUMPUR, Rabu.

TUN Abdul Razak telah selesai menjalani pemeriksaan doktor dan sekarang berihat atas nasihat doktornya dari London.

Perdana Menteri dijadualkan pulang pertengahan bulan Januari.

Demikian menurut Pemangku Perdana Menteri, Dato' Hussein Onn, dalam satu kenyataan memandangkan adanya setengah-setengah pihak menyuarakan perhatian berat mereka sejak beberapa hari lalu berhubung dengan pemergian Perdana Menteri secara mengejut ke Eropah.

Kenyataan itu tidak pula menyatakan di mana Tun Razak menjalani pemeriksaan doktor.

Adalah difahamkan bahawa beliau menjalani pemeriksaan di sebuah klinik di Lodnon.

Tunku Abdul Rahman, dalam rencananya di sebuah akhbar keluaran hari Isnin menyatakan pandangan beratnya kerana kekurangan maklumat mengenai pemergian Tun Razak keluar negeri.

Dato' Hussein dalam kenyataannya menyebut: memang telah diketahui bahawa Perdana Menteri berlepas ke Paris pada 17 Disember lalu untuk bercuti rehat di Eropah.

Menemui


"Ini dilakukan atas nasihat doktor-doktornya di Malaysia.

"Semasa di Paris, Tun Razak menemui doktor perundingnya dari London yang mengesyorkan supaya Perdana Menteri diperiksa dengan rapi.

"Pemeriksaan doktor ke atas Perdana Menteri telah selesai dan beliau dinasihatkan supaya berihat sebelum pulang. — Bernama.

BERITA HARIAN, RABU, 7 JANUARI, 1976

Tun makin sihat sejak berihat



TUN ABDUL RAZAK

LONDON, Selasa. — Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, yang sedang berehat di sini atas nasihat doktor selepas menjalani pemereksaan doktor, sekarang bertambah sihat.

Menurut orang-orang yang melihat beliau, Tun Razak sekarang nampaknya lebih sihat daripada masa beliau tiba di sini dari Paris pada 22 Disember lalu selepas bercuti singkat di sana.

Tun Razak tidak lagi kelihatan letih dan lesu seperti semasa beliau berlepas dari Kuala Lumpur pada 17 Disember lalu untuk bercuti rehat sebulan di Eropah.

Inilah pertama kali Perdana Menteri mengambil cuti rehat sepenuhnya dalam masa dua tahun.

Tun Razak menginap di sebuah hotel besar di sini dan selalu pergi berjalan kaki di Hyde Park dan Kesington Garden.

Toh Puan Rahah telah menyertai Tun Razak tidak lama selepas Perdana Menteri tiba di sini untuk dipereksa di sebuah kelinik swasta di London atas nasihat doktor perunding beliau di sini.

Bersama beliau ialah doktor peribadinya, Datuk Dr. S. C. Macpherson dan pembantu-pembantu peribadinya.

Perdana Menteri dijadualkan pulang ke Kuala Lumpur kira-kira sepuluh hari lagi.

Lewat bulan ini dan awal bulan depan Tun Razak dijadualkan melawat Singapura dan Thailand untuk membincangkan perkara-perkara serantau dan kepentingan bersama dengan pemimpin kedua-dua negara itu. Bernama.

BERITA HARIAN, SABTU, 10 JANUARI, 1976

Tun dan Dato Hussein utus kawat takziah

KUALA LUMPUR, Jumaat. — Tun Abdul Razak dan Dato Hussein Onn hari ini mengutus kawat takziah kepada Kerajaan China atas kematian Perdana Menterinya, Chou En-lai.

Mendiang Chou, 78, meninggal dunia kelmarin.

Perdana Menteri dalam kawatnya kepada Pengerusi Jawatankuasa Tetap Repablik Rakyat China berkata:

"Saya berasa amat syugul apabila mengetahui tentang kematian Encik Chou."

Tambahnya, "saya telah diberi penghormatan menemui beliau di Peking dalam bulan Mei 1974 bagi meresmikan penubuhan diplomatik antara kedua-dua buah negara."

Tun Razak berkata, Encik Chou telah memberitahunya dalam pertemuan pertama mereka "beliau telah menangguhkan untuk masuk ke hospital sehingga selepas saya melawat China."

Perdana Menteri berkata, beliau sungguh tertarik terhadap hasrat Encik Chou untuk memperbaiki hubungan antara Malaysia dengan China.

Tun Razak mensifatkan Encik Chou sebagai seorang "pengasas Negara China yang terkemuka, seorang akitek besar Negara China yang baru dan seorang negarawan dunia."

Ikhlas

Beliau menyatakan takziah dan simpati yang ikhlas atas kematian Encik Chou.

Timbalan Perdana Menteri, Dato Hussein dalam kawatnya kepada Naib Presiden Jawatankuasa Tetap Repablik Rakyat China, Encik Teng Hsiao-Ping mensifatkan Encik Chou sebagai "seorang negarawan terkemuka yang telah memberi sumbangan besar kepada perkembangan dalam hubungan China dengan Malaysia"

Beliau berkata, kematian Encik Chou adalah satu kehilangan besar kepada "kita semua."

Beliau menyampaikan ucapan takziah dan simpati Kerajaan dan Rakyat Malaysia kepada Balu Encik Chou, Puan Teng Ying-Chau, Kerajaan dan Rakyat China.

Menteri Luar, Tengku Ahmad Rithauddeen mensifatkan kematian Encik Chou bukan saja satu kehilangan besar kepada negara tetapi juga seluruh dunia.

BERITA HARIAN, RABU, 14 JANUARI, 1976

Tarikh Tun pulang ke tanahair ditunda

KUALA LUMPUR, Selasa — Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, yang dijadual pulang ke Kuala Lumpur dari London esok, telah menangguhkan kepulangannya.

Pemangku Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn, dalam satu kenyataannya jam satu tengahari ini berkata kepulangan Tun Razak ditangguhkan sehingga diberitahu kelak kerana beberapa sebab yang tidak dapat dielakkan.

Sementara itu, AP melaporkan dari London bahawa Tun Razak menangguhkan jadualnya pulang ke Kuala Lumpur untuk menjalani pemeriksaan doktor sekali lagi dalam masa sebulan.

Ejensi berita itu menyebut punca-punca Pejabat Suruhanjaya Tinggi Malaysia di sana.

Menurut AP, pihaknya diberitahu bahawa Tun Razak dan isterinya, Toh Puan Rahah, tiba di sini bulan lalu untuk bercuti rihat di selatan Perancis, tetapi penasihat-penasihat perubatan telah menasihatkan supaya beliau menjalani pemeriksaan doktor lebih dahulu.

Rancangan Tun Razak untuk bercuti rihat itu telah terpaksa dibatalkan dan menginap di sebuah hotel di London yang dapat melihat Hyde Park.

Berubat di klinik

Beliau dilaporkan berihat dan sering bersiarsiar.

AP juga menyebut satu punca yang mengatakan bahawa Tun Razak uzur dan tidak begitu sihat ketika beliau tiba di London.

Punca-punca Pejabat Suruhanjaya Tinggi Malaysia di sebut sebagai berkata bahawa Tun Razak kini sedang menjalani satu lagi pemeriksaan doktor.

Jurucakap Pejabat Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London juga disebut sebagai berkata bahawa Tun Razak dijadual pulang dalam masa dua atau tiga hari lagi.

Sementara itu, wakil Kumpulan Akhbar New Straits Times di London, Harry Miller, melaporkan bahawa Tun Razak telah demam pada hari Ahad kelmarin dan telah dimasukkan ke sebuah klinik di London.

Suasana Pasar Saham di sini dan di Singapura dilaporkan sibuk dan penjualan begitu merosot. Broker-broker berpendapat keadaan itu berlaku berikutannya dengan berita penangguhan kepulangan Tun Razak.

★ MUKA 12 ruang 9

Tun masuk klinik sebaik2 tiba di London

★ DARI MUKA 1

Sementara itu, Harry Miller melaporkan melalui talipon dari London lewat malam ini bahawa pakar-pakar perubatan segera memeriksa Tun Razak ketika beliau di masukkan ke klinik tersebut Ahad kelmarin.

Menteri Luar, Tengku Ahmad Rithauddeen, dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Kadir Shamsuddin, tiba di London pagi tadi dan terus ke klinik itu dari Lapanganterbang Heathrow.

Mereka telah menemui Tun Razak dan kemudian pergi ke Pejabat Suruhanjaya Tinggi Malaysia bersama dengan Pesuruhjaya Tinggi Datuk Abdullah Ali.

Di situ mereka difahamkan telah menghubungi talipon kepada pemangku Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn, di Kuala Lumpur dan melaporkan keadaan Tun Razak.

Tidak pula diketahui berapa lama Tengku Ahmad Rithauddeen dan Tan Sri Kadir akan berada di London.

Tun Razak telah di masukkan ke klinik itu sebaik sahaja beliau tiba di London untuk pemeriksaan doktor.

Beliau telah dibenarkan keluar selepas kira-kira seminggu di klinik tersebut.

Tun Razak bersama Toh Puan Rahah dan pegawai- pegawainya telah menginap di sebuah hotel Knightsbridge.

Perdana Menteri dan isterinya telah menerima ramai pelawat dan juga bersiar-siar di Hyde Park, tidak jauh dari hotel itu.

Harry Miller melaporkan dia dapat berhubung talipon dengan Tun Razak pada hari Jumaat lalu dan berbual mengenai kematian Perdana Menteri China, Chou En Lai.

Menurutnya, Tun Razak bersetuju ditemui minggu ini.

"Tun Razak bercakap dengan suara sihat, tetapi beliau begitu kurus dan menyatakan akan pulang ke Kuala Lumpur hari ini, ketika saya menghubunginya dengan talipon," kata Harry.

Sementara itu Bernama melaporkan lewat malam ini: "Sumbebr-sumber rasmi menyatakan, Tun Razak menjalani pemeriksaan perubatan lanjut dan sedang berihat atas nasihat doktornya dan dijangka pulang ke tanahair tidak lama lagi."

BERITA HARIAN, KHAMIS, 29 JANUARI, 1976

Siri ucapan Tun akan diterbitkan

KUALA LUMPUR, Rabu. — Arkib Negara telah memulakan satu siri penerbitan mengandungi ucapan-ucapan Allahyarham Tun Abdul Razak semenjak tahun 1960 hingga 1975.

Menurut kenyataan Arkib Negara hari ini, ucapan-ucapan ini akan dimuatkan dalam 15 jilid, tiap-tiap satu mengandungi ucapan untuk setahun.

Sehingga ini, ucapan-ucapan Allahyarham untuk tahun 1960 dan 1961 sebagai Timbalan Perdana Menteri sudah terbit dan boleh dibeli di Arkib tersebut.

Berita Minggu, Ahad, 1 Februari, 1976

'BENAR, TUN SUDAH MENINGGAL'

'YA ALLAH!' SELURUH BADAN SEJUK KAKU

Oleh ALIAS MUHAMMAD dari University of New Brunswick, Kanada.

SEKETIKA saya menjadi gugup, tegang dan dapat merasa kencang darah berlumba di segenap urat-saraf. Seperti ada suatu kuasa ghaib yang menekan dari atas, kiri dan kanan. Dalam sesaat itu, badan saya terasa dihimpit oleh suatu benda yang sangat berat.

Walaupun musim salji yang sejak beberapa hari lalu turun hingga paras punggung, dan di luar, juruhebah radio Fredericton City memberitahu suhu menjunam turun hingga tolak 33 darjah centigrade, alat pembakar thermostat dalam bilik 320 menunjukkan suhu cukup panas.

Tapi, berita dalam talipon itu mengkakukan seluruh badan.

"Benar, Tun sudah meninggal. Semalam di London," kata suara itu dari Ottawa. Saya menalipon dari Fredericton, lebihkurang 600 batu.

menalipon dari Fredericton, lebihkurang 600 batu.

Orang yang memegang gagang talipon di Ottawa itu ialah Saudara Shahrum Salleh, dulu pernah bekerja di Utusan Melayu.

Pada mulanya saya minta bercakap dengan Ikhwan Nasir, yang seringkali saya hubungi. Tapi kebetulan dia tidak ada di rumah. Ke airport, kata anak-anaknya yang sudah mengikut loghat orang putih Kanada. Jadi, saya bercakap dengan anak-buahnya, Shahrum.

Untuk mempastikan lagi, saya tanya Shahrum dari mana dia tahu Tun meninggal. Dia baca dalam akhbar Ottawa Journal. Ketika itulah saya menjadi sejuk dan kuku seluruh badan.

Airmata masih mengalir

Saya hanya dapat meluahkan "Ya Allah" dalam talipon dan disambut oleh Shahrum, "Kamipun tak percaya pada mulanya."

Tun Abdul Razak meninggal, mengikut Shahrum, ialah pada 15 Januari, 1976 di London; manakala di Kanada (terutama Fredericton) yang punya waktu malam lebih panjang dari waktu siang pada musim winter, ialah 14 Januari. Jadi, saya mendapat berita sehari lewat.

Dapat saya gambarkan betapa rakyat, setiap peringkat umur, setiap kelas atau status yang dia wakili, petani atau kerani, pegawai atau menteri, peniaga kecil atau peniaga besar, Melayu atau China, India atau Serani, dikejutkan dari tugas seharian.

Saat ini, saat saya menulis, masih boleh saya gambarkan betapa airmata yang mengalir sejak dari saat menerima berita kehilangan seorang statesman, Malaysia, malah seorang protagonis politik Asia yang terkemuka itu, belum juga kering-kering. Itulah airmata rakyatnya.

Masih ada isakan, masih ada debaran kencang pada dada-dada Menteri dan rakyat morhaen, kerana seorang tokoh politik Malaysia yang terkenal bernama Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein, tidak mudah dilahirkan untuk beberapa tahun lagi.

Dengan tidak payah kita memuja, dengan tidak payah kita merasa fanatik, dengan tidak payah kita merasa terlonjak dengan karekter Allahyarham Perdana Menteri, umum mengenali dan mengakui apa sumbangannya kepada rakyat jelata.

Allahyarham barangkali tidak punya karisma yang boleh menyatukan bermillion-million umat, barangkali Allahyarham bukan boleh dimasukkan dalam senarai ahli pidato yang terkemuka.

Tetapi dengan wataknya, sebagai seorang ahli politik yang lincah, sabar, yang memperincikan setiap langkah dan tindakan, setiap taktik dan strateji, Allahyarham memperkuatkan azam perjuangan UMNO, perjuangan untuk memerangi kemiskinan, perjuangan untuk membenteras kekejaman komunis.

Satu rencana yang panjang, malah sebuah buku yang tebal, tidak mungkin padat, tidak mungkin lengkap untuk memperinci sumbangannya kepada rakyat dan negara sejak hari-harinya di Pekan, waktu-waktunya di Johor hingga Allahyarham menyahut panggilan Ilahi di luar negeri.

Usianya, dari ukuran Barat, masih muda.

Dari ukuran Timur pun, Allahyarham jauh lebih muda, lebih gagah dari mendiang Chou En-lai, mendiang Ho Chi-minh.

Kepergiannya diratapi

Mengukurnya dengan umur Mao Tse-tung, yang masih gagah menerima tamu, dengan mendiang General Franco, Allahyarham Tun Abdul Razak seharusnya, dari lojik umur, sekurang-kurangnya masih boleh menjengkau dua kali pilihanraya umum.

Tapi sahutan Ilahi tidak siapa yang boleh engkar, hatta umur lebih muda dari itupun. Allah saja yang maha kaya, dari Dia kita datang, kepada Dia kita kembali, walaupun di mana kita berada.

Biarlah kini sejarah mengukir bakti dan sumbangannya kepada rakyat dan negara. Biarlah tinta emas mengabadikan walau sekelomit atau segunung intan sumbangan baktinya kepada rakyat.

Biarlah rakyat dan jenerasi akan datang membaca seterusnya sumbangan-sumbangannya yang tersurat, mahupun baktinya yang tersirat.

Kehilangan Allahyarham semestinya diratapi, bukan kerana pemujaan kepada tokoh, akan tetapi hadiah maha kudus dan ikhlas dari rakyatnya dari daerah sawah dan bendang menghijau, dari desa yang damai, dari pekan yang hening dan dari kota yang tersedu.

Dari kita apakah yang lebih besar sumbangannya selain al-Fatihah dan Yasin yang diiringi dengan airmata yang amat memilukan.

Dari Allah (s.w.t.) sumbangan Allahyarham akan diabadikan dengan ganjaran yang tidak ada tolok bandingnya.

Di samping kita meratapi kematian seorang perwira negara, seorang pemimpin yang tercinta, seorang statesman yang bijak, marilah kita tafakur kepada Allah agar jalan yang dilalui atau bakal dilalui oleh pimpinan baru dibukakanNya luas saujana mata memandang.

Perkembangan - perkembangan politik di negara pada akhir tahun 1970-an tidak mudah diterka. Mungkin lebih sulit. Mungkin lebih lancar dan lurus.

Betapapun ia diterka, sokongan rakyat haruslah solid di belakang Kerajaan.

Keazaman rakyat untuk membenteras kekejaman komunis, kemelaratan korapsi dan menghentikan perebutan kuasa mesti diperkokoh pada segenap peringkat.

Pas T'ganu berikrar sokong PM baru

KUALA TRENGGANU, Sabtu. — PAS Negeri Trengganu berikrar menyokong pucuk pimpinan Perdana Menteri baru Datuk Hussein Onn.

Menurut Pesuruhjaya PAS Negeri, Haji Wahab Yunos, keputusn itu diambil dalam satu Mesyuarat Perhubungan PAS Negeri di sini malam tadi.

Mesyuarat itu dihadiri oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Perhubungan, Ketua-ketua Cawangan dan setiausaha - setiausaha Cawangan Parti.

Sementara itu, Jawatankuasa Penyelaras Barisan Nasional Negeri akan mengadakan mesyuaratnya Ahad ini di kediaman Menteri Besar bagi membincang dan menyelesaikan masaalah yang dihadapi oleh anggotanya.

Setiausaha Perhubungan Umno Negeri, Wan Nik Ismail berkata, satu majlis tahlil akan juga diadakan di Kediaman Menteri Besar pada sebelah malamnya untuk Allahyarham Tun Abdul Razak.

Beliau memberitahu, tujuh bahagian Umno kecuali Kemaman akan mengadakan mesyuarat khas bagi merakamkan secara rasmi sokongan mereka terhadap pucuk pimpinan Datuk Hussein Onn.

Beliau berkata, pihak Umno Perhubungan dan Barisan Nasional telah menghantar kawat menyokong pucuk pimpinan Datuk Hussein. — Bernama.

Berita Minggu, Ahad, 1 Februari, 1976

Masjid Razak: Umno Repoh alu2kan

KANGAR, Sabtu. — Cadangan Kerajaan Perlis menamakan Masjid Repoh, dua batu dari sini dengan nama "Masjid Tun Abdul Razak" mendapat sambutan daripada UMNO cawangan Repoh dan Lembaga Kebajikan Masjid tersebut.

Setiausaha UMNO cawangan tersebut, Encik Hussin Haji Hassan berkata, UMNO cawangannya mengalu - alukan langkah tersebut dan mensifatkannya sebagai satu penghormatan daripada Kerajaan kepada penduduk di situ.

Katanya, Jawatankuasa UMNO cawangan itu akan bermesyuarat dalam sedikit hari lagi untuk mengambil persetujuan menyampaikan ucapan terimakasih kepada Kerajaan Negeri atas perhatian yang diberikan itu.

Menteri Besar Perlis, Datuk Haji Jaafar Hassan, memberitahu Sidang Dewan Undangan Negeri Khamis lalu bersetuju menamakan Masjid Repoh dengan nama "Masjid Tun Abdul Razak" sebagai mengambil sempena nama Allahyarham Tun Abdul Razak.

Sementara itu Lembaga Kebajikan Masjid itu juga akan mengadakan mesyuaratnya tidak lama lagi untuk memberi persetujuan mengenai penukaran nama masjid itu.

Masjid Repoh yang siap dibina oleh Kerajaan Negeri Perlis akhir tahun lepas menelan belanja $50,000 dan dapat muat kira-kira 400 orang jemaah.

BERITA HARIAN, SELASA, 3 FEBRUARI, 1976

Yayasan Razak dibincang Mac ini

IPOH, Isnin. — Kesatuan Kebangsaan Guru-guru Bahasa Malaysia, Malaysia Barat akan menganjurkan perjumpaan antara badan-badan untuk membincangkan penubuhan Yayasan Pelajaran Tun Razak, di Dewan Bahasa dan Pustaka, bulan Maac ini.

Naib presiden merangkap ketua biro pelajaran dan kebudayaan kesatuan tersebut, Encik Mohd. Ali bin Othman memberitahu, keputusan untuk menganjurkan perjumpaan itu dibuat dalam masyuarat jawatankuasa tertinggi kesatuannya, di Kuala Lumpur Sabtu lalu.

"Kami akan menghubungi semua badan guru, badan politik, badan kebajikan dan yayasan-yayasan tinggi pelajaran untuk menghadiri perjumpaan itu nanti.

"Mana-mana badan dan orang perseorangan yang tidak dapat dihubungi, boleh berhubung dengan setiausaha agung kesatuan, di 57, Jalan 23, Kepong Baru, Kuala Lumpur.

"Hasil dari perjumpaan itu nanti, satu rombongan bersama semua badan akan menemui Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn bagi menyampaikan keputusan penubuhan yayasan itu.".

BERITA HARIAN, SELASA, 3 FEBRUARI, 1976

Latihan Penyiaran Negara akan abadikan nama Tun

KUALA LUMPUR, Isnin. — Kementerian Penerangan telah mencadangkan supaya Pusat Latihan Penyiaran Negara berharga $13 juta dinamakan sempena nama Allahyarham Tun Abdul Razak.

Timbalan Menteri, Datuk Shariff Ahmad memberitahu BERNAMA hari ini, pusat tersebut yang terletak berhampiran dengan Angkasapuri telah mula mengendalikan kursus untuk juruhebah.

Dirakam

Katanya sebuah jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Pengarah Penyiaran, Encik Abdullah Mohamed telah dibentuk untuk menyusun sukatan pelajaran untuk kursus-kursus di pusat itu.

Katanya pusat tersebut akan menimbangkan pengendalian kursus untuk wartawan dan para penulis.

Tun Razak dijadualkan merasmikan pusat itu bulan depan sempena konsert perdana yang akan diadakan pada masa itu.

Radio Talivisyen Malaysia pula sedang merakamkan semula ke dalam piring hitam ucapan-ucapan bersejarah oleh Tengku Abdul Rahman dan Allahyarham Tun Abdul Razak.

Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Shariff Ahmad yang menyatakan demikian hari ini menambah, satu jawatankuasa khas telah dibentuk untuk mengkaji ucapan-ucapan yang telah dibuat oleh "bapa merdeka" dan "bapa pembangunan" tersebut sejak tahun 1955.

Cik Jamilah Long, seorang penolong penyelidik kanan di Kementerian Penerangan telah dilantik menjadi pengerusi jawatankuasa itu.

Datuk Shariff berkata, piring-piring hitam itu akan dapat menolong rakyat terutama sekali jenerasi muda untuk memahami lebih dekat lagi sejarah negara ini.—Bernama.

BERITA HARIAN, SELASA, 3 FEBRUARI, 1976

Nazim (anak Tun) balik bersekolah

KUALA LUMPUR, Isnin. — Nazim anak keempat Allahyarham Tun Haji Abdul Razak Hussein, berlepas ke London petang ini untuk meneruskan semula pelajarannya.

Nazim, 13 tahun, menuntut dalam Gred Ketiga di Oundle College, di utara England.

Kedua orang abangnya yang masih menuntut di London juga, Ahmad Johari, 21 tahun, dan Nizam, 17 tahun, telahpun berlepas ke London beberapa hari lalu.

BERITA HARIAN, RABU, 4 FEBRUARI, 1976

UMNO Pekan tak setuju Najib jadi calun Barisan

Oleh

Wan Abd. Rahman

Pekan, Selasa

KALANGAN UMNO di sini tidak begitu bersetuju dengan cadangan supaya Datuk Ahmad Najib anak Allahyarham Tun Razak menjadi calun Barisan Nasional dalam pilihanraya kecil Parlimen kawasan Pekan.

Mereka berkata, pada suatu masa, khidmat Datuk Ahmad Najib mungkin diperlukan, tetapi tidak pada masa ini.

Ketika mengulas syur yang dibuat oleh Dewan Perniagaan Melayu Perak kepada UMNO Malaysia dan Bahagian Pekan dalam Berita Minggu kelmarin, Encik Khalid bin Jusoh berkata, "Cadangan ini memang baik sebagai mengenangkan jasa-jasa ayahnya.

"Tetapi kalau ditinjau dari segi perhubungannya dengan orangramai, terutamanya pengundi-pengundi kawasan Pekan, beliau mungkin sukar sedikit hendak mendapat sokongan seperti Allahyarham Tun Abdul Razak," katanya.

Encik Khalid, yang juga ahli Jawatankuasa UMNO Pekan, tidak pula menafikan Datuk Ahmad Najib boleh menjalankan tugas-tugasnya sebagai ahli Parlimen, walaupun umurnya terlalu muda, kerana beliau mempunyai pelajaran tinggi.

Beliau yakin Datuk Ahmad Najib boleh memenangi kerusi Parlimen Pekan itu, jika bertanding.

Katanya lagi, Datuk Ahmad Najib mungkin menolak sekiranya beliau ditawarkan menjadi calun tersebut sekarang.

Bagaimanapun khidmatnya sebagai ahli politik dikehendaki suatu masa kelak, katanya.

Beberapa orang ahli UMNO yang lain juga memberikan pendapat yang sama.

Tinjauan Berita Harian di sini hari ini, anggota-anggota Barisan Nasional setempat meramalkan, Encik Khalil Yaakob, Pengurus Besar, Perbadanan Jengka mungkin dipilih sebagai calun Barisan Nasional dalam pilihanraya kecil itu.

Difahamkan, seorang keluarga Diraja di sini, Tengku Jamil bin Tengku Ahmad, calun bebas yang tewas dalam pilihanraya Umum 1974 lalu akan bertanding sebagai calun bebas.

BERITA HARIAN, KHAMIS, 5 FEBRUARI, 1976

Dewan akan rakamkan takziah

JOHOR BAHARU, Rabu. —Dewan Negeri Johor, akan mengadakan persidangan pada 10 Februari ini, untuk merakamkan ucapan takziah kepada Toh Puan hajjah Rahah atas keperI"AN Tun Razak dan tahniah kepada Datuk Hussein Onn, atas perlantik-an sebagai Perdana Menteri.

Menteri Besar, Tan Sri Haji Othman Saat, akan mengemukakan kedua usul itu.

BERITA HARIAN, KHAMIS, 5 FEBRUARI, 1976

Pilihanraya kecil Pekan diumum minggu depan

KUALA LUMPUR, Rabu. — Suruhanjaya Pilihanraya akan mengumumkan tarikh penamaan calun dan pengundian bagi pilihanraya kecil Parlimen kawasan Pekan awal minggu depan.

Seorang jurucakap suruhanjaya itu memberitahu hari ini, persiapan untuk mengadakan pilihanraya itu telah pun selesai.

"Kita akan mengumumkan tarikhnya minggu depan," kata beliau.

Pilihanraya itu diadakan berikutan kematian Allahyarham Tun Abdul Razak pada 14 Januari lalu.

Berita Harian difahamkan UMNO Bahagian Pekan telah bermesyuarat mengenai perkara ini dan akan menghantar nama-nama calun mereka ke Ibu-pejabat Barisan Nasional di sini.

Nama calun Barisan Nasional itu dijangka akan diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn selaku Presiden Barisan Nasional.

Mengikut perlembagaan pilihanraya kecil itu hendaklah diadakan sebelum 13 Mac ini.

Punca-punca yang rapat dengan Suruhanjaya itu memberitahu bahawa pilihanraya itu mungkin diadakan dalam minggu pertama bulan Mac.

Manakala penamaan calun minggu ketiga bulan ini.

Sementara itu Suruhanjaya itu belum dapat menentukan tarikh penamaan calun dan pengundian pilihanraya negeri Sabah.

ANAK SULUNG TUN RAZAK DISYOR CALUN BN PEKAN

IPOH, Sabtu. — Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Perak mengesyorkan kepada UMNO Malaysia dan Bahagian Pekan, supaya menamakan anak Allahyarham Tun Abdul Razak, Datuk Ahmad Najib menjadi calun BN kawasan Parlimen Pekan.

Yang Dipertua Dewan tersebut, Haji Mohd. Taib bin Abdul Hamid berkata "Patut sangat UMNO mengambil Datuk Ahmad Najib menjadi calun sebagai mengenang jasa orang tuanya.

"UMNO patut latih dia menjadi bakal pemimpin, kerana Datuk Najib seorang pemuda yang hidup dalam keluarga pemimpin negara.

"Kami percaya, kalau beliau bertanding dalam pilihanraya kecil tempat bapanya, beliau akan menang tanpa tanding," katanya.

Menurutnya, Datuk Najib perlu diberi peluang berkecimpung dalam politik kerana beliau mempunyai bakat seorang pemimpin.

4 Feb 76

MP disyor— derma gaji kenang jasa Tun

TEMERLOH, Selasa. — MCA Temerloh menyokong penuh cadangan menubuhkan sebuah Yayasan Pelajaran sebagai menenang jasa Allahyarham Tun Abdul Razak.


Naib Presiden Kebangsaan parti itu juga Ketua MCA Temerloh, Datuk Ngau Ken Lock berkata, penubuhan itu wajar kerana Allahyarham banyak berjasa dan mengorbankan tenaga terhadap kemajuan pelajaran negara.

Cadangan Menubuhkan yayasan itu mula disuarakan oleh Sultan Pahang dalam satu kenyataan baru-baru ini. Ia mendapat sokongan dari banyak pihak.

Datuk Ngau menganjurkan Ahli Dewan Undangan Negeri dan Parlimen Pahang mendermakan sebulan Gaji untuk melancarkan yayasan tersebut.

Belian juga mengesyorkan Kerajaan Negeri Pahang mengeluarkan 1.1 peratus dari pendapatan negeri untuk tabung yayasan tersebut.

BERITA HARIAN, KHAMIS, 5 FEBRUARI, 1976



● *Sebahagian ahli dan pemimpin UMNO Bahagian Setapak sedang membaca yasin dalam majlis tahlil di pusara Allahyarham Tun Razak malam kelmarin. — Gambar Berita Harian.*

Pusara Tun tak putus2 diziarah rakyat

KUALA LUMPUR, Rabu. — Kepulangan Allahyarham Tun Razak juga dirasakan sedih yang mendalam oleh masyarakat umum di Indonesia, Ketua Perwakilan Indonesia ke sidang Majlis Bahasa Indonesia—Malaysia, Dr. Amran Halim memberitahu hari ini.

"Pada kami kepulangan Allahyarham merupakan satu kehilangan yang tidak dapat dilupakan.

"Baik masyarakat umum, maupun pemerintah kami sungguh merasa sama kepulangan Allahyarham itu," katanya.

Menurut beliau, Allahyarham Tun Razak adalah seorang pemimpin besar, yang kebesarannya tidak terhenti pada batas negara ataupun bangsanya.

"Marilah kita berdoa semoga tuhan cucuri rahmat ke atas rohnya," kata Dr. Amran.

Beliau juga membawa doa perwakilannya semoga Perdana Menteri baru, Datuk Hussein Onn dirahmati Allah dengan kesihatan dan kekuatan lahir batin dalam melaksanakan tugas beliau yang berat itu.

Sementara itu pusara Allahyarham tidak putus-putus dikunjungi orangramai hari ini dan semalam.

Malam tadi kira-kira 200 orang ahli dan pemimpin UMNO Bahagian Setapak mengadakan majlis tahlil dan membaca Yasin di pusara Allahyarham di Makam Pahlawan.

Majlis itu diketuai oleh Ketua UMNO Bahagian itu yang juga Ahli Parlimen kawasan Setapak, Encik Idris Ibrahim.

BERITA HARIAN, SABTU, 7 FEBRUARI, 1976



Sebahagian ahli Persatuan Belia Suara Muda Chukai yang hadir semasa penubuhan seksi ugama tersebut.

Seksi Ugama dirasmi dgn Fatihah untuk Tun

KEMAMAN, Jumaat. — Seramai 60 orang ahli Persatuan Belia Suara Muda Chukai, Kemaman mendahului dengan bacaan Al Fatihah untuk Allahyarham Tun Abd Razak dalam upacara menubuhkan seksi ugama persatuan mereka di Masjid Chukai baru-baru ini.

Kadi Kemaman, Haji Muhd Ros Yusof yang mengetuai bacaan Al Fatihah itu dalam ucapannya menyeru belia-belia supaya bersikap dinamik dalam usaha mengamalkan ajaran-ajaran Islam dalam kehidupan mereka sehari-hari.

Beliau mengesyorkan supaya belia-belia Islam menggunakan kalimat Assalamu alaikum bagi mengukuhkan persaudaraan sesama mereka dalam segala bidang.

Dekat

"Kalimat ini akan lebih mendekatkan kita kepada peradaban Islam dalam percampuran sehari-hari," katanya.

"Kita tidak harus mengira rambut kita panjang atau pendek sebagai mana yang terdapat di kalangan belia hari ini, tetapi apa yang mustahak ialah takwa kepada Allah kerana itulah pakaian Islam yang sebenarnya," sambungnya.

Sementara itu seksi ugama persatuan tersebut akan mengadakan sembahyang berjumaah pada setiap waktu serta akan mengadakan kelas pelajaran ugama untuk ahli-ahli persatuan itu khususnya serta untuk mereka yang berminat dalam hal tersebut amnya.

"Malah kegiatan ini telah pun kami jalankan sebelum seksi ini ditubuhkan," kata Setia Usaha seksi yang dilantik dalam perjumpaan tersebut, Haji Yusof Khalid.

Beliau menerangkan seksi itu nanti akan menjalankan kerja-kerja dakwah sebagai bantuan kepada ahli jawatankuasa dakwah peringkat daerah.

"Selain dari itu kami juga akan menjalankan kerja-kerja kebajikan untuk faedah umat Islam khususnya di Bandar Kemaman," katanya.

Turut hadhir pada malam penubuhan seksi itu ialah Pegawai Daerah Kemaman, Syed Omar Muhammad dan Penolong Pegawai Daerah II Kemaman, Encik Ismail Said.

Berita Minggu, Ahad, 8 Februari, 1976

Hussein akan jadi Canselor

KUALA LUMPUR, Sabtu. — Datuk Hussein Onn dijangka dilantik menjadi Cancelor Universiti Kebangsaan menggantikan Allahyarham Tun Abdul Razak.

Adalah difahamkan, perlantikan Datuk Hussein itu akan dibuat oleh pihak UKM sebelum majlis penyampaian ijazahnya dalam bulan Jun ini.

Pihak pentadbir UKM dijangka mengadakan mesyuarat tak lama lagi bagi membincangkan soal perlantikan cancelor baru itu.

Allahyarham Tun Razak menjadi Cancelor UKM sejak tahun 1970.

9276

BERITA HARIAN, ISNIN, 9 SAFAR, 1396

Pertahankan keutuhan parti — T. Razaleigh

KUALA LUMPUR, Ahad. — Naib Presiden Umno, Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, mengingatkan ahli-ahli Umno supaya sentiasa bersatupadu supaya keutuhan parti dapat terus dipertahankan demi kepentingan orang-orang Melayu sendiri.

Umno, katanya sebagai sebuah parti yang mewakili sebahagian besar masyarakat Melayu hendaklah sentiasa dipertahankan kerana sebarang keretakan dalam parti akan menjejas masa depan orang-orang Melayu.

Dengan itu, katanya Umno tidak mudah digugat dan digoncang oleh pihak-pihak tertentu yang memang inginkan kelumpuhan Umno yang akan melibatkan perpaduan orang Melayu.

Naib Presiden Umno itu menegaskan hal ini di upacara merasmikan mesyuarat agung kelima Umno cawangan batu 3½ Jalan Cheras di sini pagi ini.

Ahli-ahli Umno, tegasnya lagi hendaklah menyelesaikan sebarang masaalah kepartian melalui saluran-saluran yang sesuai.

Tengku Tan Sri Razaleigh yang juga ketua Eksekutif Petronas menggesa ahli-ahli Umno menyokong pimpinan Datuk Hussein Onn supaya Perdana Menteri baru itu dapat meneruskan usaha untuk memajukan masyarakat Melayu seperti yang telah dijalankan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak.

Antara lain Tengku Tan Sri Razaleigh menceritakan hasil pertemuannya dengan Allahyarham Tun di London, seminggu sebelum peninggalannya.

Menurutnya Allahyarham merancang melakukan lawatan ke semua bahagian dan cawangan Umno seluruh negara bagi meyakinkan kepada ahli-ahli parti bahawa tidak ada perpecahan dalam Umno sebagaimana dakwaan setengah penyebar khabar angin.

Hakmilik

Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, Datuk Mohamed Rahmat, berucap di majlis yang sama berkata Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) akan melipatgandakan usaha dengan kerjasama Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri untuk menggiatkan penyertaan Bumiputra dalam perusahaan dan perniagaan.

Di samping itu UDA juga akan berusaha dalam membanyakkan lagi hakmilik harta Bumiputra di bandar-bandar yang buat masa ini cuma berjumlah 18 peratus sahaja.

Di bawah Rancangan Malaysia Kedua UDA telah mendapat peruntukan sebanyak $160 juta dan dijangka peruntukan ini dapat ditambah di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, dalam usaha memperhebatkan usaha-usaha perbadanan itu.



● *Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah dan Datuk Mohamed Rahmat mengetuai para hadirin di majlis perasmian mesyuarat agung Umno Cawangan rumahpangsa batu 3½, Jalan Cheras, dekat sini bertafakur selama seminit sebagai mengingati dan menghormati Allahyarham Tun Abdul Razak. — Gambar Berita Harian.*

BERITA HARIAN, SABTU, 7 SAFAR, 1396

Yayasan Razak: Badan guru nak temui Dr. M

IPOH, Jumaat. — Satu rombongan dari Kesatuan Kebangsaan Guru-guru bahasa Malaysia, Malaysia Barat akan menemui Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamad, sebelum satu perjumpaan umum menubuhkan Yayasan Pelajaran Tun Razak diadakan bulan depan.

Naib presiden kesatuan tersebut, Encik Mohamad Ali bin Osman berkata, kesatuannya sedang menyiapkan rangka jadual penubuhan yayasan itu untuk dibentangkan dalam perjumpaan yang akan diadakan di Dewan Bahasa dan Pustaka nanti.

"Kami akan menghantar rombongan menemui Dr. Mahathir untuk meminta pandangan beliau mengenai perkara itu.

"Kementerian Pelajaran telah dihubungi bagi mendapat tarikh perjumpaan antara rombongan kesatuan ini dengan Dr. Mahathir," katanya.

Beliau menyatakan gembiranya, kerana Dr. Mahathir telah menyambut baik syor kesatuannya untuk menubuhkan Yayasan Pelajaran Tun Razak itu.

Menurutnya, pandangan Dr. Mahathir ialah penubuhan yayasan tersebut memerlukan kajian yang mendalam.

Dalam mesyuarat exco kesatuan guru-guru tersebut akhir minggu lalu, telah dikaji tentang beberapa aspek penting mengenai syor yang dibuat, menurutnya lagi.

Kesatuan berpendapat, yayasan itu nanti akan menjadi tugu bagi mengenang jasa yang amat besar diberi oleh Allahyarham Tun Razak kepada negara dan rakyat kita.

BERITA HARIAN, ISNIN, 9 FEBRUARI, 1976

P-raya kecil Pekan: Pusat diminta tentukan calun

PERGERAKAN Pemuda Umno Pahang mahu calun pilihanraya kecil Parlimen Pekan ditentukan oleh pemimpin - pemimpin pusat parti.

Setiausaha Pergerakan, Encik Abdul Karim bin Haji Abdullah memberitahu, Pemuda Umno Pahang tidak memihak ke mana-mana di dalam ura-ura hendak mencalunkan Datuk Ahmad Najib, anak Allahyarham Tun Razak

Beliau menegaskan pergerakannya akan menyokong calun yang di-

KUANTAN, Ahad

pilih oleh pemimpin-pemimpin pusat.

Umno Bahagian Pekan telah menghantar beberapa nama kepada Ibupejabat parti di Kuala Lumpur untuk menolong mereka membuat keputusan.

Nama Datuk Najib tidak termasuk dalam senarai tersebut.

Beberapa orang tokoh Umno di negeri itu ketika ditemui berpendapat "Datuk Najib tidak sesuai untuk menjadi calun pada masa ini."

Tokoh-tokoh tersebut yang meminta nama-nama mereka dirahsiakan berharap pemimpin pusat memberi pertimbangan wajar kepada hasrat penduduk-penduduk Pekan.

Mereka menyesali sikap setengah golongan di dalam parti yang cuba berkempen melalui akhbar untuk mencari sokongan bagi calun mereka.

Di BENTONG wakil kita, Faisal Haji Abdullah melaporkan Jawatankuasa Perhubungan MCA Pahang menyambut baik cadangan supaya Datuk Ahmad Najib mewakili Barisan Nasional dalam Pilihanraya Kecil Pekan itu.

Usul mengenainya telah diterima sebulat suara dalam mesyuarat khas jawatankuasa itu hari ini.

Usul itu akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Barisan Nasional Pahang, demikian menurut Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan MCA Pahang, Encik Chan Siang Sun.

Sokongan itu dibuat, katanya, sebagai menghargai jasa Allahyarham Tun Razak serta berdasarkan kemampuan Datuk Najib.

BERITA HARIAN, RABU, 11 FEBRUARI, 1976

Pilihanraya Pekan mungkin diadakan pada 6 Mac depan

KUALA LUMPUR, Selasa. — Pilihanraya kecil Parlimen Pekan mungkin akan diadakan pada 6 Mac depan, manakala penamaan calunnya pada 21 Februari ini.

Demikian punca yang rapat dengan Suruhanjaya Pilihanraya memberitahu Berita Harian hari ini.

Pilihanraya itu diadakan berikutan kepergian Allahyarham Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, 14 Januari lalu.

Suruhanjaya itu dijangka akan mengumumkan secara rasmi tarikh pilihanraya dan penamaan calun itu esok.

Mengikut undang-undang, penamaan calun bagi sesuatu pilihanraya kecil hendaklah dibuat 10 hari sebelum tarikh pilihanraya hendak diadakan.

Juga mengikut undang-undang pilihanraya kecil di Semenanjung Malaysia hendaklah diadakan dalamasa 60 hari dari tarikh kematian seseorang wakil rakyat.

Dalam pilihanraya umum bulan Ogos 1974 dulu, Allahyarham Tun Razak menang tanpa bertanding di kawasan tersebut.

Kawasan itu yang mempunyai 22,957 pengundi meliputi kawasan-kawasan pilihanraya negeri Kuala Pahang, Chini, Bukit Ibam dan Rompin.

Barisan Nasional dijangka akan mengumumkan calunnya untuk pilihanraya itu akhir minggu ini atau awal minggu depan.

Ibupejabat parti itu di sini tidak dapat memberitahu nama calunnya yang akan bertanding.

Tetapi menurut sumber mereka telahpun menerima beberapa nama untuk ditimbangkan sebagai calun.

Antara nama-nama itu ialah anak sulung Allahyarham, Datuk Mohamed Najib; Setiausaha Politik Allahyarham, Encik Anuar Jusoh yang juga adik bongsu kepada Menteri Besar Pahang sekarang, dan Pengurus Besar Perbadanan Kemajuan Jengka, Encik Khalil Yaacob.

UMNO Pahang dijangka akan mengadakan mesyuarat dua tiga hari ini untuk menamakan calunnya yang akan dikirimkan kepada Ibupejabat parti itu di Kuala Lumpur.

Nama calun yang akan mewakili Barisan Nasional dijangka akan diumumkan oleh Datuk Hussein Onn selaku pengerusi parti itu.

Barisan Nasional dijangka akan ditentang oleh Partai Sosialis Rakyat Malaya dalam pilihanraya tersebut.

Seorang ahli jawatankuasa partai itu cabang Negeri Pahang, Encik S. Sivasubramaniam kelmarin menyatakan kemungkinan besar bahawa partinya akan bertanding dalam pilihanraya itu.

Mesyuarat

Bagaimanapun Ibupejabat partai itu di sini tidak ada membuat sebarang kenyataan samada akan bertanding atau tidak dalam pilihanraya tersebut.

Ahli Jawatankuasa Agung partai itu telah mengadakan mesyuarat di sini, Ahad lalu. Difahamkan perkara pilihanraya Pekan itu turut dibincang dalam mesyuarat itu.

Bagaimanapun tidak ada satu kenyataan pun mengenainya dikeluarkan selepas mesyuarat tersebut.

Pemerhati politik meramalkan Barisan Nasional mungkin akan menang kerusi itu tanpa bertanding jika PSRM tidak menyertainya.

Sementara itu Bernama melaporkan UMNO Bahagian Pekan sehingga hari ini belum menerima arahan dari Ibupejabat UMNO di Kuala Lumpur supaya mengemukakan nama calun bagi Pilihanraya Kecil itu.

Ketua UMNO Bahagian Pekan, Datuk Mohamad Jusoh memberitahu Bernama hari ini bahagiannya belum bersedia dengan nama calun untuk pilihanraya kecil itu.

Datuk Mohamad yang juga Menteri Besar Pahang berkata demikian sebagai mengulas ramalan dalam sebuah akhbar tempatan kelmarin bahawa UMNO Bahagian Pekan telahpun memutuskan nama yang muktamad bagi calun pilihanraya kecil itu.

Sementara itu Bernama difahamkan Badan Perhubungan UMNO Pahang akan bermesyuarat di Temerloh Jumaat ini bagi membincangkan perkara itu.

Mesyuarat itu akan dipengerusikan oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Hamzah Abu Samah selaku Ketua Perhubungan UMNO Pahang.

BERITA HARIAN II FEBRUARI 76.

NAMA ALLAHYARHAM AKAN DIABADIKAN DI DUA JALAN, JAMBATAN DAN KOMPLEK NIAGA

Dewan Johor rakam 'sedih' kepergian Tun



TAN SRI HJ. OTHMAN

SUASANA memilukan telah menyelubungi Dewan Undangan Negeri Johor hari ini, ketika persidangan khas diadakan bagi merakamkan perasaan sedih dan terharu atas kepergian Allahyarham Tun Haji Abdul Razak.

Menteri Besar Tan Sri Haji Othman Saat, membentangkan usul tersebut dengan suara sedu sedan kerana terlalu terharu atas kepergian Allahyarham.

JOHOR BAHARU, SELASA

Dewan kemudian mengambil ketetapan merakamkan perasaan yang amat sedih lagi terharu serta mengucapkan takziah kepada Toh Puan Hajjah Rahah dan keluarganya atas kepergian Allahyarham Tun Razak.

Menteri Besar ketika mengemukakan usul itu menyatakan Allahyarham telah banyak membuat jasa kepada negara dan rakyat khasnya kepada Negeri Johor serta rakyatnya.

Dalam suasana pilu Menteri Besar menyatakan bahawa Allahyarham dalam satu perjumpaan dengan beliau mengatakan azamnya untuk melancarkan Rancangan Malaysia Ketiga bagi mencapai matalamat Dasar Ekonomi Baru.

Menurut Tan Sri Haji Othman, Allahyarham juga menyatakan untuk mengadakan mesyuarat dengan Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri sebelum melancarkan rancangan itu dalam bulan Mac ini.

"Seperkara lagi yang tidak boleh saya lupakan ialah Allahyarham banyak memberikan sumbangan serta memberi peruntukan serta merta dan meluluskan beberapa projek besar di Johor.

"Selain dari itu Allahyarham Tun beberapa kali bertanyakan kepada saya bilakah Jambatan Endau siap dan menaruh minat untuk merasmikan jambatan itu," katanya.

Menteri Besar kemudian mengumumkan, jambatan itu akan diberi nama Jambatan Tun Razak.

"Bagaimanapun ia perlu mendapat persetujuan dari Kerajaan Pahang dan keluarga Allahyarham," tambahnya.

Terharu

Tan Sri Haji Othman juga mengumumkan Jalan Ngee Heng dan Jalan Campbell akan dinamakan Jalan Tun Razak, bagi mengenangkan jasa beliau terhadap negara khususnya Negeri Johor.

Selain dari itu Komplek Membeli-belah Perbadanan Kemajuan Negeri Johor menelan belanja berjuta ringgit di Jalan Ah Fook di sini juga akan dinamakan Komplek Tun Razak.

Pengerusi Jawatankuasa Kerjaraya Datuk Chua Song Lim, ketika menyokong usul itu berkata: "Saya bagi pihak kaum Tionghua dan MCA di Johor merakamkan perasaan terharu atas kepergian Allahyarham dan takziah kepada Toh Puan Hajjah Rahah."

Menurut Datuk Chua Allahyarham merupakan "bintangpandu" untuk menjadikan rantau Asia kawasan aman damai.

"Saya mengharapkan segala amalan yang ditinggalkan oleh Allahyarham dijadikan contoh oleh pemimpin-pemimpin yang ada untuk keselamatan dan keharmonian rakyat negara ini.

Anggota Exco tidak berjawatan, Datuk G. Pasamanikam, bagi pihak kaum India khasnya MIC Johor menyatakan partinya telah kehilangan seorang pemimpin yang sangat dihargai yang telah bersungguh-sungguh untuk mewujudkan satu masyarakat yang adil.

Ahli-ahli Dewan yang lain termasuk anggota DAP Bandar Keluang, Encik Lee Kaw, turut merakamkan perasaan sedih atas kepergian Allahyarham.

Hajjah Hasnah Ahmad, dari

BERITA HARIAN II FEBRUARI 76.

Menziarah makam Tun

KUANTAN, Selasa. — Satu rombongan 60 orang ahli Pemuda dan Wanita UMNO Bahagian Kuantan akan menziarahi dan bertahlil di makam Allahyarham Tun Abdul Razak pada 6 Mac ini.

Rombongan itu akan diketuai oleh bekas Menteri Besar Pahang, Datuk Abdul Aziz Ahmad.

Sementara itu, rombongan 40 orang ahli Wanita UMNO Negeri Trengganu akan juga menziarahi makam Allahyarham dan mengadakan tahlil pada hari Sabtu ini.

Menurut seorang jurucakap Ibupejabat UMNO Negeri di Kuala Trengganu hari ini rombongan itu juga akan mengunjungi Toh Puan Hajjah Rahah di Sri Taman.

Senator Zawiyah binti Abdullah yang juga Timbalan Ketua Pergerakan Wanita UMNO Negeri, akan mengetuai rombongan tersebut. — Bernama.

BERITA HARIAN II FEBRUARI 76.

Adam — ziarah makam Tun

KUALA LUMPUR, Selasa. — Menteri Luar Indonesia, Tun Adam Malik, akan singgah tiga jam di sini esok untuk menziarahi Makam Allahyarham Tun Abdul Razak serta menyampaikan takziah kepada Toh Puan Hajjah Rahah.

Ketibaannya di lapangan terbang, akan disambut oleh Menteri Dalam Negeri Tan Sri Ghazali Shafie, Timbalan Ketua Setiausaha di Kementerian Luar, Datuk Zakaria Ali dan pegawai - pegawai Wisma Putera lain.

Beliau kemudian akan ke Sri Taman menyampaikan takziahnya kepada Toh Puan Hajjah Rahah dan lepas itu ke Makam Allahyarham Tun Razak.

Pemimpin Indonesia itu dijangka menemui para pemberita di lapangan terbang sebelum berlepas pulang.

Tun Adam adalah dalam perjalanan pulang dari Pattaya, Thailand setelah menghadiri persidangan Menteri-Menteri Luar Asean.

KELUARGA TUN HENDAK PINDAH DARI SRI TAMAN

KUALA LUMPUR, Rabu. — Sebuah jawatankuasa telah dibentuk bagi mengkaji soal tempat tinggal untuk keluarga Allahyarham Tun Razak.

Ini berikutan rancangan keluarga Allahyarham bekas Perdana Menteri itu hendak pindah dari Sri Taman.

Anak sulung Allahyarham, Datuk Mohamed Najib memberitahu hari ini, beliau dan keluarga pasti akan keluar dari Sri Taman dalam masa beberapa bulan ini.

"Tetapi kami masih belum tahu bila dan di mana kami akan pindah," katanya.

Menurut beliau, masih terlalu awal untuk menentukan tarikh tersebut "tetapi kami tetap akan menolak jika Kerajaan menawarkan kami terus tinggal di sini."

"Ini kerana rumah ini terlalu besar untuk kami, dan juga banyak ingatan yang tidak dapat kami lupakan," kata Datuk Najib.

Menlu2 Asean kenang jasa Allah-Yarham Tun Razak

PATTAYA, Rabu. — Sidang Menteri-menteri Luar ASEAN yang tamat di sini hari ini memberi penghargaan dan sanjungan tinggi kepada Allahyarham Tun Haji Abdul Razak yang telah memberi sumbangan besar kepada persatuan tersebut.

Satu kenyataan bersama akhbar selepas sidang tersebut menyatakan, para menteri luar telah bertafakur seminit untuk memperingati Allahyarham.

Persidangan tersebut telah meminta ketua perwakilan Malaysia menyampaikan takziah kepada balu dan keluarga Allahyarham dan kepada rakyat serta Kerajaan Malaysia.

Terharu

Setiausaha Rendah Negara bagi Hal Ehwal Luar Thai, Encik Anand Panyarachun, memberitahu taklimat akhbar kemudian, para menteri luar tersebut telah melahirkan rasa terharu dan kehilangan yang amat besar kepada persatuan atas berpulangnya Tun Haji Abdul Razak.

Katanya, Allahyarham Tun Razak sepanjang hayatnya, telah menjadi juara dalam menjalan hubungan berbaik-baik antara jiran dan di bidang kerjasama serantau di kalangan negara-negara ASEAN.

Allahyarham juga adalah akitek utama rancangan Malaysia mengujudkan kawasan aman, bebas dan berkecuali di Asia Tenggara.

Kerjasama

Para menteri ASEAN "benar-benar terharu atas pemergiannya," tambahnya.

Mengenai sidang dua hari para menteri luar ASEAN, Encik Anand berkata, perbincangan berkisar kepada beberapa dokumen yang akan dikemukakan kepada ketua-ketua kerajaan di sidang kemuncak di Bali untuk meluaskan kerjasama ekonomi, politik dan sosial negara secara berkelumpuk.

Di antara lain, persidangan tersebut telah membincangkan perisytiharan bagi kerjasama ekonomi dan perpaduan di kalangan negara-negara ASEAN.

Keselamatan serantau juga telah dibincangkan dan akan dibentangkan sebagai sebahagian dari ajenda di sidang kemuncak itu nanti.—Bernama.

BERITA HARIAN, ISNIN, 16 FEBRUARI, 1976

Berita Minggu MALAYSIA

AHAD, 15 FEBRUARI, 1976

Mengenal sejarah tanahair

USAHA mengenal dan memperkenalkan sejarah sendiri memanglah penting terutama sekali bagi negara-negara yang sedang membangun dan sedang memperkukuh integritinya. Malaysia sendiri mempunyai rencah sejarah yang amat menarik. Selama ini sejarah tersebut tidak tertulis atau terakam secara sedar oleh anaknegeri sendiri sehingga berlakulah berbagai kecanggungan dan penyelewengan mengenai sejarah kita. Pakar-pakar sejarah asing yang banyak menulis tentang sejarah negeri ini lebih banyak menimbulkan peranan penjajah, seolah-olah kerana penjajah itulah pula maka negeri ini dapat membangun semaju sekarang.

Untuk mengelakkan kesilapan seumpama inilah nampaknya Persatuan Sejarah Malaysia telah menjalankan tugasnya merakamkan sejarah negeri ini dengan lebih bertanggungjawab lagi. Tidak lagi dibiarkan tokoh-tokoh penjajah mendapat tempat penuh sanjungan di buku-buku sejarah. Tokoh-tokoh rakyat sendiri itulah yang kini diutamakan sebagai membetulkan segala kekeliruan yang sudah terlalu lama dibiarkan. Salah satu usaha terpenting Persatuan Sejarah Malaysia sekarang ialah menjalankan penyelidikan mengenai usaha-usaha Allahyarham Tun Abdul Razak yang telah banyak merobah wajah Malaysia.

★ ★

Perdana Menteri Datuk Hussein Onn, Yang Dipertua Persatuan Sejarah Malaysia, mengingatkan semalam bahawa khidmat Allahyarham Tun Abdul Razak akan sentiasa menjadi lambang kemegahan bagi kita semua. Segala apa yang telah dilakukannya selama ini telah meningkatkan rakyat negara ini ke satu peringkat yang membanggakan. Rancangan dasar ekonominya, galakannya terhadap budaya dan sastra, usahanya memperjuangkan satu rantau aman di sebelah sini adalah antara tindakan sejarah yang tidak dapat dilupakan begitu saja.

Butir-butir sekitar inilah kini yang perlu dikumpulkan untuk ditapis dan dianalisa sehingga dapat ia dijadikan landasan perakaman dan penulisan sejarah sekitar seorang pemimpin yang banyak sumbangannya kepada bangsa dan negara. Walaupun kerja ini tidaklah semudah yang difikirkan, tapi dengan adanya kerjasama yang baik dari Perpustakaan Negara, universiti-universiti dan institiut-institiut pengajian tinggi, ia akan menjadi mudah dan lebih berkesan. Apa yang diharapkan oleh Perdana Menteri Datuk Hussein Onn hendaknya akan dapat dilaksanakan sehingga hasil penyelidikan dan pengumpulan nota dan butir sekitar khidmat Allahyarham Tun Abdul Razak itu dapat menjadi satu khazanah sejarah yang berguna dan membanggakan kepada generasi akan datang.

Menziarah makam Tun Razak

KUALA LUMPUR, Ahad. — Lapan belas orang artis Orkes Irama Padang Pasir (dulunya Orkes El-suraya) dari Medan, Indonesia hari ini menziarahi makam Allahyarham Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein di Masjid Negara.

Rombongan itu diketuai oleh Prof. Ahmad Baki tiba di sini semalam setelah seminggu mengadakan pertunjukan di Pulau Pinang dan negeri-negeri di Utara Semenanjung.

Mereka kemudian berlepas ke Alor Gajah, Melaka untuk pertunjukan malam ini dan esok meneruskan pertunjukan di Stadium Melaka dan lusa bertempat di Merlimau.

Pustaka Tun Razak akan dibina di K. T'ganu

KUALA TRENGGANU, Isnin. — Sebuah perpustakaan Negeri yang akan dinamakan Perpustakaan Tun Abdul Razak akan dibina di sini akhir tahun ini, demikian kata Menteri Besar, Datuk Haji Wan Mokhtar bin Ahmad.

Kata beliau, perpustakaan itu dijangka menelan belanja $1 juta dan akan dilengkapi dengan berbagai kemudahan.

Beliau mengumumkan demikian ketika merasmikan kursus politik dan penerangan Umno di Sekolah Kebangsaan Banggol, 20 batu dari sini.

Menurut beliau lagi, perpustakaan itu akan didirikan berhampiran dengan Bangunan Jemaah Bandaran di Jalan Paya Bunga.

Tun bapa sains Malaysia —Majlis Institiut Kimia

KUALA LUMPUR, Selasa. — Majlis Institiut Kimia Malaysia hari ini mensifatkan Allahyarham Tun Abdul Razak sebagai "Bapak Sains Malaysia".

Menurut kenyataan majlis tersebut, Allahyarham Tun Abdul Razak yakin dengan hakikat bahawa pembangunan negara tidak mungkin tercapai tanpa bantuan sains dan teknoloji dan telah menegaskan kepentingannya dalam Rukunegara.

"Zaman Tun Razak merupakan zaman gemilang bagi sains dan teknoloji dan pakar-pakar sains akan sentiasa mengenang jasa-jasa beliau sebagai seorang yang berpandangan jauh dan telah meletakkan asas kuat bagi sains dan teknoloji untuk pembangunan negara," tambah kenyataan itu.

Majlis tersebut juga telah menyampaikan ucapan takziahnya kepada Toh Puan Rahah dan keluarganya.

Ia juga memberi tahniah kepada Dato Hussein Onn atas perlantikannya sebagai Perdana Menteri dan berikrar akan memberi sokongan sepenuhnya kepada beliau. — Bernama.

BERITA HARIAN, SABTU, 21 FEBRUARI, 1976

Semua jualan buku riwayat Tun untuk Yayasan

KUALA LUMPUR, Jumaat. — Kumpulan Akhbar The New Straits Times akan mendermakan semua hasil jualan buku riwayat hidup Allahyarham Tun "Seluruh hidupnya untuk Malaysia" kepada Yayasan Tun Razak yang dilancarkan, hari ini.

Pelancaran yayasan itu dibuat oleh Presiden Dewan Perniagaan dan Perusahaan Kebangsaan Malaysia, Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah di sebuah hotel terkemuka, di sini petang ini.

Anak bungsu Allahyarham Tun Razak, Mohd. Nazir yang hadir dalam majlis pelancaran itu sebagai mewakili keluarganya dihadiahkan senaskah buku tersebut oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Akhbar Kumpulan The New Straits Times, Tan Sri Sheikh Abdullah bin Sheikh Abu Bakar.

Sudah siap

Tan Sri Sheikh Abdullah ketika berucap di majlis itu berkata, pihak Lembaga Pengarah Akhbar Kumpulan The New Straits Times bersetuju menderma semua hasil jualan buku tersebut kepada Yayasan Tun Razak.

Katanya, berikutan kepergian Tun yang memeranjatkan seluruh negara, anggota kanan jabatan pengarang Kumpulan Akhbar The New Straits Times berbincang dan bersetuju menerbitkan buku bagi mengenangkan Allahyarham Tun.

Katanya lagi, buku bertajuk "Seluruh hidupnya untuk Malaysia" atau 'A Man of Malaysia' sekarang telah siap untuk diedarkan.

Buku tersebut, tambahnya, mengandungi beberapa perkara mengenai perjuangan Allahyarham semasa menjadi Menteri Pelajaran, Timbalan Perdana Men-

★ MUKA 12 ruang 4

Kata2 aluan ditulis sendiri oleh Tun Mohd. Suffian

★ Dari Muka 1

teri dan Perdana Menteri serta pendapat-pendapat mereka yang kenal rapat dengan Allahyarham Tun Razak, serta dihias dengan gambar-gambar berwarna warni.

Bagaimanapun, ucapan-ucapan terakhir Allahyarham tidak dimasukkan di dalam buku tersebut.

Menurut Tan Sri Sheikh Abdullah, gambar-gambar itu meliputi berbagai aspek kegiatan Tun Razak semasa hayatnya yang juga bukan sahaja terkenal sebagai tokoh politik, pemimpin yang didikasi, tetapi juga sebagai seorang suami yang pengasih dan seorang ayah yang bertimbang rasa.

Katanya, kata-kata aluan didalam buku tersebut ditulis sendiri oleh Ketua Hakim Negara, Tun Mohamed Suffian.

"Persetujuannya menulis kata-kata aluan itu bukanlah kerana beliau sebagai Tun dan Ketua Hakim Negara, tetapi disebabkan oleh perhubungan rapatnya dengan Allahyarham semasa Tun Razak menjadi Menteri Besar Pahang dan Tun Suffian sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri," katanya.

Berita Minggu, Ahad, 22 Februari 1976 (22 Safar, 1396)

AZIZ: 19 TAHUN JADI TUKANG GUNTING RAMBUT TUN RAZAK

KUALA LUMPUR, Sabtu. — Encik Abdul Aziz bin Saidi, 42 tahun, tukang gunting rambut Allahyarham Tun Razak selama 19 tahun mensifatkan bekas Perdana Menteri itu seorang yang sangat mengambil berat kebajikan orang sekelilingnya.

"Allahyarham selalu bertanyakan keadaan hidup saya seperti adakah pendapatan yang saya perolehi mencukupi untuk menyara keluarga saya," katanya dalam satu pertemuan.

"Allahyarham juga sering bertanyakan kemajuan pelajaran anak-anak saya."



ENCIK AZIZ SAIDI

Kerja kuat

Disamping itu, kata Encik Aziz, Allahyarham sering menasihatkannya bekerja kuat dan menjaga anak-anak dan keluarga dengan baik.

Beliau, tukang gunting di Kelab Golf Diraja Selangor, sekarang, amat bersedih atas kematian Allahyarham.

Encik Aziz yang telah menjadi tukang gunting selama 20 tahun berkata, beliau menggunting rambut Allahyarham sejak Allahyarham menjadi Menteri Pembangunan Luar Bandar lagi.

"Walaupun ke luar negeri, Allahyarham akan bergunting terlebih dulu ataupun membiarkan rambut itu panjang begitu saja dan bergunting apabila pulang," katanya.

Menurutnya, beliau selalunya di jemput ke Sri Taman dua minggu sekali menggunting rambut Allahyarham.

Kata Encik Aziz, kali terakhir Allahyarham bergunting rambut dengannya pada 10 Disember tahun lalu, lapan hari sebelum berangkat berehat ke luar negeri.

"Pada hari itu saya melihat Allahyarham sangat uzur dan leteh.

"Tetapi Allahyarham cuba menyembunyikan penyakit yang dihidapinya.

"Dalam pada itu Allahyarham juga menyatakan hasratnya untuk berihat ke luar negeri," tambah beliau.

Encik Aziz berkata, sepanjang yang beliau tahu, Allahyarham seorang yang sangat menghargai masa dan amat menepati waktu.

"Allahyarham tidak suka bergunting lama-lama sangat.

"Apa yang dikehendakinya ialah potongan rambut yang kemas, tetapi tidak memakan masa lama," kata beliau.

Berita Harian21 Feb 76.

Sardon akan hadir tahlil untuk Tun

PULAU PINANG, Jumaat. — Gabenor Pulau Pinang, Tan Sri Haji Sardon Haji Jubir adalah di antara 1,000 orang yang akan menghadhiri majlis tahlil untuk Allahyarham Tun Haji Abdul Razak Ahad ini.

Majlis anjuran Majlis Hal EhwalUgama Islam Negeri Pulau Pinang akan diadakan di Mesjid Kapitan Kling, Lebuh Pitt, di sini mulai pukul 6.55 petang. — Bernama.

Berita Harian 23 Feb 76

Wasiat Tun: Seruan kepada pemuda BN

Sabak Bernam, Ahad

TIMBALAN Menteri Pertanian dan Pembangunan Luarbandar, Dato Mustapha Jabar menyeru anggota-anggota Pemuda Barisan Nasional supaya mengingat kembali wasiat Allahyarham Tun Abdul Razak yang berbunyi "adalah jelas pandangan saya jika setiap tenaga rakyat dipecah-pecah kepada berbagai pihak atau politik, maka tenaga ini akan menjadi sia-sia."

Sebaliknya, jika seluruh tenaga rakyat dapat disatukan di bawah panji-panji dan mempunyai satu cabang politik yang berjuang untuk memenuhi matlamat Dasar Ekonomi Baru, cita-cita dan kemajuan negara sudah tentu terjamin.

Katanya, wasiat itu bertujuan untuk mewujudkan parti Barisan Nasional yang telah mendapat kepercayaan penuh dari seluruh golongan rakyat dan membawa kejayaan besar dalam pilihanraya lalu.

Beliau menyatakan demikian semasa berucap merasmikan Perhimpunan Sivik dan Politik Pergerakan Pemuda Barisan Nasional di sini.

Katanya, sebagai seorang pendokong parti, mereka hendaklah memelihara dan memupuk tujuan perjuangan Barisan Nasional yang mengandungi empat perkara, iaitu memupuk dan mengekalkan satu rumpun bangsa Malaysia yang bersatupadu, berusaha untuk mencapai pembangunan dari segi jasmani dan rohani, berusaha untuk mewujudkan masyarakat yang adil dan saksama dan berusaha untuk mengeratkan hubungan pari-parti politik.

Perkara-perkara ini hendaklah sentiasa dipupuk bukan saja di peringkat tertinggi, tetapi hendaklah juga disuburkan di peringkat negeri, kawasan dan ahli-ahli parti seluruhnya.

Dato Mustapha menjelaskan, walaupun ahli-ahli parti Barisan Nasional mempunyai konsep dan identiti masing-masing, tetapi konsep dan identiti itu tidak akan bercanggah dengan tujuan besar Barisan Nasional.

"Kerana tujuan kita membentuk Barisan Nasional adalah bagi mewujudkan sebuah negara yang aman, dan makmur," katanya.—Bernama.

BERITA HARIAN, ISNIN, 23 FEBRUARI, 1976

Usul rakam rasa terharu lulus

KOTA BHARU, Ahad. — Dewan Undangan Kelantan hari ini meluluskan sebulat suara usul merakamkan rasa terharu di atas berpulang ke Rahmatullah Tun Abdul Razak.

Usul itu juga merakam ucapan takziah kepada balu Allahyarham Toh Puan Rahah dan keluarganya.

Turut diluluskan dalam persidangan sehari Dewan itu ialah usul mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn dan memberi kepercayaan penuh kepada beliau.

Ahli-ahli Dewan telah bertafakur dan membaca fatihah sebagai mengingati Allahyarham.

Kedua-dua usul itu telah dibentangkan oleh Timbalan Menteri Besar, Haji Wan Ismail bin Wan Ibrahim dan disokong oleh seorang Ahli EXCO Kanan, Encik Hussein Ahmad.

BERITA HARIAN, SELASA, 24 FEBRUARI, 1976

Najib ikrar kerjasama rapat dgn rakyat

KUALA LUMPUR, Isnin. — Datuk Mohamed Najib yang menang tanpa bertanding dalam pilihanraya kecil Parlimen Pekan, hari ini berikrar akan bekerja rapat dengan rakyat di kawasannya untuk meninggikan tarak hidup mereka.

Beliau akan sering melawat kawasannya dalam masa dua bulan ini dan menemui para pemimpin parti dan penghulu untuk mengetahui masaalah-masaalah rakyat.

"Walaupun saya akan menggunakan cara sendiri menyelesaikan masalah ini, tetapi saya akan mengikut filasafah politik ayah saya," kata Datuk Najib,

Dua mata pelajaran yang dijalankan serentak di pusat-pusat itu yang memakan masa selama tiga bulan ialah:

BERITA HARIAN, RABU, 25 FEBRUARI, 197

Takziah tokoh2 politik Australia atas kepergian Tun Razak

MELBOURNE, Selasa. — Para pemimpin politik Australia telah menyampaikan ucapan takziah ke atas berpulangnya Allahyarham Tun Abdul Razak di Parlimen Negara itu.

Perdana Menteri Australia, Encik Malcolm Fraser, telah memberi kata-kata sanjungan kepada Allahyarham Tun Razak di Dewan Rakyat yang memulakan sidang selepas pilihanraya baru-baru ini.

Encik Fraser berkata, Allahyarham telah banyak membuat jasa kepada tanahairnya.

26FEBRUARI 76.

Lagi $62,000 untuk Yayasan Razak



KUALA LUMPUR, Rabu. — Tabung Yayasan Razak anjuran Kumpulan Akhbar The New Straits Times hari ini menerima $62,000 lagi, termasuk $50,000 sumbangan Syarikat Malayawata Steel Berhad.

Pengerusi Lembaga Pengarah Syarikat besiwaja itu, Tengku Datuk Shariman bin Tengku Sulaiman menandatangani Buku Sumbangan Yayasan itu di pejabat NSTP di sini.

Kata beliau, pihak lembaga pengarah syarikat itu memutuskan menderma kepada Yayasan kerana tujuan-tujuannya yang murni.

"Kami akan terus menyokong Yayasan ini kerana ia adalah meneruskan usaha-usaha baik yang dijalankan oleh Allahyarham Tun Razak," tambahnya lagi.

Syarikat


Sementara itu, derma-derma lain yang diterima atau dijanjikan ialah $10,000 dari Syarikat Central Securities.

Timbalan pengerusi syarikat itu, Datuk Loy Hean Heong menandatangani Buku Sumbangan. Derma $2,000 lagi diterima dari pekerja-pekerja dan pihak pengurusan syarikat RCA.

Pengarah Urusan syarikat itu, Encik H.B. Gould menyampaikan cek derma itu kepada Pengarah Pemasaran NSTP, Encik A. Mansor Wahab.

● Tengku Datuk Shariman bersama - sama Encik Tan Kim Yeow, seorang Pengarah Malayawata (kiri sekali); Haji Idris Ibrahim, seorang Pengarah juga (kanan) dan Pengurus Besar Malayawata, Encik Khoo Seang Hoe (berdiri). — Gambar Berita Harian.

BERITA HARIAN 28 FEBRUARI 76.



PENGERUSI Syarikat Insuran Kerjasama Malaysia (MCIS), Haji Yahya bin Mohamed Sani, menyampaikan cek $5,000 kepada Pengarah Pemasaran Kumpulan New Straits Times, Encik A. Mansor Wahab semalam, sebagai derma MCIS untuk Yayasan Razak, anjuran NSTP.—Gambar Berita Harian.

YAYASAN RAZAK TERUS TERIMA SUMBANGAN

KUALA LUMPUR, Jumaat.

DERMA untuk Yayasan Razak anjuran Kumpulan New Straits Times terus diterima dan setakat ini jumlah yang terkumpul sudah melebihi $1.3 juta.

Antara penderma besar hari ini ialah, Syarikat Insuran Kerjasama Malaysia (MCIS) yang memberikan $5,000.

Pengerusi syarikat itu, Haji Yahaya bin Mohamed Sani menyampaikan cek derma itu kepada Pengarah Pemasaran Kumpulan NSTP, Encik A. Mansor Wahab.

Katanya, MCIS akan menderma lagi sekiranya untungnya bertambah di hujung tahun ini.

Semalam, Esso Standard Malaysia Berhad menyampaikan $3,000. Salah seorang pengarahnya, Encik Murad Hashim menandatangani Buku Sumbangan.

Syarikat Esso Chemicals, melalui pengarah urusannya, Encik Tan Ee Pak menyampaikan $1,000.

Sementara itu, seorang akitek Melayu terkenal dan bekas Presiden Persatuan Akitek Malaysia, Encik Hisham Albakri menderma $10,000.

"Saya menderma kerana mengenangkan Allahyarham, seorang rakan karib saya," kata beliau.

Antara mereka yang menjanjikan derma ialah Kelab Sukan Syarikat Warner - Lambert ($500), manakala Pihak Pengurusan syarikat itu menderma $5,000.

Sementara itu, seorang penuntut tingkatan 5 dari Segamat, Johor, Anisah Ahmad telah mengirim derma satu ringgit untuk yayasan itu.

Anisah mengirim $5 un[illegible]

Hajji Mohamad
Ismail bin Ha[illegible]
ussein bin [illegible]

BERITA HARIAN 28 FEBRUARI 76.

Raja Permaisuri Agung dapat bintang tertinggi

KUALA LUMPUR, Jumaat. — Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agung, Tengku Zainab binti Tengku Mohamed Petra telah dikurniakan darjah kebesaran Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.), besempena dengan pertabalan Yang Dipertuan Agung.

Allahyarham Tun Abdul Razak juga dikurniakan



TUN RAHAH

dengan darjah kebesaran D.M.N.

Sementara itu, Toh Puan Hajjah Rahah, dikurniakan bintang Seri Setia Mahkota (S.S.M.) yang bergelar 'Tun'.

Demikian diumumkan, malam ini.

Bilangan orang yang hidup yang boleh menerima darjah kebesaran D.M.N. itu ialah 30, dan keahilan untuk darjah kebesaran ini adalah dikurniakan oleh Yang Dipertuan Agung atas nasihat Perdana Menteri.

BERITA HARIAN 28 FEBRUARI 76.

BERITA HARIAN, SABTU, 28 SAFAR, 1396
28 feb 76.

Allahyarham banyak berbudi: Prof Sumitro



KUALA LUMPUR, Jumaat. — Menteri Negara bagi Penyelidikan Indonesia Prof. Sumitro Djojohadikusumo hari ini telah mengunjungi Toh Puan Hajjah Rahah di kediamannya di Sri Taman untuk menyampaikan ucapan takziah atas kematian allahyarham Tun Abdul Razak pada bulan lalu.

Prof. Sumitro mensifatkan allahyurham Tun Abdul Razak sebagai seorang sahabatnya yang baik dan berjanji akan memberi layanan yang istimewa kepada keluarga allahyarham jika mereka berpeluang ke Indonesia.

"Allahyarham banyak berbudi kepada saya dan keluarga. Beliau pernah memberi kami perlindungan semasa kami melarikan diri dari rejim Sukarno kira-kira tiga tahun yang lalu," kata beliau.

Ziarahi

Selepas melawat Toh Puan Hajjah Rahah, Prof Sumitro kemudianya menziarahi makam allahyarham Tun Abdul Razak dan Tun Dr. Ismail di Masjid Negara.

Terdahulu daripada itu Prof. Sumitro telah menziarahi Menteri Dalam Negeri Tan Sri Ghazali Shafie dirumahnya di Ampang Hilir dan berbual mengenai banyak perkara.

Prof. Sumitro yang tiba disini semalam, berlepas pulang ke tanah airnya pada petang ini.

Menteri Negara bagi Penyelidikan Indonesia Prof. Sumitro Djojohadikusumo (dua dari kiri barisan depan) sedang tunduk membaca doa di makam allahyarham Tun Abdul Razak pagi tadi.

BERITA HARIAN, KHAMIS, 26 FEBRUARI, 1976

★ ★ ★

Bali mengenang Allahyarham Tun

"SUASANA terharu menyelubungi dewan persidangan apabila para hadirin bertafakur selama seminit kerana menghormati dan mengingati Allahyarham Tun Abdul Razak.....

"Presiden Suharto ketika memberikan penghargaannya kepada Allahyarham Tun Razak, berkata di antara lain - lain: Allahyarham merupakan pengasas bersama dan negarawan ulung bagi negaranya, seorang sahabat karib yang kita semua hormati dan kita semua berasa bangga berkerja bersama-sama dengannya.

"Kita benar-benar dapat merasakan kehilangan Allahyarham sebagai satu kehilangan besar kepada kita semua dalam Asean.

"'Kualiti kepimpinan dan dedikasinya terhadap kemajuan dan perpaduan Asean dan sumbangannya yang tidak ternilai terhadap konsep kawasan aman, bebas dan berkecuali dan lain-lain kebaikannya sebagai seorang sahabat akan terakam dengan

renungan

penuh penghormatan dan penghargaan dalam sejarah Asean', katanya."

(Petikan dari Berita Harian Februari 24, 1976 di bawah tajuk: "Asean: Jasa Tun tetap dikenang.....").

★ ★ ★

BERITA HARIAN, JUMAAT, 27 FEBRUARI, 1976



Pengarah Pemasaran NSTP, Encik Mansor Wahab berjabat tangan dengan Pengarah Urusan RCA, Encik H. B. Gould setelah menerima cek berharga $2,000 sumbangan para pekerja dan syarikat RCA kepada Yayasan Tun Razak. Di tengah ialah Cik Yas min Noordin yang mewakili pekerja syarikat itu. — Gambar Berita Haria n.

Semakin ramai derma kepada Yayasan Tun

KUALA LUMPUR, Khamis. — Syarikat Kerjasama dan Pinjam - meminjam Keretapi adalah syarikat kerjasama yang pertama menyokong Yayasan Tun Razak dan berjanji akan memberi sumbangan sebanyak $5,000 untuk tabung tersebut.

Presidennya, Encik K. Faremes Varan dan Setiausaha Kerja, Encik M. Somasundram, adalah antara yang pertama datang ke pejabat New Straits Times di sini menandatangani sokongan tersebut.

Derma-derma berjumlah $23,000 diterima dari Syarikat Permodalan dan Perusahaan Perak Berhad dan kumpulannya $10,000, Institiut Akitek Malaysia $10,000 dan Ace Commercial Enterprise Sendirian Berhad $3,000.

Encik Varan memberitahu, jawatankuasanya menyokong Tabung itu dengan sebulat suara.

"Kami berpendapat semua pihak dalam gerakan kerjasama terhutang kepada Allahyarham Tun Razak," katanya.

Pengerusi Syarikat Permodalan dan Perusahaan Perak dan kumpulannya, Dato Sri Haji Mohamed Ali Zaini yang menandatangani sokongan bagi pihak syarikatnya berkata Yayasan ini adalah cara yang terbaik mengingati Allahyarham Tun Razak.

Encik Hisham Albakri, bekas Presiden Institiut Akitek yang menandatangani sokongan bagi pihak Institiut itu berkata, Allahyarham Tun Razak adalah sahabat karibnya.

Dan derma ini diberi sebagai mengenang persahabatan itu, kata beliau.

Pengarah Kerja Ace Commercial, Encik Mustapha H. Mohamed ketika menyerahkan derma itu mensifatkan Yayasan itu sebagai satu langkah bijak dalam mengimbangkan golongan berada dan tidak berada.

Berita Mingga, Ahad, 29 Februari, 1976

Derma Yayasan Razak

KUALA LUMPUR, Sabtu. — Syarikat Kerjasama Serbaguna Malaysia hari ini menderma $10,000 kepada Yayasan Tun Razak dan memberi jaminan untuk menderma $10,000 lagi tahun depan.

Setiausaha Syarikat itu, Encik Choo Ching Hua menandatangani jaminan itu dan menyampaikan cek $10,000 itu kepada Pengarah Pemasaran Kumpulan Akhbar New Straits Times, Encik Mansor Wahab, di Balai Berita petang ini.

Encik Ching berkata, Yayasan Razak akan mendapat sambutan rakyat semua lapisan kerana ia bertujuan menghapuskan kemiskinan di kalangan rakyat tanpa mengira kaum.

Beliau diiringi oleh Pengarah Kerja Syarikat itu, Encik Ngau Boon Min, yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri Pahang, Kawasan Triang, seorang pengarahnya, Dato Wong Chor Wah dan Pegawai Perhubungan awamnya, Encik Stephen Low.

Yayasan tersebut juga menerima dua cek berjumlah $3,000 semalam dari seorang pengarah perubatan dari Syarikat Warner-Lambert sebanyak $500 dan $2,500 dari Syarikat Van Leer Containers.

Pengurus Besar Syarikat Van Leer, Encik E. Van Gelderen menyampaikan cek tersebut kepada Encik Mansor.

BERITA HARIAN, KHAMIS, 11 MAC, 1976

BUKU JASA TUN HABIS DI UTARA

PULAU PINANG, Rabu. — Buku kenangan jasa Allahyarham Tun Razak "Seluruh Hidupnya Untuk Malaysia," habis dijual di sini.

Pejabat New Straits Times, di Lebuh Light, tidak putus-putus dihubungi pelanggan untuk mendapatkan buku tersebut.

Citakan

Bagaimanapun pelanggan - pelanggan itu diberitahu bahawa mereka boleh membelinya dalam citakan kedua yang akan tiba dalam sedikit hari lagi.

Sementara itu di Bukit Mertajam, kedai-kedai buku di situ masih menunggu buku tersebut.

Keluaran pertama yang diedarkan sedikit hari lalu telah habis dijual.

Disimpan

Seorang pekedai berkata kebanyakan yang datang bertanya buku itu ialah guru - guru dan pelajar-pelajar dan kakitangan kerajaan.

Beliau berkata tiap-tiap sekolah di daerah itu memesan lima buah buku tersebut untuk disimpan dalam kutubkhanah sekolah.

BERITA HARIAN, SELASA, 16 MAC, 1976

35 badan China doakan Tun Razak

SEREMBAN, Isnin. — Kira-kira 100 orang wakil 35 buah persatuan China di negeri ini telah mengadakan upacara sembahyang khas bagi memperingati Allahyarham Tun Abdul Razak di Jalan Lemon di sini hari ini.

Mereka juga menandatangani buku takziah dan bertafakur selama tiga minit di upacara tersebut.

Pegawai Daerah Seremban, Tok Muda Wan Ahmad bin Rasdi yang juga hadir menyeru persatuan-persatuan China memberikan bantuan yang lebih dan bekerjasama dengan kerajaan melaksanakan projek-projek pembangunan untuk rakyat.

Beliau menggesa rakyat, tanpa mengira bangsa dan ugama, mencontohi sifat-sifat Allahyarham supaya perpaduan dapat diwujudkan bagi mencipta sebuan negara aman lagi makmur. — Bernama.

BERITA HARIAN, SELASA, 16 MAC, 1976

Najib dicalun Exco Pemuda UMNO

IPOH, Isnin.—Anak sulung Allahyarham Tun Abdul Razak, Datuk Najib telah dicalunkan menjadi anggota Jawatankuasa Tertinggi Pemuda Umno Malaysia.

Pencalunan itu dibuat dalam mesyuarat agung Pergerakan Pemuda Umno Bahagian Mengelembu di sini Sabtu lalu.

Turut sama dicalunkan ialah Dr. Mohamad Noor bin Abdullah, Ketua Pengarah Risda dan Ketua Pergerakan Pemuda bahagian itu sekarang, Encik Abu Bakar bin Shaari.

Pengerusi tetap mesyuarat itu, Encik Osman bin Dato Noordin memberitahu Bernama hari ini pemilihan ketiga-tiga tokoh itu bertujuan memberi peluang kepada golongan intelek dan muda memimpin pergerakan tersebut.

Mesyuarat agung perwakilan Pemuda UMNO Malaysia yang akan memilih pucuk pimpinan baharu pergerakan itu akan berlangsung di Kuala Lumpur bulan Jun depan.

Encik Osman berkata mesyuarat bahagian itu juga meluluskan satu usul mendesak pemangku presiden Umno, Datuk Hussein Onn meneruskan dasar perjuangan Allahyarham Tun Razak bagi menentukan "parti menguasai kerajaan."

"Adalah diharap UMNO dapat mengingati amanat Allahyarham itu semasa beliau mengambilalih jawatan Presiden dari Tengku Abdul Rahman," katanya.

BERITA HARIAN, SABTU, 13 MAC, 1976

Yayasan Tun terima lagi sumbangan

KUALA LUMPUR, Jumaat — Yayasan Tun Abdul Razak semalam menerima sejumlah $3,082 lagi sumbangan dari berbagai syarikat swasta dan perseorangan.

Sumbangan terbesar dari CPC (Malaysia) Sdn. Bhd dan Chemical Industries Sdn. Bhd. yang menderma sejumlah $2,500.

Pengarah kedua-dua syarikat itu, Encik Rusli bin Tambi berkata, derma itu adalah sumbangan pihaknya sebagai mengenang jasa dan khidmat Allahyarham kepada rakyat.

Beliau percaya yayasan ini akan memberi faedah besar kepada rakyat.

Lain-lain sumbangan yang diterima ialah Tang Lang Lang dari Johor sebanyak $30, Encik Richard Bruce $10, YWCA $200, Ikatan Relawan Rakyat Malaysia $42 dan Uda-Hooker Services Sdn. Bhd. $300.

BERITA HARIAN, RABU, 17 MAC, 1976

Darihal superpolitik, kompang dan silat

renungan

"PEMERHATI" baru menyedari dengan sepenuhnya kebenaran apa yang dikatakan oleh cikgu "Pemerhati" di waktu di bangku sekolah dahulu — bahawa seekor gajah yang sama tidak semestinya akan mendapat "layanan" yang serupa apabila dikisahkan oleh dua orang penulis atau pemerhati.

Maksud, ucapan Encik Mokhtar Hashim, Timbalan Menteri Pertahanan yang jua anggota Majlis Tertinggi Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, di ketika merasmikan mesyuarat Perwakilan Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Sungai Besi Sabtu lalu, telah diberi tajuk dan "focus" yang berlainan oleh tiga akhbar tempatan.

Tajuk di akhbar yang pertama berbunyi: "Pemuda UMNO dan Superpolitik"; tajuk di akhbar yang kedua pula: "Mokhtar terhadap jenis pemimpin yang dikehendaki UMNO", dan tajuk yang ketiga berbunyi: begini pula: "Sambutan terlalu kepada seorang tokoh ditegur".

Berkenaan dengan berita di bawah tajuk pertama tadi, Encik Mokhtar dilapurkan sebagai berkata bahawa struktur Pemuda UMNO telah menimbulkan kemunculan setengah-setengah gerombolan yang menonjolkan pengaruh kuat mereka di negara ini, dan setengah cawangan Pemuda UMNO pula adalah memainkan peranan superpolitik. Mereka itu menyokong issue-issue seperti demonstrasi di ITM baru-baru ini.

Beliau menyambung kata, "Pemuda UMNO di hari ini bukan sahaja dihormati orang tetapi jua 'ditakuti'. Keadaan seperti ini tidak sepatutnya dibenarkan berkekalan".

★ ★ ★

KOMEN "PEMERHATI"

"PEMERHATI" bersependapat dengan Encik Mokhtar Hashim itu kerana satu-satu organisasi yang "dihormati" orang biasanya berkekalan; sebaliknya organisasi yang "ditakuti" orang, mengikut sejarah, jarang sekali berusia panjang — misalnya, apa yang telah terjadi kepada Kempetai dan "Bintang Tiga"?

Di bawah tajuk yang kedua pula, Encik Mokhtar dilapurkan sebagai menyuarakan kebimbangannya terhadap setengah-setengah gerombolan orang yang "berusaha menentang dasar-dasar dan objektif UMNO semata-mata bertujuan untuk menegakkan kepentingan 'sebilangan ketua parti'."

Tajuk yang ketiga menitikberatkan masaalah sambutan kepada ketua-ketua parti secara memulakan lapuran dengan menyatakan kebimbangan yang disuarakan oleh Encik Mokhtar Hashim berkenan dengan amalan-amalan memberi sambutan yang keterlaluan bagi menyambut ketibaan seorang tokoh atau pemimpin (secara mengguna kompang dan silat misalnya) atas alasan bahawa amalan seperti ini seolah-olah mendewa-dewakan tokoh itu dan ini boleh menimbulkan sikap angkuh, takbur dan sombong.

Maka dengan ini teringatlah "Pemerhati" kepada masaalah yang sama yang pernah dihadapi oleh Allahyarham Tun Abdul Razak di ketika Allahyarham baru saja menjadi Perdana Menteri. Pada satu hari Allahyarham telah berkata kepada "Pemerhati", "Tengoklah Sh..... aturcara sambutan yang akan diberikan kepada saya dalam lawatan rasmi yang pertama kali ke negeri.... (bukan Selangor tetapi jauh di luar sempadan Selangor). Sambutan yang dirancangkan itu nampaknya adalah secara besar-besaran, termasuklah kompang, silat dan kabarnya saya akan jua dijulang. Sebenarnya saya tak suka sambutan besar-besaran seperti ini, terutama sekali melihat kanak-kanak sekolah berjemur di tengah padang berjam-jam, dan kadangkala dalam hujan pula. Tapi amatlah serbasalah bagi diri saya untuk meringkaskan upacara kerana maklumlah, orang kita Melayu amatlah sensitif. terutama sekali apabila sambutan itu diatur dengan ikhlas dan spontan. Nampaknya supaya perasaan mereka tidak tersinggung, terpaksa jugalah saya menurut kehendak mereka...." Sambil senyum Allahyarham berkata. "Ya tak ya juga, bukan setiap hari seseorang itu dilantik menjadi Perdana Menteri... dan saya anggap upacara sambutan itu bukanlah bagi diri saya tetapi sebagai menghormati jawatan Ketua parti dan Perdana Menteri."

Kesimpulan berdasarkan pandangan Allahyarham Tun tadi — pada hemat "Pemerhati" tidaklah mengapa, Encik Mokhtar, bagi sambutan "kompang, silat dan julang" itu dikekalkan, asalkan sahaja sambutan berkenaan dihadkan kepada lawatan-lawatan yang "superistimewa" atau "bermakna" sahaja; tetapi janganlah pula hendaknya dijadikan amalan harian, secara "keterlaluan" dan "absurd", yakni bila-bila sahaja Ketua atau Pemimpin melangkah dari dapur nak "ke sungai" di belakang rumah!

Begitulah nampaknya — Encik Mokhtar Hashim yang selama ini "Pemerhati" anggap sebagai seorang pemalu dan pendiam — sekali ia membuka mulut apa yang terkeluar darinya adalah lebih perit dan tajam dari peluru sub-machine gun di Jalan Padang Tembak.....

... Pemerhati ...

BERITA HARIAN, KHAMIS, 18 MAC, 1976

Yayasan Tun terus terima sumbangan

KUALA LUMPUR, Rabu. — Industrial Boilers & Allied Equipment Sendirian Berhad hari ini menyampaikan cek kedua untuk Yayasan Tun Razak dalamasa lapan hari.

Pengurus Kerjanya, Encik L. J. Manktelow menyampaikan cek itu berharga $1,020 kepada Pengarah Pasaran New Straits Times, Encik Mansor Wahab di sini.

Encik Manktelow menerangkan derma kedua itu adalah kutipan dari kakitangan pejabat dan pekerja-pekerja kilangnya.

Derma pertama dahulu sebanyak $1,000 khusus dari syarikat itu, katanya.

Persatuan Kebudayaan, Sukan dan Perkhidmatan Pelajaran Selangor juga menderma sebanyak $1,000 kepada Yayasan Tun Razak itu hari ini.

Presiden Persatuan, Pengarah Pelajaran Selangor, Encik Tan Teik Beng menyampaikan cek itu kepada Encik Mansor Wahab.

"Yayasan ini patut diberi bantuan mengenangkan Allahyarham Tun Razak juga bekas seorang Menteri Pelajaran.

"Persatuan akan memungut derma untuk diderma ke yayasan ini dimasa depan," katanya.

AHAD, 21 MAC, 1976

Perpaduan perlu dikekal

KEPUTUSAN MKT UMNO mengenai keanggotaan Dato Harun Idris dalam parti itu tentunya diterima dengan berbagai tanggapan baik di kalangan UMNO sendiri mahupun masyarakat umum. Sementara masyarakat umum membuat berbagai kesimpulan, tentu pulalah anggota-anggota UMNO sendiri menghalusi keputusan itu dengan teliti. Samada perkara itu suatu krisis atau tidak, bagi anggota-anggota UMNO, tetapi hendaknya ia dapat diatasi dengan baik dan tidak menjejaskan perpaduan UMNO sendiri, kerana perpaduan UMNO penting terutama bagi orang Melayu .

Perpaduan UMNO begitu penting bagi orang Melayu kerana UMNO parti utama memegang teraju Kerajaan dan didokong oleh sebilangan besar masyarakat Melayu. Dengan demikian perpaduan UMNO dengan sendirinya bererti perpaduan masyarakat Melayu. Maka dengan demikian perpaduan dalam UMNO begitu penting bagi mempastikan kemajuan orang Melayu, terutama untuk mencapai tujuan matlamat Dasar Ekonomi Baru dan rancangan-rancangan kemajuan yang lain yang telah diatur dan diamanatkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak. Dan demi kepentingan itu maka tidak ada lain jalan dari perpaduan dalam UMNO hendaklah dipastikan kekal dengan apa carapun.

Dalam konteks ini maka perlu dititik beratkan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn, kepada para pengarang kanan akhbar kelmarin bahawa soal perlucutan keahlian Dato Harun boleh dibangkitkan dalam perhimpunan agung UMNO dalam bulan Julai depan dan UMNO telah melalui banyak krisis dan selama ini UMNO dapat mengatasi krisis-krisis itu.

Awasi dakwah

PENGAWASAN terhadap aktiviti syarahan ugama di tanahair nampaknya akan diperketat. Tindakan ini bukanlah sesuatu yang disengajakan tanpa sebab. Menteri Besar Pahang, Datuk Mohammad bin Jusoh, baru-baru ini memberitahu 15 orang ketua kampung daerah Bentong bahawa ada semacam kegiatan yang kurang wajar melalui syarahan ugama. Anasir-anasir anti-nasional cuba

BERITA HARIAN, ISNIN, 22 MAC, 1976

Datuk Najib dicalun Ketua Pemuda di Pekan

PEKAN, Ahad. — Datuk Mohamad Najib Tun Abdul Razak, akan dicalunkan untuk jawatan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Pekan, demikian menurut Ketua Pemuda Cawangan Pekan Baru, Encik Hashim Mohd. Zain, hari ini.


Katanya, beberapa cawangan UMNO yang mengadakan mesyuarat agung masing-masing dua minggu lalu, menyokong pencalunan Datuk Najib yang juga Ahli Parlimen Pekan.

Peluang

Encik Hashim memberitahu, beliau dan beberapa tokoh pemuda akan mengundurkan diri dari bertanding, semata-mata untuk memberi peluang kepada tokoh-tokoh muda.

Berita Harian difahamkan, beberapa cawangan akan mencalunkan dua tokoh lain untuk menentang Datuk Najib dalam mesyuarat agung Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Pekan, April depan.

BERITA HARIAN, SELASA, 23 MAC, 1976



Berita Harian 24 Mac 76.

Yayasan: Lagi dua cek $22,373.50 diterima

KUALA LUMPUR, Isnin. — Kumpulan Akhbar New Straits Times menerima dua keping cek lagi berjumlah $22,373.50 untuk Yayasan Tun Razak hari ini.

Cek-cek itu dari syarikat-syarikat Shell seluruh Malaysia bernilai $20,000 yang disampaikan oleh Pengarah Perhubungan Perdagangannya, Puan P. Schubert.


Bernilai

Sebuah lagi bernilai $2,373.50 dari kakitangan Syarikat Minyak Shell seluruh Malaysia yang disampaikan oleh Pengurus Kakitangan, Encik Wan Makhzan bin Wan Ahmad.

Kedua-dua cek itu diserahkan kepada Pengarah Pemasaran NSTP, Encik Mansor Wahab.

Kakitangan Syarikat Shell Sarawak Bhd. juga menyumbangkan sebanyak $2,117.50 kepada Pegawai Negeri di Sarawak untuk yayasan tersebut.

● Wan Makhzan bin Wan Ahmad sedang menyain buku derma Yayasan Tun Razak di pejabat NSTP semalam. Memerhatikan beliau ialah Puan Schuert. — Gambar Berita Harian.



Matlamat Yayasan Tun akan dirangka

KUALA LUMPUR, Selasa. — Jawatankuasa Kabinet yang dibentuk bagi mengambil alih pentadbiran Yayasan Tun Razak akan bermesyuarat tidak lama

BERITA HARIAN, KHAMIS, 25 MAC, 1976

Yayasan Tun terima lagi derma

KUALA LUMPUR, Rabu. —Yayasan Tun Razak hari ini menerima lagi sumbangan sebanyak $3,477.80 dan pengakuan derma berjumlah $5,000.

Pengarah dan Pengurus Kawasan Credit Corporation (Malaysia) Berhad Encik Ian W. Dale menurunkan tandatangan untuk menderma sebanyak $5,000 bagi syarikatnya.

Menurut beliau, jumlah itu hanyalah sumbangan permulaan dari syarikatnya dan lebih banyak lagi sumbangan akan diberikan dari masa ke semasa.

Kumpulan Monsanto (Malaysia) menderma $3,000 dengan ditandatangani oleh Pengarah Urusan dan Pengurus Operasi Monsanto Electronics Sdn. Berhad, Dr. John Wall.

Akhbar The New Straits Times hari ini pula menerima sumbangan cek bernilai $200 dari Persatuan Sasana Abhiwurdhi.

Cek-cek itu disampaikan melalui Kementerian Kesihatan.

Sementara itu, Kian Hoe Plantations Ltd. di Kluang, Johor juga menghantarkan cek bernilai $40 dan Samuel Goh Kim Eng dari Petaling jaya menghantar cek bernilai $7.80.

Di **JOHOR BAHARU**, Persatuan Kwangshiu, Kulai telah menyumbangkan derma sebanyak $750 untuk Yayasan Tun Razak.

Penolong Pegawai Daerah Kecil, Kulai Encik Johari Suratman, bagi pihak persatuan itu menyerahkan derma tersebut kepada Pejabat The New Straits Times di sini hari ini.

Berita Minggu, Ahad, 28 Mac, 1976

Tun disifat ahli Kelab Rotary yang sejati

KUALA LUMPUR, Jumaat. — Allahyarham Tun Razak adalah seorang ahli Kelab Rotary yang tulen dan sejati, demikian menurut Gavenor Rotary Wilayah 330, Tan Sri Abdul Jamil Rais, di sini.

Dalam satu mesyuarat Klab Rotary Wilayah itu baru-baru ini, Tan Sri Jamil berkata usaha Allahyarham Tun Razak dalam mempertinggikan taraf hidup rakyat, menghapuskan kemiskinan dan penyakit sosial menunjukkan beliau seorang ahli Rotary yang sejati.

Tugas

Allahyarham, kata beliau, pernah bergerak aktif dalam Klab Rotary Kuala Lumpur sebelum meninggalkan jawatannya "kerana menghadapi tugas-tugas yang lebih penting sebagai Perdana Menteri."

Tan Sri Jamil berkata, Allahyarham Tun Razak telah melawat ke seluruh negara untuk melihat sendiri keadaan hidup rakyat jelata dan "ini membuktikan yang beliau benar-benar memberi perhatian berat kepada rakyat."

"Memberi perhatian kepada rakyat merupakan perkhidmatan utama Klab Rotary.

"Dan Allahyarham telah mengutamakan perhatiannya itu untuk kepentingan rakyat daripada kepentingan diri sendiri" katanya.

Tan Sri Jamil juga mensifatkan Tun Razak sebagai seorang yang sederhana tetapi penuh peri kemanusiaan.

Bijak

"Beliau adalah seorang pentadbir yang agung, seorang negarawan dan tokoh politik yang bijak" katanya.

Katanya, Allahyarham Tun Razak memang wajar digelar Bapa Pembangunan kerana usahanya untuk melaksanakan projek-projek pembangunan luarbandar dan Rancangan Buku Merah.

EERITA HARIAN, SELASA, 30 MAC, 1976

YAYASAN RAZAK TERIMA LAGI $11,101

KUALA LUMPUR, Isnin —Pejabat The New Straits Times di sini hari ini menerima sekeping cek bernilai $10,000 sumbangan ICI (Malaysia) Sdn. Berhad untuk Yayasan Tun Razak.

Cek tersebut dihantar melalui pos kepada Pengarah Urusan NST, Encik Junus Sudin.

Pengarah ICI, Encik Murray Allen, kemudian menandatangani buku sumbangan atas derma itu bagi pihak syarikatnya di pejabatnya di Wisma Damansara.

Petang semalan, Presiden Persatuan Peniaga-peniaga Minyak Mobil, Encik Lee Shin Cheng, menyampaikan cek bernilai $1,000 kepada NST untuk Yayasan itu bagi pihak Persatuan tersebut

Persatuan itu juga menderma sebanyak $1,500 untuk Kolej Tunku Abdul Rahman.

Cek itu disampaikan oleh Encik Lee Shin Cheng kepada Encik Lee Kim Sai, ahli Exco Negeri Selangor bagi pihak Kolej itu.

Yayasan Tun Razak juga menerima sumbangan sebanyak $101 dari Persatuan Kebudayaan dan Seni India Pulau Pinang hari ini melalui pejabat NST di Pulau Pinang.

BERITA HARIAN I APRIL 76.

Datuk Najib angkat sumpah wakil Pekan

KUALA LUMPUR, Rabu. — Datuk Mohamad Najib Tun Haji Abdul Razak hari ini mengangkat sumpah menjadi wakil rakyat kawasan Pekan yang baru bagi menggantikan tempat Allahyarham bapanya.

Beliau adalah ahli Dewan Rakyat yang termuda.

Semasa mengalu-ngalukan penyertaan Datuk Mohamad Najib sebagai ahli Dewan yang baru, Timbalan Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Syed Nasir Ismail berharap beliau dapat mengikut jejak langkah Allahyarham bapanya.

Tan Sri Syed Nasir juga berharap beliau dapat memberi sumbangan berguna dan berfaedah kepada Dewan dan Negara.

Beliau juga mengucapkan tahniah atas kemenangan Datuk Mohamad Najib tanpa bertanding dalam pilihanraya kecil kawasan Pekan itu.



DATUK NAJIB

Kemudahan2 untuk keluarga Allahyarham Tun Razak dipersetujui

KUALA LUMPUR, Rabu. — Kerajaan telah bersetuju memberi beberapa kemudahan kepada balu Allahyarham Tun Haji Abdul Razak, Tun Hajjah Rahah dan anak-anaknya sebagai mengenang jasa Allahyarham.

Perdana Menteri Datuk Hussein Onn berkata, dalam ja-

Berita Minggu, Ahad, 4 April, 1976

Pelajar dan guru2 Muar derma kpd Yayasan Tun

KUALA LUMPUR, Sabtu. — Satu rombongan terdiri dari pelajar dan guru-guru Sekolah Menengah Tun Mamat, Muar yang melawat ibu kota Berita pagi ini menderma sebanyak $50 kepada Yayasan Tun Razak.

Derma itu disampaikan oleh salah seorang guru sekolah itu, Encik Mohamed Nor Haji Mohamed.

Pejabat New Straits Times juga menerima derma sebanyak $1,500 untuk yayasan itu dari Dewan Perniagaan Melayu Perlis dan $1 dari Encik Mohamed Suka bin Abdullatip dari Limbang, Sarawak.

ISNIN, 5 APRIL, 1976

Perdana

renungan

'DALAM sebuah negara mengamalkan demokrasi seperti Malaysia, fungsi utama akhbar yang sihat dan bebas ialah menjaga dan mengawasi supaya demokrasi yang diabadikan oleh rakyat ini tidak disalahgunakan atau tidak terkeluar dari landasan prinsip tulinnya yang boleh menghancurkan demokrasi itu sendiri.

"Akhbar yang sihat dan bebas tidak akan membenarkan dirinya dijadikan alat oleh sesuatu golongan bagi memperjuangkan cita-cita dan matlamat yang bertentangan dengan hasrat dan kemahuan rakyat.

"Sesebuah akhbar yang wujud untuk kepentingan sesuatu golongan dan pihak, pasti tidak akan kekal.

"Datuk Hussein mengingatkan juga bahawa akhbar haruslah bertanggungjawab, mematuhi prinsip tatasusila dan etika profesyen kewartawanan yang tinggi."

(Dipetik dari Utusan Melayu April 2, 1976 di bawah tajuk: "Hussein Onn alu-alukan kelahiran 'Bintang Timur — Bukti Demokrasi dan Kebebasan Berfikir Wujud").

BERITA HARIAN, SELASA, 6 APRIL, 1976

UCAPAN SULUNG DI PARLIMEN

Datuk Najib: Tugas saya menyambung khidmat ayah saya

KUALA LUMPUR, Isnin. — Datuk Mohd. Najib Tun Abdul Razak menjelaskan, rancangan pembangunan wilayah, memainkan peranan penting dalam mengekalkan perpaduan negara tanpa dipengaruhi sebarang perubahan politik rantau ini.

Menurut beliau, rancangan pembangunan wilayah seperti di kawasan-kawasan Pahang Tenggara, Johor Tenggara dan Trengganu Tengah, mempunyai matlamat agar setiap rakyat menikmati bersama segala kemakmuran darinya.

Datuk Najib (BN-Pekan), anak sulung Allahyarham Tun Razak, berkata demikian dalam ucapan sulungnya ketika membahaskan titah ucapan terimaskasih Baginda Yang Dipertuan Agung di Dewan Rakyat, petang ini.



Datuk Najib

Dalam ucapannya, beliau melafazkan terimakasih kepada pengundi-pengundi di kawasannya yang telah memberi kepercayaan penuh kepada beliau untuk menggantikan tempat Allahyarham ayahnya.

"Saya tidak bercita-cita pada mulanya untuk mewarisis peranan politik ayahanda saya, tapi mengenangkan jasa dan bakti beliau terhadap negara sepanjang hayatnya, saya, sebagai anak sulung, bertanggungjawab menyambung khidmat Allahyarham selagi berkemampuan serta kepercayaan terhadap saya," katanya.

Mengenai kawasan Pahang Tenggara yang ditadbirkan oleh DARA beliau menjelaskan, perlu ajensi-ajensi Kerajaan berperanan tegas bagi meninggikan taraf ekonomi dan sosial di kawasan itu.

Pada lazimnya, kawasan-kawasan maju akan bertambah maju jika usaha menarik pelaburan baru diperhebatkan.

"Disamping itu, segala sumber alam dan kekayaan hasil bumi hendaklah dibagi secara adil agar jurang perbezaan ekonomi rakyat dapat dirapatkan," tambah beliau.

Mengenai keselamatan negara beliau berkata, kesan perubahan politik di Indochina terhadap negara ini tidak seburuk seperti yang dikatakan.

Datuk Najib memberitahu, meskipun Parti Komunis Malaya cuba mengeksploit kemenangan komunis di Indochina, ia tetap gagal mempengaruhi rakyat negara ini.

"Bagaimanapun, kita harus sentiasa waspada dan

★ Muka 12 ruang 3

Cita-cita tinggi

★ Dari Muka 1

berdiri teguh di belakang Kerajaan," katanya.

Beliau menambah, sebagai wakil jenerasi muda beliau amat berbangga dengan proses pembangunan negara dan kemajuan yang dicapai hingga kini.

Jenerasi muda, katanya mempunyai cita-cita tinggi terhadap negara dan rakyat, tapi dalam menuju matlamat itu beberapa golongan belia telah bersikap resah-gelisah melihat keadaan yang bagi mereka tidak menyenangkan.

"Akhirnya saya melafazkan ikrar di dewan yang mulia ini bahawa selagi ada hayat dan kemampuan, saya akan sentiasa berkhidmat kepada rakyat dan negara dengan penuh tanggungjawab dan ikhlas, jujur dan dedikasi," ujar beliau.

BERITA HARIAN 8 APRIL 76.

Kedutaan Korea menderma kepada Yayasan

KUALA LUMPUR, Rabu. — Kedutaan Korea di sini telah menyampaikan derma sebanyak $1,270.90 untuk Yayasan Tun Razak.

Derma itu disampaikan oleh Dutanya, Encik Sangjin Chyun kepada Pengerusi New Straits Times Press, Tan Sri Sheikh Abdullah bin Sheikh Abu Bakar hari ini di Kedutaan tersebut.

Encik Chyun berkata, derma itu dibuat sebagai mengenang dan menghargai jasa Allahyarham Tun Razak yang semasa hayatnya menjadi sahabat baik Korea Selatan.

Beliau menambah, Allahyarham Perdana Menteri itu telah berusaha mengeratkan hubungan antara kedua negara.

"Allahyarham adalah menjadi ilham kepada kami terutama dalam usaha memajukan pembangunan dan juga bekerjasama," kata beliau.

Beliau juga berkata, Korea mendapat faedah besar dari hubungan Kerajaannya dengan Allahyarham.

Encik Chyun berkata, walapun derma itu kecil tetapi ia membawa erti besar terhadap ingatan kakitangan kedutaan dan Kerajaan Korea.

Sementara itu di Kota Kinabalu, Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Mohamed Said Keruak telah menerima sekeping cek bernilai $3,266.05 untuk pembinaan Tugu Peringatan Allahyarham Tun Razak

Derma tersebut dari Lembaga Kemajuan Tanah Negeri disampaikan oleh Pengerusi Lembaga itu, Datuk Haji Mohamed Taufeck OKK Haji Saman.

Berita Harian 10 April 76.

10-April 76.

Yayasan Lee derma $100,000 kepada Yayasan Tun Razak

KUALA LUMPUR, Jumaat. — Yayasan Lee hari ini menderma $100,000 kepada Yayasan Tun Razak.

Dr. Lee Boon Chin, seorang pengarah yayasan tersebut, telah menyampaikan cek tersebut melalui Pengarah Pemasaran Kumpulan Akhbar New Straits Times Press, Encik Mansor Wahab di Pejabat Encik Mansor.

"Sebagai satu badan kebajikan, kami gembira untuk menyumbang apa saja bagi kebaikan negara," kata Dr. Lee.

Dalam sepucuk surat yang disertai dengan cek itu, Pengerusi yayasan itu, Encik Lee Seng Gee menyebut, "Kami gembira untuk mengetahui bahawa Yayasan Tun Razak itu ialah sebagai mengenang jasa-jasa Allahyarham Tun Razak, yang tidak ternilai untuk negara ini sewaktu hidupnya."

BERITA HARIAN, ISNIN, 12 APRIL, 1976

KOPERATIF DISERU DERMAKAN UNTUNG KEPADA YAYASAN

PETALING JAYA, Ahad, — Syarikat - syarikat Koperatif diseru menyumbangkan sebahagian dari untung bersih mereka tahun lalu kepada Yayasan Tun Razak.

Ini ialah salah satu usul yang diluluskan di Persidangan Koperasi Se Malaysia yang Ke 35 selama dua hari berakhir di sini hari ini.

Menurut persidangan itu, sumbangan tersebut menunjukkan penghargaan tinggi Pergerakan Koperatif terhadap Allahyarham Tun Razak yang menyokong kuat gerakan koperatif.

Persidangan yang dihadiri oleh kira-kira 400 orang wakil dari seluruh negara itu juga telah meluluskan empat usul lain.

Antaranya ialah menggesa diteruskan kemudahan punca potongan bagi segala bayaran kepada koperatif-koperatif yang keanggotaannya tidak terdiri 100 peratus dari pegawai kerajaan.

Persidangan tersebut menggesa menubuhkan koperatif orang-orang tanpa keupayaan meliputi perkhidmatan-perkhidmatan perubatan, pelajaran dan pemulihan sosial. — Bernama.

BERITA HARIAN, SELASA, 13 APRIL, 1976

$15,597 diterima untuk Yayasan Razak

KUALA LUMPUR, Isnin. — Sumbangan berjumlah $15,597 telah diterima oleh Yayasan Tun Razak, hari ini dan derma yang terbesar sebanyak $5,000 dari Syarikat Minyak Edible Oil Products (M) Bhd.

Pengarah Urusan syarikat minyak itu, Encik Noshir N. Pundole telah menyerahkan sekeping cek bernilai $5,000 kepada Pengarah Pemasaran, The New Straits Times, Encik Mansor Wahab.

Encik Pundole berkata, syarikatnya yang mengadakan usahasama antara India dan Malaysia sangat berbangga dapat membuat sumbangan kepada yayasan tersebut.

Beliau yang diiringi oleh Pengurus Besar Syarikat itu di sini, Encik M. B. Seth memberitahu bahawa syarikatnya di India bergiat cergas dalam memungut derma untuk pelajaran seperti Yayasan Tun Razak ini.

Sumbangan

Pengerusi Kelab Sosial dan Sport Philips, Encik Tommy Yong telah menyampaikan sekeping cek bernilai $3,597 untuk yayasan tersebut.

Sebanyak $597 daripadanya sumbangan daripada kakitangan syarikat-syarikat dibawah kumpulan Philips seperti Maltronics, Malaysian Lamps dan Philip Malaysia serta $3,000 lagi sumbangan dari pihak pengurusan Syarikat Philips Malaysia.

Syarikat Beecham Products (Far East) Sdn. Bhd. juga turut memberi sumbangan sebanyak $3,000.

Pejabat The New Straits Times di sini juga telah menerima seping cek bernilai $4,000 dari tiga firma iaitu Synthetic Resins (M) Bhd., Synthetics Fabrics (M) Bhd. dan Siew Nim Chee & Sons Sdn.

Cek tersebut telah disampaikan kepada Menteri Kewangan Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah.

BERITA HARIAN, RABU, 14 APRIL, 1976



● PENGARAH URUSAN Syarikat Letrik Matsushita (M) Berhad, Encik Ken Kurahashi sedang menandatangani buku selepas menyampaikan sekeping cek bernilai $10,000 kepada Yayasan Tun Razak di Balai Berita, Kuala Lumpur semalam. — Gambar Berita Harian.

$22,000 LAGI DERMA UNTUK YAYASAN TUN RAZAK

KUALA LUMPUR, Selasa — Kumpulan The New Straits Times hari ini menerima empat keping cek lagi berjumlah $22,000 untuk Yayasan Tun Razak.

Pengarah Urusan Syarikat Letrik Matsushita (M) Berhad, Encik Ken Kurahashi telah menyampaikan sekeping cek bernilai $10,000 kepada Pengarah Pemasaran NST, Encik Mansor Wahab.

Kumpulan Syarikat-syarikat Hagemeyer di Malaysia dan Perbadanan Perusahaan Matsushita Sdn. Bhd. menderma sebanyak $10,000 untuk Yayasan tersebut.

Pengarah Rantau Asia untuk Kumpulan Syarikat-syarikat Hagemeyer, Encik M.P.M. Castenmiller dan Pengarah Urusan Perbadanan Perusahaan Matsushita Sdn. Bhd., Encik Masahiko Kuninaga menyampaikan cek $5,000 setiap seorang kepada Encik Mansor Wahab.

Menerima

Sekeping cek lagi bernilai $2,000 juga telah diterima dari Pengarah Urusan Komponen Letronik (M) Sdn. Bhd., Encik Toshi Hide Kubo.

Kesemua empat buah firma tersebut adalah pengeluar dan pengedar barang-barang keluaran National.

Setiausaha Kehormat Majlis Peguam memberitahu dalam satu kenyataan yang diterima hari ini bahawa peguam-peguam akan sentiasa mengingati Allahyarham Tun Razak sebagai orang yang mempercayai demokrasi dan Peraturan Undang-undang.

Sementara di Kota Kinabalu, pemangku Setiausaha Tetap kepada Ketua Menteri Sabah, Datuk Haji Abdul Hamid Egoh telah menerima cek bernilai $3,266.05 untuk Yayasan Tun Razak.

Derma tersebut adalah dari Lembaga Kemajuan

BERITA HARIAN, KHAMIS, 15 APRIL, 1976

Lagi $3,000 untuk Yayasan Razak

KUALA LUMPUR, Rabu. — Yayasan Tun Razak hari ini menerima $3,000, sumbangan dari seorang pesara perkhidmatan awam, dan sebuah syarikat pembinaan di sini.

Derma $2,500 disampaikan oleh Encik William Liew, seorang rakankongsi Syarikat Pembinaan Beng Teck.

Sementara itu, derma $500 ialah derma dari Haji Yusof Salim, seorang pesara dan juga pengerusi Persatuan Pekebun-Pekebun Kecil Kebangsaan.

Kata Haji Yusof: "Saya kenal rapat dengan Allahyarham Tun Razak, dan saya amat menghargai segala usaha beliau untuk meninggikan taraf hidup rakyat di luar bandar."

29.4.76.

BERITA HARIAN, KHAMIS, 29 ~~RABIULAKHIR~~ 1396

'Kata2 Nasihat' Allahyarham Tun Razak akan dipamer dalam Simposium Dadah

KUALA LUMPUR, Rabu. — "Kata-kata Nasihat" ucapan Allahyarham Perdana Menteri, Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein mengenai akhlak, dadah dan maksiat adalah di antara bahan pameran yang menarik di Simposium Dadah dan Akhlak bertempat di Dewan Kelab Sultan Sulaiman di sini pada 1 dan 2 Mei ini.

Seramai 210 orang Ahli Jawatankuasa dari 14 cawangan Pertubuhan Masyarakat Wilayah Persekutuan dan ramai lagi orang perseorangan akan menyertai simposium tersebut yang dirasmikan oleh Menteri Tidak Berpotfolio, Datuk Athi Nahappan.

Seramai sembilan orang penceramah dari wakil kementerian-kementerian, Pusat Biro Narkotik, Lembaga Perpaduan Negara Balai Polis Bandaraya akan membentangkan kertas kerja mengenai berbagai aspek bahaya dadah dan cara mencegahnya serta akhlak muda-mudi hari ini.



ENCIK AINUL ADNAN

RUMUSAN

Menurut Timbalan Ketua Pengarah Perhubungan Masyarakat di Lembaga Perpaduan Negara, Encik Ainul Adnan dalam sidang akhbarnya di sini pagi ini, selain dari pameran dan tayangan filem rencana mengenai dadah diadakan juga pementasan drama pada malam Ahad ini.

Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn melalui Lembaga Perpaduan Negara.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Mat Isa akan merasmikan upacara penutup simposium itu jam 4.30 petang Ahad ini dan menyampaikan sijil kepada para peserta.

BERITA HARIAN, SELASA, 20 APRIL, 1976

Lagi sumbangan untuk Yayasan Tun Razak

KUALA LUMPUR, Isnin. — Yayasan Tun Razak hari ini menerima lagi dua sumbangan berjumlah $5,000, masing-masing dari Far East Oxygen (M) Bhd. dan Oversea-Chinese Banking Corporation.

Pengerusi Far East Oxygen, Haji Hamidi bin Dato Osman menyampaikan cek bernilai $3,000 untuk Yayasan itu kepada Pengarah Pemasaran New Straits Times, Encik Mansor Wahab.

Beliau diiringi oleh Pengarah Urusan Syarikatnya, Encik Jacques Lizeray dan Setiausaha Syarikat, Encik Sharif Musa.

"Inilah sumbangan pertama syarikat kami kepada Yayasan Tun Razak dan kami akan memberi sumbangan tetap di masa depan," kata Haji Hamidi.

Oversea-Chinese Banking Corporation pula mengirimkan cek bernilai $2,000 kepada NST sebagai sumbangannya kepada Yayasan Tun Razak.

BERITA HARIAN, JUMAAT, 30 APRIL, 1976

Yayasan Razak terima lagi $2,455.40

KUALA LUMPUR, Khamis. — Pejabat The New Straits Times hari ini menerima sumbangan sebanyak $2,455.40 dan pengakuan derma berjumlah $3,000 untuk Yayasan Tun Razak.

Pengarah Urusan Syarikat Revertex (M) Sdn. Berhad, Encik C.I. Meyrick menandatangani buku ikrar untuk menderma sebanyak $3,000 bagi pihak syarikatnya kepada Yayasan itu.

Beliau diiringi oleh Ketua Eksekutif Revertex Chemicals UK, Encik D.W. Stutchbury, Pengarah dan Pengurus Perdagangan Revertex (M) Sdn. Berhad, Encik B.H. Lim dan Setiausaha Syarikat itu, Encik Ismail Abdullah.

Sokong

"Revertex menyokong penuh matlamat Yayasan Tun Razak yang merupakan satu rancangan jangka panjang untuk menjaga kepentingan rakyat Malaysia," katanya.

Selain dari pengakuan derma itu, kakitangan dan pengurusan Kuala Lumpur Merlin juga menderma sebanyak $905.40 untuk Yayasan itu.

Satu cek bernilai $500 juga diterima dari Syarikat Kerjasama Jimat-cermat dan Pinjaman kakitangan Running Shed and Carriage Shed Berhad (RUNCAS).

Sumbangan itu disampaikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Syarikat Kerjasama itu, Encik Abdullah Manaf dengan diiringi oleh bendahari RUNCAS, Encik M.S. Maniam.

Syarikat Chin Ho Sdn. Berhad menderma sebanyak $1,000 untuk Yayasan Tun Razak.

BERITA HARIAN, SABTU, 8 MEI, 1976



Tun Rahah dicalun Ketua Wanita Umno

KUALA LUMPUR, Jumaat. — Tun Hajjah Rahah, (gambar-atas) balu Allahyarham Tun Abdul Razak telah dicalunkan bertanding merebut jawatan Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia.

Nama beliau telah dicalunkan oleh Pergerakan Wanita UMNO Bahagian Selayang dalam mesyuarat perwakilan pergerakan itu baru-baru ini.

Pergerakan itu berpendapat Tun Hajjah Rahah berkebolehan memimpin pergerakan itu memandangkan pengalaman beliau dalam bidang politik sebagai isteri bekas Perdana Menteri dan Presiden UMNO, Allahyarham Tun Razak selama beberapa tahun.

Bagaimanapun tidak pula diketahui samada beliau akan menerima pencalunan itu atau tidak.

Ketua pergerakan itu sekarang ialah Hajjah Aishah Ghani, Menteri Kebajikan Am.

Sementara itu, Bahagian itu juga telah mencalunkan Setiausaha Politik kepada Menteri Kebajikan Am, Puan Zaleha Ismail bertanding merebut jawatan Naib Ketua pergerakan itu.

Bahagian itu juga telah mencalunkan beberapa nama bertanding sebagai ahli jawatankuasa antaranya, Puan Normah Kamaruddin, Puan Salmah Shamsuddin, Senator Rafidah Aziz, Datin Zaharah Majid, Datin Fatimah Majid, Hajjah Anjah Ariff dan Cik Normah Ismail.

SELASA, 11 MEI, 1976

UMNO kini 30 tahun

HARI ini UMNO merayakan ulangtahunnya genap 30 tahun. Dalam masa 30 tahun UMNO melalui satu sejarah yang penuh gemilang; dari zaman Allahyarham Datuk Onn Jaafar menentang Malayan Union, kepada zaman kemerdekaan Yang Teramat Mulia Tengku Abdul Rahman, kepada zaman pembangunan Allahyarham Tun Razak membawalah sekarang kepada zaman Datuk Hussein Onn—U M NO telah mempertahankan wataknya sebagai sebuah parti yang bergerak tegak atas cita-cita dan aspirasi bangsa Melayu.

Dari sebuah parti yang mempertahankan hak dan kedaulatan bangsa Melayu yang diancam oleh penjajah Inggeris dalam zaman Allahyarham Datuk Onn Jaafar dulu membawalah kepada zaman merdeka hingga sekarang, UMNO telah melalui satu proses perubahan yang besar, dari sebuah pergerakan yang semata-mata memperjuangkan hak bangsa Melayu, ia telah berubah menjadi sebuah parti terulung di tanahair yang tidak sahaja mempertahankan cita-cita bangsa Melayu tetapi menyalurkan aspirasi rakyat Malaysia dari tiap golongan dan lapisan.

Dari berikat hanya dengan dua buah parti bukan Melayu ia telah menjadi sebuah barisan yang menggabungkan berbagai -bagai parti, yang memperjuangkan cita-cita bangsa dan negara untuk hidup sebagai rakyat yang merdeka dan berdaulat.

Barangkali tidak ada sebuah parti yang telah memerentah negaranya begitu lama seperti UMNO. Apakah rahasia kekuatannya dan keulungannya? Rahasia keagungannya sebagai sebuah parti politik ialah kebulatan sokongan rakyat terhadap perjuangannya, kemampuannya mensesuaikan diri kepada peredaran zaman, kekokohan akar-akarnya yang dalam tiap pelosok kampung dan desa.

UMNO masih tetap memegang peranannya sebagai peneroka jalan ke arah perjuangan menentukan nasib negara dan masa depan rakyat berkat perpaduan antara anggota dengan pemimpin-pemimpinnya, berkat ketegasannya membimbing fikiran rakyat, berkat kebijaksanaan pimpinan yang mengendalikan parti yang begitu besar menurut lunas-lunas demokrasi.

Banyak cabaran dan ujian telah dilalui oleh UMNO dalam sejarahnya selama 30 tahun yang lalu dan banyak lagi cabaran yang akan dihadapinya pada masa depan.

Tetapi UMNO telah terjalin begitu erat dengan rakyat hingga nasibnya ikut terjalin dengan nasib rakyat. Maka tiap cabaran dan tiap ujian yang dihadapinya merupakan ujian dan cabaran terhadap rakyat.

UMNO semakin jelas dan semakin terang melambangkan cita-cita dan aspirasi kaum bumiputra di negeri ini. Kepada dunia, UMNO merupakan lidah bangsa Melayu, penggerak dan pendorong tiap perkembangan yang berlaku di Malaysia, golongan politik yang menentukan corak dan nasib negara pada masa hadapan.

Hakikat ini adalah satu kenyataan hidup yang berat kerana ia meletakkan pada bahu kita satu beban yang seumpamanya belum pernah terpikul pada kita di masa yang lalu.

Semangat sedia berkorban dan sedia menjadi contoh tauladan kepada orang lain dan untuk kepentingan orang lain, sikap toleransi dan simpati, kejujuran dan keikhlasan kepada cita-cita bangsa dan negara — inilah sifat yang dituntut ke atas kita oleh tanggungjawab dan peranan yang berat yang terpikul kepada kita sekarang.

Negara menghadapi detik-detik sejarah yang amat penting sekarang. Kita menghadapi musuh-musuh yang berkepala batu, yang berazam untuk menghancurkan negara yang telah kita bangunkan untuk anak cucu dan keturunan kita pada masa depan.

Pada hari merayakan ulangtahun yang ke-30 ini, marilah kita membaharui azam dan tekad untuk tetap mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan negara, dengan memberikan pengorbanan tenaga hatta jiwa sekali pun, untuk mengatasi cabaran-cabaran yang kita hadapi sekarang dan pada masa akan datang.

BERITA HARIAN, SABTU, 12 JUN, 1975

Allahyarham Tun Razak yang mencadangkan Pertandingan Bahas

PERADUAN Bahas Tahunan antara Sekolah-sekolah Berasrama Penuh di Semenanjung Malaysia kerana merebut Piala Pusingan Perdana Menteri telah dimulakan pada tahun 1974, berikutan dengan arahan Allahyarham Tun Haji Abdul Razak bin Hussein, pada ketika itu Perdana Menteri, yang disampaikan sendiri olehnya di Majlis Hari Ucapan dan Penyampaian Hadiah Kolej Melayu, Kuala Kangsar, Perak, pada 7 Julai, 1973.

Peraduan

Oleh kerana Kolej Melayu merupakan sekolah yang tertua antara sekolah-sekolah berasrama penuh dan juga almamater Allahyarham Tun Haji Abdul Razak, maka Kolej tersebut telah diberi penghormatan menjadi tuan rumah dan menganjurkan peraduan pertama bagi peringkat awal, suku akhir dan separuh akhir pada 12-14 September 1974.

Pada mulanya peraduan ini adalah bagi lapan buah sekolah sahaja. Selepas peraturan selesai dibuat dua buah sekolah berasrama penuh menyertai peraduan menjadi kesemua sekolah-sekolah mengambil bahagian dalam peraduan tahun 1974 kepada 10 buah.

Peraduan Peringkat Akhir tahun 1974 telah diadakan di Bilik Oditorium Besar, Wisma Radio, Kuala Lumpur pada 30 November, 1974, antara sekolah Alam Shah Kuala Lumpur dengan Sekolah Tun Fatimah Johor Bahru.

Sekolah Alam Shah telah menjadi Johan. Untuk membolehkan peraduan ini dijalankan dengan lebih berkesan dan sempurna sejajar dengan semangat, hasrat dan kehendak Allahyarham Tun Haji Abdul Razak, sekolah-sekolah Menengah Sains telah diberi peluang menyertai pertandingan bahas ini mulai tahun lepas.

Dalam tahun lalu kesemuanya 18 buah sekolah telah mengambil bahagian. Peringkat awal, suku akhir dan separuh akhir telah dikelolakan oleh Sekolah Alam Shah Cheras, Kuala Lumpur pada akhir bulan Julai, YAB Dr. Mahathir Mohamad, Menteri Pelajaran telah merasmikan Pertandingan di Dewan Bahasa dan Pustaka pada 26 Julai.

Pertandingan akhir tahun 1975 di antara Kolej Melayu Kuala Kangsar dengan Kolej Islam telah dirasmikan oleh Allahyarham Tun Haji Abdul Razak di Bilik Oditorium Besar, Wisma Radio pada 3 Ogos sementara upacara penyampaian Hadiah diadakan oleh Tun Hajjah Rahah.

Pada tahun ini 19 buah sekolah berasrama penuh telah turut serta dalam pertandingan bahas ini.

Pertandingan peringkat-peringkat awal, suku akhir dan separuh akhir telah diadakan di Sekolah Tun Fatimah Johor Bahru pada 4, 5 dan 6 April lalu.

Ketua Setiausaha, Kementerian Pelajaran, Datuk Abdul Kadir Talib telah meresmikan Pertandingan tersebut pada 4 April, Ucapan penutup telah dilakukan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Pelajaran, Datuk Murad bin Mohd. Noor pada 6 April.

Keputusan

Serentak dengan pertandingan ini, Peraduan Bahas Bahasa Inggeris bagi Sekolah-Sekolah ini telah juga dijalankan iaitu satu bagi kumpulan aliran Inggeris dan kumpulan kedua antara sekolah-sekolah aliran Melayu.

Mengikut keputusan peringkat separuh akhir Kolej Islam dan Sekolah Menengan Sains Kelantan telah berjaya memasuki Pertandingan Akhir Kejohanan Piala Perdana Menteri bagi tahun ini, sementara Maktab Tentera di Raja dan Kolej Tunku Kurshiah muncul dalam pertandingan akhir bagi Bahasa Inggeris yang diadakan semalam (11 Jun) di Bilik Oditorium Besar ini juga.

Piala

Selain dari Piala Pusingan Perdana Menteri, tiap-tiap ahli pasukan yang menjadi Johan menerima hadiah replica Piala Perdana Menteri berharga $400 sebuah dan tiap-tiap pembahas pasukan naib johan menerima sebuah dulang kecil berharga $100 sebuah. Wang sagu hati juga dihadiahkan kepada pasukan johan sebanyak $600 dan naib johan sebanyak $450.

Seperti tahun-tahun lalu, tiap-tiap peserta diberi Sijil Penyertaan. Pemidato terbaik Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris akan juga diberi Sijil Khas.

BERITA HARIAN, SABTU, 19 JUN. 1976



Encik Koh Swee Tuck, Pengerusi Majlis Jurukur Tanah kelihatan sedang menandatangani buku pelawat di Pejabat The New Straits Times. — Gambar Berita Harian.

$20,450 lagi derma diterima untuk Yayasan Tun Razak

KUALA LUMPUR, Jumaat — Akhbar New Straits Times hari ini menerima derma berjumlah $20,450 dari beberapa pertubuhan dan para dermawan bagi Yayasan Tun Abdul Razak.

Pengerusi Majlis Jurukur Tanah, Encik Koh Swee Tuck, telah menjanjikan derma $10,000 bagi pihak majlis tersebut manakala beliau sendiri menderma $1,000.


Dua cek bernilai $11,000 telah diterima dari Persatuan Bekas Penuntut Universiti Pertanian sementara cek sebanyak $450 diterima dari Persatuan Kriket Selangor dan guru-besar-gurubesar dari daerah-daerah Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Derma-derma lain; $1,000 dari Perfumes of Malaysia Sdn. Bhd. $500 dari Safrasia Trading Corp. Sdn. Bhd., $500 dari East Lumber Timber Sdn. Bhd., $500 dari Bian Heng & Co. (M) Sdn. Bhd., $2,000 dari Syed Zubir Syed Hassan, $100 dari Syarikat Shamsuria (M) Sdn. Bhd.

$100 dari National Bumiputra Building Contractors' Association (Bahagian Kedah), $500 dari Syarikat Jaya Utara Construction Sdn. Bhd., (Kedah), $1,000 dari Syarikat Kayu Balak Sik Sdn. Bhd., $500 dari Syarikat Laris Syndicate, $200 dari Syarikat Juliana Bersaudara Service Station (Shell) dan $1,100 dari tiga orang dermawan yang tidak mahu dinamakan.

BERITA HARIAN, SABTU, 12 JUN, 1976

Secebis tentang Piala Perdana Menteri



PIALA Perdana Menteri dihadiahkan oleh Allahyarham Tun Haji Abdul Razak bin Hussein, sebagai Piala Pusingan Peraduan Bahas Tahunan antara Sekolah-sekolah Berasrama Penuh Semenanjung Malaysia.

Tingginya ialah 24 inci dengan perdu bulatan selebar 6½ inci dan bertiang setinggi 16½ inci.

Bahagian atas ialah 48 bulan sabit) (merupakan 8 buah sekolah pada mulanya) melambangkan lidah-lidah dan pecahan bulan-bulan sabit itu yang bercantum di hujungnya itu melambangkan mulut — anggota-anggota berpidato.

Rekabentuk

Rekabentuk bulan ini juga melambangkan bulatan dunia iaitu luasnya pengetahuan yang dikehendaki bagi seseorang yang hendak mengambil bahagian dalam peraduan bahas.

Rekabentuk Piala ini dilukis dan direka oleh Encik Baharuddin bin Kassim, seorang akitek dari Jurubina Bertiga, Petaling Jaya Selangor. Seorang murid tua Kolej Melayu, Kuala Kangsar, Encik Baharuddin terkenal dengan masterpiecenya — Rekabentuk Masjid Negara.

Piala ini dibuat dari Perak Kelantan oleh juru-ukir terkenal di Kelantan.

Harga Piala Perdana Menteri ini ialah $7,000/-.

Berita Harian 17 Jun 76.

Laai derma Yayasan Tun Razak

7 Jun 76.

PULAU PINANG, Rabu — Pertubuhan Koperatif Kakitangan Kerajaan Pulau Pinang memutuskan untuk menderma $1,000 setiap tahun kepada Yayasan Tun Razak dan Tabung Bangunan Masjid Negeri.

Sumbangan pertama akan disampaikan kepada Ketua Menteri, Dr. Lim Chong Eu, dalam satu majlis jamuan makan malam tahunan pertubuhan itu di Haloman Restauran pada 26 Jun.

BERITA HARIAN, SABTU, 12 JUN, 1976

ALLAHYARHAM TUN RAZAK



DALAM KENANGAN

KEPADA seluruh rakyat Malaysia, berpulangnya kerahmatullah pemimpin kita yang dikasihi, Tun Haji Abdul Razak bin Hussein, Perdana Menteri kita yang kedua, adalah satu peristiwa yang masih lagi memilukan kita sekelian yang ditinggalkan, sesungguhpun kita harus menerima kehendak Tuhan itu dengan penuh tabah dan kesabaran.

Kepada Allah Subhanahu wata'alaa seluruh rakyat berdoa mudah-mudahan roh Allahyarham dicucuri rahmat dan ditempatkannya dalam syurga Aljannah bersama-sama roh orang-orang yang salih.

Bismillahirrahma nirrahim!

Ya-Allah, hanya dikau saja yang mengetahui setiap perasaan dan bisikan hati nurani makhlukMu, duka nestapa dan sedih pilu yang kami rasakan, kerana pemimpin, mentor kami dan Pemimpin Bangsa dan Nusantara yang dikasihi lagi dihormati, Allahyarham Tun Haji Abdul Razak bin Hussein, telahpun kembali menemuimu. Tamatlah sudah, Ya-Allah sejarah cemerlang hidupnya yang menghiasi lembaran sejarah Negara Malaysia. Maka bermulalah babak yang baru dengan pemimpin yang baru, Y.A.B. Datuk Hussein bin Onn.

Perasaan kasih

Mengenangi kembali Allahyarham, harapan kami semoga perjuangan dan falsafah hidupnya, tekad, kegigihan, kesabaran dan peribadinya menjadi contoh tauladan kepada putra-putri Melayu khasnya dan Malaysia amnya, dan kami berikrar dengan nama Allah berbuat sedaya upaya kami dengan izin-Nya Ya-Allah bagi menyempurnakan apa yang belum selesai bagi kesejahteraan Malaysia dan rakyatnya.

Sekiranya kami gagal maka kami tidaklah merupakan jenerasi yang telah dilatih dan dipimpin dengan sempurna seperti yang di kehendaki oleh Allahyarham itu.

Catitan yang singkat ini adalah penghargaan, penghormatan dan kenangan putra-putri di bangku sekolah yang wajar sekali menerima manafaat dari jasa, bakti dan pengorbanan dan kepimpinan serta perasaan kasih mesranya terhadap anak watannya jenerasi muda yang akan menyambung perjuangannya ke arah matalamat negara Malaysia yang aman damai, maju dan teguh bersatu.

BERITA HARIAN, KHAMIS, 1 JULAI, 1976

Perjuangan dan jasa bakti Allahyarham Tun Razak dikenang

KUALA LUMPUR, Rabu

KETOKOHAN dan perjuangan Allahyarham Tun Abdul Razak sebagai pemimpin negara ini telah dicatet dalam penyata tahunan 1976 UMNO yang akan dibentangkan di Perhimpunan Agungnya yang ke 27 selama tiga hari mulai 2 Julai, di sini.

Turut dicatet dan dikenang ialah perjuangan dan jasa bakti Allahyarham Datuk Abdul Rahman semen-Ismail, Timbalan Menteri Penerangan yang telah meninggal dunia pada 14 Mac lalu.

Rencana khas itu menyebut pemergian Allahyarham Tun Abdul Razak itu merupakan satu kehilangan pemimpin besar dan penganjur bangsa yang terkenal sebagai "Bapa Pembangunan" yang amat berat sekali dirasakan oleh ahli-ahli UMNO khasnya dan seluruh rakyat Malaysia amnya.

Berita kematian Allahyarham pada 14 Januari lalu di London diterima oleh setiap lapisan rakyat dengan perasaan sedih dan pilu, "bahkan seolah-olah seperti negara ini dilanda oleh satu malapetaka dahsyat dengan tidak semena-mena."

Sejak itulah, menurut rencana itu, baru diketahui bahawa Allahyarham sejak sekian lama mengidap penyakit barah darah atau "leukemeia" yang dirahsiakannya kepada anak isterinya sendiri.

"Demikianlah tingginya semangat ketabahan dan kecekalan Allahyarham Tun Abdul Razak yang sentiasa meletakkan kepentingan rakyat dan negara di atas segala-galanya, tanpa sama sekali menghiraukan keadaan diri sendiri," kata rencana itu.

Riwayat perjuangan hidup Allahyarham akan diukirkan dengan tinta emas dalam lembaran sejarah Malaysia untuk menjadi unsur inspirasi serta contoh tauladan kepada jenerasi akan datang.

Walaupun berasal dari keluarga pembesar negeri Pahang yang mempunyai titisan darah Raja-Raja Bugis, beliau semasa kecil dididik serta dibesarkan dalam kalangan rakyat biasa di tengah-tengah masyarakat yang hidup di dalam keadaan serba kekurangan.

Dorongan

Latarbelakang kehidupan kampung inilah yang memberikan dorongan kepadanya supaya suatu masa tampil ke muka untuk memperjuangkan untung nasib rakyat jelata dan meletakkan mereka pada tingkat hidup yang lebih adil dan sempurna.

Allahyarham menyedari dan insaf bahawa matlamat besar itu hanya dapat dicapai menerusi kebebasan dan kemerdekaan tanahair dari belenggu penjajah yang mendesak beliau menceburkan diri dalam lapangan politik.

Setelah bergiat cergas di lapangan politik pelajar di London pada masa beliau menuntut Ilmu Undang-Undang, Allahyarham terus memasuki arena politik kebangsaan sekembalinya ke tanahair pada awal tahum lima puluhan.

Beliau telah dipilih mengetuai Pergerakan Pemuda UMNO Malaya, tidak lama kemudian, apabila Allahyarham Datuk Onn Jaafar meninggal UMNO,Ppucuk pimpinan UMNO diambil alih oleh Tengku Abdil Rahman sementara Tun Razak dipilih menjadi Timbalannya.

Rencana itu berkata, agak sukar bagi sesiapa, baik hari ini ataupun di masa akan datang untuk menandingi rekod kejayaan Allahyarham Tun Razak.

Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn dalam ucapannya di sidang khas Dewan Negara pada 21 Januari lalu berkata, Allahyarham Tun Razak seorang yang jujur, penuh azam, berhemah tinggi tetapi sederhana dalam kehidupannya dan seorang pemimpin yang berjiwa rakyat.

Falasafah hidup Allahyarham ialah untuk sentiasa berbakti kepada bangsa dan negara dengan sikap tanpa hasad terhadap sesiapa dan murahhati kepada semua.

Career professional dan politik Allahyarham sangat tinggi iaitu menjadi Ketua Pergerakan Pemuda UMNO dalam usia 28 tahun dan menyandang jawatan Timbalan yang Dipertua (kemudian Presiden) UMNO ketika umur 29 tahun.

Beliau dilantik menjadi Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang berumur 30 tahun, menjadi Menteri Besar Pahang pada umur 33 tahun dan sesudah pilihanraya umum tahun 1955 dilantik menjadi Menteri Pelajaran ketika itu berusia 34 tahun.

Setahun kemudian, dalam usia 35, menjadi Timbalan Perdana Menteri dan akhirnya menjadi Perdana Menteri Malaysia ketika berumur 48 tahun.

Sementara itu, mengenai Allahyarham Datuk Wan Abdul Kadir, rancana itu mensifatkan Allahyarham seorang tokoh politik yang disegani oleh kawan dan lawan.

Semasa hayatnya, Allahyarham telah banyak menyumbangkan tenaga dan jiwanya terhadap perkembangan politik tanahair terutama UMNO.

Menyokong

Semasa menuntut di Mesir, Allahyarham telah memainkan peranan penting dan aktif dalam gerakan pelajar untuk menyokong perjuangan menuntut kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.

Perjuangan beliau telah mendapat sokonagn Presiden Nasir.

Sebagai menyokong perjuangan kemerdekaan orang-orang Melayu, Presiden Nasir telah menubuhkan Perkhidmatan Melayu di Radio Kahirah dalam tahun 1955 dan Allahyarham Datuk Wan Kadir sebagai pengelolanya yang pertama.

Perkhidmatan itu masih berjalan hingga sekarang.

Allahyarham mula bergiat dalam arena politik dalam tahun 1946 melalui Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dan dalam tahun 1958 beliau menyertai UMNO sebagai Ketua Penerangan.

Dilantik

Beliau juga menjadi Pengarang lidah rasmi UMNO iaitu Akhbar Mingguan Merdeka dan mula menjadi wakil rakyat dalam tahun 1964 mewakili kawasan Parlimen Kuala Trengganu Utara dan dalam tahun 1974 menjadi wakil rakyat kawasan parlimen Kemaman.

Dalam tahun 1973, Allahyarham dilantik menjadi Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, dalam tahun 1975, menjadi Timbalan Menteri Perhubungan dan pada awal tahun ini telah dilantik menjadi Timbalan Menteri Penerangan.

BERITA HARIAN, SABTU, 3 JULAI, 1976

Umno rakam jasa Tun Razak dengan tinta emas

3 Julai, 76

KUALA LUMPUR, Jumaat. — Perhimpunan Agung UMNO Malaysia hari ini meluluskan tanpa bahas merakamkan dengan tinta emas jasa-jasa Allahyarham Tun Haji Abdul Razak supaya menjadi ingatan dan kenangan kepada seluruh anggota UMNO khasnya dan seluruh rakyat Malaysia amnya.

Usul yang dibawa oleh Bahagian Bagan Datuk itu juga menyampaikan ucapan takziah kepada balu Allahyarham serta keluarganya atas kepergian Allahyarham.

Contoh

Usul itu dirakamkan memandangkan peranan dan jasa-jasa Allahyarham Tun Razak dalam rancangan-rancangan pembangunan negara sehingga diberi gelaran "Bapak Pembangunan."

Ia juga memberi pertimbangan bahawa sangat wajar bagi para pemimpin yang telah mewarisi pimpinan dan rancangan pembangunan Allahyarham itu untuk memberi penghargaan terhadap jasa dan baktinya.

Semasa membentangkan usul itu, wakil Bahagian Bagan Datuk, Encik Kaharuddin Abbas berkata, amatlah wajar bagi para pemimpin kita mencontohi segala ketokohan dan kebijaksanaan pemimpinan Allahyarham

Berita Minggu, Ahad, 11 Julai, 1976



PENYERAHAN KAPAL DIMETERAI

TIMBALAN Menteri Pertahanan, Encik Mokhtar Hashim (kiri), diikuti oleh Datuk Mohamed Najib Tun Razak keluar dari kapal "Putra Mangkasa" setelah menandatangani dokomen Penyerahan kapal tersebut kepada Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) semalam.

Kapal layar ini kepunyaan Allahyarham Tun Razak.

Upacara penyerahan itu berlangsung di atas kapal K.D. Hang Tuah, Woodland, Singapura.

Encik Mokhtar dalam ucapan riangkasnya berkata, kapal tersebut akan menjadi kenangan abadi kepada anggota TLDM terhadap jasa-jasa Allahyarham Tun Razak.

Beliau mengucapkan terimakasih kepada keluarga Allahyarham kerana menyerahkan kapal tersebut kepada TLDM. — Gambar Berita Minggu.

Berita Harian 11 Julai 76.

PUTERA MANGKASA MENJADI KENANGAN YG ABADI

JOHOR BARU, Sabtu. — Penyerahan kapal layar 'Putera Mangkasa' kepunyaan Allahyarham Tun Razak kepada Tentera Laut Diraja Malaysia menjadi kenangan abadi yang tidak akan dilupakan.

Datuk Mohd. Najib, anak sulung Allahyarham Tun Razak, menyerahkan kapal itu kepada Timbalan Menteri Pertahanan, Encik Mokhtar Hashim, dalam satu upacara diatas kapal K.D. Hang Tuah di Woodlands di sini hari ini.

Encik Mokhtar menyatakan, "Putera Mangkasa" akan menjadi kenangan abadi bagi anggota-anggota TLDM terhadap jasa-jasa allahyarham.

Beliau juga mengucapkan setinggi terima kasih kepada keluarga allahyarham Tun Razak atas penyerahan kapal tersebut.

Putera Mangkasa yang beratnya 64 tan yang dilengkapi dengan jentera 52 kuda dihadiahkan oleh rakyat Sulawesi kepada Allahyarham Tun Razak pada bulan September 1975.

Allahyarham sewaktu hayatnya berhasrat hendak menyerahkan kapal layar itu kepada TLDM dan ini disahkan oleh Tun Hajah Rahah.

Tun Hajah Rahah mewakilkan Datuk Mohd. Najib untuk menyerahkan kapal itu kepada TLDM.

Pembinasa

Menurut Encik Mokhtar, kapal layar itu juga besar ertinya kepada TLDM terutama bagi latihan perahu layar bagi pegawai-pegawai dan anggota-anggota pasukan tersebut.

Timbalan Menteri Pertahanan selanjutnya menerangkan, TLDM akan menambah empat buah lagi kapal pembinasa laju bagi memperkuatkan pasukan tersebut.

Katanya, pihaknya akan menandatangi perjanjian bagi membeli kapal-kapai tersebut sedikit masa lagi.

Berita Harian 17 Julai 76.

RABU, 14 IULAI, 1976 —

DATUK NAJIB, TENGKU PUTRI ZAINAH NIKAH ESOK

KUALA LUMPUR, Selasa. — Datuk Najib anak sulung Allahyarham Tun Abdul Razak, akan melangsungkan perkahwinan dengan Tengku Putri Zainah binte Tengku Eskandar di sini hari Khamis ini.

Tengku Putri Zainah, 20 tahun, ialah anak saudara Menteri Luar, Tengku Ahmad Rithauddeen. Upacara bertunang



DATUK NAJIB

dan akad nikah akan berlangsung di rumah Tengku Rithauddeen di Jalan Seavoy.

Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn, bapa saudara Datuk Najib, akan mengetuai rombongan pihak mempelai.

Datuk Najib, 22 tahun, telah dijadikan Datuk Shahbandar Pahang mewarisi gelaran ayahnya.

— Bernama.

17- Julai 76



Ciuman mesra dari Najib

● Datuk Mohamad Najib, 23 tahun, anak sulung Allahyarham Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein mencium mesra dahi isterinya, Tengku Putri Zainah binti Tengku Iskandar, 20, selepas beliau diakad-nikahkan oleh Kadi Besar Wilayah Persekutuan, Sheikh Mohamad Yunus bin Haji Mohamad Yatim, malam tadi.

Upacara istiadat tersebut berlangsung di rumah bapa saudara Tengku Putri Zainah iaitu di kediaman Tengku Ahmad Rithauddeen, Menteri Luar, di Kuala Lumpur.

Terdahulu itu, Tun Hajjah Rahah menyarungkan cincin pertunangan ke jari menantunya, Tengku Putri Zainah dalam istiadat pertunangan yang bermula dengan upacara berbalas-pantun antara pihak lelaki diketuai oleh Tan Sri Ahmad Hussein dan pihak perempuan oleh Tan Sri Nik Ahmad Kamil.

BERITA HARIAN, SABTU, 17 JULAI, 1976



TERSENYUM RIANG SELEPAS IJAB KABUL

● Datuk Mohamed Najib, anak sulong Allahyarham Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein tersenyum riang bersama isterinya, Tengku Putri Zainah binti Tengku Iskandar setelah diijab-kabulkan malam kelmarin di Kuala Lumpur.

Mewakili pihak lelaki dalam upacara istiadat peminangan dan akad-nikah itu ialah bapa saudara Datuk Najib iaitu Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn, Tan Sri Mohamed Noah (datuknya), Menteri Besar Pahang, Datuk Mohamed Josoh, Tengku Ariff Bendahara dan Tan Sri Ahmad Hussein (jurucakap).

Pihak perempuan diwakili oleh bapa saudara Tengku Putri Zainah iaitu Menteri Luar, Tengku Ahmad Rithauddeen, Menteri Kewangan, Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah, Datuk Asri Haji Muda, Menteri Persuahaan Awam, Datuk Haji Mohamed Yaacob dan Tan Sri Nik Ahmad Kamil (jurucakap).

BERITA HARIAN, KHAMIS, 22 JULAI, 1976.

2,000 ekar ladang koko untuk Yayasan Tun Razak

KOTA KINABALU, Rabu. — Kerajaan Sabah hari ini menyumbangkan 2,000 ekar ladang koko kepada Yayasan Tun Razak.

Ketua Menteri Datuk Harris Salleh ketika mengumumkan demikian berkata hari ini $5 juta akan dibelanjakan bagi memajukan ladang itu yang dijangka mendatangkan hasil tahunan $3.2 juta.

Datuk Harris telah bercakap kepada para pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat pertama kabinet sejak rombakan kecil yang dilakukan Sabtu lalu.

Katanya Allahyarham Tun Razak telah menjadi sumber ilham kepada rakyat dalam usaha mereka hendak membina sebuah negara yang stabil, makmur, bersatu dan harmoni.

Peluang

Ketua Menteri berkata selain dari memberi peluang kerja kepada rakyat, ladang koko itu juga akan menjadi sumber pendapatan jangka panjang kepada Yayasan Tun Razak.

Datuk Harris juga menerima sumbangan berjumlah $14,500 untuk Yayasan Tun Fuad dan $11,318 untuk Yayasan Tun Razak.

Sumbangan terbesar ialah dari seorang ahli perniagaan tempatan, Encik Wee Boon Ping yang menyumbangkan $10,000 kepada Yayasan Tun Fuad dan $10,000 lagi kepada Yayasan Tun Fuad dan Presiden Kesatuan Pekerja Lembaga Letrik Sabah, Encik Ismail Dullah yang menyerahkan $1,318 kepada Yayasan Tun Razak.

Lain-lain sumbangan ialah: Encik Robert Cheng sebanyak $2,500 bagi pihak syarikatnya, Borneo Martime Transport Sdn. Bhd kepada Yayasan Tun Razak.

Pengerusi Dewan Perniagaan China Beauford, Encik Chong Nyuk Yong membuat sumbangan peribadi sebanyak $2.000 kepada Yayasan Tun Fuad. — Bernama.

BERITA HARIAN, SELASA, 27 JULAI 1976.

Cek untuk tugu dan Yayasan Tun

PULAU PINANG, Isnin. — Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr. Lim Chong Eu semalam menyampaikan dua keping cek bernilai $75,558 kepada Datuk Hussein Onn untuk Yayasan Tun Razak dan Tabung Pemulihan Tugu Negara.

Sekeping cek bernilai $50,000 sumbangan Kerajaan Negeri disumbangkan untuk Tabung Tun Razak manakala cek lain bernilai $25,558 untuk Tabung Pemulihan Tuga Negara dikutip dari derma dan jualan tiket "Malam Silam" yang diadakan di Panggung Federal pada 21 April lalu.

Pelajaran diberi keutamaan

YAYASAN MATLAMA!

KUALA LUMPUR, Selasa

KERAJAAN hari ini mengumumkan lima tujuan utama penubuhan Yayasan Tun Razak yang antara lain untuk memperbaiki standard pelajaran dalam semua lapangan dan untuk meninggikan taraf kehidupan rakyat.

Menteri Kewangan, Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah yang membuat pengumuman tujuan-tujuan utama yayasan itu di Dewan Rakyat petang ini menegaskan lain-lain objektifnya ialah:

● Untuk menanam menanam dan menggalakkan saling persefahaman antara kumpulan-kumpulan kaum dan manusia:


● Bagi menggalakkan keamanan dan persefahaman antara bangsa-bangsa:

● Untuk mengekalkan nama baik yang amat berhormat Allahyarham Tun Abdul Razak, dan

● Untuk mencapai hasrat dan mengekalkan jasa baik Allahyarham Tun Razak.

Tengku Razaleigh berkata ketika mencadangkan satu rang undang-undang bernama akta bagi menubuhkan yayasan hadiah bantuan Tun Razak berkata, sejak upacara pelancaran yayasan itu awal tahun ini, hampir tiga juta ringgit telahpun diterima dari rakyat semua lapisan.

Rang undang-undang itu telah mendapat sokongan sepenuh dari semua ahli Parlimen termasuk pembang-



Yayasan akan penuhi cita2 Allahyarham Tun

4. ogos 1976.

★ Dari Muka 1

Sambil menjelaskan latar belakangnya, Menteri Kewangan berkata yayasan ini telah dilancarkan dengan daya utama swasta untuk mengumpul wang bagi projek-projek yang akan mengabadikan nama Allahyarham Tun Razak.

Setakat ini, katanya, jumlah wang yang diterima sudah jauh melebihi dua setengah juta ringgit dan akan cepat meningkat angka tiga juta ringgit.

Sambil derma-derma itu mencurah datang, katanya, kian jelas sebagai yang dipersetujui dengan mudahnya oleh penganjur-penganjur swasta itu sendiri — bahawa Kerajaan harus mengambil alih tanggungjawab keatas yayasan ini.

"Ini adalah disebabkan beberapa perkara terutama suatu yayasan yang demikian besar ertinya bagi negara tidak seharusnya dibiarkan pengendaliannya oleh pihak swasta sahaja: dan juga ini perlu untuk menjauhi pergandaan kerana banyak pertubuhan yang ingin mengasaskan yayasan-yayasan dan tabung-tabung atas nama Allahyarham Tun.

Sebuah Jawatankuasa Kabinet telah ditubuhkan untuk mengkaji butir-butir bagi mengasaskan yayasan ini secara rasmi, seperti menentukan matlamat-matlamatnya, melantik lembaga amanah, membuat peraturan untuk perbelanjaan dan seterusnya.

"Lima tujuan ini meliputi hasrat Allahyarham Tun Razak sepanjang hayatnya dan hasrat rakyat Malaysia yang mendalam untuk menghormatinya dan meneruskan usahanya yang belum selesai.

Hidup beliau, katanya penuh dengan kemuliaan.

Tiap-tiap dasar negara yang penting, tiap-tiap projek pembangunan yang besar hari ini memperlihatkan usaha dan fikiran Allahyarham Tun.

Tumpuan minat dan usahanya amatlah nyata kepada pengetahuan umum dan boleh dihuraikan dengan ringkas dan tegas.

Beliau mahukan kehidupan yang lebih baik bagi rakyat, suatu negara bersatu pada tanpa batas per-kaumman, suatu masyarakat yang adail tenteram dan damai.

KUA PU — Sem Dewa terma bangka kong nubuha Tun F ini der gesa mene ada pe an, p guna atau berlak jami Yayas

BERITA HARIAN, KHAMIS, 5 OGOS, 1976

Pemberita: CHENG SONG HUAT, ROHANI PA' WAN CHIK dan AMAT MAT TOP

Yayasan Tun: Semua ahli Dewan sokong

KUALA LUMPUR, Selasa. — Semua anggota Dewan Rakyat, termasuk pembangkang menyokong penuh penubuhan Yayasan Tun Razak hari ini dengan menggesa kerajaan menentukan tiada penyelewengan, penyalahgunaan kuasa atau pilih kasih berlaku bagi menjamin imej Yayasan itu.

Mereka mahukan hanya orang-orang beramanah dan berkalibar disamping berkelayakan menduduki Lembaga Amanah Yayasan itu sesuai dengan peribadi yang dicerminkan oleh Allahyarham Tun Razak sendiri.

Ahli-ahli Lembaga itu juga, kata mereka, patutlah dari berbagai golongan, lapisan, bangsa dan bidang supaya Yayasan itu benar-benar dapat menjadi satu badan yang dihormati dan tidak dituduh mewakili satu-satu golongan saja.

Mereka juga berharap Yayasan itu akan memberi bantuan dan sumbangan kepada rakyat yang benar-benar berhak menerimanya serta memberi keutamaan kepada rakyat di luarbandar sesuai dengan hasrat Allahyarham Tun Razak.

Semua mereka menganggap penubuhan Yayasan itu oleh kerajaan amat wajar dan tepat kerana ia satu cara mengabadikan nama Tun Razak dalam satu bentuk yang memberi faedah besar kepada rakyat meliputi semua cita-cita Allahyarham itu.

Haji Embong Yahya (BN-Ledang)



DR. TAN CHEE KHOON



HJ. RAMLI OMAR

mengesyorkan supaya peranan Yayasan itu diluaskan hingga ke luarnegeri menyerupai Yayasan Magsaysay dari Filipina agar nama dan jasa Allahyarham dapat diabadikan di dunia luar juga.

Beliau berkata Yayasan itu boleh mengadakan peruntukan hadiah kepada pemimpin-pemimpin cemerlang antarabangsa mungkin $50,000 atau $10,000 tetapi dihadkan kepada seorang penerima sahaja setahun.

Menurutnya langkah itu sesuai kerana Allahyarham Tun Razak sendiri pernah menerima hadiah Magsaysay kerana sumbangannya di bidang pembangunan luarbandar.

Beliau mengucapkan tahniah kepada kumpulan swasta yang menaja Yayasan Tun Abdul Razak hingga berjaya mengumpulkan sejumlah besar sumbangan rakyat dan kepada kerajaan kerana mengambilalih Yayasan itu.

Beliau menyokong penuh semua tujuan penubuhan Yayasan itu, terutama tujuan memperbaiki taraf pelajaran di semua lapangan kerana ia menepati cita-cita serta sumbangan Allahyarham selaku Menteri Pelajaran pertama dalam kabinet Malaysia dan pencipta dasar Pelajaran Kebangsaan.

Encik Hishamuddin Haji Yahya (BN-Maran) mencadangkan supaya bantuan-bantuan dari Yayasan itu ditangguh dahulu sehingga Lembaga Amanahyayasan itu dapat melaburkan wang kutipannya bagi faedah jangka panjang agar modal Yayasan itu tetap teguh dan tidak akan menghadapi kelemahan.

Beliau tidak mahu Yayasan itu nanti akan tinggal nama saja atau lebih indah nama dari rupa satu masa kelak kerana kelemahan kedudukan kewangan.

Kumpul

Katanya Yayasan itu berjaya mengumpul begitu banyak derma dalamasa yang singkat kerana Allahyarham baru sajamembuktikan dan kenangan orang-ramai terhadapnya masih jelas tetapi tiada kepastian bahawa sokongan sekuat itu akan berterusan di tahun-tahun akan datang.

Encik Hishamuddin berkata pengalaman pertubuhan-pertubuhan lain yang bergantung kepada derma dan sumbangan orang-ramai membukti bahawa mereka tidak akan terus mendapat sokongan penuh walaupun masyarakat umum mengetahui dan sedar faedah serta sumbangan besar yang mereka jalankan.

Beliau mencadangkan supaya Yayasan itu membeli ladang atau tanah yang dapat terus menjamin pendapatan bagi Yayasan.

Beliau juga tidak mahu Yayasan itu menjadi satu pertubuhan 'prestigious' yang hanya mengeluarkan bantuan untuk tujuan tertentu.

Dr. Tan Chee Khoon (Pekemas-Kepong) mencadangkan supaya Yayasan Tun Razak lebih mengutamakan pengeluaran pinjaman kepada para pelajar melanjutkan pelajaran daripada biasiswa agar bayaran balik dari peminjam-peminjam itu dapat terus digunakan untuk menolong pelajar-pelajar lain.

Beliau berharap ahli-ahli Lembaga Yayasan itu nanti tidak akan terdiri dari orang-orang Barisan Nasional saja tetapi meliputi semua kaum dan golongan, termasuk ahli-ahli kesatuan sekerja dan sebagainya.

Beliau juga berharap kerajaan menyibarkan tentang Yayasan itu kepada seluruh rakyat supaya semua dapat menyumbang kepadanya dan semua rakyat, terutama yang miskin, memperolehi faedah darinya.

Encik Lee Lam Thye (DAP-Kuala Lumpur, Bandar) berkata beliau menyokong penuh penubuhan Yayasan itu tetapi yang mustahak ialah cara-cara Yayasan itu dikendalikan bagi menentukan kejayaannya.

Yang lebih penting katanya, ialah menentukan tiada berlaku penyalahgunaan kuasa atau pilih kasih, supaya ia tidak dikatakan memberatkan orang-orang yang mempunyai talian dengan golongan berpengaruh saja.

Haji Mohamad Idris Ibrahim (BN-Setapak) mengesyorkan supaya kerajaan-kerajaan negeri menyediakan tapak bangunan yayasan di salah sebuah bandar terbesar

Tun Rahah beri sebab2 beliau letak jawatan

KUALA LUMPUR, Rabu. — Bekas Yang Depertua Persatuan Pandu Puteri Malaysia, Tun Hajjah Rahah berkata beliau meletakkan jawatan itu kerana terpaksa menumpukan perhatian terhadap hal ehwal rumah tangga dan keluarganya.

"Saya terpaksa menumpukan sepenuh masa menjalankan kewajipan dan tanggungjawab sebagai ketua keluarga dan juga terhadap penghidupan dan pendidikan anak-anak saya yang memerlukan bimbangan dan asuhan saya sendiri," katanya.

Bagaimanapun, Tun Hajjah Rahah berkata "jika masa mengizinkan, beliau akan kembali semula ke lapangan itu demi faedah dan kebajikan rakyat seluruhnya" semasa berucap di majlis makan perpisahan Persatuan itu di sini.

Tun Hajjah Rahah telah 12 tahun memimpin Persatuan itu dan jawatan tersebut sekarang diganti oleh isteri Perdana Menteri, Datin Suhaila.

Beliau mengucapkan terima kasih atas sokongan dan kerjasama yang diberikan oleh pemimpin-pemimpin persatuan itu sepanjang masa memegang jawatan itu.

Beliau berharap dan yakin sokongan dan kerjasama yang sama akan diberikan kepada Datin Suhaila, supaya kemajuan dan kejayaan tinggi yang telah dicapai dalam Pergerakan itu dapat ditingkatkan lagi.

KHAMIS, 5 OGOS, 1976

Yayasan Tun dan pelajaran

YAYASAN Tun Razak telah ditegakkan pada tapaknya yang kukuh bila rang undang-undang mengenainya diluluskan oleh Dewan Rakyat semalam. Semua anggota termasuk pembangkang menyokongnya. Inilah tanda jelas kecintaan rakyat yang tidak kunjung padam terhadap Allahyarham dan cita-citanya mengabdi kepada bangsa dan tanahairnya.

Rang undang-undang itu dikemukakan oleh Tengku Razaleigh Hamzah, Menteri Kewangan. Beliaulah juga tokoh yang melancarkannya kira-kira enam bulan lalu. Dihuraikannya kembali perjuangan dan kemuliaan cita-cita Allahyarham.

Beliau menggariskan lima tujuan Yayasan sebagai panduan khidmatnya yang antaranya memperbaiki standard pelajaran dalam semua lapangan untuk meninggikan taraf hidup rakyat, suatu ciri terpenting dalam pembangunan yang diwariskan oleh Allahyarham Tun.

Berbagai pendapat dan harapan telahpun disuarakan oleh ahli Dewan Rakyat mengenai Yayasan Tun Razak. Mereka meminta orang berkelibar mengendalikan Lambaga Amanahnya dan pengurusannya dijalankan dengan adil. Di bidang pelajaran, ada yang menganjurkan pinjaman saja bukan biasiswa.


Pada hemat kami pemberian bentuk biasiswa itu lebih sesuai. Pelajar-pelajar sains hendaklah diutamakan tapi tidak pula mengabaikan jurusan lain. Pelajar Bumiputra hendaklah mendapat bahagian lebih besar kerana mereka masih jauh ketinggalan.

Kelulusan undang-undang dan rancangan Lembaga Amanah menimbulkan keyakinan bahawa Yayasan Tun Razak akan berhasil meneruskan cita-cita Allahyarham dan tidak mudah terbengkalai setengah jalan seperti beberapa yayasan yang pernah lahir.

Bagaimanapun, Yayasan itu masih perlu disuburkan lagi dengan menambah jumlah derma dan kita percaya masih ramai yang ingin memberikan sumbangan. Inilah masanya tiap orang menyertai suatu tanda melahirkan kecintaan terhadap cita-cita seorang pemimpin yang telah pergi, yang oleh Tengku Razaleigh digelarkannya sebagai bapa pembangunan desa, pencipta dasar pelajaran, perintis dasar luar negeri, penjaga utama keselamatan negara, nagarawan antarabangsa dan sumber ilham Dasar Ekonomi Baru.

Beberapa badan yang ingin membentuk tabung mengenang Tun patutlah menyalurkan saja hasrat mereka melalui Yayasan Tun Razak yang ada ini, demikian juga, beberapa yayasan yang telah terbentuk patut memikirkan kemungkinan menyerapkan saja kewangan mereka ke dalam yayasan yang besar ini kerana tujuan mereka pun sudah tercantum di dalamnya.

BERITA HARIAN, JUMAAT, 6 OGOS, 1976



T-tangani buku derma Yayasan Tun Razak

KETUA Persatuan Belia 4B Cawangan Kampung Soi,Kuantan, Pahang, Encik Muhd. Jawaini bin Muhd. Yassin, menandatangani buku catitan derma Yayasan Tun Razak sebelum menyampaikan derma 73 kepada Penolong Pengarah Jualan New Straits Times Press, Nik Ibrahim bin Nik Kamil (kanan), di Kuala Lumpur, semalam.

Wang tersebut diperolehi hasil kutipan dari 33 orang ahli persatuan itu yang mengadakan lawatan sambil belajar selama dua hari di Kuala Lumpur.

Bagi pihak persatuan itu, Encik Muhd. Juwaini berharap akan dapat menderma lagi kepada yayasan itu sebagai mengenang jasa bakti Allahyarham Tun Razak, bekas Perdana Menteri itu.

Terdahulu dari itu, rombongan tersebut telah dibawa melihat cara-cara memproses akhbar-akhbar keluaran The New Straits Times Press. —(Gambar Berita Harian).

BERITA HARIAN, JUMAAT, 20 OGOS, 1976

YAYASAN TUN AKAN DIAWASI TELITI

KUALA LUMPUR, Khamis — Kerajaan akan mengadakan pengawasan rapi terhadap perjalanan Yayasan Tun Razak bertujuan mengekalkan yayasan itu buat selama-lamanya.

Menteri Kewangan, Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, berkata demikian semasa menggulung perbahasan mengenai rang undang-undang Yayasan Tun Razak di Dewan Negara.

Katanya, seorang tokoh yang terkemuka di negara ini akan dipilih bagi mengetuai lembaga yayasan itu dan anggota lembaga akan juga mewakili semua kaum masyarakat Malaysia.

Beliau yakin dengan adanya pengawasan dan perjalanan yang licin, yayasan itu kelak dapat dikenang oleh jenerasi akan datang.

Peranan

Beliau berkata, yayasan itu merupakan penyuluh kepada semua aspek perjuangan dan cita-cita Allahyarham Tun Razak.

Menurut beliau, mereka yang akan dipilih bagi menganggotai lembaga yayasan itu mempunyai peranan dan tanggungjawab penting bagi menjayakan hasrat Kerajaan.Tengku Tan Sri Razaleigh berkata, Allahyarham semasa hayatnya ingin melihat rakyat berbilang kaum hidup maju dan berpadu dalam suasana aman serta makmur di negara ini.

Menurut beliau, melalui yayasan itu kelak hasrat dan cita-cita Allahyarham akan dapat diteruskan dan diabadikan.

Katanya, segala hujjah dan pandangan yang ditimbulkan oleh para senator semasa membahas rang itu merupakan pendapatan yang ikhlas dan bertanggungjawab bagi mengenang jasa dan khidmat Allahyarham Tun.

Dewan kemudian meluluskan Rang Undang-undang Yayasan Tun Razak sebulat suara dan akan bersidang semula esok. — Bernama.

Berita Harian 20 Ogos 76.

$23,000 untuk Yayasan Tun Razak

KUALA LUMPUR, Khamis.— Menteri Perusahaan Utama, Datuk Musa Hitam hari ini menerima beberapa keping cek berjumlah $23,000 dari para anggota Dewan Perlombongan Negeri-negeri Tanah Melayu untuk Yayasan Tun Razak.

Presiden dewan tersebut, Encik E.L.Dempster yang diiringi oleh ketua setiausahanya, Encik David Wong menyampaikan cekcek itu dalam satu upacara rengkas di Kementerian Perusahaan Utama di sini.

Sementara itu, Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Encik Paul Leong telah menerima dua keping cek iaitu $2,940 dari kakitangan Risda dan sekeping lagi bernilai $229 dari Lembaga Pemasaran dan Pelesenan Getah Malaysia bagi Tabung Pemulihan Tugu Peringatan Negara.— Bernama.

BERITA HARIAN, SELASA, 24 OGOS, 1976

Tun Rahah akan menerima bintang 'Tun Fatimah'

KUALA LUMPUR, Isnin — Tun Hajjah Rahah adalah di antara empat orang yang akan menerima 'Bintang Tun Fatimah' bersempena dengan Hari Wanita Malaysia yang jatuh pada hari Rabu ini.

Penerima yang lain ialah Sister A. Mangalam dan Hajjah Tom Datuk Abdul Razak. Manakala seorang lagi masih belum memberi jawapan.

Pengumuman ini dibuat oleh yang Dipertua Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita, Tan Sri Fatimah Hashim tatkala merasmikan persidangan agung ke enam majlis itu di sini semalam.

Sementara itu, Datuk Bandar Tan Sri Yaacob Abdul Latif dan Encik Alias Arshad, Ketua Pengarah Muzik Polis Diraja, akan menerima sijil penghargaan.

Kemuncak

Kata Tan Sri Fatimah, penganugerahan ini diberi atas jasa-jasa mereka kepada negara, bangsa, ugama, masyarakat dan pertubuhan-pertubuhan wanita.

Penganugerahan rasmi akan diadakan di satu majlis perayaan kemuncak khas yang akan diadakan dalam tahun ini juga.

Menyentuh tentang pelancaran Rancangan Malaysia Ketiga, Tan Sri Fatimah menyatakan, pertubuhan-pertubuhan wanita hendaklah melibatkan diri dengan secara langsung dan bukan setakat memberi sokongan dan kerjasama saja.

Katanya, kaum wanita hendaklah menunjukkan kemampuan dan kebolehan mereka dalam pelbagai bidang hidup.

Beliau juga mengumumkan bahawa thema Hari Wanita tahun ini ialah "Integrasi Wanita Dalam Pembangunan".

Mesyuarat agung itu dihadiri oleh 16 pertubuhan dan persatuan ahli-ahli gabungan majlis tersebut. — Bernama.

Bahas sekolah2: Tun hadiah piala $5,000

KUALA LUMPUR, Ahad. — Perdana Menteri, Tun Razak telah menghadiahkan sebuah piala berharga $5,000 untuk pertandingan tahunan perbahasan antara sekolah-sekolah.

Pertandingan tersebut akan diadakan dalam Bahasa Malaysia dan Inggeris.

Pertandingan itu terbahagi kepada dua bahagian iaitu satu untuk Bahasa Malaysia dan satu lagi untuk bahagian Inggeris.

Bahagian Bahasa Malaysia akan dijalankan secara kalah mati dan semua sekolah mengambil bahagian.

Pertandingan untuk bahagian Inggeris akan dijalan secara berasingan oleh sekolah-sekolah Inggeris dan jenis kebangsaan.

Pada tahun ini, sebanyak 10 buah sekolah seluruh negeri akan mengambil bahagian dalam pertandingan berbahas di Kolej Melayu Kuala Kangsar selama tiga hari mulai 12 September ini.

Tun Razak akan menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang pada 14 September di Kolej itu.

Tun Razak dan PM Australia berunding di Bali

DENPASAR, Ahad.— Tun Abdul Razak hari ini berunding secara tidak rasmi kira-kira 65 minit dengan Perdana Menteri Australia, Encik Gough Whitlam di sini.

Rundingan yang tidak dijadualkan itu diadakan atas permintaan Encik Whitlam.

Tun Razak diiringi oleh Duta Malaysia ke Indonesia, Datuk Zainal Abidin Sulong manakala Encik Whitlam oleh Timbalan Setiausaha Jabatan Hal Ehwal Luar, Encik Richard Woolcott dan Dutanya ke Indonesia, Encik A. W. Furlonger.

Main golf

Ferdana Menteri Australia, yang singgah di sini sebelum berlepas pulang ke Canberra sebelum ini telah mengadakan rundingan tidak rasmi dengan Presiden Suharto di Jogjakarta.

Awal pagi ini, Perdana Menteri, Tun Razak telah bermain golf dengan Menteri Luar Indonesia, Tun Adam Malik.

Tun Razak akan berlepas ke Surabaya di Jawa Timur pagi esok. Ketibaan beliau di Lapangan Terbang Juanda dijangka disambut oleh Presiden Suharto.

Lembu


Kemudian Tun Razak akan menyaksikan pertunjukan lembu tahunan di Kampung Pandaan dekat Tretes, kira-kira 36 batu dari Surabaya dimana beliau akan makan tengahari bersama Presiden Suharto.

Selepas makan tengahari, kedua-dua orang pemimpin itu akan mengadakan rundingan tidak resmi.

Tun Razak dijadualkan berlepas balik ke sini petang itu juga untuk meneruskan lawatan tidak resminya sehingga 14 September ini. — Bernama.

BERITA HARIAN, JUMAAT, 17 OKTOBER, 1975

Tun Razak dan PM Australia meterai perjanjian



TUN RAZAK

IKATAN BUDAYA DIERAT

TUN Perdana Menteri dan Encik Gough Whitlam, Perdana Menteri Australia, menandatangani perjanjian kebudayaan di sini hari ini.

Perjanjian itu serupa yang ditandatangani oleh Australia dengan lain-lain negeri di Tenggara Asia seperti Indonesia, Singapura dan Thailand.

Perjanjian itu memberi peluang kepada Malaysia dan Australia bertukar-tukar guru, pelajar-pelajar, pelatih - pelatih, penyelidik dan cendakiawan.

Ia juga memberi kesempatan kedua negara memahami lebih dekat sejarah dan kebudayaan masing-masing.

CANBERRA, Khamis

Perjanjian yang dimeterai oleh kedua pemimpin besar itu berlangsung di Parlimen hari ini.

Lewat pagi ini, Tun Razak dan Encik Whitlam meneruskan rundingan mereka setelah Tun dan Puan Rahah melawat beberapa tempat pelancongan dan bersejarah di sini.

Tidak ada tunjuk perasaan, berlaku sepanjang lawatan Tun dan isterinya ke tempat-tempat tersebut.

Di antara tempat-tempat yang dilawat Tun ialah Gunung Ainslie dan Tugu Pahlawan Australia.

Tun telah meletakkan sekalung bunga di tugu itu memperingati pahlawan-pahlawan Australia yang gugur di medan perang.

Berita Minggu, Ahad, 2 November, 1975 (28 Syawal, 1395)

USAHA2 AKAN DIGANDAKAN DALAI RANCANGAN MALAYSIA KETIGA

Rakyat miskin diutamakan

Oleh ZAINUDDIN BENDAHARA

KAJANG, Sabtu. – Tun Abdul Razak berkata, Kerajaan akan melipatgandakan usaha meningkatkan taraf hidup rakyat miskin di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Katanya: "Kerajaan akan berusaha mengatasi masaalah ini dengan mengadakan peluang pekerjaan dan perumahan yang sempurna di bawah rancangan tersebut."

Disamping itu tumpuan juga akan diberi terhadap pembangunan kawasan-kawasan luarbandar yang kurang maju, kata Perdana Menteri.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Pesta Perdana Ulu Langat di Stadium Kajang di sini.

Pesta dua minggu itu dianjurkan bersama oleh UMNO Bahagian Ulu Langat, Gerakan Belia 4B dan Persatuan Kebajikan dan Kesenian Kajang.

Tun Razak berkata, tumpuan ke atas rakyat miskin itu terpaksa dilakukan memandangkan bahawa 40 peratus dari jumlah penduduk negara masih terdiri dari golongan miskin.

"Kita berharap dengan perhatian yang lebih besar, jumlah tersebut dapat dikurangkan," kata beliau.

Tun Razak berkata, beliau puashati dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang juga bertujuan membasmi kemiskinan di kalangan rakyat.

Menyeru

Bagaimanapun, beliau menjelaskan, masih banyak lagi yang harus dilakukan dalam memberikan kedudukan yang sempurna kepada rakyat.

Beliau menyeru pejabat-pejabat Kerajaan di peringkat daerah memperkemaskan jentera pentadbiran dan mengurangkan kelambatan dalam memberikan perkhidmatan kepada rak-

Berita Minggu, Ahad, 14 November, 1976

BERITA HARIAN, ISNIN, 15 NOVEMBER, 1976

Muka 2

Bahan2 Pustaka Tun Razak: Hadiah2 diperlukan

KUALA LUMPUR, Sabtu.— Semua lapisan masyarakat, termasuk dari luarnegeri, diseru menghadiahkan apa juga bentuk bahan mengenai Allahyarham Tun Abdul Razak kepada Pustaka Peringatan Tun Abdul Razak.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, Haji Hassan Adli, selaku Pengerusi bersama jawatankuasa perancang projek itu hari ini berkata, pustaka itu akan dibina disini

Menurut beliau, antara tempat-tempat yang dipercayai ada menyimpan bahan-bahan tersebut ialah di pejabat-pejabat perwakilan Malaysia di luarnegeri, gedung-gedung akhbar dan FAM (Persatuan Bolasepak Malaysia).

Berbentuk

Pustaka itu berbentuk satu bangunan yang mempunyai berbagai kemudahan, termasuk ruang-ruang menyimpan, memelihara dan mempamer bahan-bahan itu.

"Ia juga akan menjadi kawasan peranginan yang lengkap dengan taman bunga," katanya ketika merasmikan penubuhan jawatankuasa tersebut di sini, petang ini.

Bahan-bahan yang dikumpulkan meliputi dokumen, rekod, benda, memorabilia, buku, tulisan, ucapan, artifeks dan sebagainya.

Haji Hassan menambah, Pustaka Peringatan Tun Abdul Razak akan menjadi satu pusat kajian dan membekalkan segala kemudahan kajian berhubung dengan Allahyarham sebagai individu dan sebagai pemimpin negara.

Kepunyaan

Penubuhan pustaka tersebut bertujuan:

●Memelihara segala bahan, termasuk rekod, surat, dokumen, ucapan, buku, bahan pandang-dengar, hadiah, anugerah kebesaran dan memorabilia kepunyaan dan mengenai Allahyarham Tun Razak dari ketika kecil hingga akhir hayatnya,

● Mengadakan kemudahan-kemudahan penyimpanan, pemeliharaan, pameran, rujukan dan penyelidikan mengenai jasa Allahyarham dan juga mengenai pentadbirannya,

●Menjadikan projek itu sebuah badan penyelidikan yang tidak berco-rak partisan atau politik serta menggalakkan kajian dan menyediakan kemudahan penyelidikan mengenai Tun Razak dari sudut individunya, sejarah dan pembangunan negara, dan

Sejarah

●Menjadikan projek ini sebuah monumen yang kekal bagi satu epok sejarah yang penting di bawah pimpinan Allahyarham.

"Mudah-mudahan, dengan kerjasama dan derma, maka dapatlah kita menjayakan projek itu."

"Berhubung dengan ini, famili Allahyarham telah bermurahhati memberi bahan-bahan kepunyaan Allahyarham," katanya.

Haji Hassan menjelaskan, upacara penyerahannya akan diadakan di Arkib Negara pada 27 November ini; serentak dengan perasmian Pameran Tun Abdul Razak.

Arkib Negara, tambah beliau, akan mengurus dan mentadbirkan Pustaka Peringatan Tun Abdul Razak itu.

Beliau menyebut, ia juga telah mula mengeluarkan dua siri penerbitan ucapan Allahyarham dari tahun 1960 hingga 1970 dan dari 1970 hingga 1975.

Pustaka Pintar $1 juta dibiayai Kerajaan Pusat

KUANTAN, Ahad — Menteri Kemajuan Tempatan dan Wilayah Persekutuan merangkap Pengerusi Perpustakaan Tun Abdul Razak, Haji Hassan Adli memberitahu, jawatankuasa perpustakaan tersebut telah mengambil keputusan menamakan pustaka itu 'Pintar'.

Menurut beliau, keputusan itu diambil berikutan satu mesyuarat yang diadakan di Bilik Gerakan di sini petang semalam.

Beliau berkata, Pintar yang dianggarkan menelan belanja kira-kira $1 juta itu mempunyai keluasan 20,000 kaki persegi dan dibiayai oleh Kerajaan Pusat.

Kawasan

Kawasan bangunan tersebut pada mulanya diperlukan 80 ekar, tetapi satu kawasan seluas 40 ekar telah dipilih dekat Istana Teruntung di sini, pemberian Kerajaan Negeri, katanya.

Katanya lagi, kompleks tersebut akan dinamakan Taman Tun Abdul Razak dan usaha-usaha pembinaan serta menyiapkannya dimulakan secepat mungkin selepas 27 November ini.

Haji Hassan seterusnya memberitahu, sebuah jawatankuasa kecil telah bentuk bagi menguruskan pembinaan Pintar di mana jawatankuasa itu akan menyiapkan laporan awalnya dalam masa tiga bulan ini.

Derma

Beliau mengumumkan, satu tabung khas akan ditubuhkan untuk menerima sumbangan orangramai bagi pembiayaan Pintar.

Bagaimanapun, tambah beliau, Jawatankuasa Pintar memutuskan tidak meminta derma dari orangramai tetapi sedia menerima sumbangan ikhlas dari sesiapa jua.


Menurutnya, tabung tersebut dibuka di Arkib Perpustakaan Negara, Kuala Lumpur.

Beliau menyeru orangramai memberikan sumbangan bahan-bahan yang ada hubungan dengan pustaka itu.

Setakat ini, Pintar telah menerima sumbangan terbesar bahan tersebut dari keluarga Allahyarham Tun Abdul Razak sendiri.

Mengenai rekabentuk Pintar, Haji Hassan menerangkan, ia akan difikirkan tetapi besar kemungkinan bercorak Mengkasar, disesuaikan dengan lain-lain negeri di Semenanjung Malaysia.

★ Muka 12 ruang 3



Banyak sumbangan bahan2 kenangan

PETALING JAYA, Ahad. — Arkib Negara telah menerima banyak tawaran dari orang perseorangan, syarikat-syarikat dan Jabatan Haiwan yang mahu menyumbangkan bahan kenang-kenangan mengenai Allahyarham Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein untuk dipamerkan.

Menurut Timbalan Pengarah Arkib Negara, Puan Zakiah Hanum, ada di antara pihak tersebut telahpun menghantarkan bahan -bahan itu.

"Penerbitan Longman Malaysia mengirimkan 10 keping gambar kenangan Allaharyam Tun Haji Abdul Razak dan yang lainnya akan memberikan kemudiannya," kata Puan Zakiah.

Pameran tersebut yang berlangsung di Tingkat 4, Bangunan Persekutuan di sini telah dikunjungi lebih 3,000 orang sejak dibuka seminggu lalu dan kini bertambah lagi pelawatnya.

Menurut Puan Zakiah, pelawat ke 5,000 akan menerima hadiah pewter berukiran wajah Allahyarham Tun Abdul Razak.

Balu Allahyarham, Tun Hajjah Rahah akan mengunjungi pameran tersebut sekembalinya dari United Kingdom nanti.

Pameran yang dibuka setiap hari kecuali cuti Krismas dan Awal Muharram dibuka dari jam 9 pagi hingga 6 petang juga menayangkan filem-filem rencana seperti "Lawatan Tun Abdul Razak ke Peking", "Tun Ke Tanah Suci" dan "Warisan" - mengisahkan zaman kanak-kanak Allahyarham hinggalah ke akhir hayatnya.

Tayangan filem tersebut bermula jam 10.30 pagi dan 3.30 petang.

●Seorang pelawat sedang menunjukkan gambar Allahyarham Tun Razak bersama rakan-rakannya yang dipamerkan dalam pameran tersebut.

BERITA HARIAN, SELASA, 14 DISEMBER, 1976

PM: Bank Negara bersetuju derma $1j. kpd Yayasan Tun Razak



PERDANA Menteri, Datuk Hussein Onn dan isterinya, Datin Suhaila sedang memerhatikan duit-duit syiling baru

KUALA LUMPUR, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn hari ini berkata, Bank Negara Malaysia telah bersetuju mendermakan $1 juta kepada Yayasan Tun Abdul Razak.

"Sumbangan tersebut akan memberikan pertolongan yang besar kepada yayasan itu mencapai matlamatnya," kata beliau.

Datuk Hussein berkata demikian ketika berucap di upacara ringkas menyampaikan dua set duit-duit syiling kepada Tun Hajjah Rahah dan Datuk Mohamad Najib bagi memperingati Rancangan Malaysia Ketiga di Jalan Eaton di sini.

Duit-duit syiling tersebut yang dikeluarkan oleh Bank Negara menggambarkan wajah Allahyarham Tun Abdul Razak dan bernilai $1 (kopro-nikel), $10 (perak) dan $200 (emas).

Perdana Menteri juga berkata, duit-duit syiling itu menggambarkan wajah Allahyarham Tun Razak kerana Allahyarham telah banyak membuat sumbangan terhadap pembangunan ekonomi Malaysia.

Datuk Hussein juga mengucapkan terima kasih kepada Bank Negara dan Gabenornya, Tan Sri Ismail bin Mohamad Ali kerana derma tersebut.

Turut hadir di upacara itu ialah Menteri Kewangan, Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah.



DATUK Mohamad Najib dan Tun Hajjah Rahah sedang mengamati satu set duit syiling bagi memperingati Rancangan Malaysia Ketiga yang telah disampaikan oleh Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn di kediamannya di Jalan Eaton, Kuala Lumpur pagi semalam.

BERITA HARIAN, KHAMIS, 16 DISEMBER, 1975

Mohd. Zahir pelawat bertuah

Desakan ibu mengun jungi pamiran Koleksi Tun Razak di Arkib Negara, Kuala Lumpur membawa tuah kepada Mohd. Zahir Akashah, kerana beliau menjadi pengunjung ke 5,000 tengahari tadi, dan satu hadiah menunggunya.


Pamiran Koleksi Tun Razak itu akan diadakan selama sebulan, berakhir pada 17 Disember ini.

Selain dari bintang-bintang penghormatan Allahraham Tun Abdul Razak terdapat juga lukisan-lukisan dan barang-barang lain di pamiran itu.

● Mohd. Zahir Akashah ketika menerima hadiah pewter dari Ketua Pengarah Arkib Negara, Encik Saad Marzuki. Pewter tersebut adalah hadiah dari Selangor Pewter.



BERITA HARIAN,-JUMAAT, 17 DISEMBER, 1976



TUN Hajjah Rahah melihat buku-buku mengenai Allahyarham Tun Abdul Razak, waktu beliau melawat ke Pameran Koleksi Tun Abdul Razak di Arkib Negara, di Petaling Jaya, semalam.

Di kanan Tun Rahah ialah Timbalan Ketua Pengarah Arkib Negara, Puan Zakiah Hanum, yang mengiringinya sepanjang lawatan itu.

Turut juga dalam lawatan itu ialah, anak bongsu Tun Rahah, Mohamed Nazir.— Gambar Berita Harian.